

**PERBANDINGAN KATA SAPAAN  
DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU  
DI KABUPATEN 50 KOTA DENGAN DAERAH REMBAU**

**RENIWATI**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**PERBANDINGAN KATA SAPAAN  
DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU  
DI KABUPATEN 50 KOTA DENGAN DAERAH REMBAU**

**RENIWATI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Reniwati (No. K.P/Pasport: A7465087)  
No. Pendaftaran/Matrik: JHA 100018  
Nama Ijazah: Doktor Falsafah  
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):  
**Perbandingan Kata Sapaan dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 Kota dengan Daerah Rembau**  
Bidang Penyelidikan: Bahasa Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama : **PROF. MADYA DR. AB. RAZAK AB. KARIM**

Jawatan : **Pensyarah/Penyelia**

## **ABSTRAK**

Negeri Sembilan dikatakan sebagai salah satu daripada kawasan rantau Minangkabau sejak ratusan tahun yang lalu. Jejak keminangkabuan mereka masih tergambar pada sistem sosiobudaya masyarakat Negeri Sembilan sekarang seperti hidup dalam kelompok-kelompok (mereka namakan suku). Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan bentuk dan penggunaan kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan serta membandingkan persamaan dan perbezaan kata sapaan dalam masyarakat Minangkabau pada kedua-dua kawasan tersebut. Faktor-faktor yang menyebabkan perubahan bentuk kata sapaan berlaku juga akan dijelaskan dalam kajian ini. Teori yang digunakan untuk menganalisis data-data ialah teori kata sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986). Data dikumpulkan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan dengan menggunakan metodologi semak dan cakap yang dilaksanakan dengan satu set teknik penyelidikan. Data dianalisis dengan menggunakan metodologi padan pragmatik berserta satu set teknik analisis. Hasil daripada kajian dipaparkan dengan menggunakan metodologi formal dan informal. Dapatkan daripada kajian ini menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan masyarakat Minangkabau di Nagari Batuhampar dan Daerah Rembau adalah pelbagai. Kepelbagaiannya bentuk itu diklasifikasikan ke dalam tiga kelompok sesuai dengan jenis situasi kebahasaan, iaitu situasi rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi. Secara am bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian menunjukkan lebih banyak perbezaan wujud daripada persamaan, kecuali bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi. Perubahan-perubahan bentuk kata sapaan yang berlaku adalah disebabkan oleh pelbagai faktor yang boleh diklasifikasikan ke dalam dua kelompok, iaitu faktor dalaman kebahasaan dan faktor luaran kebahasaan.

## **ABSTRACT**

Negeri Sembilan is one of the Minangkabau region since hundreds of years ago and the traces of Minangkabau can still be seen in their socio-cultural system like living in groups called tribe. Therefore, this study is aim to describe the forms of address and use of them in Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota and Daerah Rembau Negeri Sembilan and compare the similarities and differences between them. In addition, the factors that cause changes will also be described in this study. The theory used in the data analysis is the term of address's theory founded by Ervin-Tripp (1986). The data are collected in Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota and Daerah Rembau Negeri Sembilan by using tapping and interviewing method implemented with a set of techniques. The data are analyzed by applying pragmatic method that is implemented using a set of data analysis techniques. The result of analysis is presented by using formal and informal methods. The finding of study showed that the forms of terms of address are various. The variety is classified into three groups according to the type of linguistic situation-- the official, semi-official, and unofficial. The form of address in both studies areas generally showed more differences than similarities, except the form in semi-official. The changes in the form of address are caused by various factors that can be classified into two groups, namely internal and external linguistic.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, puji syukur penulis panjatkan ke hadirat Allah s.w.t. Berkat taufik dan hidayat-Nya, penulis memperoleh rahmat dan kurnia sehingga berjaya menyiapkan tesis ini untuk memenuhi keperluan bagi ijazah doktor falsafah.

Tentu sahaja penyiapan tesis ini tidak terlepas daripada bantuan banyak pihak. Di sini, penulis mengambil peluang untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka tersebut.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, penulis berikan kepada penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim. Idea penyelidikan tentang perbandingan kata sapaan yang digunakan masyarakat Minangkabau asal dengan kata sapaan yang digunakan masyarakat rantau di Daerah Rembau Negeri Sembilan bermula daripada beliau. Sesuatu hal yang sangat penulis hargai ialah suasana bimbingan yang selesa dan demokratis yang membuat penulis percaya diri mampu menyelesaikan tesis ini. Beliau juga sangat cermat memeriksa tesis ini sehingga kesalahan tanda baca koma pun tampak oleh beliau. Perbincangan tentang pengelolaan dunia akademik atau dunia di luar akademik semasa bimbingan memberikan pelajaran yang mencerahkan minda penulis.

Ucapan ribuan terima kasih, penulis rakamkan kepada pemeriksa tesis ini, iaitu Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Prof. Dr. Noriah Mohamed, Prof. Madya Dr. Paitoon M. Chaiyanara yang telah memeriksa dan memberikan koreksi dan saranan untuk perbaikan tesis ini. Ucapan terima kasih penulis rakamkan pula kepada pengerusi viva-voce, iaitu Prof. Dr. Joni Tamkin b. Borhan dan Timbalan Pengarah

Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Melayu (APM), iaitu Prof. Madya Dr. Nor Hisham Osman. Seterusnya, ucapan terima kasih patut pula penulis rakamkan kepada Prof. Madya Dr. Indirawati Zahid, Prof. Madya Dr. Puteri Roslina, dan Dr. Rohaida Haron yang memberikan saranan dan kritik mulai daripada tesis ini berwujud sesbuah cadangan penyelidikan sehingga berwujud sesbuah cadangan tesis. Ucapan terima kasih tidak lupa penulis sampaikan kepada Datuk Dr. Firdaus Abdullah atas perhatian beliau terhadap kajian ini.

Penulis juga patut mengucapkan terima kasih kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya berserta staf yang telah membantu penulis dalam pengurusan pentadbiran selama studi. Penulis juga merakamkan rasa terima kasih kepada Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan selaku Pengarah Akademi Pengajian Melayu (APM) berserta staf yang memudahkan urusan pentadbiran pendidikan di APM, Universiti Malaya. Ucapan terima kasih tidak lupa penulis tujukan kepada staf Ijazah Tinggi APM, Universiti Malaya, Puan Radziah Abu Nor yang memberi jawapan yang melegakan hati manakala bertanya tentang urusan pentadbiran ijazah tinggi.

Penulis berhutang budi kepada keluarga Pak Syafri Mawin gelar Sutan Mudo di Nagari Batu Hampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan keluarga Petek Masri bin Mansyur di Mukim Batu Hampar Daerah Rembau. Di rumah mereka, penulis tinggal selama pengumpulan data. Keramah-tamahan dan budi baik mereka tidak akan terlupakan. Semoga Allah s.w.t. memberi kelapangan kepada kedua-dua keluarga ini. Penulis juga berhutang budi kepada semua informan. Penulis sudah mengambil masa bekerja dan berehat mereka kerana penulis melakukan temu bual dengan mereka. Penulis juga mengikut ke mana-mana mereka pergi. Masa pengumpulan data di Daerah Rembau, penulis ditemani oleh Midawati, pelajar ijazah

tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia, rakan kerja di Fakultas Ilmu Budaya Universiti Andalas. Keikhlasan beliau meluang masa di antara aktiviti menulis tesis sangat penulis hargai. Semoga Allah s.w.t. melindungi beliau daripada segala penyakit. Rakan seperjuangan, Pramono sering menanyakan perkembangan penyelidikan dan penulisan tesis. Pertanyaannya membangkitkan semangat penulis untuk segera menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis. Seterusnya kepada rakan-rakan di Akademi Pengajian Melayu yang bermarkas di Bilik Ijazah Tinggi APM, Agus Syaharani, Wan Mohd Dasuki, Akhmad Mansur, Harris Susmana (Ustad), Hebransyah Usman (Bomoh), dan Cho Min Sung, keramah-tamahan mereka yang melegakan hati setiap kali berada di APM tidak akan penulis lupakan. Kepada mereka semua, penulis mengucapkan terima kasih.

Ucapan terima kasih juga penulis berikan kepada Dirjen Pendidikan Tinggi Republik Indonesia, Rektor Universitas Andalas (Unand), Dekan Fakultas Ilmu Budaya Unand, dan Ketua Jurusan Sastra Daerah yang telah memberikan izin belajar, bantuan pengurusan administrasi dan bantuan sebahagian beaya studi, serta pemantauan kepada penulis selama menjalani pendidikan di Universiti Malaya. Ucapan terima kasih tidak lupa penulis berikan kepada rakan-rakan sejawat di Fakultas Ilmu Budaya Unand, khususnya Noviatri. Mereka dengan gaya masing-masing menyemangati penulis agar cepat menyelesaikan studi.

Ucapan terima kasih yang amat sangat, penulis berikan kepada Ir. Darlisson, AMa.HAEI. Semoga keikhlasan membiarkan penulis selaku isteri lebih banyak masa mengurus penulisan tesis daripada mengurus dirinya dibalas dengan pahala yang berlipat-lipat oleh Allah s.w.t. Kepada ananda tersayang, Fauqal Anhar dan Ghina Shabrina, tesis ini dipersembahkan untuk kalian. Jadikanlah tesis sebagai

pelecut untuk selalu belajar dan belajar dalam erti yang luas. Kepada ibu bapa, Hj. Noni dan Hj. Syamsuddin (Almarhum), penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kasih sayang, doa, dan bantuan yang tidak henti-hentinya sehingga saat ini. Semoga Allah s.w.t. melapangkan jalan ke syurga bagi mereka.

Akhir kata, tentu tesis ini jauh daripada kesempurnaan kerana kesempurnaan itu milik Allah s.w.t. Dengan kerendahan hati, penulis mengucapkan maaf atas semua kekurangan tersebut.

Reniwati,  
Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
Oktober 2015

## **JADUAL KANDUNGAN**

ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xvi
SENARAI PETA	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Bahan, Batasan, dan Bidang Kajian	11
1.5 Kajian Lalu	12
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Keadaan Geografi dan Penduduk di Kawasan Kajian	19
1.7.1 Kabupaten 50 Kota	19
1.7.2 Daerah Rembau	21
1.8 Kedatangan Orang Minangkabau ke Daerah Rembau	22
1.9 Sistem Sosial dan Budaya	25
1.9.1 Sistem Kekerabatan	26
1.9.1.1 Harta Warisan	26
1.9.1.2 Suku	28
1.9.2 Rumah Gadang dan Rumah Induk	29
1.9.3 Perkahwinan	32
1.9.4 Tali Kekerabatan	35
1.10 Struktur Sosial Budaya dan Organisasi Kemasyarakatan	38
1.11 Konsep-konsep Berkaitan Kata Sapaan	40
1.12 Kesimpulan	49

<b>BAB 2 TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	51
2.1 Teori dan Model Sistem Sapaan	51
2.2 Metodologi Kajian	56
2.2.1 Kawasan Kajian	56
2.2.2 Populasi dan Sampel	57
2.2.3 Metodologi Pengumpulan Data, Penganalisisan Data, dan Penyajian Hasil Analisis Data	61
2.2.3.1 Metodologi Pengumpulan Data	61
2.2.3.2 Metodologi Penganalisisan Data	64
2.2.3.3 Metodologi Penyajian Hasil Analisis Data	65
2.3 Kesimpulan	66
<b>BAB 3 PENGGUNAAN KATA SAPAAN DI KABUPATEN 50 Kota</b>	
3.0 Pengenalan	67
3.1 Jenis Kata Sapaan	67
3.2 Kata Sapaan Rasmi	68
3.2.1 Model Sistem Kata Sapaan Rasmi	77
3.2.2 Rumusan Kata Sapaan Rasmi	86
3.3 Kata Sapaan Separa Rasmi	86
3.3.1 Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi	91
3.3.2 Rumusan Kata Sapaan Separa Rasmi	97
3.4 Kata Sapaan Tidak Rasmi	98
3.4.1 Hubungan Kekerabatan	99
3.4.2 Umur	112
3.4.3 Jantina	115
3.4.4 Angkubah-angkubah Lain	117
3.4.5 Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi	119
3.4.6 Rumusan Kata Sapaan Tidak Rasmi	124
3.5 Kesimpulan	125
<b>BAB 4 PENGGUNAAN KATA SAPAAN DI DAERAH REMBAU</b>	
4.0 Pengenalan	128
4.1 Jenis Kata Sapaan	128
4.2 Kata Sapaan Rasmi	129

4.2.1 Model Sistem Kata Sapaan Rasmi	142
4.2.2 Rumusan Kata Sapaan Rasmi	153
4.3. Kata Sapaan Separa Rasmi	154
4.3.1 Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi	158
4.3.2 Rumusan Kata Sapaan Separa Rasmi	165
4.4 Kata Sapaan Tidak Rasmi	165
4.4.1 Hubungan Kekerabatan	166
4.4.2 Umur	179
4.4.3 Jantina	182
4.4.4 Angkubah-angkubah Lain	183
4.4.5 Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi	185
4.4.6 Rumusan Kata Sapaan Tidak Rasmi	191
4.5 Kesimpulan	191

## BAB 5 PERBANDINGAN KATA SAPAAN DI KAWASAN KAJIAN

5.0 Pengenalan	194
5.1 Persamaan Kata Sapaan	194
5.1.1 Kata Sapaan Rasmi	194
5.1.2 Kata Sapaan Separa Rasmi	196
5.1.3 Kata Sapaan Tidak Rasmi	197
5.1.4 Rumusan Persamaan Kata Sapaan	204
5.2 Perbezaan Kata Sapaan	206
5.2.1 Kata Sapaan Rasmi	207
5.2.2 Kata Sapaan Separa Rasmi	209
5.2.3 Kata Sapaan Tidak Rasmi	210
5.2.4 Rumusan Perbezaan Kata Sapaan	218
5.3 Kesimpulan	221

## BAB 6 PERUBAHAN KATA SAPAAN DAN FAKTOR PENYEBAB PERUBAHAN

6.0 Pengenalan	223
6.1 Perubahan Kata Sapaan di Nagari Batuhampar	
Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota	223
6.2 Perubahan Kata Sapaan di Daerah Rembau	225
6.3 Perbandingan Perubahan Kata Sapaan	227
6.4 Faktor-faktor Penyebab Perubahan	232

6.4.1 Faktor-faktor Penyebab Perubahan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota	232
6.4.2 Faktor-faktor Penyebab Perubahan di Daerah Rembau	239
6.5 Kesimpulan	253
BAB 7 PENUTUP	
7.0 Rumusan	254
7.1 Saranan	259
BIBLIOGRAFI	261
LAMPIRAN	267

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1: Model Sistem Sapaan Masyarakat Amerika	54
Rajah 3.1: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Nagari Batuhampar	82
Rajah 3.2: Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Nagari Batuhampar	96
Rajah 3.3: Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi di Nagari Batuhampar	121
Rajah 4.1: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Daerah Rembau oleh Juruacara	146
Rajah 4.2: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Daerah Rembau oleh Undang	148
Rajah 4.3: Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Daerah Rembau	161
Rajah 4.4: Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi di Daerah Rembau	188

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 3.1: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan Ibu	107
Jadual 3.2: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Ibu	109
Jadual 3.3: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Bapa	111
Jadual 4.1: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Juruacara	134
Jadual 4.2: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Pengerusi	138
Jadual 4.3: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Undang	140
Jadual 4.4: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi bagi Lelaki	151
Jadual 4.5: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi bagi Isteri	152
Jadual 4.6: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi oleh Undang	153
Jadual 4.7: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki	170
Jadual 4.8: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan	172
Jadual 4.9: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan Ibu	175
Jadual 4.10: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Ibu	176
Jadual 5.1: Persamaan Kata Sapaan Rasmi	195
Jadual 5.2: Persamaan Kata Sapaan Separa Rasmi	196
Jadual 5.3: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa Disebabkan Hubungan Darah	198
Jadual 5.4: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa Disebabkan Hubungan Perkahwinan	199
Jadual 5.5: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa	200
Jadual 5.6: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Satu Generasi di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	201
Jadual 5.7: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Satu Generasi di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan	203
Jadual 5.8: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Dua Generasi di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	203
Jadual 5.9: Perbezaan Kata Sapaan Rasmi	209
Jadual 5.10: Perbezaan Kata Sapaan Separa Rasmi	209
Jadual 5.11: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	211
Jadual 5.12: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi	

di Bawah Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan	212
Jadual 5.13: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	212
Jadual 5.14: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan	214
Jadual 5.15: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Satu Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	215
Jadual 5.16: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Satu Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan	216
Jadual 5.17: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Dua Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah	217

## **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

- (-) : negatif (berlawanan dengan bunyi selektor)
- (+) : positif (sesuai dengan bunyi selektor, diikuti oleh)
- (=) : sama (pangkat sama, generasi sama, umur sama)
- (---) : ketidak-adaan hubungan antara dua selektor yang berangkai
- (/) : atau
- JBA : Juru Bicara *Alek*
- GBT : Juru Bicara Tamu
- E : Ego
- JBPL : Jurubicara Pihak Lelaki
- JBPP : Jurubicara Pihak Perempuan
- KT : Kata
- KT BIL: Kata Bilangan
- Pn : Penyapa
- Ps : Pesapa
- B KT : Bentuk Kata
- PTB : Pergaulan Tidak Biasa
- No. : Nombor

## **SENARAI PETA**

Peta 1.1: <i>Darek</i> dan Rantau di Sumatera Barat	3
Peta 1.2: Minangkabau dan Rantau di Luar Provinsi Sumatera Barat	6
Peta 1.3: Daerah Rembau dan Sekitarnya	7
Peta 2.1: Kabupaten 50 Kota	58
Peta 2.2: Negeri Sembilan	59

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A: <i>Pasambahan Malewakan Pangulu</i> di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota	267
Lampiran B: <i>Pasambahan Batimbang Tando</i> di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota	273
Lampiran C: Ucapan Juruacara <i>Majlis Menyalang Adat</i> di Daerah Rembau Negeri Sembilan	276
Lampiran D: Pidato Adat dalam Majlis Adat Istiadat <i>Menghantar-Menerima Tanda</i>	281
Lampiran E: Informan	284
Lampiran F: Senarai Penerbitan dan Kertas Kerja yang Telah Dibentang	285

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Dalam bab ini dibincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, bahan dan batasan, serta bidang kajian. Teori yang akan digunakan untuk menganalisis data dan metodologi yang berkaitan dengan pengumpulan data diuraikan pula dalam bab ini. Kajian lalu tentang kata sapaan yang telah dilakukan oleh pakar terdahulu dipaparkan secara ringkas dalam bab ini. Seterusnya, kepentingan kajian ini bagi perkembangan ilmu di bidang sosiolinguistik pada khususnya dan linguistik pada amnya dan upaya pendokumentasian bahasa daerah akan dijelaskan pula dalam bab ini. Oleh sebab bahasa berkaitan dengan masyarakat di suatu tempat, maka dalam bab ini diuraikan juga keadaan geografi dan kependudukan, sejarah kedatangan orang Minangkabau ke Daerah Rembau, dan sistem sosial dan budaya yang diamalkan masyarakat tersebut. Di bahagian akhir dari bab ini akan dijelaskan konsep-konsep sekitaran kata sapaan yang digunakan dalam tesis ini.

#### **1. 1 Latar Belakang Kajian**

Suku Minangkabau ialah satu daripada 990 suku yang hidup di Indonesia. Mengikut banci tahun 2010 yang dijalankan oleh Badan Pusat Statistik (BPS), ahli kelompok etnik ini berjumlah 6.462.713 orang (Badan Pusat Statistik Indonesia, 2010). Ini bermakna 2.73 % sahaja, bilangan ahli kelompok ini dalam kalangan penduduk Indonesia. Namun begitu, mereka merupakan kumpulan ketujuh besarnya di Indonesia.

Mereka menetap di sebahagian besar Provinsi Sumatera Barat yang merupakan tempat asal mereka. Mereka bertebaran di seluruh wilayah negara


Indonesia, bahkan hingga di luar negara. Tebaran orang Minangkabau ini berkaitan dengan kebiasaan yang sudah menjadi budaya mereka semenjak dahulu, iaitu merantau.<sup>1</sup> Orang Minangkabau memang terkenal sebagai suku yang mobilitinya tinggi. Mereka suka berpindah dari kampung asal. Kato (1989:73) membahagi mobiliti mereka kepada dua jenis, iaitu mobiliti geografi dan mobiliti ekonomi. Mobiliti jenis pertama didorong oleh pertanian. Perpindahan ini, pada awal sejarahnya didorong oleh pertumbuhan penduduk. Mereka berpindah ke kawasan dekat sempadan untuk mengusahakan ladang dan sawah baharu. Di kawasan baharu ini, mereka membina kampung, yang bermula daripada *taratak*, berkembang menjadi *dusun*, berkembang lagi menjadi *koto*, dan akhirnya jadilah sesebuah *nagari* baharu.<sup>2</sup> *Nagari-nagari* yang berada di luar daripada kawasan asal digelar *rantau*, sedangkan kawasan asal digelar *darek*. Kawasan rantau ini semakin lama semakin luas dan semakin jauh dari *darek*. Berasaskan pembahagian kawasan tradisional, *darek* terbahagi kepada tiga *luhak*, iaitu Luhak Limo Puluah Koto, Luhak Agam, dan Luhak Tanah Datar. Tiap-tiap luhak mempunyai kawasan rantau sendiri (lihat Peta 1.1). Seluruh kawasan *darek* berserta rantaunya dinamakan sebagai alam Minangkabau (ibid:19).

Mobiliti kedua, iaitu ekonomi didorong oleh keinginan membawa hasil bumi yang banyak dan keinginan untuk mengenal kawasan luar mendorong mereka

<sup>1</sup> Kata *merantau* terbentuk daripada imbuhan {me-}+ *rantau*. A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal.104 mengatakan bahawa kata ini mengalami perkembangan makna. Semula kata ini bermakna teluk-teluk kecil di pantai tempat orang memunggah dan memuat barang ke kapal. Makna kata ini berkembang menjadi kediaman sementara penduduk untuk mencari harta dengan cara berniaga atau mengambil upah. Pada masa Kerajaan Pagaruyung, kata ini dimaknai sebagai wilayah kolonial Kerajaan Pagaruyung.

<sup>2</sup> A.A.Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal. 94 menjelaskan bahawa *nagari* merupakan permukiman yang telah mempunyai pelbagai fasiliti dan alat kelengkapan pemerintahan sempurna dan didiami sekurang-kurangnya empat suku. Lihat juga Tsuyushi Kato dalam *Nasab Ibu dan Merantau* yang diterjemahkan oleh Dr. Azizah Kassim (Kuala Lumpur, 1989), hal.25.

**Peta 1.1: Darek dan Rantau di Sumatera Barat**



Peta ini diambil dari Tsuyushi Kato, *Nasab Ibu dan Matrilinei* (Kuala Lumpur, 1989), hal.20 yang berdasarkan Ahmad Datuak Batuah: *Tambo Minangkabau dan Adatnya* (Jakarta, 1956).

merantau lebih jauh ke hilir (Rantau Hilir), iaitu kawasan sebelah timur. Mereka meneroka, melintasi banjaran Bukit Barisan, dan menghala ke empat sungai besar: Kampar, Siak, Indragiri, dan Batang Hari. Hulu keempat-empat sungai ini berada di kawasan alam Minangkabau. Keempat sungai ini bermuara ke Selat Melaka (lihat Peta 1.2). Perjalanan para peniaga ini membuka hubungan dengan dunia luar. Keinginan mencari pengalaman dan kemahiran berniaga mendorong mereka berpindah lebih jauh ke timur. Dalam perjalanan tersebut, mereka menetap di kawasan berhampiran sungai termasuk Batang Kuantan dan Rokan. Lada hitam, emas, dan biji timah ialah barang niaga yang memulakan orang Minangkabau berniaga (*ibid*:73). Limo Kaum, sekarang termasuk wilayah Kabupaten (Daerah) Tanah Datar, ialah satu daripada kawasan yang terkenal sebagai penghasil emas.

Tanah Datar ialah salah satu daripada kawasan yang terkenal dengan penghasilan emas. Kopi dari kawasan Kabupaten 50 Kota ialah barang niaga yang pada mulanya juga dijual di rantau hilir (Dobbin, 1977: 19-21, 23). Antara peniaga itu ada yang berniaga lebih jauh ke timur lalu masuk ke Semenanjung Tanah Melayu melalui Selat Melaka.

Keselamatan perniagaan kerana kejayaan Kerajaan Melaka pada abad 15 mendorong orang Minangkabau berniaga dan merantau ke sana. Ada beberapa pakar yang berpendapat bahawa mobiliti ini telah berlangsung seawal abad 15 (Josselin de Jong, 1952: 9), bahkan beberapa pakar sejarah menyebut bahawa kedatangan orang Minangkabau sudah berlangsung jauh sebelum abad ini.<sup>3</sup> Mereka menjual barang niaga dan berdiam sementara di tempat-tempat tersebut. Sebahagian

<sup>3</sup> Sejumlah pakar berpendapat berbeza-beza tentang masa kedatangan orang Minangkabau. W. Marsden dalam *Negeri yang Sembilan* yang ditulis oleh Norhalim Hj. Ibrahim (Shah Alam, 1995), hal.47, mengatakan bahawa perantauan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu bermula dengan pembukaan Temasik dalam abad ke-12 oleh orang Minangkabau itu sendiri. Sekitar abad itu, menurut Newbold dan Favre, orang Minangkabau sudah datang ke Rembau dan Naning.


lagi ada pula yang masuk ke pedalaman dan membuka kampung baharu di Negeri Sembilan seperti di Naning (sekarang termasuk Melaka), Rembau, dan Sungai Ujung (Mokhtar Naim, 1984: 69) (lihat Peta1.3).

Kedatangan orang Minangkabau ini disambut mesra oleh masyarakat tempatan. Antara mereka itu ada yang berkahwin dengan penduduk asli, iaitu suku Temuan. Hubungan dengan daerah asal masih sangat kuat pada masa itu. Hal ini terbukti dengan permintaan masyarakat tempatan supaya dikirimkan seorang raja untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi masyarakat Negeri Sembilan pada masa itu. Kerajaan Pagaruyung menghantar Raja Mahmud yang kemudian diiktiraf sebagai raja di Rembau pada tahun 1773 dengan gelaran Raja Malewar.

Migrasi atau penghijrahan orang Minangkabau tidak hanya membawa raga. Perantau Minangkabau juga membawa sama sosiobudaya ibunda mereka (Abdul Samad Idris, 1990: 32-36). Di Negeri Sembilan, perantau hidup dalam sistem sosiobudaya Minangkabau. Norhalim Hj. Ibrahim (1993:10) juga mengatakan bahawa Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat Negeri Sembilan (kecuali di kawasan pesisir yang mengamalkan Adat Temenggung) berasal dari Minangkabau. Meskipun sejarah perantauan dan permukiman ini terjadi ratusan tahun lalu, jejak keminangkabauan tersebut masih boleh lagi dilihat pada sistem sosiobudaya masyarakat Negeri Sembilan sekarang.


Persamaan yang lain ialah kedua-dua kelompok masyarakat ini hidup bersuku-suku, tetapi nama suku mereka tidak sama. Hal yang menarik tentang

**Peta 1.2: Minangkabau dan Rantau di Luar Provinsi Sumatera Barat**



Peta ini diambil dari Mokhtar Naim, *Merantau: Migrasi Suku Minangkabau* (Yogyakarta, 1984), hal.65.

Peta 1.3. Daerah Rembau dan Sekitarnya



Peta ini diambil dari Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri yang Sembilan* (Shah Alam, 1995), hal. 68.

penamaan suku di Negeri Sembilan ialah sembilan nama suku daripada dua belas suku masyarakat Negeri Sembilan merupakan nama bandar, kecamatan atau mukim, *nagari*, *jorong*, dan kampung di Minangkabau asal, kecuali Tanah Datar yang merupakan nama kabupaten atau daerah. Kesembilan nama suku itu ialah Batu Hampar, Seri Lemak (Selemak), Mungkal, Paya Kumbuh (Pekumbuh), Seri Malanggang (Semelenggang), Tigo Batu, Tigo Nenek, Batu Belang, dan Tanah Datar. Lapan suku pertama berada di wilayah Kabupaten 50 Kota dan suku terakhir berada di wilayah Kabupaten Tanah Datar. Tiga nama suku lainnya ialah Biduanda, Anak Malaka, dan Anak Aceh (*ibid*, 1995:10).<sup>4</sup> Suku Biduanda ialah nama suku orang asli Negeri Sembilan, sementara Anak Malaka dan Anak Aceh ialah nama suku orang yang berasal dari Malaka dan Aceh. Paparan di atas menjelaskan bahawa jejak sosiobudaya Minangkabau terakam dalam sosiobudaya masyarakat Negeri Sembilan. Berkaitan dengan bahasa muncul soalan, iaitu jejak keminangkabauan terakam atau tidak pada dialek Negeri Sembilan.

Sesebuah kelompok masyarakat mempunyai aturan sosial yang berlaku kepada seluruh ahli masyarakat itu. Sistem sosial ini tidak akan ada dan tidak akan berjalan apabila tidak ada sarana yang menampungnya, iaitu bahasa. Hubungan yang sama juga berlaku antara bahasa dengan budaya. Bahasa tidak boleh dipisahkan daripada budaya. Bahasa tidak sekadar unsur kebudayaan kerana bahasa juga merupakan alat untuk melakukan kegiatan kebudayaan dan sarana pendukung kebudayaan itu (Kluckhon dalam Koentjaranigrat, 1996:80). Daripada penjelasan ini tampak keberkaitan antara bahasa dengan sosiobudaya. Berpijak pada keberkaitan ini, maka boleh dirumuskan bahawa dialek Negeri Sembilan mencerminkan sistem

<sup>4</sup> Ada penulis yang tidak menyebut nama suku Anak Malaka dalam tulisannya sebagai satu daripada nama suku di Negeri Sembilan seperti dalam *Payung Terkembang* yang ditulis oleh Abdul Samad Idris (Kuala Lumpur, 1990), hal.79. Dalam tulisannya, bilangan suku tetap 12 suku. Suku Seri Lamak terpecah kepada dua suku, iaitu Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau.

sosiobudaya Adat Perpatih yang seperti dikatakan oleh Norhalim Hj. Ibrahim (1993:10) berasal dari Minangkabau asal. Berasaskan asumsi ini boleh dikembangkan hipotesis bahawa dialek Negeri Sembilan masih mempunyai persamaan dengan bahasa Minangkabau asal.

Para perantau menganggap Negeri Sembilan sebagai kampung mereka sendiri. Mereka hidup di daerah yang keadaan alamnya hampir sama dengan kampung asal mereka. Mereka juga hidup dalam budaya asal. Sebahagian mereka membawa keluarga dan sebahagian lagi berkahwin dengan orang asli di daerah rantau. Cara hidup seperti ini membuat mereka betah hidup di sini. Mereka tidak balik ke kampung asal. Hubungan dengan saudara di kampung tidak terpelihara lagi. Keadaan ini berlaku selama beratus-ratus tahun. Dalam masa itu, kemungkinan bahasa Minangkabau asal dan dialek Negeri Sembilan (bahasa Minangkabau rantau) mengalami perubahan tentu telah ada.

Kata nama merupakan satu daripada unsur bahasa yang dapat memberikan data tentang adanya persamaan dan perbezaan antara bahasa Minangkabau asal dan dialek Negeri Sembilan yang akan dibandingkan. Kata sapaan termasuk satu daripada kelas kata nama. Kata sapaan ini tidak hanya sekadar sesebuah unit bahasa. Melalui kata ini dapat dijejaki sistem sosiobudaya masyarakatnya. Melalui kata ini pula dapat dikaji dinamik sosiobudaya mereka. Hal ini dimungkinkan kerana bentuk kata sapaan boleh sahaja berwujud istilah kekerabatan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Permasalahan pertama kajian ini ialah persoalan tentang penggunaan kata sapaan dalam masyarakat Negeri Sembilan yang seringkali dikatakan berasal dari daerah Kabupaten

50 Kota, Provinsi Sumatera Barat. Seperti yang telah dijelaskan di bahagian sebelumnya bahawa perantauan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan telah bermula pada abad 15. Oleh itu, kajian ini akan membuktikan dakwaan yang dibuat oleh sesetengah pihak tentang perkara ini.

Permasalahan kedua ialah penggunaan kata sapaan di Daerah Rembau Negeri Sembilan sama ada mengalami perubahan atau tidak dari tempat asalnya. Permasalahan ini muncul disebabkan hubungan orang Minangkabau dan Negeri Sembilan sudah lama dan hubungan antara sanak saudara dengan kampung asal mereka sudah tidak terjaga lagi. Dalam waktu itu, kemungkinan bahasa Minangkabau asal dan dialek Negeri Sembilan telah mengalami perubahan akibat jangka waktu itu. Tambahan pula, kedua-dua kawasan kajian ini berjauhan dan juga berbeza negara. Apabila berlaku perubahan, persoalan yang muncul ialah perubahan tersebut menimbulkan perbezaan-perbezaan atau tidak pada bahasa dan dialek ini.

Permasalahan ketiga ialah perubahan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian tentu tidak berlaku dengan sendirinya. Faktor-faktor yang menyebabkan perubahan mestilah ada dan kajian ini akan merungkaikan faktor-faktor tersebut.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) Menghuraikan bentuk dan penggunaan kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan.
- ii) Membandingkan persamaan dan perbezaan kata sapaan dalam masyarakat Minangkabau di kedua-dua kawasan tersebut.

- iii) Menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan bentuk kata sapaan berlaku.

#### **1.4 Bahan, Batasan, dan Bidang Kajian**

Bahan kajian ini ialah bentuk-bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Minangkabau asal di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat dan masyarakat rantau di Daerah Rembau, Negeri Sembilan.

Kata sapaan yang dikaji dibatasi pada kata sapaan yang digunakan dalam majlis-majlis adat sama ada majlis adat rasmi ataupun majlis separa rasmi. Kata sapaan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari atau bersifat mesra juga dianalisis dalam kajian ini. Kata sapaan sehari-hari atau tidak rasmi ini ditumpukan pada kata sapaan yang digunakan dalam kalangan orang yang berkerabat mulai daripada peringkat tiga generasi di bawah orang yang menyapa atau penyapa sehingga kepada peringkat tiga generasi di atas penyapa. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan kepelbagaiannya bentuk kata sapaan bahasa Minangkabau di daerah asal dan daerah rantau. Kajian ini juga mendapatkan bentuk kata sapaan yang mencerminkan perubahan dalam bahasa Minangkabau di kedua-dua kawasan kajian. Melalui kajian ini dapat pula ditelusuri keadaan amalan sosiobudaya masyarakat di kedua-dua kawasan kajian tersebut saat ini.

Melalui kata sapaan dapat diketahui status sosial seseorang termasuk ketika terlibat dalam kegiatan adat yang diselenggarakan oleh kelompok orang-orang yang sekerabat dan kelompok orang-orang yang sekampung dan *senagari* (luak). Melalui kata sapaan pula dapat diketahui status atau posisi hubungan kekerabatan seseorang dalam kelompok kekerabatannya. Oleh sebab kajian ini mengaitkan antara bahasa (kata sapaan) dengan masyarakat penggunanya, maka kajian ini menggunakan pendekatan sosiolinguistik.

## **1.5 Kajian Lalu**

Kajian tentang kata sapaan bukanlah sesuatu kajian baru. Ramai pakar telah melakukan perkara ini lebih-lebih lagi kata sapaan merupakan unit bahasa yang asas dalam sesebuah bahasa. Dalam bahagian ini akan difokuskan kajian terhad pada kata sapaan dalam bahasa-bahasa Melayu seperti yang diuraikan di bawah ini.

Harimurti Kridalaksana (1980) mengkaji kata sapaan bahasa Indonesia dan hasilnya ditulis dalam sesebuah buku yang bertajuk: *Fungsi Bahasa dan Sikap Bahasa*. Berdasarkan kajiannya didapati sembilan jenis kata sapaan bahasa Indonesia. Kesemua jenis itu ialah 1) kata ganti; 2) nama diri; 3) istilah kekerabatan; 4) gelaran dan pangkat; 5) bentuk {pe-}+kata kerja; 6) bentuk kata benda; 7) kata-kata penunjuk; 8) kata benda atau yang dibendakan; dan 9) ciri zero. Jenis yang terakhir tidak mempunyai bentuk, tetapi mempunyai makna. Sebetulnya masih ada pakar lain yang mengkaji kata sapaan bahasa Indonesia. Akan tetapi, mereka mengambil data dari sumber yang berbeza.

M.Dj. Nasution, Suliastika, dan Atika S.M. (1994) melakukan kajian terhadap bentuk sapaan dalam dialek Jakarta dengan tajuk *Sistem Sapaan Dialek Jakarta*. Bahan kajiannya ialah kata sapaan yang digunakan oleh penduduk asli Jakarta (Betawi). Data bersumber daripada ujaran dan tulisan. Data yang berbentuk ujaran dikumpulkan di lapangan dengan menggunakan soalan selidik kepada informan. Data yang berbentuk tulisan diambil dari karya sastra. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data dianalisis dengan menggunakan teori Sosiolinguistik. Hasil daripada kajian ini didapati kekhususan sistem dan bentuk sapaan dialek Jakarta.

Kajian tentang kata sapaan bahasa-bahasa kelompok Melayu di Malaysia sudah banyak dilakukan oleh pakar bahasa sama ada orang Malaysia atau orang asing. Collins dalam *Malay Dialect Research in Malaysia: the Issue of Perspective* (1985) membahagi kata panggilan bahasa Melayu ke dalam empat suasana, iaitu 1) perbualan antara kawan yang setara; 2) perbualan antara jiran yang setara; 3) perbualan antara kawan yang tidak setara; dan 4) perbualan antara jiran yang tidak setara. Data diambil daripada wacana perbualan. Kajian mendapati adanya perselisihan kata sapaan antara penutur dengan pemilihan kata sapaan. Perselisihan ini berkaitan dengan suasana wacana tersebut di atas. Faktor umur berperanan penting dalam pemilihan kata sapaan tersebut. Semakin tidak sama usia antara penutur yang terlibat dalam perbualan tersebut semakin banyak tegur sapa yang berunsur hormat digunakan oleh penutur.

Amat Juhari Moain (1989) melakukan kajian tentang kata panggilan bahasa Melayu di dua kawasan kajian, iaitu di Malaysia dan Brunei Darussalam dengan tajuk kajian: *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Data utama berasal daripada sumber tertulis, iaitu karya sastra Melayu lama. Data tambahan berupa catatan daripada temu bual penyelidik dengan pegawai istana dan pegawai pejabat setiausaha kerajaan. Selain itu, data juga diambil dari maklumat yang dikumpulkan oleh orang perseorangan. Data dianalisis dengan menggunakan teori sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Hasil daripada kajian didapati bahawa: 1) sistem panggilan dalam masyarakat Melayu lama; 2) sistem panggilan dalam masyarakat Melayu kini; 3) rujukan kehormat; 4) perbandingan sistem sapaan dan rujukan kehormat; dan 5) hubungan sistem sapaan dan panggilan dengan sistem nilai sosiobudaya Melayu. Hasil perbandingan disimpulkan bahawa sistem panggilan Melayu kini lebih halus dan kompleks daripada sistem panggilan masyarakat Melayu

lama. Hal ini disebabkan oleh sistem panggilan masyarakat Melayu kini yang boleh membezakan golongan, pangkat, dan keturunan orang yang disapa.

Seperti yang dilakukan oleh Amat Juhari Moain, Sumalee Nimmanupap (1994) juga melakukan kajian perbandingan tentang sistem panggilan, iaitu antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai. Kajiannya bertajuk *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Data bersumber dari karya sastra pada kedua-dua bahasa ini. Hasil perbandingan diperoleh simpulan bahawa sistem panggilan dalam kedua-dua bahasa ini pada amnya mempunyai persamaan pada bentuk dan sistem penggunaan. Persamaan itu wujud kerana terdapat unsur persamaan, iaitu latar belakang budaya. Adapun perbezaannya terdapat pada perbilangan dan butiran bentuk sahaja. Selain simpulan ini diperoleh pula simpulan lain bahawa bentuk sapaan dan rujukan kehormat kurang digunakan dalam novel, terutama dalam novel Thai.

Kajian seterusnya yang berkaitan dengan kata sapaan ialah kajian yang dilakukan oleh Mat Nor bin Hussain dan Rozita binti Kamaruddin (1999). Tajuk kajiannya ialah *Sistem Panggilan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu di Kampung Pamah Kulat*. Data dikumpulkan di Ulu Dong, Bandar Raub, Pahang. Data dianalisis dari sudut tinjauan sosiolinguistik. Hasil daripada kajian ini didapati sistem panggilan berlaku dalam keluarga asas dan keluarga besar masyarakat Melayu di sana. Pembahagian kata sapaan juga berdasarkan hubungan disebabkan darah dan hubungan disebabkan perkahwinan. Daripada hasil kajian ini didapati pula ketiadaan nama bagi kerabat yang disebabkan hubungan perkahwinan. Bentuk kata sapaannya adalah sama seperti kata sapaan yang digunakan dalam kalangan keluarga asas.

Nor Halimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, dan Raja Masittah Raja Ariffin (2005) melakukan penyelidikan tentang sistem panggilan dalam keluarga Melayu. Hasil kajian dibukukan dengan tajuk *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu Satu Dokumentasi*. Penyelidikan ini merupakan lanjutan daripada kajian Nor Halimah Jalaluddin sebelumnya. Dalam penyelidikan terakhir ini, penyelidik menambahkan teori lain, iaitu teori dalam bidang sosiolinguistik di samping teori dalam bidang semantik dan pragmatik. Pendekatan kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif. Data dikumpulkan daripada kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dengan pelbagai daerah. Daripada hasil penyelidikan ini dikenal pasti pelbagai bentuk kata panggilan keluarga. Dapatkan penting kajian ini membuktikan bahawa pemodenan panggilan keluarga telah berlaku dalam keluarga masyarakat Melayu.

Dalam buku *Kata dan Bentuk Sapaan Bahasa Dalam* yang ditulis oleh Haji Kula Haji Md. Noor (2007) diuraikan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam konteks pentadbiran beradat dalam Kerajaan Brunei Darussalam. Hasil kajian didapati bahawa pelbagai gelaran dan rujukan kehormat yang digunakan oleh penyapa (rakyat awam) untuk menyapa keluarga kerajaan dan pembesar-pembesar kerajaan. Penggunaan kata dan bentuk sapaan ini memanifestasikan perbezaan status dan hierarki sosial bangsa Melayu Brunei.

Kajian tentang sistem sapaan bahasa Minangkabau bermula dari kajian yang dilakukan oleh Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, dan S. Djamaris (1983). Hasil daripada kajian beliau ini telah dibukukan dengan tajuk *Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau*. Kata sapaan yang dikaji ialah kata sapaan masyarakat Minangkabau di *darek* dan rantau yang berada di wilayah Provinsi Sumatera Barat. Kajian terbatas pada kata sapaan yang digunakan di persekitaran kerabat dan di luar

kerabat dan kemudian dikaitkan dengan status, adat, agama, dan jawatan. Data dikumpulkan di 15 *nagari* di kedua-dua kawasan tersebut. Daripada kajian tersebut didapati empat jenis kata sapaan digunakan, iaitu 1) sapaan umum; 2) sapaan adat; 3) sapaan agama; dan 4) sapaan jawatan. Penyelidikan ini juga melibatkan generasi muda dan daripada kumpulan ini didapati penggunaan bentuk kata sapaan baru sebagai pengaruh ajaran Islam dan budaya Barat.

Media Sandra Kasih (2000) juga melakukan kajian tentang sistem sapaan bahasa Minangkabau. Tajuk kajiannya ialah *Sistem Sapaan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*. Kata sapaan yang dikaji ialah kata sapaan masyarakat Minangkabau di daerah *darek* dan rantau yang berada dalam wilayah Provinsi Sumatera Barat. Penyelidikan ini merupakan penyempurnaan daripada penyelidikan terdahulu, iaitu penyelidikan yang dilakukan oleh Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, dan S. Djamaris (1983). Kawasan kajiannya lebih luas berbanding dengan penyelidikan terdahulu. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data dianalisis dengan menerapkan teori sosiolinguistik dan hasil kajian didapati perkara-perkara berikut ini: 1) perbezaan bentuk sebahagian sistem sapaan antara wilayah darek dan rantau; 2) kata sapaan dan panggilan bahasa Minangkabau yang mencerminkan sistem sosial masyarakatnya; 3) kata sapaan yang bukan sapaan khusus Minangkabau; dan 4) sistem sapaan adat dan kata sapaan umum di kedua-dua wilayah tersebut.

Leny Syafyaha, Aslinda, Noviatri, dan Efriyades (2000) melakukan kajian pula tentang kata sapaan bahasa Minangkabau di kawasan yang lebih khusus, iaitu Kabupaten Agam. Hasil daripada kajiannya dibukukan dengan tajuk *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau di Kabupaten Agam*. Data dikumpulkan di empat kecamatan.

Tiap-tiap kecamatan itu diwakili oleh tiga desa. Dalam tulisannya disebut bahawa analisis data menerapkan teori di bidang sosiolinguistik. Berdasarkan hasil analisis data didapati dua jenis kata sapaan, iaitu 1) kata sapaan kerabat dan 2) kata sapaan nonkerabat. Kata sapaan kerabat dibahagi lagi kepada kata sapaan kekerabatan yang berasaskan pertalian langsung dan pertalian tidak langsung. Kata sapaan nonkerabat dikelompokkan mengikut tiga bidang: 1) adat-istiadat, 2) agama, dan 3) am.

Selain kajian yang ditulis dalam bentuk buku di atas juga terdapat kajian-kajian lalu bentuk sapaan bahasa Minangkabau dan bahasa Melayu. Kajian-kajian tersebut membahaskan bentuk sapaan dalam kaitannya dengan kesopanan. Media Sandra Kasih (2002) melakukan perbandingan kata sapaan dalam keluarga dalam bahasa Minangkabau dengan bahasa Melayu Malaysia. Perbandingan menghasilkan kesimpulan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai kata sapaan yang berkaitan dengan urutan adik-beradik. Dapatkan lainnya ialah bahawa kata sapaan bahasa Minangkabau lebih praktikal daripada bahasa Melayu Malaysia. Pada tulisan lain, Media Sandra Kasih (2004) membahaskan kata sapaan yang berlaku dalam kalangan remaja Minangkabau. Dapatannya adalah bahawa aspek status sosial, jarak sosial, dan jantina merupakan faktor yang membawa pengaruh terhadap lakukan sapaan mereka.

Seterusnya dibincangkan kajian lepas tentang kata sapaan. Saidatul Nornis Haji Mahali (1997) melakukan penyelidikan dengan tajuk *Sistem Sapaan Kekeluargaan Bajau: Satu Penyelidikan Awal*. Data dikutip di Pulau Borneo, Filipina dan sebahagian kecil data dikutip di Sulawesi. Hasil daripada penyelidikan mendapati bentuk-bentuk kata sapaan yang digunakan pada keluarga asas. Dapatkan pentingnya ialah bahawa tidak terdapat pembezaan sapaan antara lelaki dengan perempuan. Awang Sariyan (2007) melakukan kajian kesopanan yang berlaku antara pegawai tadbiran

rumah sakit dengan pesakit. Hasil daripada penyelidikan mendapati bahawa bentuk sapaan di akhir percakapan lebih sopan.

Berasaskan kajian-kajian lalu yang telah dihuraikan di atas, belum ada penyelidikan atau kajian yang mengenal pasti bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian, iaitu Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota Provinsi Sumatera Barat dan Daerah Rembau Negeri Sembilan dan kemudian membandingkannya. Daripada hasil perbandingan diperoleh unsur yang sama dan unsur yang berbeza. Perubahan-perubahan yang terjadi seperti bentuk kata sapaan akan cuba dijelaskan dengan memberikan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan tersebut berlaku. Berdasarkan objektif kajian, maka kajian ini perlu dilakukan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian tentang bentuk kata sapaan dengan objektif dan matlamat yang telah dihuraikan di bahagian terdahulu penting dilakukan. Kajian ini merancakkan kajian keminangkabuan dalam bidang kebahasaan, terutama perbandingan bahasa Minangkabau di daerah asal dengan bahasa Minangkabau di daerah rantau, Negeri Sembilan, Malaysia. Dengan melakukan kajian ini dikenal pasti bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian. Dengan melakukan perbandingan bentuk kata sapaan diperoleh pula keadaan kebahasaan dan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan berlaku. Bahasa yang mulai berubah menjadi petunjuk awal perubahan pula pada amalan sosiobudayanya. Hasil kajian demikian perlu diambil tindakan dengan dasar yang membudayakan sistem sosiobudaya masyarakat hingga kepelbagaiannya sosiobudaya tetap terjaga.

Kajian ini merupakan sesuatu usaha pendokumentasian bahasa Minangkabau di daerah asal dan daerah rantau. Usaha ini penting dan mesti dilakukan sebelum perubahan itu sampai pada bentuk kata sapaan lain, istilah kekerabatan, dan leksikon sosiobudaya. Hasil kajian diharapkan menimbulkan rasa bangga pada bahasa dan dialek sendiri bagi anak muda dan tergerak menggunakan dalam berkomunikasi seharian terlebih pula di tengah fenomena penggunaan bentuk kata sapaan baru dalam kalangan mereka.

Kawasan kajian saat ini berada di negara yang berbeza. Daripada kajian antara negara ini diharapkan memperbaharui dan mencerahkan minda anak muda tentang perlunya menyuburkan hubungan histori antara kedua-dua buah negara.

## **1.7 Keadaan Geografi dan Penduduk di Kawasan Kajian**

Bahagian berikut ini akan dijelaskan keadaan geografi dan penduduk di kedua-dua kawasan kajian. Keadaan geografi dan penduduk ini penting bagi kajian ini. Keadaan luaran bahasa ini membantu kita memahami persamaan, perbezaan, dan perubahan yang berlaku di kedua-dua kawasan kajian. Perbincangan bermula daripada kawasan kajian, iaitu Kabupaten 50 Kota dan kemudian berlanjut di Daerah Rembau.

### **1.7.1 Kabupaten 50 Kota**

Kabupaten 50 Kota merupakan salah satu daripada kabupaten yang ada di Provinsi Sumatera Barat, Indonesia. Nama kabupaten ini berasal dari bilangan kumpulan orang datang dari Pariangan, Padang Panjang untuk meneroka dan membina pemukiman baru di kaki Gunung Sago (Portal Kabupaten 50 Kota: <http://www.limapuluhkotakab.go.id/hal-sejarah.html#ixzz3m3OAu9sO>). Kabupaten ini terletak antara  $0^{\circ}25'28.71''$  Garis Lintang Utara dan  $0^{\circ}22'14.52''$  Garis Lintang Selatan

serta antara  $100^015'44.10''$ - $100^050'47.80''$  BT. Luas daratannya adalah  $3,354.30\text{ Km}^2$ .

Secara administrasi kenegaraan, kabupaten ini diapit oleh empat kabupaten (daerah) di Sumatera Barat, iaitu Kabupaten Agam, Kabupaten Tanah Datar, Kabupaten Sijunjung, dan Kabupaten Pasaman, dan satu provinsi, iaitu Provinsi Riau. Topografi daerah ini bervariasi: datar, beralun, berbukit-bukit, dan bergunung. Di daerah Kabupaten 50 Kota terdapat tiga gunung, iaitu Gunung Sago (2.261 m), Gunung Sanggul (1.496 m), dan Gunung Bungsu (1.253 m). Daratannya dialiri 13 sungai besar dan puluhan sungai kecil. Antara sungai besar itu ialah Batang Sinamar, Batang Agam, dan Batang Mahat.<sup>5</sup>

Kabupaten 50 Kota secara pentadbiran kenegaraan terdiri daripada 13 kecamatan (mukim), iaitu Kecamatan: Akabiluru, Payakumbuah, Mungka, Harau, Bukik Barisan, Gunuang Omeh, Guguak, Suliki, Lareh Sago Haraban, Kapur IX, Pangkalan Koto Baru, dan Situjuah Limo Nagari. Tiap-tiap kecamatan terdiri daripada *kanagarian-kanagarian* yang terbahagi lagi kepada jorong-jorong. Sembilan daripada sepuluh nama-nama suku di Negeri Sembilan bertebar di keempat-empat kecamatan pertama di atas. Nama-nama suku ini merupakan nama nagari di Kabupaten 50 Kota kecuali Payakumbuah yang merupakan nama kecamatan dan nama bandar. Nama suku Batuhampar merupakan satu daripada tujuh *nagari* di Kecamatan Akabiluru.

Luas Kecamatan Akabiluru ialah  $94.26\text{ Km}^2$ . Apabila dibandingkan dengan kecamatan lain, kecamatan ini tidak luas. Topografi kecamataan adalah sama pada amnya dengan topografi kecamatan lainnya, iaitu datar, beralun, dan berbukit. Daratannya dialiri beberapa sungai termasuk sungai besar, iaitu Batang Agam yang berhulu di Kabupaten Agam. Keadaan topografis ini memungkinkan penduduknya

<sup>5</sup> Batang Mahat bermuara di Batang Kampar Kanan di Kabupaten Kampar, Provinsi Riau. Tempat pertemuan dua sungai ini dikembangkan menjadi tasik untuk sumber pembangkit tenaga elektrik. Kembaran Batang Kampar Kanan ini, Kampar Kiri melewati daerah Sijunjung (Provinsi Sumatera Barat), Kuantan Singingi dan Kampar (Provinsi Riau). Kedua-dua aliran sungai tersebut berjumpa di Pelalawan dan mengalir ke Selat Malaka (Maju Siagian, 2010), hal. 25-28 dan [http://id.wikipedia.org/wiki/Sungai\\_Kampar](http://id.wikipedia.org/wiki/Sungai_Kampar), muat turun 18 September 2015.

mengusahakan sawah dan kebun. Keperluan pangan masyarakat terdiri daripada hasil pertanian. Padi, kopi, koko, dan kelapa merupakan hasil pertanian utama di kecamatan ini.

Penduduk Kecamatan Akabiluru berjumlah 25,631 orang yang terdiri daripada 12,623 lelaki dan 13,008 perempuan. Jumlah penduduk di Nagari Batuhampar termasuk besar, iaitu 3,135 orang. Tingkat kepadatan penduduknya ialah 272 orang/Km<sup>2</sup> berbanding dengan luas wilayahnya.<sup>6</sup>

### **1.7.2 Daerah Rembau**

Kawasan penyelidikan berikutnya, Daerah Rembau merupakan salah satu daerah di Negeri Sembilan Darul Khusus yang terkenal dengan nama Negeri Sembilan. Nama Rembau berasal dari nama pokok kayu, iaitu Merbau. Orang-orang pada masa itu hendak membina kampung. Mereka menebas hutan dan menebang pokok kayu. Ada satu pokok kayu Merbau yang tidak boleh ditebang kerana besar dan sudah tua. Mengambil sempena nama pokok ini dinamakanlah daerah tersebut dengan Merbau Tua. Lama-kelamaan, mengikut sedapnya mulut, nama daerah berubah kepada Rembau (Abdul Samad, 1968: 165). Daerah ini terletak antara garisan lintang  $2^{\circ}23'$  utara dengan garisan lintang  $2^{\circ}43'$  utara dan garisan bujur  $102^{\circ}0.6'$  timur sehingga bujur  $102^{\circ}13'$  timur. Daerah ini terletak di arah selatan dari Semenanjung Malaysia dan berbatas dengan Negeri Melaka di sebelah selatan, Port Dickson di sebelah barat daya, Tampin di sebelah tenggara, Kuala Pilah sebelah timur laut, dan Seremban di sebelah barat laut.

---

<sup>6</sup> Data dan infomasi mengenai keadaan geografis dan kependudukan diambil dari Portal Kabupaten 50 Kota: <http://www.limapuluhkotakab.go.id/hal-geografi-dan-demografi.html>, muat turun 18 September 2015.

Topografi Rembau agak landai. Bahagian selatannya merupakan daratan tinggi, berbukit, dan berhutan. Bukitnya rendah. Gunung tertinggi di daerah ini ialah Gunung Rembau atau Gunung Datuk yang ketinggiannya sekitar 892 meter dari aras laut.

Luas Rembau adalah 402.76 Km<sup>2</sup>. Perbilangan penduduknya berdasarkan banci penduduk tahun 2010 seramai 43,011 orang yang mendiami 17 mukim yang mengandungi 204 kampung. Salah satu daripada mukim itu ialah Mukim Batu Hampar . Mukim ini juga mempunyai kampung yang sama dengan nama mukim, iaitu Kampung Batu Hampar.<sup>7</sup>

Majoriti penduduk Daerah Rembau ialah petani. Hasil pertanian utamanya ialah padi, sayuran, dan getah. Di samping menjadi kawasan pertanian, di daerah ini juga banyak industri. Kawasan industri bertebaran di mukim ini, khusus Batu Hampar yang menjadi pusat pentadbiran negeri. Oleh itu, ramai juga penduduk bermiaga dan menjadi kakitangan kerajaan.

### **1.8 Kedatangan Orang Minangkabau ke Daerah Rembau**

Sejarah kedatangan orang Minangkabau bermula dengan kegiatan perniagaan yang telah berlangsung sebelum kejayaan Kerajaan Melaka (akhir abad 14 dan awal abad 15). Pada masa itu (abad ke-12), Temasik berkembang sebagai pusat kegiatan perniagaan (telah tersebut juga di bahagian latar belakang). Dari sinilah mereka beransur-ansur bergerak ke kawasan tengah di beberapa tempatnya yang menjadi pusat perniagaan di Semenanjung. Lebih tepatnya mereka menuju ke Kelang dan Sang

---

<sup>7</sup> Data dan infomasi mengenai keadaan geografis dan kependudukan diambil dari Departement of Statistics Malaysia: [www.statistics.gov.my/portal/](http://www.statistics.gov.my/portal/) dan <http://www.mdr.gov.my/web/guest/sejarah>, muat turun 15 Mai 2013.

Hyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan dan Kuala/Muara Sungai Linggi sekarang) (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:45).

Perantau tersebut datang berkelompok-kelompok dan berperingkat-peringkat. Mereka yang mendarat melalui Kuala Sungai Linggi mendiami Daerah Rembau, Sungai Ujong, dan Sri Menanti. Mereka yang mendarat melalui Melaka mendiami Naning, Johol, dan Kuala Pilah (Abdul Samad Idris, 1968).

Kedatangan orang Minangkabau di Rembau merupakan bahagian daripada rangkaian perantauan mereka di Rantau Hilir. Mereka datang dari jarak yang sangat jauh antara daerah Minangkabau asal dengan daerah rantau di Negeri Sembilan serta daerah rantau lainnya di Semenanjung Malaysia. Mereka juga menerokai hutan, mendaki bukit, dan menuruni lembah, melintasi sungai, dan mengharungi samudera. Dalam perjalanan, mereka singgah di tempat-tempat yang dilalui untuk berehat sebelum meneruskan perjalanan. Ada antara mereka itu yang membina kampung di daerah persinggahan tersebut. Sebahagian daripada mereka menetap sementara dan sebahagian lagi menetap kekal di kawasan-kawasan ini. Sebahagian daripada kelompok inilah yang datang untuk bermiaga ke Semenanjung Malaysia. Mereka datang dalam kelompok-kelompok kecil. Sebahagian daripada mereka ada yang bertani. Mereka tidak menetap di sana pada awalnya. Mereka kembali ke kawasan asal dan balik apabila masa tuaian tiba. Lama kelamaan ramai yang tidak kembali ke kawasan asal. Dengan perkataan lain, mereka menetap kekal di sana. Pada masa Kerajaan Melaka berjaya, bilangan orang Minangkabau di Rembau bertambah. Rembau dan Naning menjadi tempat pangkalan perniagaan mereka.

Pada penghujung abad 15, corak merantau orang Minangkabau berubah (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995: 70). Kedatangan mereka bukan untuk bermiaga, melainkan membina kampung. Mereka datang berombongan dengan seseorang atau beberapa orang pemimpin. Datuk Leteh ialah orang besar yang pertama datang ke Rembau. Beliau ialah wakil peribadi Tuan Mahudun di Sumanik.<sup>8</sup> Tentang asal kedatangannya ada pelbagai pendapat. Ada yang mengatakan mereka berasal dari Batuhampar dan ada pula yang mengatakan mereka berasal dari Siak.<sup>9</sup> Dia ditugaskan untuk mengawasi rantau Rembau (Rasjid Manggis M.Datuk Radjo Penghulu, 1983:103). Selain Datuk Leteh datang pula seorang datuk yang juga dianggap orang penting dalam pembentukan institusi Undang masyarakat Negeri Sembilan, iaitu Datuk Lela Balang. Dia datang dengan rombongan. Mereka dikatakan berasal dari Batuhampar dan Agam. Setelah kedatangan kedua-dua orang penting tersebut, datang pula satu rombongan yang dipimpin oleh empat orang. Mereka berasal dari Paya Kumbuh, Batu Belang, Sri Lemak, dan Sri Melenggang. Mereka masuk melalui sungai dan menyebar ke arah yang berbeza melalui anak-anak sungai (Norhalim Hj Ibrahim, 1995:66-67; Sjarifoedin Tj.A, 2011:269). Para perantau tersebut diterima dengan mesra oleh orang suku asli, iaitu suku Jakun. Hubungan kekerabatan pun terjalin melalui perkahwinan Datuk Leteh dengan anak Batin Sekudai, kepala suku Jakun.

<sup>8</sup> Tuan Mahudun atau Mangkudum merupakan salah satu perangkat daripada Basa Empat Balai yang berpusat di di Sumanik (sekarang termasuk ke dalam wilayah Kabupaten Tanah Datar). Adapun Basa Empat Balai ini, mengikut A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal.17, adalah satu daripada organisasi pemerintahan pada masa Kerajaan Pagaruyung.

<sup>9</sup>Perbilangan adat: *berajo ke Johor, bertali ke Siak, bartuan ke Minangkabau* menguatkan asal-usul sebahagian daripada orang Minangkabau di Negeri Sembilan datang dari Siak. Seperti mana telah diuraikan terdahulu, Siak merupakan nama sungai yang dilalui orang Minangkabau dalam perjalanan bermiaga ke Semenanjung Tanah Melayu. Siak juga merupakan nama kerajaan yang dibina di tepi sungai ini. Kerajaan Siak didirikan oleh Raja Kecil yang mungkin berkerabat dengan ahli Kerajaan Pagaruyung. Mengikut Tsuyoshi Kato dalam *Nasab Ibu dan Merantau*, terjemahan Dr. Azizah Kassim (Kuala Lumpur, 1989), hal. 73, raja ini pernah menjadi raja di Kerajaan Melayu Johor yang kemudian diusir dan kemudian menetap dan mendirikan kerajaan pula di Siak. Lihat juga “Menelaah Citra Raja Kechil dalam Naskhah Hikayat Siak dan Tuhaft al-Nafis”, kertas kerja Abdullah Zakaria bin Ghazali pada *Simpposium Internasional Pernaskahan Nusantara ke-15* (Padang, 2014).

Setiap kali rombongan tersebut datang, mereka membina kampung-kampung baru di Rembau. Kampung tersebut diberi nama seperti nama kampung asal mereka. Salah satu kampung itu ialah Kampung Batu Hampar.<sup>10</sup>

Setakat ini, pada masa awal kemerdekaan Malaysia kegiatan mereka berhenti sementara, tetapi orang Minangkabau, termasuk dari Batuhampar<sup>11</sup> masih melanjutkan tradisi merantau ke Negeri Sembilan. Pekerjaan mereka tidak terlepas daripada keterampilan tradisi mereka, iaitu bertani dan bermiaga. Banyak peniaga pasar-pasar malam di daerah ini, juga daerah-daerah lain di Negeri Sembilan keturunan Minangkabau. Ada antara mereka itu yang merupakan pendatang baru yang merantau ke sini mengikuti saudara mereka yang sebahagiannya telah menjadi warga negara Malaysia.

## 1.9 Sistem Sosial dan Budaya

Masyarakat Minangkabau mengamalkan sistem sosial dan budaya yang khas. Kekhasan itu wujud pada sistem persanakan (kekerabatan) dan adat yang mengatur kehidupan semua ahli masyarakatnya. Sistem sosial dan budaya Negeri Sembilan yang dikenali dengan istilah Adat Perpatih menunjukkan banyak persamaan dengan sistem sosial dan budaya masyarakat Minangkabau asal.<sup>12</sup> Berikut ini diuraikan sebahagian sistem

---

<sup>10</sup> Dalam *Merantau: Migrasi Suku Minangkabau* yang ditulis oleh Mokhtar Naim (Jakarta, 1984) hal. 62-72 juga diceritakan asal mula pembukaan kampung di Rembau oleh pendatang Minangkabau yang penamaannya selaras dengan nama kampung asal mereka, misal Kampung Batuhampar.

<sup>11</sup> Orang Batuhampar tidak hanya bertebar di Negeri Sembilan dan sekitarnya -yang dahulunya termasuk ke dalam wilayah Negeri Sembilan, antara lain di Bangi, Kajang, Semenyeh, Langat, juga dijumpai di wilayah lain termasuk di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada mereka hidup dengan bermiaga. Sebahagiannya pula telah menjadi warga negara Malaysia. Meskipun demikian, mereka tidak lupa pada kampung asal dan masih menjaga hubungan dengan saudara mara mereka.

<sup>12</sup> Istilah *Perpatih* menurut Norhalim Hj. Ibrahim dalam *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. (Kuala Lumpur, 1993), hal. 5-8, terbit daripada gelaran Sutan Balun, iaitu Datuk Perpatih Nan Sabatang. Tokoh ini lah yang mencetuskan dan mengembangkan keselarasaman Bodi Caniago yang diamalkan masyarakat suku Bodi Caniago di Minangkabau asal. Nama Adat Temenggung itu sendiri juga berasal dari Minangkabau asal. Nama tersebut terbit daripada gelaran Sutan Maharaja Basa, iaitu Datuk Ketamanggungan), adik tiri daripada Sutan Balun. Dialah yang mencetuskan dan mengembangkan fahaman keselarasan Koto Piliang yang diamalkan oleh masyarakat suku Koto Piliang masyarakat Minangkabau asal. Seperti halnya dengan kelarasan Bodi Caniago, kelarasan Koto Piliang juga menjalankan sistem kekerabatan nasab ibu. Berbeza dengan negeri asal, Adat Temenggung di Negeri Sembilan beraliran sistem nasab bapa (patrilineal).

sosial dan budaya masyarakat tersebut yang ada kaitan dengan sistem sapaan yang digunakan masyarakat.

### **1.9.1 Sistem Kekerabatan**

Masyarakat Minangkabau asal dan masyarakat rantau Negeri Sembilan mengamalkan sistem persanakan (kekerabatan) yang sama, iaitu nasab ibu (matrilineal). Sistem ini merupakan prinsip zuriat yang menghitung hubungan persanakan menurut garis perempuan (Koentjaraningrat, 1997:123). Dengan demikian, semua ahli kaum kerabat ibu termasuk dalam batas kumpulan kerabatnya, sementara semua ahli kaum kerabat ayah berada di luar batas kumpulan kerabat ibu. Perhitungan batas kumpulan kerabat ini bermula semenjak lahir. Seorang anak yang baru lahir dengan sendirinya masuk ke dalam kaum kerabat ibunya.

Prinsip matrilineal Minangkabau juga mengatur penerusan hak waris (istilah di Negeri Sembilan: *hak waghih*) kaum kerabatnya. Hak waris tersebut ialah harta warisan dan suku. Berikut ini dijelaskan konsep dan pembahagian harta warisan dan suku, serta konsep lain yang berhubungan dengan sistem nasab ibu tersebut.

#### **1.9.1.1 Harta Warisan**

Harta warisan di Minangkabau asal terbahagi kepada dua jenis, iaitu *sako* dan *pusako*. Pada dasarnya, kedua-dua jenis harta warisan ini juga ada di Negeri Sembilan. *Sako* ini berupa warisan jawatan dan *pusako* berupa harta benda (A.A. Navis, 1984:161; Yaacob

Harun, 1995: 88-89; Yaakub Idrus, 1996:17).<sup>13</sup> *Sako* diwariskan kepada lelaki, sedangkan *pusako* diberikan kepada anak perempuan daripada saudara perempuan.<sup>14</sup>

Jawatan yang disebut oleh A.A. Navis dan Yaakub Idrus di atas berkaitan dengan kedudukan atau status lelaki dalam struktur sosiobudaya Minangkabau di daerah asal dan dan daerah rantau Negeri Sembilan. Tiap-tiap lelaki ialah bakal pemimpin dalam kelompok kekerabatannya mulai daripada kelompok zuriat yang paling kecil (*kelompok samandeh* menurut istilah Minangkabau asal atau *kelompok rumpun* menurut istilah Negeri Sembilan) sehingga kepada kumpulan zuriat yang paling besar (suku). Oleh itu, *soko* diwariskan kepada kemanakan lelaki. Penjawatnya diberi gelaran adat. Gelaran ini menjadi bahagian daripada sistem kata sapaan masyarakat bersangkutan.

Pusaka ialah harta warisan yang berupa benda. Sawah, ladang, tanah, *rumah gadang* atau *rumah induk* (istilah di Rembau) ialah contoh harta pusaka. Harta itu diwariskan kepada perempuan. Mengikut sistem nasab ibu Minangkabau, perempuan ialah penerus kaum. Mereka ialah *bundo kanduang* (bunda kandung, perempuan senior) atau *ibu soko* (istilah di Negeri Sembilan), iaitu perempuan yang tertua, tempat bertanya dan tempat meminta pendapat bagi kaum lelaki apabila ada perkara menyangkut kaum kerabat. Oleh itu, mereka menjadi simbol daripada kemuliaan. Kaum perempuan diibaratkan seperti *limpapeh rumah gadang*. *Limpapeh* itu bermakna tiang. Perempuan diibaratkan seperti tiang daripada rumah, iaitu sebagai penyokong dan penyangga

<sup>13</sup> *Soko*, menurut Amir M.S. dalam *Adat Minangkabau: Pola dan Tujuan Hidup Orang Minangkabau* (Jakarta, 1997), hal. 91 boleh pula berbentuk gelaran, garis zuriat, pepatah-petitih, dan adat sopan santun. Mat Zean Abd. Aziz (Kuala Lumpur, 1990:73) juga menyebut gelaran sebagai sesebuah pusaka di Rembau.

<sup>14</sup> Di Mukim Batuhampar Daerah Rembau, di atas tanah pusaka banyak berdiri rumah induk yang dibina oleh bapa. Rumah ini menurut Mat Zean Abd. Aziz dalam “Pewarisan Tanah Pusaka: Satu Kajian Kes di Rembau” (Kuala Lumpur, 1990) diwariskan kepada anak perempuan.

sistem matrilineal.<sup>15</sup> Mereka harus dijaga. Dengan alasan demikianlah, maka harta pusaka diwariskan kepada perempuan. Harta pusaka itu harus dijaga, tidak boleh berkurang, dan akan lebih baik lagi sekiranya bertambah.

### 1.9.1.2 Suku

Tiap-tiap orang Minangkabau mempunyai suku. Meskipun budaya bersuku di Negeri Sembilan pada amnya dan Daerah Rembau khususnya berasal dari Minangkabau asal, penamaan suku di kedua-dua daerah ini berbeza. Di daerah asal terdapat empat suku besar, iaitu Bodi, Caniago, Koto, dan Piliang. Dua suku pertama mengamalkan aliran politik (keselarasan) Bodi Caniago. Dua suku lainnya berkelarasan Koto Piliang. Seiringan dengan bertambahnya bilangan ahli masyarakat dan luas permukiman, bilangan suku bertambah. Suku-suku lama berpecah dan muncullah suku-suku baru.

Perantau Minangkabau di Daerah Rembau tidak menggunakan nama suku asal. Nama suku mereka baru. Nama itu diambil daripada nama kampung asal. Nenek moyang orang bersuku Batu Hampar berasal dari Batu Hampar. Kampung ini merupakan nama *nagari* di Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Begitu pula halnya dengan nama suku lain seperti Seri Lemak, Mungkal, Payakumbuh, Seri Malanggang, Tanah Datar, Tigo Batu, Tigo Nenek, dan Batu Belang. Jumlah suku ada dua belas. Tiga suku lainnya ialah Biduanda, Anak Malaka, dan Anak Aceh. Sepertimana di Minangkabau asal, pemecahan atau pembelahan sesuatu suku yang memunculkan suku baru juga berlaku di Negeri Sembilan. Di Rembau hampir tiap-tiap suku mempunyai belahan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 96-97; Abdullah Ibrahim, 2005).

<sup>15</sup> Dalam *Ensiklopedi Minangkabau* yang disusun oleh Mas'oeed Abidin, Azmi, Hasril Caniago, Hawari Siddik, Hayati Nazar, Yawwirman, Raudha Thaib, ...., & Zukri Saad (Padang, 2005), hal.238, *limpapeh* juga merupakan nama kupu-kupu, binatang yang memiliki keindahan. Ertinya ialah perempuan yang menyemarakkan suasana *rumah gadang*.

Suku juga diwariskan. Suku daripada seorang anak mengikut suku kepada ibunya. Apabila ibu bersuku Caniago atau Seri Malenggang Minangkabau, maka anaknya akan bersuku demikian pula.

### **1.9.2 Rumah Gadang dan Rumah Induk**

*Rumah gadang* di Minangkabau asal atau rumah induk di Daerah Rembau termasuk harta pusaka. Inilah harta yang tidak boleh dipeganggadaikan. Hal ini berkait dengan fungsi dan makna rumah ini bagi kedua-dua kelompok masyarakat ini. *Rumah gadang* atau rumah induk tidak hanya berfungsi sebagai tempat kediaman keluarga juga berfungsi sebagai tempat penyelesaian persoalan kaum kerabat dan tempat penyelenggaraan acara-acara yang berkaitan dengan perjalanan hidup daripada ahli kerabat seperti acara akikah sampai kepada penyelenggaraan penguburan (A.A.Navis, 1984: 176; Yaakub Idrus, 1996: 17-18). Oleh itu, rumah ini menjadi lambang kehadiran suatu kaum dan pusat kehidupan dan kerukunan antara ahli kaum kerabat.

Berkaitan dengan fungsi sebagai tempat kediaman, kaum perempuan boleh menginap di rumah gadang atau rumah induk. Kaum perempuan ini terdiri daripada nenek, ibu, saudara perempuan, dan anak perempuan kepada saudara perempuan. Anak lelaki yang kecil boleh menginap di rumah ini. Apabila besar, mereka akan menginap di surau bersama para bujang dan para duda. Di sana, mereka mendapat ilmu agama dan ilmu keduniaan seperti bersilat. Saudara lelaki yang sakit atau tua dibolehkan tinggal di rumah ini. Masih ada lelaki lain yang boleh menginap di rumah ini, iaitu menantu. Akan tetapi, dia tidak menjadi ahli keluarga isterinya. Kebiasaan ini tidak sepenuhnya diamalkan sekarang ini. Anak lelaki tidur di rumah. Fungsi surau berkurangan, iaitu hanya sebagai tempat belajar agama dan belajar membaca al-Quran. Perubahan ini kelihatannya sudah lama terjadi di Luak Rembau.

Rumah induk dibina oleh bapa dan anak lelaki juga tidur di sana.<sup>16</sup> Fungsi surau sama seperti fungsi surau Minangkabau asal sekarang, bahkan surau di Mukim Batuhampar berubah fungsi. Anak-anak mengaji di masjid atau di rumah. Sekali-kali surau menjadi tempat acara silaturahim orang-orang kampung.

Berkaitan dengan fungsi sebagai pusat kehidupan, rumah gadang atau rumah induk ini menjadi tempat membahaskan pengelolaan sumber kehidupan keluarga luas dan *paruik* (*ruang*, istilah di Rembau). Harta pusaka ini harus dikelola dengan baik sehingga hasilnya boleh menyara kaum kerabat. Rumah juga menjadi tempat membincangkan penggunaan hasil dan peningkatan hasil dan sumber kehidupan lainnya. Semua ahli keluarga yang dewasa sama ada lelaki atau perempuan ikut terlibat dalam mesyuarat untuk mencapai muafakat.

Rumah gadang atau rumah induk juga menjadi tempat penyelesaian bagi perselisihan yang terjadi antara ahli keluarga dan kaum kerabat. Masalah lain yang dihadapi oleh keluarga luas (*rumpun*) dan *paruik* (*ruang*) juga dibawa ke rumah ini untuk dibahaskan dan dicarikan penyelesaiannya.<sup>17</sup>

Rumah juga menjadi tempat berkumpul dan tempat bersilahturahim kerana di rumah ini tinggal perempuan tertua dalam keluarga luas (*rumpun*) dan *paruik* (*ruang*). Pada hari-hari tertentu, misalnya hari lebaran, para menantu perempuan berserta anak mereka (digelar *anak pisang*) datang untuk berkunjung.<sup>18</sup> Ahli keluarga

---

<sup>16</sup>Setakat ini belum didapati rujukan apakah ada konsep surau di Negeri Sembilan seperti di Minangkabau asal. Dalam *Rumah Tradisional. Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*.yang ditulis oleh Yaakub Idrus (Shah Alam, 1996), hal.51, teruna tidur di serambi.

<sup>17</sup> Orang yang termasuk ke dalam keluarga luas bererti mereka ialah orang-orang *samandeh* (satu ibu). Di Daerah Rembau, keluarga luas ini adalah sama dengan *ruang*.

<sup>18</sup> Di Daerah Rembau tidak didapati istilah khusus untuk anak pisang. Nenek sebelah bapa menganggap mereka sebagai cucu juga.

luas atau rumpun dan *paruik* atau ruang yang lain juga akan berkunjung sebagai bentuk penghormatan mereka kepada orang yang tua antara keluarga luas dan *paruik* mereka.

Dari segi reka bentuk atau seni bina, *rumah gadang* Minangkabau dan rumah Melayu Negeri Sembilan berbeza pada amnya, termasuk rumah induk di Daerah Rembau berbeza. Konsep tata ruang *rumah gadang* berbeza dengan rumah Melayu. Rumah gadang mempunyai ciri khusus, iaitu *bagonjong* (ujung atap di sebelah kiri dan kanan runcing), berlanjar-lanjar (ruangan dari depan ke belakang), berbilik (banyak), dan memanjang ke tepi. Rumah tradisional Negeri Sembilan berbentuk rumah Melayu pada amnya (mirip rumah tradisional Melaka). Ciri khususnya ialah atap berbunga panjang, berserambi, rumah ibu, dan ruang dapur (Yaakub Idrus, 1996:157).

Bentuk *rumah gadang* beragam. Di daerah Minangkabau, ragam tersebut berkaitan dengan keselarasan dan luhak (*luhak nan tigo*). Bentuk rumah orang Bodi Caniago berbeza dengan orang Koto Piliang. Antara mereka juga tidak ada keselarasan dan berbeza-beza, misal rumah orang Bodi Caniago di Luhak Agam dengan di Luhak Lima Puluh. Berbeza dengan daerah Minangkabau asal, bentuk rumah tradisional di Daerah Rembau tidak beragam.

Rumah-rumah tradisional ini dilengkapi dengan tempat penyimpan padi. Di daerah asal pada amnya dinamakan *rangkiang*, manakala di Daerah Rembau dinamakan *kopuk*. Nama ini juga digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Rumah berserta *rangkiang* atau *kopuk* ini menjadi ikon daripada sumber utama kehidupan masyarakat, iaitu pertanian.

Di Minangkabau, *rumah gadang* menjadi simbol kehadiran suatu kaum (penjelasan kedua-duanya terdapat di bahagian struktur sosial budaya) kerana *rumah gadang* milik komunal (bersama). Apabila sesuatu kaum tidak mempunyainya, mereka dianggap sebagai pendatang di kampung itu. Berbeza dengan Minangkabau, rumah induk milik keluarga asas yang dibina di atas tanah pusaka. Oleh itu, yang tinggal di sana ialah satu keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa, anak-anak, dan keluarga asas daripada anak perempuan. Di Daerah Rembau, rumah ini diwariskan kepada anak perempuan yang bongsu.

Pewarisan harta pusaka yang berupa *rumah gadang* atau rumah induk seperti harta pusaka lainnya kepada kaum perempuan merupakan simbol daripada perlindungan kaum kerabat. Oleh itu, pusaka ini tidak boleh dibahagi-bahagi dan dijual beli. Harta ini harus dijaga dan diharap akan bertambah. Di Minangkabau, kekayaan lelaki yang diperoleh berkat kejayaannya mengusahakan sesuatu bukan dari harta pusaka akan diperuntukkan untuk saudara perempuannya. Lelaki berperanan utama dalam menjaga maruah dan martabat kerabatnya, terutama bagi saudara perempuannya. Di samping dibelikan sawah dan ladang, kekayaan lelaki juga digunakan untuk membina rumah saudara perempuannya sebagai persiapan perkahwinan mereka kelak. Perkara ini terangkum dalam petikan perumpamaan berikut: *apo guno badan mancari, iyo mamagang sawah jo ladang, nak mambela sanak kanduang* (apa guna badan mencari, ialah memegang sawah dan ladang, untuk membela saudara kandung).

### 1.9.3 Perkahwinan

Perkahwinan masyarakat Minangkabau asal dan masyarakat Luak Rembau bersifat eksogami (A.A. Navis, 1984:193; Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:102). Menurut

Koentjaraningrat (1997:93), eksogami menentukan bahawa seseorang itu hanya boleh berkahwin dengan orang di luar lingkungannya. Batasan lingkungan eksogami pada masyarakat ini ialah suku. Seseorang itu tidak boleh berkahwin dengan orang daripada suku yang sama. Inilah konsep perkahwinan yang ideal menurut kedua-dua kelompok masyarakat ini.

Konsep perkahwinan di atas tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam kehidupan seharian masyarakat. Ramai juga ahli masyarakat yang melaksanakan perkahwinan endogami, iaitu perkahwinan antara orang yang bersuku sama. Konsep adat endogami ini terhad pada suku yang sama, tetapi belahan atau perutnya boleh berbeza. Sesama suku Caniago dibolehkan berkahwin asal belahan atau pecahannya yang berbeza. Sesama suku Batu Hampar dibolehkan berkahwin asalkan perutnya berbeza, misal antara orang bersuku Batu Hampar Patani bernikah dengan Batu Hampar Minangkabau. Di Luak Rembau, hal ini dibolehkan. Meskipun mereka berasal dari kampung asal Minangkabau, yang sama, suku mereka belum tentu sama.

Aturan tempat tinggal selepas berkahwin di kedua-dua kawasan kajian bersifat uksorilokal. Menurut Koentjaraningrat (*ibid*: 104), adat ini menetapkan sepasang suami isteri harus duduk di persekitaran permukiman kaum kerabat isteri.<sup>19</sup> Mereka duduk di *rumah gadang* atau rumah induk kaum kerabat isterinya. Apabila rumah ini penuh, maka kaum kerabat isterinya atau suami akan membina rumah baru di sekitar rumah utama.

<sup>19</sup> Norhalin Hj. Ibrahim dalam *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan* (Seremban. 2007) hal.279 menyebut *Adat Jemput Isteri*. Adat ini dilaksanakan oleh suami dan keluarganya apabila ingin isteri. Isteri tinggal di rumah ibu suami. Di Minangkabau tidak ada acara sejenis ini. Pola uksorilokal masih kukuh diamalkan masyarakat Minangkabau asal. Di bandar, suami isteri tinggal di rumah binaan sendiri dan bukan di atas tanah pusaka keluarga ibu isteri. Pola menetap sejenis ini juga lazim di kampung seperti di Nagari Batuhampar.

Lelaki yang berkahwin berstatus sebagai menantu dalam kaum kerabat kepada isterinya. *Sumando* di Nagari Batuhampar atau *orang semenda* di Negeri Sembilan (semenda) ialah istilah khusus yang diberikan kepada mereka. Dia sangat dihormati kerana ia ialah lelaki pilihan. Oleh itu, dia dilayani dengan baik. Dia diperlakukan bagi *manatiang minyak panuah* (menating minyak penuh). Dia disapa bukan dengan nama dirinya, tetapi disapa dengan *gala* (gelar) yang diberikan kepadanya menjelang acara perkahwinan. Peringkat adat ini juga yang berlaku di Negeri Sembilan. Penghormatan semacam ini juga diperlakukan kepada ahli kerabatnya. Cara penghormatan itu pelbagai. Mereka diperlakukan khusus apabila berada di rumah kaum kerabat isterinya. Pada hari dan bulan yang baik, isteri membawa makanan untuk ibu dan saudara perempuannya.

Pola uksorilokal tidak menyebabkan mereka menjadi ahli kumpulan zuriat isterinya. Mereka tetap menjadi ahli keluarga luas atau kaum kerabat ibunya. Mereka dipandang sebagai tamu (A.A. Navis, 1984:211). Oleh itu, mereka tidak perlu bertanggungjawab atas kehidupan anak isterinya.<sup>20</sup> Mereka akan datang pada malam hari. Siang harinya, mereka berada di lingkungan kaum kerabat ibunya. Mereka mengusahakan dan menjaga sumber kehidupan mereka, misal mengusahakan sawah atau ladang yang hasilnya untuk ahli keluarga luas ibunya, iaitu nenek, ibu, saudara perempuan, dan kemanakannya. Meskipun demikian, semenda yang dinilai baik itu ialah *sumando niniak mamak* (istilah di Minangkabau asal) atau *orang semenda atas tempat semenda* (istilah di Negeri Sembilan). Semenda ini menumpukan kehidupan anak isterinya (ibid:212) atau menguatkan kedudukan suku dan keluarga isterinya (Norhalim Hj. Ibrahim, 2007:255).

<sup>20</sup> Berbeza dengan Minangkabau asal, *orang semenda* (istilah di Negeri Sembilan) memiliki kekuasaan kepada isterinya sepertimana tersebut dalam perbilangan: *kunci bini, laki*. Mereka juga bertanggungjawab atas kehidupan anak isteri. Menurut Norhalim Hj. Ibrahim dalam *Adat Pepatih* (Kuala Lumpur 1993), hal.110, saudara-saudara isteri tidak berhak campur tangan dalam masalah atau perkara rumah tangga mereka sepertimana tergambar dalam perbilangan: *lingkungan bendul yang empat, orang semenda yang punya*. Dualisme kedudukan lelaki ini tergambar dengan perlambangan mereka, iaitu durian (lambang sebagai *kadim*) dan mentimun (lambang sebagai *orang semenda*).

Anak-anak hasil daripada perkahwinan ini tinggal dan dibesarkan di sekitaran kaum kerabat ibunya. Ahli keluarga luas ibunya dan saudara-saudara seninik atau serumpun, separuik atau seruang, dan sekaum atau seperut ibunya turut serta menjaga mereka.

Perlakuan terhadap menantu perempuan berbeza dengan perlakuan terhadap menantu lelaki seperti mana telah digambarkan di atas. Status dalam keluarga suaminya ialah menantu. Sebagai menantu, ia harus pandai mengambil hati mentua (A.A. Navis, 1984:217). Status menantu perempuan di Daerah Rembau lebih kurang sama dengan Minangkabau asal.

Tanah permukiman yang terbatas dan tidak selaras dengan pertambahan penduduk mendorong munculnya rumah-rumah baru yang dihuni oleh keluarga asas (ibu bapa dan anak). Rasa bertanggungjawab yang sesuai dengan ajaran agama Islam serta keinginan untuk hidup lebih selesa mendorong pertambahan rumah-rumah tersebut. Tempat pembinaan rumah tersebut boleh jadi di sekitar *rumah gadang* dan rumah induk di kampung, atau di luar kampung. Di Mukim Batuhampar, misalnya banyak rumah induk dibina oleh bapa.

#### **1.9.4 Tali Kekerabatan**

Bagi masyarakat Minangkabau asal dan masyarakat Daerah Rembau yang mengamalkan fahaman kekerabatan matrilineal, perkahwinan bukan sekadar menyatukan dua orang manusia. Perkahwinan juga terciptanya tali kekerabatan antara dua kaum kerabat. Intensiti kekerabatan bergantung pada jenis tali kekerabatan antara mereka.

A.A. Navis (*ibid*:221) mendedahkan empat jenis tali kekerabatan, iaitu 1) tali kerabat mamak, 2) tali kerabat suku-sako, 3) tali kerabat induak bako-anak pisang, dan 4) tali kerabat andan-pasumandan. Dua jenis tali kekerabatan pertama mengarah pada hubungan ke dalam, sedangkan dua jenis tali kekerabatan berikutnya mengarah pada hubungan ke luar. Pada dasarnya, keempat-empat jenis tali kekerabatan ini juga wujud di Daerah Rembau dengan istilah yang berbeza.

Tali kerabat *mamak-kemanakan* ialah tali kekerabatan yang tercipta antara lelaki dengan anak-anak daripada saudara perempuannya atau antara anak lelaki dengan ibu saudara yang lelaki. *Mamak* (di Minangkabau asal) atau *kadim* (di Negeri Sembilan) tidak sekadar istilah yang diberikan kepada ibu saudara yang lelaki. Dengan istilah ini melekat status seorang lelaki mulai daripada struktur lingkungan yang paling kecil sehingga struktur lingkungan yang paling besar, iaitu *samandeh* (keluarga luas ibu), *paruik*, kaum, dan suku. Di Negeri Sembilan, struktur kelompok kekerabatan ialah rumpun, ruang, porut, dan suku. Peranannya sebagai *mamak* adalah membimbang para *kaminakan* (istilah Minangkabau asal) atau *anak buah* (istilah di Negeri Sembilan). Kedua-dua istilah ini bermakna kemanakan. Bentuk bimbingan itu bergantung kepada sasarannya. Bagi kemanakan perempuan, mereka membimbang persiapan untuk menyambut *warih bajawek* 'waris berjawat' dan persiapan untuk melanjutkan keturunan. Maksudnya, para kemanakan dibimbang untuk dipersiapkan sebagai perempuan yang akan menjadi *pusek jalo pumpunan ikan* (pusat jala pumpunan ikan). Hal ini berkaitan dengan sistem nasab ibu yang diamalkan oleh mereka. Perempuan akan menjadi nenek, ibu, dan menjadi penerus zuriat. Para kemanakan ini juga dipersiapkan menjadi isteri dan menantu yang akan menjalin dan menjaga tali kekerabatan dengan kelompok masyarakat lain. Bagi kemanakan lelaki, *mamak* membimbang mereka dalam persiapan untuk *pusako batolong* (pusaka bertolong).

Maksudnya, mereka membimbing para kemanakan sebagai penunjang dan pengembang sumber-sumber kehidupan kerabatnya. Pada dasarnya, peranan *mamak* di Minangkabau asal ini adalah sama dengan peran *kadim* (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:101) atau *buapak kedim* (Yaacob Harun, 1995:32-33) di Negeri Sembilan.

Tali kerabat *suku sako* ialah tali kerabat orang-orang yang berada dalam satu struktur sosial yang sama. Suku merupakan kumpulan kekerabatan yang paling tinggi dalam struktur sosial masyarakat matrilineal atau adat perpatih.

Tali kerabat *induak bako-anak pisang* tercipta kerana adanya perkahwinan. Tali kerabat ini ialah hubungan kekerabatan antara saudara perempuan dengan anak daripada ibu saudara yang lelaki. Saudara perempuannya merupakan *induak bako* bagi anak daripada saudara lelaki ibu dan anak tersebut merupakan *anak pisang* bagi mereka. Intensiti hubungan mereka tentu tidak sama seperti hubungan anak dengan ibu. Hubungan kekerabatan ini membawa kesan kepada *induak bako*. Konsekuensi ini terlihat pada peristiwa kelahiran, perkahwinan, dan kematian. *Induak bako* tidak hanya menyokong secara moral juga menyokong secara kewangan pada semua peristiwa kehidupan tersebut. Tali kerabat ini dalam masyarakat Negeri Sembilan jarang digambarkan dalam tulisan atau kajian sehingga belum dikenali istilah khusus untuk konsep ini.<sup>21</sup>

Tali kerabat *andan-pasumandan* ialah hubungan kekerabatan yang tercipta kerana perkahwinan satu daripada ahli keluarga dengan ahli keluarga yang lain. *Pasumandan* ialah hubungan kekerabatan antara ahli suatu keluarga luas dengan ahli keluarga luas lain kerana perkahwinan satu daripada ahli keluarga mereka.

<sup>21</sup> Setakat ini belum dikenali istilah dalam Dialek Negeri Sembilan bagi *bako* dan *anak pisang*. *Bako* disebut *sodaro sebelah bapak*. Lazimnya, *anak pisang* disebut sebagai cucu. Dahulunya cucu daripada anak lelaki ini disebut sebagai cucu di rumah orang. Orang Minangkabau juga menganggap anak pisang sebagai cucu di rumah orang juga. Orang yang dimaksudkan di sini ialah keluarga suami daripada anak.

Hubungan kekerabatan ini mencipta hubungan kekerabatan baru dengan ahli keluarga lain yang berkahwin dengan salah satu kelompok kekerabatan ini. Hubungan ini dinamakan *andan*. Hubungan andan-pasumandan ini membawa kesan sebagaimana terlihat pada peristiwa kelahiran, perkahwinan, dan kematian. Akibat yang dibebankan kepada pasumandan lebih besar daripada andan, tetapi beban tersebut tidak seberat beban *induak bako* (keluarga bapa).

### **1.10 Struktur Sosial Budaya dan Organisasi Kemasyarakatan**

Orang Minangkabau dan orang Rembau hidup berkelompok-kelompok. Kelompok tersebut berstruktur atau berperingkat-peringkat. Struktur yang akan djelaskan lebih dahulu ialah struktur menurut permukiman pentadbiran. Kelompok yang paling tinggi dan kawasannya yang paling luas ialah *nagari* (istilah Minangkabau asal) atau *daerah* (istilah orang Negeri Sembilan). Nagari dipimpin oleh *wali nagari*, sedangkan daerah dipimpin oleh pegawai daerah. Kawasan di bawah nagari ialah *jorong*, sedangkan untuk daerah ialah *mukim*. Jorong dipimpin oleh kepala jorong dan mukim dipimpin oleh kepala mukim. Di bawah jorong atau mukim ada kampung. Unit permukiman ini dipimpin oleh kepala kampung. Dahulu, penghuni kampung ialah orang-orang sesuku. Di Nagari Batuhampar, kampung juga bermakna suku. Makna demikian juga dijumpai di Luak Rembau. Kini, nama kampung yang sama dengan nama suku masih dikekalkan di kedua-dua kawasan kajian tersebut.

Struktur yang akan dihuraikan berikutnya ialah struktur kumpulan atau organisasi kemasyarakatan menurut sistem sosial budaya Minangkabau. Nagari, di samping merupakan sesebuah permukiman yang paling atas daripada semua struktur permukiman pentadbiran juga merupakan kelompok masyarakat adat yang paling besar dan luas. Nagari terdiri daripada pelbagai-bagai peringkat dan beberapa unit kumpulan

zuriat yang juga berperingkat-peringkat. Unit kumpulan zuriat yang terbesar ialah suku. Tiap-tiap nagari dihuni sekurang-kurangnya oleh empat suku.<sup>22</sup> Di Minangkabau asal, nagari dipimpin oleh wali nagari. Di Daerah Rembau, kelompok kemasyarakatan yang paling atas ialah *luak*.<sup>23</sup> Kelompok ini dipimpin oleh seorang *Undang*. Sesebuah suku dipimpin oleh seseorang penghulu suku di Minangkabau asal atau datuk lembaga di Daerah Rembau. Meskipun suku di Daerah Rembau berjumlah 12 suku, namun pecahan suku dan suku baru cukup banyak. Di Nagari Batuhampar, pecahan suku induk lebih banyak lagi. Oleh itu, tidak menghairankan jumlah penghulu banyak sekali melebihi jumlah lembaga di Daerah Rembau.<sup>24</sup> Kesemua suku di Nagari Batuhampar dipimpin oleh seorang penghulu yang digelar *Penghulu Pucuk* atau disebut juga *Tuak Pucuak*, sedangkan di Luak Rembau dipimpin oleh Undang.

Tiap-tiap suku mengandungi kumpulan zuriat yang digelar *payuang* atau *kaum* (di Minangkabau asal) atau *poghot* (istilah di Negeri Sembilan). Bilangan ahlinya dikira hingga enam generasi (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:99). Unit matrilineal ini tertakluk di bawah perlindungan seorang ketua kumpulan zuriat yang digelar penghulu di Minangkabau asal atau *buapak* di Negeri Sembilan.

Unit *payuang* atau *poghot* terdiri daripada beberapa kelompok *paruik* atau *ruang* (istilah di Negeri Sembilan). *Paruik* mengandungi keluarga-keluarga luas (*kelompok saniniak* di Minangkabau atau *rumpun* di Negeri Sembilan). Bilangan ahli daripada kelompok serumpun ini dihitung sampai tiga generasi. Kelompok kekerabatan ini tertakluk di bawah perlindungan seorang ketua kumpulan kerabat yang

<sup>22</sup> Ada juga nagari yang dihuni kurang daripada empat suku.

<sup>23</sup> Pengertian *luak* di Rembau dan *luak* di Minangkabau asal berbeza. Luak di Rembau bererti sesuatu kawasan yang dipimpin oleh pembesar adat tertinggi, iaitu Undang. Sementara di Minangkabau asal, *luak* (lazimnya *luhak*) ialah nama kawasan asal semua orang Minangkabau. Lihat kembali catatan kaki nombor 2.

<sup>24</sup> Midawati dalam “Perempuan dan Komerasialisasi Pertanian di Nagari Batuhampar”, *Disertasi*, (Jakarta, 2001), di bahagian lampiran diperturunkan semua penghulu berserta gelarannya. Pada masa penulisan disertasi itu, penghulu berjumlah 25 orang.

<sup>25</sup> Di daerah yang berbeza di Minangkabau asal, nama unit matrilineal *payuang* belum tentu sama. Unit kelompok matrilineal di bawah suku ada yang digelar *kaum* yang juga merupakan kumpulan daripada sejumlah *paruik*. Ahli daripada *paruik* tersebut menetap di kawasan yang sama atau berdekatan.

digelar *tungganai* (istilah Minangkabau asal) atau *kadim* atau *tua ruang* (istilah di Negeri Sembilan).

Cakupan tanggung jawab seorang pemimpin bergantung pada peranannya di dalam kelompok kekerabatan. Peranan penghulu atau lembaga tentu lebih besar berbanding peranan daripada pemimpin di peringkat bawahnya.

### **1.11 Konsep-konsep Berkaitan Kata Sapaan**

Manusia ialah makhluk sosial dan mereka tidak boleh hidup sendiri. Dalam bersosial, manusia mesti lah berhubungan (berkomunikasi). Komunikasi boleh berupa komunikasi lisan mahupun tulisan (tertulis). Dalam berkomunikasi lisan, penutur boleh menggunakan media penghubung dan boleh pula tidak menggunakannya. Ada dua pihak yang terlibat sekurang-kurangnya dalam berkomunikasi tersebut, iaitu penyapa dan pesapa.

Dalam komunikasi lisan tanpa media, penyapa dan pesapa bersemuka yang kemudian berterusan dengan peristiwa tegur sapa atau bersapa. Mengikut Harimurti Kridalaksana (1982), semua bahasa itu sememangnya mempunyai tegur sapa. Selanjutnya, beliau menjelaskan tegur sapa sebagai sejenis sistem yang mempertautkan peranti kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang dipakai untuk menyebut dan memanggil para pelaku dalam peristiwa bahasa. Takrifan ini tidak menunjuk khusus pada istilah kata sapaan. Walaupun demikian, takrifan ini sudah mengindikasi penggunaan bentuk sapaan yang berbentuk kata, tepatnya kata sapaan.

Dalam *Kamus Linguistik* yang disusun oleh Harimurti Kridalaksana (ibid:214), sapaan ialah morfem, kata, atau frasa yang dipergunakan untuk saling

merujuk dalam situasi pembicaraan yang berbeza-beza menurut hubungan antara pembicara. Lemanya ialah *sapaan*. Daripada takrifan ini, kata yang tersebut dalam takrifan itu ialah satu daripada bentuk sapaan. Dengan demikian, takrifan ini belum menjurus secara khas kepada takrifan kata sapaan. Dalam *Kamus Linguistik* (Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir, dan Noor Ein Haji Mohd. Noor, 1997:119) terdapat lema kata sapaan. Oleh itu, takrifannya sudah menjurus pada kata sapaan. Dalam kamus ini, kata sapaan dirumuskan sebagai perkataan-perkataan yang digunakan untuk merujuk individu-individu tertentu dan perkataan itu dapat mengidentifikasi status sosial individu yang dirujuk atau disapa. Penggunaan kata *dirujuk* boleh menimbulkan ketaksaan pemahaman tentang individu yang dirujuk tersebut. Individu itu boleh sahaja orang ketiga. Orang ini tidak hadir dalam tegur sapa, tetapi menjadi hal pembicaraan dalam tegur sapa tersebut.

Abdul Chaer (2000:107) merumuskan takrifan yang lebih bersifat am. Mengikut rumusannya, kata sapaan ialah kata-kata yang digunakan untuk menyapa, menegur, atau menyebut orang kedua atau orang yang diajak bicara.<sup>25</sup> Takrifan ini tidak menimbulkan ketaksaan tentang orang yang disapa kerana disebut dengan jelas bahawa orang yang disapa, ditegur, atau disebut ialah orang kedua, iaitu orang diajak bicara. Istilah lain daripada orang yang diajak bicara itu ialah lawan bicara, kawan bicara, atau mitra bicara.

Takrifan kata sapaan yang terdapat dalam *Kamus Linguistik* yang disusun Ramli Md. Salleh Sanat Md. Nasir, dan Noor Ein Haji Mohd. Noor di atas sudah mengandungi aspek sosiolinguistik. Menurut takrifan ini, bentuk kata sapaan

---

<sup>25</sup> Mengikut *Kamus Bahasa Indonesia* yang disusun oleh Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa (Jakarta, 2008), hal.1279 dan *Kamus Dewan* yang disusun Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur, 2007), hal.1405, makna kata *menyebut* tidak sama dengan *menegur* dan *menyapa*. Makna kata ini antara lain ialah memanggil, menyeru, mengucapkan, dan memperkatakan. Berdasarkan makna ini, kata ini lebih dekat dengan kata *memanggil*.

yang digunakan menunjukkan status sosial orang yang disapa. Sementara takrifan yang dirumuskan oleh Abdul Chaer (2000) di atas bersifat deskriptif.

Fasold (1984:23) menggunakan istilah *address forms* (bentuk sapaan). Takrifannya tidak berbeza dengan takrifan yang dirumuskan oleh Abdul Chaer. Fasold juga menjelaskan bahawa pada amnya bahasa mempunyai dua jenis bentuk kata sapaan. Jenis pertama ialah nama (*names*). Jenis keduanya ialah kata ganti orang kedua (*second person pronouns*). Sebelum dua tulisan ini diterbitkan, Harimurti Kridalaksana (1982) telah membuat kajian tentang kata sapaan bahasa Indonesia. Kedua-dua jenis bentuk kata sapaan ini merupakan dua jenis kata sapaan daripada sembilan kata sapaan yang didapatinya (lihat kembali bahagian 1.5 Kajian Lalu). Istilah yang digunakannya ialah nama diri dan kata ganti. Tiga bentuk kata sapaan lain yang ditemui Harimurti Kridalaksana (*ibid*) yang berkenaan dengan objek penyelidikan ini ialah istilah kekerabatan, gelaran, dan pangkat.

Istilah nama diri (*proper name*) ialah nama orang, tempat, atau benda (Harimurti Kridalaksana, 2008:161). Istilah nama diri ini termasuk dalam kata nama khas menurut Asmah Hj. Omar (2009). Kata ganti atau pronominal (*pronoun*) ialah kata yang menggantikan nominal atau frasa nominal (Harimurti Kridalaksana, 2008:200). Pronominal persona (*personal pronoun*) atau kata ganti nama diri (istilah Asmah Hj. Omar, 2009) ialah pronominal yang menunjuk kategori persona (Harimurti Kridalaksana, 2008:201). Seterusnya, istilah kekerabatan (*kindship terms, family terms*) ialah kata atau frasa yang mengungkapkan anggota-anggota suatu kelompok yang secara biologi berhubungan (berkerabat) (*ibid*:97). Dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:450), gelar atau gelaran ialah sebutan kehormatan, kebangsawanahan, tetel, atau derajat yang ditambahkan di depan nama orang.

Gelaran ini juga mempunyai erti sebagai sebutan (julukan) seseorang yang berkaitan dengan tabiat atau keadaannya. Takrifan yang hampir sama juga terdapat dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

Asmah Hj. Omar (2009) membahagi gelaran kepada lapan jenis, iaitu gelaran kekeluargaan, gelaran pergaulan biasa, gelaran pergaulan tak bersahaja, gelaran warisan, gelaran kurniaan, gelaran keagamaan, gelaran olokan, dan gelaran kegerunan. Gelaran kekeluargaan ialah gelaran yang digunakan berasaskan pemilihan umur dan pangkat dalam sistem kekeluargaan. Contoh gelaran ini antara lain ialah *pak* yang ditujukan kepada orang lelaki yang kira-kira sebaya dengan ayah kendiri, *tok* yang ditujukan kepada orang lelaki atau perempuan yang kira-kira seumur dengan datuk atau nenek penyapa (ego), dan *adik* yang ditujukan kepada orang lelaki atau perempuan yang lebih muda dari penyapa. Istilah lain daripada kekeluargaan ini ialah kekerabatan. Dengan demikian, kata sapaan kekeluargaan boleh disebut pula dengan istilah lain, iaitu kata sapaan kekerabatan.

Gelaran selanjutnya, gelaran pergaulan biasa ialah gelaran yang digunakan dalam pergaulan sehari-hari yang ditujukan kepada orang yang tidak mempunyai hubungan kekerabatan. Contoh, *cik* ditujukan kepada perempuan yang belum berkahwin, sebaya dengan kendiri, lebih muda dan tua daripada kendiri, serta belum setua ibu bapa kendiri. Pasangan gelaran ini ialah *ncik*. Seterusnya, gelaran pergaulan tak bersahaja (rasmi) ialah gelaran yang menunjukkan adanya sekatan-sekatan sosial tertentu antara pemeran-pemeran yang berkenaan. Contoh, *tuan* ialah gelaran yang ditujukan kepada orang lelaki yang pangkatnya lebih tinggi daripada kendiri dalam pekerjaan dan orang lelaki yang bergelar haji, doktor, dan professor. Pasangan daripada gelaran ini ialah *puan*. Gelaran warisan ialah gelaran yang diwarisi

sejak lahirnya seseorang. Antara gelaran itu ada yang menunjukkan hubungan kerabat diraja dan ada pula yang tidak. Gelaran kurniaan, berasaskan takrifan yang dirumuskan oleh Asmah Hj. Omar (ibid) ialah gelaran yang dianugerahi oleh kerajaan atau pemerintah dan gelaran yang diperoleh seseorang kerana kejayaannya dalam bidang akademik atau ikhtisas.

Gelaran jenis pertama disebut dengan gelaran kurniaan kerajaan. Contohnya antara lain ialah *Datuk* yang dikurniakan oleh kerajaan-kerajaan negeri Semenanjung kepada lelaki sahaja dan *Toh Puan* yang ditujukan kepada isteri kepada *datuk* di Terengganu. Sementara gelaran jenis kedua disebut gelaran kurniaan ikhtisas. *Profesor* dan *cikgu* merupakan dua contoh daripada gelaran ini. Gelaran *profesor* ditujukan kepada lelaki dan perempuan yang sudah mencapai pangkat yang paling tinggi dalam bidang akademik. Gelaran *cikgu* ditujukan kepada guru sama ada lelaki atau perempuan. Gelaran berikutnya, gelaran keagamaan berkenaan dengan keagamaan. Gelaran *haji* merupakan contoh daripada gelaran keagamaan. Pasangannya ialah *hajah*. Selanjutnya, gelaran olokan ialah gelaran yang dimaksudkan hanya untuk olok-olokan. *Si* ialah contoh gelaran ini yang cenderung muncul sebelum kata nama khas manusia dan kata sifat yang membangkitkan sifat yang ada padanya dan juga untuk nama binatang kesayangan. Konsep gelaran ini hampir sama dengan konsep nama julukan yang ditakrifkan sebagai nama tambahan pada nama asli atau mengganti nama asli. Nama julukan berkaitan dengan ciri-ciri tubuh dan watak khas si pemilik nama. Takrifan ini hampir sama dengan takrifan gelaran yang lain, iaitu sebagai julukan yang telah disebut di bahagian terdahulu. Gelaran terakhir ialah gelaran kegerunan, iaitu gelaran yang muncul sebelum kata nama tak bernyawa yang seluruh rangkai katanya merujuk kepada kata bernyawa. Contohnya ialah *sang* yang diikuti oleh kata *belang* sehingga terbentuk rangkai kata *sang belang*. Rangkai kata ini ditujukan kepada

harimau. Daripada contoh ini boleh dikatakan bahawa gelaran ini cenderung ditujukan kepada haiwan yang ditakuti.

Istilah nama timangan didapati dari hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Amat Juhari Moain (1989). Takrifannya ialah nama panggilan yang dipakai sebagai ungkapan kata sayang yang diberikan oleh ibu bapa dan keluargan pada masa kanak-kanak. Istilah lain daripada jenis gelaran ini ialah nama timangan dan panggilan kesayangan kepada anak oleh ibu bapa dan keluarganya. Nama timangan ini disebut sebagai satu daripada gelaran. Gelaran bahasa Melayu lainnya ialah gelaran warisan dan gelaran kurniaan (*ibid*: 46-56). Berbeza dengan Asmah Hj. Omar, Amat Juhari Moain menambah kata gelaran yang didapati daripada jawatan yang disandang dan gelaran yang diterima mengikut sistem adat, serta gelaran keagamaan ke dalam jenis gelaran kurniaan. Meskipun Asmah Hj. Omar tidak menyebut kata sapaan, namun dalam penggunaannya gelaran yang dihuraikan itu berpotensi menjadi kata sapaan.

Daripada kesemua konsep gelaran yang sudah dijelaskan di atas terdapat sesuatu gelaran di kedua-dua kawasan kajian yang pengertiannya tidak tercakup ke dalam konsep-konsep tersebut. Gelaran yang dimaksud ialah gelaran yang diberikan kepada lelaki yang akan berkahwin. Gelaran ini disebut juga dengan *gala mudo* (gelar muda). Bentuk gelaran sememangnya merupakan warisan. Penyelenggaraan pemberian gelaran tersebut menjadi bahagian dari adat perkahwinan.<sup>26</sup> Akan tetapi, gelaran ini tidak tepat dimasukkan ke dalam jenis gelaran warisan mengikut konsep Asmah Hj. Omar (2009) dan boleh dimasukkan ke dalam gelaran kurniaan mengikut sistem adat yang dikelompokkan oleh Amat Juhari Moain (1989).

<sup>26</sup> Gelaran ini merupakan warisan kerabat daripada zuriat ibu kecuali di rantau pesisir seperti Pariaman. Di rantau ini, gelaran itu diturunkan dari bapa. Bentuk gelarannya berbagai-bagai bergantung pada suku dan kawasan. Pada amnya, gelaran itu berasal daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Ada juga gelaran itu diambil daripada bahasa Minangkabau. Lihat juga *Alam Terkembang Jadi Guru* yang ditulis oleh A.A. Navis (Jakarta, 1984), hal. 132-134.

Pangkat merupakan jenis kata sapaan yang mengacu kepada taraf di peringkat kepegawaian dan kedudukan atau darjat kebangsawan dalam masyarakat (Harimurti Kridalaksana, 1982). Pangkat yang dimaksudkan oleh Harimurti Kridalaksana adalah sama dengan gelaran kurniaan dalam pembahagian gelaran mengikut Asmah Hj. Omar dan Amat Juhari Moain.

Bentuk kata sapaan itu pelbagai. Kepelbagaian itu terbentuk oleh penggunaan yang bergantung kepada siapa yang menggunakan kata sapaan, siapa dan dalam situasi yang bagaimana dan dengan jalur apa. Konsep ini mengandungi empat unsur yang membentuk keragaman tersebut. Pertama ialah pengguna kata sapaan, iaitu orang yang menyapa (penyapa). Kedua ialah rujukan kata sapaan, iaitu orang yang disapa (pesapa). Ketiga ialah situasi pertuturan yang memunculkan kata sapaan. Unsur yang terakhir, keempat ialah jalur penggunaan kata sapaan.

Unsur pertama dan kedua yang terkandung pada konsep di atas saling berkaitan. Bentuk kata sapaan yang digunakan oleh penyapa bergantung pada sifat atau bentuk hubungannya dengan pesapa. Pada kedua-dua unsur ini terkandung unsur umur dan jantina. Bentuk kata sapaan yang dipilih juga bergantung pada kedua-dua unsur ini yang merupakan angkubah sosiobudaya yang menjadi variasi dalam pemilihan kata sapaan.

Unsur ketiga, iaitu situasi pembicaraan juga menentukan bentuk kata sapaan yang akan digunakan. Situasi pembicaraan itu terbahagi kepada tiga, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi atau seharian. Berdasarkan kepada pembahagian ini, ragam bahasa terbahagi kepada tiga, iaitu ragam bahasa rasmi, ragam bahasa separa rasmi, dan ragam bahasa tidak rasmi. Pembahagian ini terkandung dalam takrifan ragam bahasa

yang dirumuskan oleh Harimurti Kridalaksana (*ibid*: 206). Mengikut rumusannya, ragam bahasa ialah variasi bahasa menurut pemakaian, yang berbeza-beza menurut topik yang dibicarakan, hubungan pembicara, rakan bicara, dan orang yang dibicarakan, serta media yang digunakan untuk pembicaraan tersebut. Selanjutnya, ragam rasmi ialah ragam bahasa yang dipakai apabila kawan bicara ialah orang yang dihormati oleh pembicara, topik pembicaraan bersifat rasmi, dan pembicaraan dilakukan di hadapan orang ramai. Asmah Hj. Omar (2008b:49) mentakrifkan bahasa formal (rasmi) sebagai bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi seperti dalam upacara rasmi, dalam pengurusan dan pentadbiran, dan dalam pengajaran di sekolah, universiti, dan institusi-institusi pendidikan yang lain, serta juga media massa. Seterusnya mengikut Asmah Hj. Omar, bahasa dikatakan rasmi kerana perlu mematuhi peraturan pembentukan kata dan ayat yang standard. Bahasa daerah dan dialek boleh pula mempunyai ciri yang khas yang berbeza dengan bahasa rasmi kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pada asasnya, kedua-dua takrifan yang dirumuskan oleh kedua-dua pakar ini adalah sama.

Asmah Hj. Omar (2008b) juga membuat takrifan tentang bahasa basahan yang terkenal sebagai bahasa seharian, tidak formal, atau tidak rasmi. Mengikut Asmah Hj. Omar (*ibid*:50), bahasa basahan ialah bahasa yang digunakan dalam perbualan sehari-hari antara penutur yang cakap berbahasa Malaysia, terutamanya penutur asli. Takrifan ini mengarah kepada bahasa Malaysia. Meskipun demikian, Asmah Hj. Omar menjelaskan bahawa bahasa tidak rasmi tidak menggunakan seluruhnya ciri bahasa formal, iaitu menggunakan ayat yang tidak panjang dan sebahagian besarnya menggunakan ayat selapis. Pada ragam tidak formal ini, kawan bicara berasal dari pelbagai orang, sama ada dari segi sifat hubungan, umur, atau jantina. Topik pembicaraan pelbagai, terutama tentang persoalan kehidupan seharian. Situasi kebahasaannya bersifat tidak rasmi atau seharian. Meskipun takrifan ragam bahasa

separa rasmi tidak ditemukan, namun takrifannya boleh diturunkan daripada kedua-dua takrifan ragam bahasa rasmi dan ragam bahasa tidak rasmi. Ragam separa rasmi dipakai bila kawan bicara orang yang dihormati, topik pembicaraan bukan topik rasmi dan bukan pula topik kehidupan seharian, atau pembicaraan dilakukan di depan orang ramai yang jumlahnya terbatas. Situasi kebahasaannya ialah separa rasmi juga. Pada ragam ini terdapat sebahagian ciri ragam bahasa rasmi dan sebahagian ciri ragam bahasa tidak rasmi. Ertinya, kadang kala ayat yang digunakan berupa ayat panjang dan berimbuhan. Kadang kala pula, ayatnya berupa ayat selapis dan tidak berimbuhan.

Unsur keempat ialah jalur atau saluran tempat kata sapaan digunakan. Jalur yang dimaksudkan ialah cara penyampaian. Cara ini terbahagi kepada dua, iaitu lisan dan tulisan. Contoh jalur lisan ialah pidato yang disampaikan secara langsung, sedangkan contoh jalur tulisan ialah warkah yang ditulis kepada seseorang atau penjawat. Kata sapaan mempunyai sistem kerana kata sapaan merupakan bahagian daripada bahasa. Sistem itu berkaitan dengan keempat-empat unsur yang telah diuraikan di atas. Penyapa mesti memperhatikan angkubah sosiobudaya dan situasi berlangsungnya peristiwa tegur sapa.

Kata sapaan yang menjadi batasan kajian ini ialah kata sapaan yang digunakan dalam kalangan ahli keluarga dan kaum kerabat. Bagi masyarakat di kawasan kajian, kerabat itu tidak hanya saudara disebabkan hubungan darah juga saudara disebabkan hubungan perkahwinan. Dengan demikian, ahli keluarga luas nenek dari belahan ibu dan bapa ialah saudara bertali darah. Kerabat tali darah sebelah ibu tidak hanya terhad kepada keluarga luas juga sampai kepada kelompok kekerabatan yang lebih besar daripada keluarga luas.

Kerabat yang mempunyai hubungan perkahwinan ialah kekerabatan yang terbentuk disebabkan perkahwinan antara mereka. Daripada perkahwinan tersebut tercipta hubungan mentua dengan menantu dan ipar serta besan. Meskipun hubungan mereka disebabkan oleh perkahwinan, mereka berpotensi untuk berhubungan. Fahaman uksorilokal atau matrilokal yang diamalkan masyarakat membuka potensi untuk bertegur sapa antara menantu lelaki dengan mentua, ipar dengan adik-beradik kepada isteri atau suami, ipar dengan ipar (biras), *sumado* (orang semenda) dengan *mamak rumah* (orang tempat semenda). Sejumlah acara adat membuka juga potensi tegur sapa antara kelompok *andan* dan *pasumandan* (keterangan istilah ini boleh dilihat kembali bahagian 1.9.4 Tali Kekerabatan). Gambaran tentang hubungan itu wujud pada bentuk kata sapaan.

## 1.12 Kesimpulan

Perbandingan bentuk kata sapaan yang digunakan masyarakat Minangkabau asal dengan bentuk kata sapaan yang digunakan masyarakat Daerah Rembau berdasarkan kepada hasil kajian di bidang sejarah dan sosiobudaya. Migrasi orang Minangkabau ke Negeri Sembilan telah bermula pada abad 15. Jejak migrasi ini terakam pada sosiobudaya masyarakat Negeri Sembilan. Berpijak pada asumsi bahawa bahasa merupakan bahagian daripada budaya, maka boleh dihipotesiskan bahawa terdapat persamaan bahasa yang digunakan masyarakat Minangkabau asal dengan masyarakat Minangkabau rantau, Negeri Sembilan. Kata sapaan merupakan satu daripada unit bahasa yang boleh menunjukkan persamaan. Umur migrasi yang sudah tua, tiadanya perhubungan dengan masyarakat Minangkabau asal, dan perbezaan negara berpotensi menimbulkan perbezaan pada bentuk kata sapaan yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan masyarakat. Perbezaan-perbezaan yang ada menunjukkan pula bahawa

bentuk kata sapaan mereka mengalami perubahan. Kajian ini akan membincangkan pula faktor-faktor yang menyebabkan perubahan berlaku.

## **BAB 2**

### **TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Di bahagian pertama diuraikan teori yang digunakan dalam menganalisis data penyelidikan manakala bahagian berikutnya dibincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian.

#### **2.1 Teori dan Model Sistem Sapaan**

Kajian yang dilakukan adalah dengan menggunakan pendekatan dan teori Ervin-Tripp (1986) dengan beberapa pengubahsuaian disebabkan budaya kawasan kajian mempunyai sedikit kelainan daripada budaya masyarakat Amerika seperti yang dikemukakan oleh pengkaji ini. Ervin-Tripp (1986) melakukan penyelidikan mengenai penggunaan kata sapaan masyarakat bahasa Inggeris orang Amerika. Daripada penyelidikan tersebut, Ervin-Tripp menemui dua kaedah atau peraturan dalam penggunaan kata sapaan. Peraturan itu ialah Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) dan Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurance Rules*). Dua peraturan ini kemudian berkembang menjadi tiga peraturan. Tambahannya ialah Peraturan Urutan (*Sequencing Rules*).

Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) berkenaan dengan pemilihan-pemilihan gaya bicara yang bersifat alternatif (Ervin-Tripp, 1986). Gaya bicara yang dimaksudkan ialah penggunaan bentuk kata sapaan bervariasi yang memberi alternatif bagi penggunanya. Bentuk yang dipilih bergantung pada keadaan penyapaan yang muncul dalam serangkaian penyeleksi (selektor). Ervin-Tripp menggambarkan peraturan ini dalam bentuk rajah yang berdasarkan sistem sapaan bahasa Inggeris orang

Amerika (lihat Rajah 2.1). Pada rajah tersebut terlihat *diamond* atau kotak yang berbentuk wajik yang tersusun dan dilengkapi dengan seperangkat pilihan. Apa-apa pun pilihan yang dilalui, pilihan tersebut bersifat binari (berganda,:+/-) yang akan membawa penggunaan kata sapaan untuk menuju kepada bentuk sapaan yang sesuai dengan orang yang disapa atau pesapa. Selektor-selektor yang terkandung dalam tersebut menjadi kategori sosial yang membenarkan laluan-laluan (*path*) yang berbeza. Kategori sosial tersebut diperturunkan sebagai yang berikut.

- a) Latar yang Ditandai oleh Status (*Status Marked Setting*). Situasi ini merujuk pada latar atau tempat terjadinya interaksi. Status seseorang jelas dan pasti. Kata sapaan tiap-tiap orang diderivasi daripada identiti sosialnya tersebut. Misal kata sapaan *Yang Arif* merupakan kata sapaan yang digunakan di ruang pengadilan yang ditujukan kepada hakim.
- b) Pangkat (*Rank*). Kategori ini merujuk pada tingkat dalam sesuatu kelompok kerja atau tingkat yang menunjukkan perbezaan status dalam suatu hubungan. Misalnya, perbezaan tingkat status antara guru dengan murid tergambar pada perbezaan kata sapaan yang digunakan oleh kedua-duanya.
- c) Set Identiti (*Identity Set*). Kategori ini merujuk pada gelaran dalam pekerjaan atau gelaran kurniaan (gelaran kehormat) yang diberikan kepada orang yang mempunyai jawatan tertentu atau yang mencapai pangkat dan pencapaian tertentu. Orang tersebut boleh disapa dengan gelarannya, misal gelaran ikhtisas *Profesor* kepada tenaga akademik yang paling tinggi taraf jawatannya.


Di samping tiga kategori sosial ini masih terdapat selektor lain yang pada dasarnya juga mengandungi aspek sosial seperti yang berikut ini.

- d) Dewasa (*Adult*). Kategori ini merujuk sama ada penyapa dewasa atau masih kanak-kanak.
- e) Nama Diketahui (*Name Known*). Kategori ini merujuk kepada nama pesapa sama ada dikenali atau tidak dikenali oleh penyapa.
- f) Persanakan atau kekerabatan (*Kin*). Kategori ini merujuk kepada status hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa.
- g) Kawan atau rakan sejawat (*Friend or Colleague*). Kategori ini merujuk kepada status hubungan kawan antara penyapa dengan pesapa.
- h) Pangkat yang Lebih Tinggi (*Alter Higher Rank*). Kategori ini mempertimbangkan sama ada pesapa berpangkat lebih tinggi atau tidak daripada penyapa.
- i) Umur melebihi 15 Tahun (*Alter 15 Years Old*). Kategori ini mempertimbangkan sama ada pesapa berumur lebih daripada 15 tahun.
- j) Dispensasi (*Dispensation*). Kategori ini mempertimbangkan pengecualian bagi pesapa yang berstatus lebih tinggi atau berusia yang lebih tua, tetapi mempunyai hubungan yang sangat dekat.
- k) Generasi Terdahulu (*Ascending Generation*). Kategori ini mempertimbangkan sama ada pesapa berasal daripada generasi yang lebih tua atau lebih muda daripada penyapa.
- l) Lebih Tua (*Older*). Kategori ini mempertimbangkan pesapa lebih tua atau lebih muda daripadanya.

Setelah memahami bentuk kata sapaan, penyapa mesti mempertimbangkan status perkahwinan dan jantina pesapa.

Kategori sosial di atas berserta selektor lain seperti mana ditunjukkan pada rajah tersebut juga bersifat binari. Pilihan yang bertanda + (positif) bermaksud

Rajah 2.1: Model Sistem Sapaan Masyarakat Amerika



Rajah ini diambil dari Susan Ervin-Tripp dalam *Directions in Sociolinguistics* oleh John J Gumperz dan Del Hymes (New York, 1986), hal. 219.

mengeyakan selektor. Sebaliknya, pilihan bertanda – (negatif) bermaksud menidakkan selektor tersebut.

Pada dasarnya, Peraturan Alternasi merupakan peraturan yang berkaitan dengan cara menyapa. Alternatif daripada bentuk kata sapaan dimungkinkan oleh berbagai-bagi selektor yang dipilih daripada bentuk kata sapaan yang ada dalam kelompok masyarakat bahasa yang dikaji. Secara keseluruhan, sistem sapaan model Ervin-Tripp ini menggambarkan cara-cara sistem sapaan dalam kelompok masyarakat Inggeris di Amerika. Selain itu, selektor persanakan atau kekerabatan dalam rajah sistem sapaan memberi gambaran awal bagaimana sistem kekerabatan dalam masyarakat tersebut.

Peraturan kedua, Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurance Rules*) berkenaan dengan kesalingbergantungan alternasi (Ervin-Tripp, 1986). Peraturan ini merupakan peraturan kemunculan bersama bentuk kata sapaan dengan bentuk lain. Bentuk lain berupa unit bahasa mulai daripada unit yang kecil seperti imbuhan hingga yang besar seperti ayat. Bentuk lain terdapat pula unit lain di luar bahasa, tetapi berkait dengan bahasa yang membentuk ciri kepada ragam bahasa tempat kata sapaan itu digunakan.

Peraturan ketiga, Peraturan Urutan (*Sequencing Rules*) ialah aturan yang ditetapkan mengikut urutan. Urutan daripada unsur kata sapaan itu boleh muncul di awal, di tengah, dan dapat pula muncul di akhir daripada keseluruhan urutan (ibid). Dengan demikian, urutan itu memperlihatkan sesuatu rangkaian unsur daripada bentuk kata sapaan tersebut. Yang ditetapkan oleh peraturan ini ialah kata sapaan yang merupakan dapatan daripada penerapan dua peraturan terdahulu.

Sistem sapaan model Ervin-Tripp ini dirumuskan sebagai hasil daripada kajian tentang bentuk kata sapaan bahasa Inggeris orang Amerika. Sosiobudaya mereka berbeza dengan sosiobudaya masyarakat kawasan kajian ini. Ini bererti bahawa permasalahan tentu muncul ketika menerapkan teori ini. Oleh itu, penerapan teori ini menghasilkan model sistem sapaan yang berbeza. Dengan demikian akan didapati sebuah model sistem sapaan yang sesuai dan mencerminkan sosiobudaya masyarakat di kawasan kajian.

## **2.2 Metodologi Kajian**

Dalam bahagian ini dibincangkan kawasan kajian, populasi dan sampel kajian, dan metodologi yang digunakan dalam kajian. Di bahagian populasi dan sampel diuraikan perihal data dan informan. Selanjutnya, pada metodologi kajian dijelaskan metodologi dan teknik pengumpulan data, metodologi dan teknik analisis data, dan metodologi dan teknik analisis yang dilakukan.

### **2.2.1 Kawasan Kajian**

Kajian ini merupakan hasil penyelidikan lapangan. Data dikumpulkan di tempat objek kajian itu digunakan oleh masyarakatnya. Penyelidikan jenis ini dinamakan oleh Asmah Hj. Omar (2008a) sebagai penyelidikan lapangan. Kawasan kajiannya berada di dua lokasi yang terpisah jauh, iaitu di Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat dan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus. Pemilihan dua kawasan ini berasaskan fakta sejarah yang telah dilalui bersama dan sistem sosiobudaya yang persis sama yang dianut oleh kedua-dua kelompok masyarakat. Disebabkan populasi kawasan penyelidikan ini luas, maka dipilih satu lokasi penyelidikan sahaja di tiap-tiap kawasan. Di Kabupaten 50 Kota dipilih Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru sebagai sampel. *Nagari* ini merupakan satu daripada sembilan nama tempat yang muncul

sebagai nama suku di Negeri Sembilan Darul Khusus. Lokasi pengumpulan data di Negeri Sembilan berada di Daerah Rembau. Alasan pemilihan daerah ini ialah fakta sejarah bahawa kampung yang lebih awal dibina perantau berada di kawasan ini (lihat kembali bahagian 1.8 Kedatangan Orang Minangkabau ke Daerah Rembau). Di daerah ini terdapat sejumlah mukim yang namanya sama dengan nama kecamatan, nagari, atau tempat lain di Kabupaten 50 Kota. Satu daripada mukim itu ialah Mukim Batu Hampar yang namanya sama dengan sampel lokasi penyelidikan di Kabupaten 50 Kota, iaitu Nagari Batuhampar.

### **2.2.2 Populasi dan Sampel**

Populasi data penyelidikan adalah seluruh kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat di kedua-dua kawasan penyelidikan. Disebabkan populasi tersebut banyak, maka dipilih sebilangan ahli masyarakat untuk dijadikan sampel. Sampel itu digelar sebagai informan. Mereka memberikan data yang diperlukan untuk kajian ini. Tugas mereka adalah sebagai pemaklum bahan (data) (Asmah Hj. Omar, 2008a). Kepada mereka diajukan sejumlah pertanyaan yang tersusun dalam suatu senarai pertanyaan. Pertanyaan itu terdiri daripada kata-kata sapaan yang digunakan dalam situasi yang berlainan.

Di tiap-tiap kawasan diambil empat orang informan. Mereka memenuhi persyaratan sebagai seorang informan. Persyaratannya adalah seperti yang berikut.


- a. Berumur 40-80 tahun
- b. Tidak nyanyuk
- c. Orang tempatan
- d. Lahir, besar, dan bermastautin di lokasi penyelidikan
- e. Menguasai bahasa tempatan

## Peta 2.1: Kabupaten 50 Kota



Diambil dari *Kabupaten Lima Puluh Kota dalam Angka* yang diterbitkan oleh Badan Perencanaan Pembangunan Lima Puluh Kota dan Badan Statistik Kabupaten 50 Kota, 2010.

## Peta 2.2: Negeri Sembilan



Diambil dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010,  
[http://statistics.gov.my/portal/download\\_Population/files/population/05Jadual\\_Mukim\\_negeri/Mukim\\_NSembilan.pdf](http://statistics.gov.my/portal/download_Population/files/population/05Jadual_Mukim_negeri/Mukim_NSembilan.pdf). Muat turun 11 Februari 2015.

Mengikut Asmah Hj. Omar (2008a), umur informan yang ideal itu ialah antara 40 hingga 60 tahun. Dalam jangka umur yang demikian, informan dianggap menguasai sistem dan struktur bahasa dan tidak pula nyanyuk. Akan tetapi, persyaratan ini sulit dipenuhi di lokasi penyelidikan. Seperti di Mukim Batu Hampar, ramai yang bermastautin di sana ialah orang yang sudah tua. Mereka berasa lebih selesa dengan kehidupan di kampung berbanding di bandar. Meskipun umur mereka lebih daripada 70 tahun, mereka belum nyanyuk. Sementara itu, umur informan di Nagari Batuhampar lebih muda daripada informan di Daerah Rembau. Umur mereka sekitaran 50-an. Penduduk yang berumur dalam lingkungan ini cukup ramai. Penduduk yang berumur tua juga ramai. Meskipun tua, mereka masih kuat bekerja, misalnya ke sawah dan ke ladang. Ramai juga antara mereka yang masih kuat berniaga dari satu pekan ke pekan lain.

Persyaratan berikutnya saling berkaitan. Orang tempatan dipilih dengan asumsi bahawa bahasa pertama yang dikuasai mereka ialah bahasa atau dialek ibunda dan menjadi bahasa tempatan. Akan lebih baik lagi apabila informan itu lahir, membesar, dan bermastautin di lokasi penyelidikan.

Di samping informan, penyelidikan juga memanfaatkan narasumber. Mereka berbeza dengan informan. Tanya jawab antara penyelidik dengan informan dirancang dalam suatu temu duga. Pertanyaannya sudah disiapkan. Oleh itu, informan mengetahui dan menyedari bahawa mereka diwawancara atau ditemu duga. Sebaliknya, pengumpulan data dari narasumber tidak dirancang. Pengumpulan data berlangsung apabila memang ada peristiwa tegur sapa atau percakapan antara narasumber. Pengamatan dan rakaman dilakukan tanpa diketahui atau disedari oleh mereka.

Penyelidik melakukannya secara diam-diam. Daripada narasumber ini didapat contoh dan konteks penggunaan kata sapaan.

### **2.2.3 Metodologi Pengumpulan Data, Penganalisisan Data, dan Penyajian Hasil Analisis Data**

Metod atau kaedah ialah cara mendekati, mengamati, menganalisis, dan menjelaskan suatu fenomena (Harimurti Kridalaksana, 2008:153). Dari takrifan ini mengandungi peringkat-peringkat dalam suatu proses penyelidikan. Sudaryanto (1993:5) membahagi kepada tiga peringkat yang dinamakan sebagai peringkat upaya strategis. Ketiga-tiga peringkat itu berurut, iaitu peringkat penyediaan atau pengumpulan data, peringkat penganalisisan data, dan peringkat penyajian hasil analisis data. Masing-masing peringkat tersebut dilengkapi dengan metodologi. Dengan demikian ada metodologi untuk penyediaan data, metodologi untuk penganalisisan data, dan metodologi untuk penyajian hasil analisis data. Selain itu, tiap-tiap peringkat mempunyai beberapa pilihan metodologi.

Metodologi memerlukan cara pula untuk dilaksanakan. Teknik tiap-tiap metodologi itu berbeza-beza. Di bawah ini dibincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian yang dilakukan.

#### **2.2.3.1 Metodologi Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan dua metodologi, iaitu metodologi cakap dan metodologi semak (Sudaryanto, 1993). Metodologi cakap ialah metodologi pengumpulan data yang dilakukan dalam bentuk percakapan (*ibid*:137). Dalam ilmu sosial, metodologi ini boleh diselaraskan dengan metodologi wawancara (temu duga)

atau interview (Koentjaraningrat, 1979). Dalam penerapannya, metodologi ini dijabarkan melalui teknik dasar yang kemudian diwujudkan lagi dalam beberapa teknik lanjutan.

Teknik dasar daripada metodologi ini ialah teknik pancing (Sudaryanto, 1993:137). Dalam praktiknya, untuk memulakan penyelidikan tidak selalunya berjalan lancar. Ada informan yang merasa kekok di awal perbualan. Setelah dijelaskan tujuan daripada percakapan hingga suasana percakapan menjadi selesa barulah informan terpancing menjawab pertanyaan. Sebahagian pertanyaan sulit ditanya secara langsung. Untuk pertanyaan seperti ini, penyelidik mesti memancing dengan cara menjelaskan dan beranalogi terlebih dahulu. Cara ini dilakukan untuk menanyakan kata sapaan kepada kerabat yang hubungan kekerabatannya agak jauh dengan informan.

Teknik dasar di atas dilaksanakan dengan menggunakan teknik lanjut, iaitu teknik cakap semuka. Penyelidik bersemuka langsung dengan informan dan menanyakan langsung pertanyaan-pertanyaan yang telah tersusun dalam sebuah senarai pertanyaan. Penyelidik mengawal percakapan hingga percakapan tidak menyimpang jauh daripada maksud percakapan.

Tentang senarai pertanyaan, senarai ini tidak hanya terdiri daripada pertanyaan yang memancing jawaban berupa kata sapaan juga pertanyaan mengenai persekitaran adat Minangkabau, khususnya sistem nasab ibu dan pelaksanaannya serta struktur sosiobudaya masyarakat. Dua pertanyaan terakhir ini ditujukan kepada pembesar adat sama ada lelaki atau perempuan. Pertanyaan ini juga diajukan kepada informan sehingga diperoleh informasi yang tepat mengenai pelaksanaannya. Teknik cakap semuka diiringi dengan teknik rakam dan teknik catat. Kedua-dua teknik ini berjalan selama teknik cakap semuka berlangsung. Rakaman dilakukan dengan

menggunakan alat rakaman. Sementara pencatatan dilakukan pada lembar senarai pertanyaan yang sudah disediakan bersebelahan dengan tempat jawapan.

Metodologi kedua yang digunakan dalam pengumpulan data ialah metodologi semak. Metodologi ini dinamakan metodologi pemerhatian oleh Asmah Hj. Omar (2008a). Dalam ilmu sosial, metodologi ini dinamakan observasi atau pengamatan (Koentjaraningrat, 1979). Sebagaimana namanya, metodologi ini dilakukan dengan menyemak penggunaan bahasa yang digunakan (Sudaryanto, 1993:133). Metodologi ini diwujudkan dengan sesuatu teknik dasar yang kemudian dilaksanakan dengan serangkaian teknik lanjutan.

Teknik dasar daripada metodologi semak ialah teknik sadap. Penyemakan yang dilakukan dengan cara menyadap peristiwa bertegur sapa atau temu bual para narasumber. Penyadapan dilakukan dengan teknik lanjut semak libat cakap dan semak bebas libat cakap. Asmah Hj. Omar (2008a) menamakan kedua-dua teknik dengan istilah pemerhatian pemeran dan pemerhatian luar. Dalam teknik semak libat cakap, penyelidik sambil menyemak penggunaan bahasa ikut serta dalam perbualan tersebut. Penyelidik berusaha agar percakapan tersebut berjalan sebagaimana adanya. Dalam teknik semak bebas libat cakap, penyelidik justeru tidak melibatkan diri dalam perbualan. Penyelidik hanya bertindak sebagai pemerhati. Kedua-dua teknik ini digunakan kerana kedua-duanya saling melengkapi dalam memberikan data.

Teknik lanjutan di atas dilengkapi dengan teknik lanjutan lainnya, iaitu teknik rakam dan teknik catat. Perakaman dengan menggunakan alat rakam dilakukan sepanjang perbualan berlangsung. Sementara pencatatan dilakukan setelah perbualan usai. Yang dicatat ialah hal-hal lain di luar bahasa. Tentang tuturan narasumber sudah

dirakam. Rakaman ini kemudian ditranskripsikan secara ortografis. Transkripsi ini membantu penyelidik untuk mendapatkan data yang dikehendaki secara lengkap dan benar. Penyelidikan menggunakan pendekatan kualitatif. Data penyelidikan tidak berupa angka. Tahapan analisis data juga tidak menggunakan angka dan perhitungan matematik.

### **2.2.3.2 Metodologi Penganalisisan Data**

Metodologi yang digunakan dalam menganalisis data ialah metodologi padan (banding) (Sudaryanto:1993). Metodologi ini memadankan unit bahasa yang diselidiki dengan identiti unsur penentunya (ibid:26). Unit bahasa yang diselidiki dalam penyelidikan ini ialah kata sapaan yang sekali gus menjadi objek kajian. Sementara unsur penentunya ialah lawan bicara daripada orang yang menggunakan kata sapaan tersebut.

Penyapa mempunyai banyak pilihan bentuk kata sapaan. Bentuk kata sapaan yang dipilihnya bergantung kepada orang yang disapanya. Oleh sebab orang yang disapa itu mempunyai hubungan kekerabatan dengannya, maka bentuk kata sapaan yang digunakan bergantung pula pada pangkat atau posisi hubungan kekerabatan antara keduanya. Tumpuan bagi penentuan bentuk kata sapaan berada di pihak pesapa tersebut, pangkat hubungan kekerabatan pesapa bagi penyapa. Pangkat hubungan kekerabatan ini menjadi identiti unsur penentu kata sapaan yang digunakan. Setelah dikenal pasti pangkat hubungannya barulah penyapa menentukan bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa pesapa tersebut.

Metodologi padan diwujudkan dengan menggunakan teknik dasar yang kemudian dijabarkan dalam serangkaian teknik lanjutan. Teknik dasar yang digunakan ialah teknik pilah unsur penentu (*dividing-key-factors technique*). Teknik ini

memerlukan daya pilah yang bersifat mental daripada penyelidik (*competence in dividing*) untuk memilah atau membahagikan unit bahasa, iaitu kata sapaan yang pelbagai bentuknya. Dengan daya pilah yang dimiliki, penyelidik mampu membezakan referen daripada pelbagai bentuk kata sapaan. Referen itu menjadi alat penentu dalam pembezaan tersebut (ibid:15). Daya pilah yang demikian disebut dengan daya pilah referensial. Dalam menganalisis data tidak hanya daya pilah referensial sahaja yang diperlukan juga diperlukan daya pilah pragmatik. Alat penentu daripada daya pilah ini ialah rakan bicara (ibid). Pangkat hubungan kekerabatan dengan pesapa menentukan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh penyapa untuk menyapa pesapa tersebut.

Dalam praktik, teknik dasar di atas memerlukan teknik lanjutan. Ada tiga teknik lanjutan yang digunakan untuk menganalisis data. Ketiga-tiganya ialah teknik hubung banding menyamakan (HBS), teknik hubung banding membezakan (HBB), dan teknik hubung banding menyamakan hal pokok (HBSP) (ibid:27). Ketiga-tiga teknik lanjutan ini selari dengan objektif kajian. Inti daripada objektif kajian ialah membandingkan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian untuk mencari persamaan dan perbezaannya. Daripada perbandingan ini didapati persamaan perkara pokok, iaitu tentang perubahan bentuk kata sapaan tersebut.

### **2.2.3.3 Metodologi Penyajian Hasil Analisis Data**

Sudaryanto (1993) membahagikan metodologi penyajian hasil analisis data kepada dua jenis. Kedua-duanya ialah metodologi penyajian informal dan metodologi penyajian formal. Metodologi penyajian informal ialah penyajian yang menggunakan kata-kata biasa, sedangkan metodologi penyajian formal ialah penyajian rumusan yang menggunakan tanda dan lambang. Penyajian hasil kajian ini menggunakan kedua-dua metodologi ini. Penggunaan kata-kata dimaksudkan untuk menjelaskan bentuk dan

penggunaan kata sapaan, persamaan dan perbezaan, dan faktor yang menyebabkan perubahan berlaku di kedua-dua kawasan kajian. Tanda dan lambang tidak banyak digunakan kerana permasalahan kajian lebih banyak memerlukan huraihan dan penjelasan.

### **2.3 Kesimpulan**

Kajian ini menggunakan teori sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986). Ketiga-tiga peraturan penggunaan kata sapaannya, iaitu Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*), Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurance Rules*), dan Peraturan Urutan (*Sequencing Rules*) diterapkan untuk menganalisis data daripada kajian ini. Metodologi penyelidikan yang dikemukakan oleh Sudaryanto (1993) digunakan untuk mengumpulkan data, menganalisis data, dan menuliskan hasil penyelidikan daripada kajian ini. Metodologi berserta teknik yang digunakan dalam kajian ini sesuai dengan permasalahan dan objektif kajian.

## BAB 3

### PENGGUNAAN KATA SAPAAN DI KABUPATEN 50 KOTA

#### 3.0 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Kata sapaan yang dibincangkan ialah kata sapaan yang terdapat dalam situasi rasmi, situasi separa rasmi, dan situasi tidak rasmi. Penggolongan bentuk kata sapaan berdasarkan pembahagian situasi kebahasaan ini. Analisis kata sapaan dalam ketiga-tiga situasi akan dibincangkan dan analisis bermula daripada kata sapaan yang terdapat dalam situasi rasmi. Analisis berlanjut dengan analisis kata sapaan yang terdapat dalam situasi separa rasmi dan situasi tidak rasmi. Teori sistem sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986) akan digunakan untuk menganalisis bentuk kata sapaan.

#### 3.1 Jenis Kata Sapaan

Bentuk kata sapaan bahasa Minangkabau di Nagari Batuhampar sangat rencam. Seseorang ahli masyarakat boleh disapa dengan pelbagai-bagai bentuk kata sapaan. Bentuk kata sapaan yang akan digunakan oleh penyapa untuk menyapa pesapa bergantung pada situasi kebahasaan tempat peristiwa tegur sapa itu berlangsung. Situasi kebahasaan yang dimaksudkan terbahagi kepada tiga sifat situasi, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi. Perbincangan tentang bentuk kata sapaan bermula dari situasi rasmi dan berlanjut dengan situasi separa rasmi serta situasi tidak rasmi.

### **3.2 Kata Sapaan Rasmi**

Ragam bahasa dalam majlis *Malewaan Pangulu*<sup>1</sup> boleh dikelompokkan ke dalam ragam rasmi. Situasi majlis adat ini bersifat rasmi. Ciri daripada ragam rasmi yang terkandung dalam takrifan ragam rasmi yang dirumus oleh Harimurti Kridalaksana (1982) dan Asmah Hj. Omar (2008b) berlaku dalam majlis ini. Kehadiran *pangulu pucuak* menjadi salah satu kayu ukur kerasmian suatu majlis. Penghulu pucuk ialah pemimpin tradisional tertinggi di Nagari Batuhampar. Penghulu pucuk memimpin semua panghulu atau pemimpin suku-suku (penghulu) yang ada di kenagarian itu.<sup>2</sup> Di samping *pangulu pucuak*, majlis juga dihadiri oleh pembantu penghulu pucuk, iaitu *malin* (malin atau orang alim), *manti* (mentri) (pentadbir), dan *dubalang* (hulubalang). Seorang lagi pembantu penghulu ialah *panungkek* (wakil penghulu). Mereka semua dikelompokkan sebagai *urang nan ampek*. Majlis juga dihadiri oleh pembesar adat lain, iaitu daripada kalangan *niniak mamak* (lelaki senior), *candikia* (cendikia), dan *alim ulamo* (alim ulama) yang terangkai sebagai *tali tigo sapilin* (tali tiga sepilin).<sup>3</sup> Kelompok lain yang menghadiri majlis ini ialah *bundo kanduang* (perempuan senior) dan orang muda sama ada lelaki atau perempuan.

Majlis *Malewaan Pangulu* diselenggarakan di *rumah gadang* kaum kerabat penghulu yang ditabalkan. Semua unsur masyarakat daripada suku yang penghulunya ditabalkan terlibat aktif dalam aktiviti acara tersebut. Acara ini merupakan pesta kaum kerabat daripada suku tersebut. Meskipun demikian, masyarakat lain di luar suku tersebut tidak bererti tidak menyokong acara tersebut. Oleh itu, acara ini cenderung menjadi pesta *nagari*.

<sup>1</sup> Kata dasar *malewaan* daripada nama majlis *Malewaan Pangulu* ialah *lewa* yang bermakna memberitahukan (dalam *Kamoës Bahasa Minangkabau- Bahasa Melayoe Riau* oleh M.Thaib glr St. Pamoentjak, Batavia, 1935), hal. 139. Seiring dengan makna ini, majlis ini diselenggarakan dengan maksud untuk memberitahu tentang penghulu baru berserta dengan gelarannya.

<sup>2</sup> Midawati dalam “Perempuan dan Komerasialisasi Pertanian di Nagari Batuhampar”, *Disertasi*, (Jakarta, 2001), lampiran.

<sup>3</sup> Dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* yang ditulis oleh A.A. Navis (Jakarta, 1984), hal. 144 dijelaskan bahawa jawatan manti dan dubalang dihilangkan oleh pemerintah kolonial Belanda dan diganti dengan ulama sehingga susunan *urang ampek jiniah* berubah menjadi niniak mamak, alim ulama, dan *cadiak pandai* dan *tuo mudo* (ketua orang muda). Kemudian, *tuo mudo* diganti oleh *bundo kanduang* (perempuan senior).

Acara pertabalan ini meriah dan megah. Orang-orang tertentu berpakaian adat yang sesuai dengan kedudukannya dalam masyarakat. Penghulu memakai pakaian kebesaran dan begitu pula dengan cendikia, alim ulama, dan bunda kandung. Setelah pidato berakhir, aktiviti berikutnya ialah makan bersama. Makanan dimasak oleh kaum perempuan secara bersama-sama dan dibantu oleh kaum lelaki.

Meskipun majlis ini berupa pertabalan penghulu, ciri khas daripada sebuah majlis adat juga berlaku pada majlis ini. Ciri khasnya ialah majlis ini berlangsung dalam bentuk dialog yang dikenali sebagai *pasombahan* (di Nagari Batuhampar bernama *pidato pasombahan* atau *pidato alua*). Dalam majlis ini, *pidato pasombahan* yang terjadi bukan untuk mencari kesepakatan tentang orang yang akan menjadi penghulu baru kerana majlis ini diselenggarakan pada asasnya untuk memberi tahu dan mengenalkan penghulu baru. Oleh itu, masa *pidato pasombahan* cenderung didominasi oleh seorang yang menjadi jurubicara daripada yang punya *alek* (pesta, acara, hajad). Lazimnya yang menjadi jurubicara itu ialah salah seorang daripada pembesar adat.

*Pidato pasombahan* mempunyai ragam bahasa khas dan bahasa berbeza dengan bahasa sehari-hari. Menurut A.A. Navis (1984:252),

“.... Gaya bahasa dalam pidato dan ungkapan yang ada dalam pidato merupakan hasil kesusasteraan yang sama kualitinya dengan *kaba* atau pantun. Ayat pidato panjang-panjang. Setiap ayat mempunyai banyak anak ayat. Tiap-tiap ayat dan anak ayat terdiri dari empat kata. Lain daripada itu bentuk ayat pidato lazim mensejajarkan pelbagai ungkapan yang sinonim sebagai bentuk penegasan masalah yang dibicarakan atau sebagai bunga pidato. Pidato sarat dengan *pepatah*, *petitih*, *mamangan*, *pituah*, dan *pameo* yang merupakan bahasa hukum, undang-undang, ajaran moral, dan etik ...”

Sebahagian pidato ada yang berselang-selang dengan pantun malah ada juga pidato yang keseluruhannya berbentuk pantun.

Pidato bermula daripada pihak yang mempunyai *alek* (*si pangka*). Biasanya diwakili oleh seorang jurubicara, iaitu *mamak kapalo alek* (salah seorang ninik mamak daripada yang punya pesta). Jurubicara *alek* ini (disingkat JBA) akan menyapa dan memanggil jurubicara daripada pihak kelompok tamu yang diwakili oleh penghulu pucuk (disingkat JBT). Di bawah ini diberikan contoh penggunaan kata sapaan dalam majlis ini.

JBA : “Malah *Datuak Rajo Malano*.”  
(Manalah Datuk.)

GBT : “Ambo, *Tuak*.”  
(Saya, Tuk.)

JBA : “Banalah sudah kito pocik,  
taguah diganggam nan lah kokoh,  
buek saukua nan lah sudah,  
lah buliah ambo manyampaikan, nak bapambori dari Datuk. ...”  
(Yang benar sudah di tangan,  
yang digenggam sudah kokoh,  
buat seukuran yang telah sudah,  
sudah boleh saya memulai acara ini, izin datang dari Datuk. ....)

GBT : “Alah, *Tuak. Sampaikanlah*”  
(Sudah, Tuk. Sampaikanlah.)

Pidato *pasombahan* di atas merupakan salah satu daripada pidato *pasombahan Malewaan Pangulu*. Meskipun pelbagai, semua pidato *pasombahan* itu mempunyai struktur yang sama, iaitu ada bahagian pendahuluan, isi, dan penutup. Dialog yang ditampilkan ini merupakan awal daripada bahagian pendahuluan sebuah pidato *pasombahan*. Lazimnya, bahagian ini mengandungi permohonan daripada yang punya acara kepada penghulu pucuk agar majlis diizinkan untuk dimulai. Sebelum mengucapkan perbilangan adat yang mengandungi permohonan, terlebih dahulu yang punya acara menyapa (penyapa) pemimpin adat tertinggi di *nagari*, iaitu penghulu pucuk (pesapa). Si penyapa menyapa pesapa dengan menggunakan gelaran kurniaan (jawatan adat) yang melekat pada status si pesapa, iaitu *Datuak Rajo Malano*. Pada awal pidato, pesapa disapa dengan gelaran penuh. Untuk seterusnya, pesapa disapa gelaran pendek yang diambil daripada unsur pertama yang terletak di awal daripada

gelaran penuh, iaitu *Datuak*. Lama-kelamaan, bentuk gelaran yang digunakan penyapa untuk memanggil pesapa menjadi pendek lagi, iaitu *Tuak*. Jurubicara cenderung menggunakan bentuk pendek ini untuk membalas panggilan daripada jurubicara lawannya.

Berdasarkan data kajian, kata sapaan *Datuak* atau *Tuak* terdapat pada semua pidato *pasombahan* yang dihadiri oleh penghulu dan pembesar adat lainnya. Semua gelaran penghulu di *nagari* ini bermula dengan unsur *Datuak*.<sup>4</sup>

Setelah *Datuak Rajo Malano* mengizinkan, jurubicara yang punya acara melanjutkan pidato. Pada mulanya, JBA mengucapkan salam. Setelah itu, JBA melanjutkan pidato yang mengandung persembahan kepada semua orang yang hadir. Pada asasnya, persembahan ini ialah semacam sapaan juga. Sapaan ditujukan kepada semua orang yang hadir seperti terdapat pada petikan persembahan berikut ini.

JBA : “Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ambun satitiak dari langik,  
jatuah di ranah tanah minang ko,  
sambahan ka *Datuak nan sabalik*,  
sarato *kito nan ado*. ....”

(Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Em bun setitik dari langit,  
jatuah di ranah tanah Minangkabau ini,  
persembahan kepada semua Datuk yang hadir,  
serta kepada semua kita yang ada. ....)

Petikan pidato di atas menunjukkan bahawa terdapat penggunaan bentuk kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan (adat) dan kata ganti nama diri orang. Mengikut *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:450), gelar atau gelaran ialah sebutan kehormatan, kebangsawan, tetel, atau derajat yang ditambahkan di

---

<sup>4</sup> Seperti dalam lampiran disertasi Midawati yang bertajuk “Perempuan dan Komerasialisasi Pertanian di Nagari Batuhampar”, *Disertasi*, (Jakarta, 2001). Lihat juga A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal. 134.

depan nama orang. Gelaran ini juga mempunyai erti sebagai sebutan (julukan) seseorang yang berkaitan dengan tabiat atau keadaannya. Takrifan yang hampir sama terdapat pula dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:446). Gelaran kurniaan digolongkan oleh Asmah Hj. Omar (2009:36) sebagai salah satu daripada jenis gelaran. Takrifannya ialah gelaran yang dianugerahi oleh kerajaan atau pemerintah dan gelaran yang diperoleh seseorang kerana kejayaannya dalam bidang akademik atau ikhtisas.

Gelaran jenis pertama disebut dengan gelaran kurniaan, sedangkan gelaran jenis kedua disebut dengan gelaran ikhtisas. Amat Juhari Moain (1989:49) menambah bahawa gelaran yang didapati daripada jawatan yang disandang dan gelaran yang diterima mengikut sistem adat merupakan jenis gelaran kurniaan. Berdasarkan data kajian terdapat gelaran kurniaan dalam pidato tersebut seperti di atas. Kata sapaan yang dimaksudkan di atas ialah gelaran yang lazim digunakan dalam bentuk pendek, iaitu *Datuak*. Bentuk ini diikuti oleh frasa keterangan tempat, iaitu *nan sabalik* (yang ada di persekitaran) yang berfungsi sebagai penjamak daripada bentuk yang mendahuluinya. Maksudnya, bentuk *Datuak* tidak hanya ditujukan kepada seorang. Bentuk ini ditujukan kepada semua *Datuak* yang menghadiri acara tersebut.

Seterusnya, kata ganti nama diri (istilah Asmah Hj. Omar, 2009:65) atau pronominal persona (istilah Harimurti Kridalakasna, 2008:201) ialah pronominal yang merujuk kategori persona. Berdasarkan data kajian terdapat bentuk kata sapaan jenis ini. Kata sapaan yang dimaksudkan ialah *kito*. Kata sapaan ini digunakan untuk menyapa hadirin selain daripada *Datuak*. Bentuk *kito* merupakan kata ganti nama diri orang pertama (Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1993:100; Leny Syafyaha, 2011:40). Kata ini sepadan dengan *kita* bahasa Indonesia (Hasan Alwi, Soenjono

Darjowidjojo, Hans Lapolowa, dan Anton M. Moeliono, 2003: 249) dan bahasa Melayu (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2011:104). Kata ganti ini bermakna jamak. Makna ini diperkuatkan pula dengan penggunaan frasa yang hadir mengikut kata ganti ini, iaitu *nan ado* (yang hadir).

Pembukaan pidato tersebut berlanjut dengan persembahan kepada semua kelompok yang hadir dalam majlis. Orang yang terlebih dahulu disembah ialah penghulu pucuk, kemudian diikuti oleh *urang nan ampek*, ahli kelompok *urang ampek jiniah*, dan orang muda. Tiap-tiap sapaan selalu disertai dengan profil yang melekat pada status yang disandang mereka. Kepada penghulu pucuk, persembahannya ialah seperti yang berikut.

JBA : “....

Ampunlah ambo yo dek *Datuak*,  
datuak lah rajo kampek suku,  
dari ujuang lalu ka pangka,  
dari pangka lalu ka ujuang,  
lalu ka anjuang penteh,  
malimpah manjorong ka parbalaian,  
nan salingka cupak jo gantang,  
nan salingka bungka nan pewai,  
nan dibariah pahek baukia,  
nan diukia buék nan Sasuai,  
nan di kampuang kato nan saadat,  
di nagori balai nan saundang,  
sakali sambah ambo ulang, ....”  
(Ampunkan saya Datuk,  
Datuklah raja empat suku,  
dari hujung sampai ke pangkal,  
dari pangkal sampai ke hujung,  
sampai ke anjung pentas,  
melimpah menjorong ke perbalaian,  
nan selingkar cupak dengan gantang,  
nan selingkar bungkal nan piawai,  
nan dibaris pahat berukir,  
nan diukir bagi nan sesuai,  
nan di kampung kata nan seadat,  
di nagari balai nan seundang,  
sekali sembah saya ulang.)

Persembahan di atas mendeskripsikan tanggung jawab dan luas kekuasaan daripada penghulu pucuk. Pada persembahan tersebut, JBA menggunakan gelaran pendek yang merupakan bahagian daripada gelaran lengkap, iaitu *Datuak*.

Persembahan berlanjut dengan persembahan yang ditujukan kepada *niniak mamak* sebagaimana terungkap dalam petikan pidato yang berikut ini.

JBA : “Adok ka *Datuak niniak mamak*,  
urang nan arif bijaksano,  
pamimpin kamanakan dalam kampuang,  
tampek batanyo kalau pai,  
tampek babarito jikok pulang,  
dianjuang tinggi dek basamo,  
diamba gadang dek nan banyak,  
kato sapatah dibanakan,  
rundiang sabuah baiyokan.”  
(Kepada Datuk ninik mamak,  
orang nan arif bijaksana,  
pemimpin kemanakan dalam kampung,  
tempat bertanya bila hendak pergi,  
tempat berberita bila pulang,  
dianjung tinggi kerana bersama,  
ditambak besar kerana orang ramai,  
kata sepatah dibenarkan,  
runding sebuah dituruti.)

Dalam persembahan ini digambarkan sifat, tanggung jawab, dan fungsinya sebagai *niniak mamak*. JBA menggunakan bentuk *datuak niniak mamak* untuk mengarahkan persembahannya kepada kelompok *niniak mamak*. Bentuk ini terdiri daripada dua kata, iaitu *Datuak* yang merupakan bahagian gelaran dan *niniak mamak* yang merupakan nama kelompok jawatan adat.

Persembahan selanjutnya ditujukan kepada *cadiak pandai*. Perbilangan adat untuk menjelaskan kelompok ini terlihat pada petikan pidato berikut.

JTA : “Baitu pulo kapado *cadiak pandai*,  
nan tau di kelok luruih banang,  
nan tau di lubuak nan babatu,

nan tau di ginjua dalam buek.”  
(Begitu pula kepada cerdik pandai,  
nan tahu tentang lengkung lurus benang,  
nan tahu tentang lubuk nan berbatu,  
nan tahu tentang ginjul dalam berbuat.”

Dalam pidato tersebut, cerdik pandai dideskripsikan sebagai orang yang memiliki pengetahuan dan perkiraan. JBA menggunakan nama kelompok jawatan adat, iaitu *cadiak pandai* untuk menyapa mereka.

Kelompok berikutnya yang disembah ialah *alim ulama*. Bahagian pidato adat yang menjelaskan kelompok ini adalah seperti di bawah ini.

JTA : “Baitu kapado *alim ulama*,  
nan tau di adia jo dalia,  
nan tau di pekah jo tajuwid,  
nan tau jo paham jo akikat,  
nan tau di rukun jo syarat.”  
(Selanjutnya kepada alim ulama,  
nan tahu tentang adil dan dalil,  
nan tahu tentang pekah dan tajwid,  
nan tahu dengan paham dan akikat,  
nan tahu tentang rukun dan syarat.)

Kelompok alim ulama digambarkan sebagai orang yang memiliki pengetahuan tentang agama. Dalam petikan pidato adat di atas, kata sapaan yang digunakan kepada mereka juga berupa nama kelompok jawatan adat, iaitu *alim ulama*.

Pembantu penghulu, iaitu *manti* dan *dubalang* juga dideskripsikan profilnya seperti petikan pidato berikut.

JTA : “Baitu pulo *manti* jo *dubalang*,  
nan capek pai kok disuruh,  
nan capek tibo kok dipanggia,  
bapantang japuik tak tabao,  
alum pakirim nan tak sampai.  
(Begitu pula manti dengan dubalang,  
nan cepat pergi bila disuruh,  
nan cepat tiba bila dipanggil,

berpantang jemput tidak terbawa,  
tiada kiriman nan tak sampai.)

Pada petikan pidato di atas, *manti* dan *dubalang* digambarkan sebagai orang yang melaksanakan pekerjaan yang ditugaskan kepadanya dengan baik dan lancar. Bentuk kata sapaannya sama dengan kelompok terdahulu, iaitu nama kelompok jawatan adat.

Kelompok *bundo kanduang* mendapat giliran persembahan berikutnya. Berikut petikan pidato bahagian persembahan tersebut.

JTA : “Baitu pulo kapado *bundo kanduang*,  
nan tau di tamu nan baru tibo,  
nan tau utang lah babayia,  
nan tau di pandang nan tatumpu,  
nan tau salah jo jangga.”  
(Beginu pula kepada bunda kandung,  
nan tahu dengan tamu nan baru saja tiba,  
nan tahu utang telah berbayar,  
nan tahu dengan pandangan nan tertumpu,  
nan tahu salah dan janggal.)

*Bundo kanduang* digambarkan sebagai seseorang yang arif dan bijaksana. Mereka juga disapa dengan menggunakan nama kelompok, iaitu *bundo kanduang*.

Kelompok terakhir yang disapa oleh JBA ialah orang muda. Berikut ini petikan pidato yang menggambarkan profil mereka.

JTA : “Baitu kapado *nan mudo-mudo*,  
mudo-mudo selendang dunia,  
limpapeh rumah nan gadang,  
sumarak anjuang nan tinggi.”  
(Beginu pula kepada orang muda,  
muda-muda selendang dunia,  
limpapeh rumah gadang,  
semarak anjung nan tinggi.)

Tanggungjawab dan sifat orang muda lelaki dan perempuan yang digambarkan dalam pidato ini berbeza. Hal ini tampak pada penggunaan ungkapan yang berbeza pula dalam pidato tersebut. Mengenai bentuk kata sapaannya adalah sama dengan kecenderungan penggunaan bentuk kata sapaan terdahulu. Mereka disapa dengan nama kelompok, iaitu *nan mudo-mudo*.

Hasil kajian didapati penggunaan bentuk kata sapaan dalam majlis rasmi. Bentuknya tidak rencam kerana secara am hanya terdapat dua bentuk kata sapaan sahaja, iaitu kata sapaan gelaran dan kata ganti nama diri orang pertama jamak.

### **3.2.1 Model Sistem Kata Sapaan Rasmi**

Kata sapaan mempunyai sistem kerana kata sapaan merupakan bahagian daripada bahasa. Menurut Harimurti Kridalaksana (2008:224), sistem sapaan ialah sistem yang mengikat unit-unit bahasa yang menandai perbezaan status dan peranan pemeran dalam komunikasi dengan bahasa. Mengikut takrifan ini, maka bahasa Minangkabau sebagai sebuah bahasa mempunyai sistem sapaan juga. Data kajian di Kabupaten 50 Kota menunjukkan bahawa bahasa Minangkabau di kawasan kajian memang mempunyai sistem sapaan. Peraturan Alternasi bersama dengan selektor-selektornya yang merupakan salah satu daripada tiga peraturan dalam teori sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986) menjuruskan pada pembentukan suatu sistem sapaan. Berikut ini dibincangkan selektor-selektor yang dilalui dalam pemilihan bentuk kata sapaan di Kabupaten 50 Kota.

Dalam Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986) terdapat tiga situasi sosial yang berpengaruh dalam pemilihan bentuk kata

sapaan. Ketiga-tiganya ialah latar yang ditandai oleh status (*Status Marked Setting*), pangkat (*rank*), dan set identiti (*identity set*).

Situasi sosial pertama, latar yang ditandai oleh status jelas tergambar dalam acara *Malewaan Gala*. Status peserta majlis ini bersifat rasmi dan terdiri daripada seorang penghulu pucuk, *urang ampek jiniah* dan *urang nan ampek*. Orang yang termasuk ke dalam kelompok tersebut tidak sembarang orang sebagaimana terungkap dalam bilangan adat *dingtingian sarantiang*, *didauluan salangkah* (dingtingikan seranting, didahulukan selangkah). Status mereka jelas, iaitu penjawat jawatan penting dalam masyarakat adat. Orang muda, meskipun tidak memiliki status, mereka ialah pewaris pusaka adat.

Jenis acara juga menjadi kayu ukur kerasmian suatu majlis. Majlis *Malewaan Gala* penghulu bukan sebarang majlis kerana termasuk majlis yang agung. Penghulu akan memimpin mereka yang sesuku dan mewakili mereka dalam majlis-majlis di peringkat *nagari*.

Situasi sosial ini mesti diambil perhatian oleh jurubicara dan mereka tidak boleh menggunakan bentuk kata sapaan sembarangan. Penghulu pucuk disapa dengan gelaran kurniaan adatnya manakala penghulu yang lain (termasuk penghulu daripada kelompok *niniak mamak*) juga disapa dengan gelaran adat meskipun tidak lengkap. Hal ini disebabkan oleh bilangan pembesar masyarakat pada kelompok ini ramai dan masa tidak memungkinkan jurubicara untuk menyebut mereka satu persatu. Kelompok pembesar masyarakat yang lain disapa dengan kata ganti nama diri orang pertama jamak. Di bahagian persembahan, semua kelompok disapa kembali.

Bentuknya berupa nama kelompok kecuali *niniak mamak* yang bermula dengan gelaran adat (pendek). Setelah menyapa, jurubicara menghuraikan profil mereka.

Situasi sosial kedua, pangkat kurang tepat menjadi selektor yang dalam pemilihan bentuk kata sapaan dalam situasi rasmi. Situasi ini berlaku di tempat kerja yang menciptakan adanya peringkat yang menunjukkan perbezaan status. Sementara acara pertabalan penghulu bukanlah suatu dunia kerja melainkan suatu upacara tradisional. Pangkat orang yang menghadirinya dianggap sama. Mereka ialah pembesar adat dan kelompok masyarakat adat yang terhimpun ke dalam *urang ampek jiniah*, *urang tigo jiniah*, *bundo kanduang*, dan orang muda (tidak sebarang orang muda). Lain daripada itu, status mereka setaraf kecuali penghulu pucuk yang pangkatnya ditinggikan daripada peserta yang lain. Oleh itu, perlakuan agak berbeza dengan peserta yang lain. Perbezaan itu berupa sapaan dengan gelaran kurniaan lengkap. Hal itu pun berlaku pada awal daripada *pasombahan*. Setelah itu, dia disapa dengan gelaran pendek seperti bentuk kata sapaan kepada penghulu yang lain. Perbezaan lain, penghulu disapa terlebih dahulu sebelum penyapa menyapa peserta yang lain. Meskipun bukan berstatus penghulu, pangkat peserta yang lain adalah sama dengan penghulu. Mereka ialah pembesar adat dan kelompok masyarakat adat yang termasuk dalam kelompok *urang nan ampek jiniah* dan *urang nan ampek*. *Bundo kanduang* ialah perwakilan daripada kaum perempuan dan sistem matrilineal. Orang muda termasuk orang yang penting dalam masyarakat kerana mereka akan menjadi penerus warisan ini. Mereka disapa selaras dengan status mereka.

Situasi sosial ketiga, set identiti termasuk situasi sosial yang merupakan selektor dalam pemilihan kata sapaan rasmi. Situasi sosial ini, menurut Ervin-Tripp (1986) merujuk pada gelaran dalam pekerjaan dan gelaran kehormat yang

diberikan kepada pemiliknya kerana status atau jawatan yang mereka pegang. Majlis ini tidak menunjukkan situasi seperti mana di tempat kerja sehingga tidak ada penggunaan gelaran yang berkaitan dengan status dan jawatan dalam pekerjaan. Majlis merupakan acara adat yang penting bagi masyarakat. Oleh itu, majlis dihadiri oleh orang-orang penting yang menyandang status dan menduduki jawatan yang telah dijelaskan di atas. Set identiti mereka diketahui. Kata sapaannya berbentuk gelaran kurniaan jawatan adat yang menjadi gelaran kehormatan kepada pembesar adat. Kata ganti nama orang kedua jamak insklusif juga digunakan. Penggunaan kata ganti ini bermakna bahawa semua orang yang menghadiri majlis memiliki status yang sama. Selain itu, upacara ini dianggap sebagai acara bersama kerana diselenggarakan untuk kepentingan bersama.

Selektor dewasa (*adult*) diketepikan dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Peserta jelas terdiri daripada orang-orang dewasa. Peserta daripada kelompok orang muda, meskipun belum berkahwin, mereka termasuk orang-orang dewasa menurut makna leksikal kata *dewasa* dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:350). Umur mereka di atas 20 tahun.

Selektor berikutnya, nama diketahui (*name known*) diketepikan. Majlis yang dihadiri mereka ialah majlis adat rasmi. Orang disapa sesuai dengan status dan jawatan mereka.

Selektor teman atau rakan sejawat (*friend or colleague*), umur yang lebih daripada 15 tahun (*alter 15 years old*), dan dispensasi (*dispensation*) diabaikan. Oleh sebab majlis adat ini rasmi, orang disapa sesuai dengan status yang disandang dan jawatan yang dipegangnya dalam organisasi masyarakat adat.

Selektor jantina juga diketepikan. Daripada bentuk kata sapaan yang digunakan tidak terdapat kata sapaan yang membezakan jantina. Walaupun peserta terdiri daripada lelaki dan perempuan, tetapi kata sapaan yang digunakan untuk menyapa mereka adalah sama, iaitu kata ganti nama diri orang pertama jamak. Di bahagian persembahan, barulah terdapat bentuk kata sapaan yang berlatarkan jantina termasuk kelompok perempuan yang bergabung ke dalam kelompok *bundo kanduang*. JBA menyebut dan menjelaskan profil mereka.

Selektor status perkahwinan juga tidak diambil kira dalam pemilihan kata sapaan. Bentuk kata sapaan dalam majlis rasmi ini terhad, iaitu dua bentuk sahaja. Bentuk pertama ialah bentuk kata sapaan kepada penghulu-penghulu dan pembesar adat lainnya. Bentuk kedua ialah bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada peserta di luar daripada kelompok pertama di atas.


Selektor yang lain seperti kekerabatan (*kin*) berserta selektor berikutnya, iaitu generasi terdahulu (*ascending generation*) dan umur lebih tua (*older*) tidak sesuai untuk majlis adat ini. Meskipun ada antara peserta berkerabat, namun mereka menghormati dan menyedari keadaan rasmi majlis ini.

Rajah 3.1 di bawah ini merupakan model sistem kata sapaan sebagai hasil aplikasi daripada peraturan alternasi yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Model ini merupakan hasil pengubahsuaian daripada model sistem sapaan yang digambar melalui rajah oleh Ervin-Tripp (lihat Rajah 3.1). Penjelasannya adalah seperti yang berikut. Latar yang ditandai status ialah jelas (+), set identiti diketahui (+), dan bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan adat. Gelaran kurniaan terbahagi pula kepada dua jenis, iaitu gelaran adat lengkap kepada pemimpin daripada semua penghulu

dan gelaran adat pendek yang diikuti oleh nama kelompok kepada kelompok *niniak mamak*. Apabila set identiti tidak diketahui, maka mereka disapa dengan kata ganti orang pertama jamak (inklusif).

Peraturan kedua daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (ibid) ialah Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurance Rules*). Sebagaimana nama peraturan ini, penggunaan suatu bentuk kata sapaan akan disertai oleh kemunculan bentuk bahasa lain. Bentuk ini boleh berupa imbuhan, kata, frasa, ayat, dan bentuk bahasa lainnya. Bentuk-bentuk tersebut memiliki kepelbagaiannya pula dan bentuk mana yang dipilih bergantung pada situasi pertuturan.

**Rajah 3.1: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Nagari Batuhampar**



Petunjuk:  
E = Ego

Berdasarkan data kajian terdapat cukup banyak kata-kata terbitan dalam pidato *pasombahan*. Imbuhan-imbuhan hadir dan tegar hingga membentuk kata terbitan. Dalam ragam bahasa tidak rasmi, imbuhan-imbuhan tersebut cenderung tidak hadir. Contoh kata terbitan itu antara lain ialah *malimpa* (melimpah), *manyampaikan* (menyampaikan), *babaya* (berbayar) dan *parbalaian* (perbalaian) yang mengandung imbuhan {ma-}, {many-kan},{ba-}, dan {par-an}. Masih banyak imbuhan terdapat dalam pidato *pasombahan* tersebut seperti {di-} pada *dipanggia* (dipanggil) dan {ta-} pada *tabao* (terbawa). Kelima-lima imbuhan ini termasuk imbuhan dalam bahasa Minangkabau (Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1993:38-67). Kesemua imbuhan membentuk kata-kata tersebut menjadi ciri khas dalam bahasa *pasombahan*.

Kajian juga menunjukkan kecenderungan pemendekan bentuk kata.<sup>5</sup> Contoh antara lain ialah kata *baitu* (begitu), *kapado* (kepada), dan *pulo* (pula). Bentuk ini lazim disingkat dalam percakapan sehari-hari hingga menjadi *bitu*, *ka*, dan *lo*. Dalam *pasombahan* juga terdapat kata-kata khas. Kata *sambahan* (persebahaman) dan *ampun* (ampun) merupakan bentuk yang digunakan untuk menghormati pimpinan tertinggi adat, iaitu penghulu pucuk. Kata-kata ini tidak digunakan dalam percakapan sehari-hari.

Kata *nan* (yang) sering muncul dalam *pasombahan*.<sup>6</sup> Kata ini bersama kata lain membentuk frasa khas dan berperanan sebagai keterangan kepada unsur inti yang muncul sebelumnya. Kekhasan itu terbina kerana kehadiran kata *nan*. Frasa *urang nan arif bijaksano* menggambarkan profil *datuak niniak mamak* yang disebut pada frasa sebelumnya. Frasa-frasa semacam ini banyak terdapat dalam *pasombahan*.

<sup>5</sup> Mengikut Harimurti Kridaklasna dalam *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia* (Jakarta, 1989), hal. 159hingga 162, abreviasi atau pemendekan ialah proses penanggalan satu atau beberapa bahagian leksem atau kombinasi leksem sehingga jadi bentuk baru yang berstatus kata. Abreviasi terbahagi kepada empat jenis. Singkatan ialah salah satu daripada hasil proses pemendekan yang berupa huruf atau gabungan huruf sama ada dieja huruf per huruf atau tidak dieja huruf per huruf. Penggalan ialah proses pemendekan yang mengekalkan salah satu daripada bahagian leksem. Jenis abreviasi terakhir, kontraksi ialah proses pemendekan yang meringkaskan leksem dasar atau gabungan leksem.

<sup>6</sup> Dalam *Kamus Dewan* yang disusun *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur, 2007), hal.1068 dikatakan bahawa kata ini merupakan bahasa Minangkabau yang disisipkan untuk melengkapi baris sajak dan lain-lain.

Kajian tentang ayat menunjukkan bahawa ayat dalam pidato *pasombahan* cenderung panjang. Bilangan frasa yang banyak membuat ayat menjadi panjang. Hal ini berkaitan dengan *kieh* (kias).<sup>7</sup> Pada amnya, bahasa dalam pidato *pasombahan* berkias. Oleh itu, kias menjadi salah satu kekhasan utama daripada *pasombahan*. Seperti mana pada petikan pidato yang ditampilkan terdahulu, profil orang yang disapa digambarkan dengan menggunakan kias. Misalnya, profil *bundo kanduang* digambarkan dengan ungkapan seperti: “*baitu pulo kapado bundo kanduang, nan tau di tamu nan baru tibo, nan tau utang lah babayia, nan tau di pandang nan tatumpu, nan tau salah jo jangga*”.

Berdasarkan data kajian terdapat penggunaan pantun dalam pidato *pasombahan*, bahkan ada *pasombahan* yang semua ucapannya berbentuk pantun.<sup>8</sup> Berikut ini ditampilkan contoh pantun yang muncul di bahagian awal daripada *pasombahan*.

JBA : “Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*Ambun satitiak dari langik,  
jatuah di ranah tanah minang ko,  
sambahan ka Datuak nan sabalik,  
sarato kito nan ado. ....”*

(Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Embun setitik dari langit,  
jatuh di ranah tanah Minangkabau ini,  
persembahan kepada semua Datuk yang hadir,  
serta kepada semua kita yang ada. ....)

Peraturan ketiga daripada sistem kata sapaan Ervin-Tripp (1986) ialah Peraturan Urutan (*Sequencing Rules*). Peraturan ini merupakan aturan yang ditetapkan

<sup>7</sup> A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal. 262 mentakrifkan *kieh* sebagai kata-kata yang ditujukan secara tidak langsung kepada sasaran dan dinilai sebagai suatu bahasa yang sopan tanpa merendahkan siapa sahaja. Ia tidak sama dengan *sindia ‘sindir’* yang cenderung merendahkan orang. *Kieh* itu muncul dalam bentuk *pepatih, petith, mamangan, pituah, dan pemeo*. Yusriwal dalam *Kieh Pasambahan Manjapuk Marapulai di Minangkabau:Kajian Estetika dan Semiotika* (Padang, 2005), hal. 9 menamakannya tidak hanya berdasarkan bentuk juga berdasarkan makna dan fungsi. Berdasarkan bentuk, *kieh* disebut pepatah dan peribahasa. Berdasarkan makna, *kieh* disebut mamang dan pameo. Seterusnya berdasarkan fungsi, *kieh* disebut petith.

<sup>8</sup> Dalam *Kamus Dewan* yang disusun Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur, 2007), hal.1137 ditakrifkan bahawa pantun ialah sejenis puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap. Takrifan ini persis sama dengan takrifan yang terdapat dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Jakarta, 2009), hal.827. Dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* A.A. Navis (Jakarta, 1984), hal. 232 mengatakan bahawa pantun merupakan buah kesusastraan yang paling utama yang menjadi buah bibir, bunga kaba, dan hiasan pidato.

mengikut urutan. Urutan itu ada yang muncul di awal dan ada pula yang muncul di akhir daripada keseluruhan urutan. Dalam situasi rasmi ini, bentuk kata sapaan yang digunakan ialah gelaran kurniaan adat dan kata ganti nama diri orang pertama jamak. Kedua-dua bentuk ini terdiri daripada satu unsur bentuk kata sapaan sahaja. Pada bentuk *Datuak Rajo Malano* tidak terkandung unsur lain seperti nama diri dan gelaran lain. Bentuk kata ganti nama diri orang pertama jamak, *kito* juga terbentuk daripada satu unsur. Frasa berikutnya berperanan sebagai penguat makna jamak. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa bentuk kata sapaan pada majlis tersebut tidak menunjukkan urutan unsur.

Ketiadaan urutan unsur pada bentuk kata sapaan tidak bererti orang Minangkabau tidak pernah menulis nama lengkap (mengandungi gelaran). Untuk kepentingan tertentu, nama lengkap tersebut digunakan, misal untuk mengisi data pribadi atau untuk keperluan tertentu.<sup>9</sup> Contoh nama lengkap yang terdapat gelaran antara lain ialah *Syamsuddin Dt. Rajo Malano* dan *Syakrani Khalil Dt. Majo Reno*. Unsur *Syamsuddin* dan *Syakrani* merupakan nama diri. Unsur yang mengikuti, *Dt. Rajo Malano* dan *Dt. Majo Reno* merupakan gelaran.

Di samping gelaran jawatan adat di atas, semua lelaki Minangkabau yang sudah berkahwin mendapat gelaran. Adat mengatur demikian sebagaimana terungkap dalam perbilangan: *ketek banamo gadang bagala* (kecil bernama besar bergelar). Secara umum yang berlaku di Minangkabau, gelaran ini akan digunakan terus sebagai kata sapaan oleh mentua. Di Nagari Batuhampar, aturan sapaan dengan gelaran ini berbeza. Gelaran ini digunakan sebagai kata sapaan sebelum mereka memiliki anak.

---

<sup>9</sup> Sebahagian nama calon Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (Undangan Negeri), ahli Dewan Perwakilan Rakyat (Parlemen), dan calon pejawat daerah menuliskan nama lengkap dengan gelar pada masa kempen pemilihan umum (raya) tahun 2009.

Setelah memiliki anak, mereka disapa dengan istilah kekerabatan *pak* yang diikuti oleh nama diri (nama pendek/bentuk kata sapaan lain) anak pertama.

### **3.2.2 Rumusan Kata Sapaan Rasmi**

Hasil analisis kata sapaan rasmi menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota tidak begitu rencam. Terdapat dua bentuk kata sapaan rasmi, iaitu gelaran kurniaan dan kata ganti nama diri orang jamak inklusif. Penggunaan kata ganti ini disemangati oleh fahaman egalitarian (kesejajaran) antara peserta dan juga dikeranakan oleh bilangan mereka yang ramai. Penghulu pucuk menggunakan gelaran kurniaan adat lengkap, sedangkan penghulu yang lain menggunakan gelaran pendek sahaja yang diikuti oleh frasa yang bermakna jamak. Seterusnya, penggunaan kata ganti nama diri dapat difahami kerana semangat egaliterianisme antara penyapa dengan pesapa. Penggunaan bentuk ini juga disebabkan oleh ramainya peserta yang menghadiri acara. Rumusan lainnya ialah bahawa semua bentuk lain yang menyertai kata sapaan selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan dan situasi kebahasaan tempat penggunaan kata sapaan tersebut.

Daripada segi urutan unsur tidak terdapat urutan unsur yang membentuk kata sapaan. Kata sapaan cenderung terdiri daripada satu unsur, iaitu gelaran kurniaan adat dan kata ganti nama diri orang pertama jamak.

### **3.3 Kata Sapaan Separa Rasmi**

Takrifan ragam bahasa separa rasmi boleh diturunkan daripada takrifan ragam bahasa rasmi dan ragam bahasa tidak rasmi. Takrifannya berkaitan dengan erti daripada kata *separa*, iaitu sebahagian sahaja, tidak sepenuhnya, separuh (Dewan Bahasa dan Pustaka,

2007:1459).<sup>10</sup> Berasaskan pada pengertian ini, ragam separa rasmi boleh ditakrifkan sebagai ragam bahasa yang dipakai apabila kawan bicara orang yang dihormati, topik pembicaraan bukan topik rasmi dan bukan pula topik kehidupan seharian, atau pembicaraan dilakukan di depan orang ramai yang jumlahnya terbatas. Contoh majlis yang bersuasana demikian ialah majlis-majlis yang berkaitan dengan siklus kehidupan seperti majlis perkahwinan, kematian, dan kelahiran. Pada setiap siklus tersebut, masyarakat di kawasan penyelidikan merayakan dan menyelenggarakan upacara adat. Pada amnya acara dan upacara adat tersebut bermula dengan majlis.

Seperti mana dalam majlis rasmi, perbincangan dalam majlis separa rasmi juga berbentuk dialog antara suatu kelompok dengan kelompok yang lain, iaitu kelompok tuan rumah dan kelompok tamu. Dialog berlangsung dalam bentuk pidato *pasombahan* yang dilakukan saling berganti. Tiap-tiap kelompok diwakili oleh satu atau dua orang yang akan menjadi jurubicara atau jururunding. Mereka ialah orang-orang yang pandai berbicara dan berunding atau disebut juga dengan orang-orang yang pandai *basilek lidah*.<sup>11</sup> Majlis ini berusaha untuk mencari kesepakatan tentang sesuatu perkara yang dirundingkan.

Perkahwinan merupakan salah satu contoh siklus kehidupan orang Minangkabau yang memerlukan instrumen majlis untuk mencapai suatu kesepakatan. Dalam adat perkahwinan tersebut ada sejumlah peringkat adat yang mesti dilalui oleh kedua-dua belah pihak pengantin bersama dengan keluarga mereka. Peringkat-peringkat tersebut tidak hanya ada sesudah peringkat pesta perkahwinan atau *olek*, tetapi peringkat tersebut juga ada sebelum peringkat ini. Di Nagari Batuhampar, urutan peringkatnya ialah *manaikan siriah* (meninjau), *batimbang tando* (bertunangan), *akad*

<sup>10</sup> Istilah separa rasmi dalam bahasa Indonesia pelbagai, antara lain ialah separuh rasmi dan semi formal.

<sup>11</sup> Kata majemuk idiomatis ini terbentuk daripada unsur *silek* (silat) dan *lidah* (lidah). Gabungan kedua-dua unsur ini menimbulkan makna baru, iaitu pandai berbicara atau berunding.erti ini terdapat dalam *Kamus Lengkap Bahasa Minangkabau*, Bahagian I yang disusun oleh Gouzali Saydam, (Padang, 2004), hal.352 . Unsur {ba-} merupakan imbuhan.

*nikah, baralek gadang, kombuk kapeh, dan bajago-jago.* Setelah semua peringkat adat ini terselenggara, masih ada peringkat adat lain yang dilalui kedua-dua belah pihak, seperti *manjonguk kandang* yang dilakukan oleh keluarga pengantin lelaki, *maulang jojak* yang dilakukan oleh keluarga pengantin perempuan, dan *batandang makan* yang dilakukan oleh kedua-dua pengantin. Sebahagian majlisnya berlangsung dalam pidato *pasombahan*.

Situasi setiap peringkat dalam adat perkahwinan bersifat separa rasmi, kecuali dua peringkat terakhir. Pidato *pasombahan* tidak ada pada kedua-duanya. Selain itu, kedua-dua peringkat ini juga tidak melibatkan *niniak mamak* (seperti penghulu, *tunganai*), *mamak*, dan ibu dan bapa.

Situasi majlis pada peringkat-peringkat adat perkahwinan dikatakan agak rasmi kerana sebahagian daripada peringkat adat berlangsung dalam bentuk pidato *pasombahan* sebagaimana berlaku pada majlis rasmi. Majlis yang tidak rasmi ini terletak pada para peserta dan tempat penyelenggaraan. Sebagaimana telah disebut terdahulu, yang terlibat dalam acara ini ialah kerabat dekat si pengantin. Penghulu pucuk dan penghulu suku lain tidak diwajibkan menghadiri acara ini. Sering juga majlis tanpa penglibatan penghulu suku daripada pihak pengantin.

Masyarakat kawasan kajian mengamalkan prinsip perkahwinan eksogami. Suku daripada suami dan isteri tidak boleh sama. Berasal dari kampung atau *nagari* yang sama tidak menjadi penghalang dalam sebuah perkahwinan. Orang-orang di kawasan kajian lebih suka berkahwin dengan orang sekampung atau *senagari* dengan mereka. Hal ini juga menyebabkan situasi dalam peringkat perkahwinan menjadi separa rasmi. Oleh itu tidak menghairankan sebahagian daripada ahli

rombongan sama ada daripada pihak pengantin lelaki atau pengantin perempuan sudah mengenal antara satu sama lain. Hal ini membuat suasana majlis agak santai hingga tidak sukar mencapai suatu kesepakatan.

Pada peringkat *Batimbang Tando*, pihak calon pengantin lelaki mendatangi rumah keluarga calon pengantin perempuan. Orang yang terlibat dalam majlis tersebut ialah *pangulu suku* (penghulu), *tunganai* atau *mamak paruik* (lelaki senior di peringkat perut), dan *mamak rumah* (saudara lelaki ibu), saudara perempuan ibu, *bako* (keluarga bapak), dan saudara lainnya yang sudah berkahwin.<sup>12</sup>

Bentuk kata sapaan yang digunakan dalam pidato *pasombahan* di majlis *Batimbang Tando* bergantung pada status orang yang terlibat dalam majlis. Di majlis tersebut tidak semua ahli kelompok berpidato. Salah seorang daripada mereka sahaja yang berpasombahan bagi mewakili kelompok. Berikut petikan pidato *pasombahan* antara jurubicara pihak lelaki (JBPL) yang mewakili tamu dan jurubicara pihak perempuan (JBPP) yang mewakili tuan rumah (*si pangka*) atau yang punya *olek* (pesta, acara).

JBPL : “Malah *Datuak*.  
                 (Yang mana Datuk.)

adok kapado nan basamo.  
....”  
(Walaupun hanya Datuk yang dipanggil,  
tapi ditujukan kepada semua.  
....)

Lazimnya, yang menjadi jurubicara ialah *pangulu* atau *tungganai*. Oleh itu, mereka disapa dengan *gala* (gelaran) jawatan adat atau gelaran kurniaan adat. Bentuk kata sapaan boleh berupa gelaran lengkap dan boleh berupa *gala* pendek sahaja. Gelaran

<sup>12</sup> Penghulu suku ikut dalam rundingan bila pengantin perempuan tidak berasal dari nagari yang sama dengan pengantin lelaki.

pendek tersebut diambil daripada gelaran lengkap, iaitu di bahagian pangkal kata. Misal, seorang penghulu bergelaran *Datuak Rangkayo Mulia* akan disapa dalam majlis tersebut dengan gelaran kurniaan adat yang melekat padanya. Pada mulanya, jurubicara memanggil penghulu atau pembesar adat yang lain dengan gelaran lengkap. Kemudian, mereka menggunakan gelaran pendek, iaitu *datuak* hingga akhirnya tinggal bentuk *tuak*. Apabila penghulu atau *tungganai* tidak menghadiri acara tersebut, maka yang menjadi jurubicara boleh *niniak mamak* yang lain atau *mamak rumah*. Aturan sapaan kepada mereka sama, iaitu *gala* atau kata sapaan lain yang sudah menjadi aturan kata sapaan yang berlaku kepada lelaki yang sudah memiliki anak.

Setelah penghulu atau pembesar adat disapa dan dipanggil, jurubicara melanjutkan sapaan kepada peserta yang lain. Bentuk kata sapaannya cenderung berupa frasa bilangan. Berikut petikan *pasombahan* yang memperlihatkan penggunaan bentuk kata sapaan tersebut dalam acara *Batimbang Tando*.

- JBPL: “Malah *Datuak....*”  
(Manalah Datuk....)  
JBPP : “Lai *Tuak.*”  
(Ada, Tuak.)  
JBPL : “Sungguhpun Datuak surang nan taimbau,  
indak basisih jo bainggan,  
titah tabua ka *nan banyak*,  
solam kapado *nan basamo*,  
dihadiri *ibu* jo *bapak*,  
dalam lingkuangan ninik mamak,  
nyato dek tumbuh iko kini,  
adat limbago kito pakai,  
pusako usang sajak dulu. ...”  
(Sungguhpun Datuk seorang yang dipanggil,  
tidak disisihkan dan tidak dibatasi,  
titah ditabur kepada orang ramai,  
salam kepada semua,  
dihadiri oleh ibu dan bapak,  
dalam lingkungan ninik mamak,  
memang ada maksud,  
adat lembaga kita pakai,  
pusaka usang sejak dahulu.)

Berdasarkan data kajian seperti mana dalam petikan *pasombahan* di atas ada bentuk kata sapaan yang lain, iaitu *nan banyak* dan *nan basamo* yang didahului oleh ungkapan salam seperti *titah tabua ka* dan *solam kapado*. Kata sapaan ini ditujukan bukan kepada orang perorangan, melainkan ditujukan kepada orang ramai. Penggunaan bentuk ini disebabkan oleh jurubicara yang tidak mengenal pasti satu per satu status ahli keluarga pihak perempuan. Ada antara yang hadir beberapa perempuan dan lelaki separa baya. Untuk menghormati mereka, termasuk ahli daripada kelompok *niniak mamak* sebagaimana diungkap dalam frasa *dalam lingkuangan niniak mamak*, maka jurubicara menyapa dengan bentuk kata sapaan yang neutral, iaitu *ibu* dan *bapak*. Kedua-dua bentuk ini juga termasuk kata sapaan dalam hasil kajian yang dilakukan oleh Harimurti Kridalaksana (1980). Kata ini lazim digunakan sebagai sapaan dalam pidato-pidato rasmi dan separa rasmi bahasa Indonesia. Kedua-duanya termasuk leksikon bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007: 127 dan 557).

### **3.3.1 Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi**

Situasi sosial pertama dalam peraturan alternasi yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986), latar yang ditandai oleh status jelas berlaku dalam majlis *Batimbang Tando*. Orang yang turut serta dalam acara ini sudah ditetapkan bahkan penglibatan mereka menjadi aturan adat.

Berdasarkan data kajian, bentuk kata sapaan penghulu berupa gelaran. Selain penghulu masih ada peserta yang memiliki status terhormat seperti *tunganai* dan *mamak* yang tergolong dalam *urang ampek jiniah* atau *urang tigo jiniah* di lingkungan suku kedua-dua belah pihak. Ini bererti status mereka jelas. Akan tetapi, ketidaktahuan jurubicara tentang status mereka yang sebenarnya menyebabkan jurubicara menggunakan kata sapaan yang neutral. Kata sapaan yang dimaksudkan ialah

*ibu* dan *bapak*.<sup>13</sup> Dalam Hasan Alwi, Soenjono Darjowidjojo, Hans Lapolowa, dan Anton M. Moeliono (2003:259) juga disebut bahawa kedua-dua istilah kekerabatan sebagai nama penyapa. Dalam majlis-majlis rasmi, kedua-duanya juga digunakan sebagai sapaan. Mengikut takrifan gelaran tak bersahaja (rasmi) yang dirumuskan oleh Asmah Hj. Omar (2009: 34), maka kata sapaan *bapak* boleh sahaja tergolong dalam jenis gelaran tersebut.<sup>14</sup>

Bagi orang yang status tidak diketahui dan bilangannya ramai, jurubicara menyapa dengan menggunakan frasa *nan banyak* dan *nan basamo* yang bermakna jamak. Frasa ini merujuk kepada sebilangan orang yang disapa. Orang yang disapa itu tidak diwujudkan dalam bentuk kata nama seperti mana pada *pasombahan* majlis rasmi, melainkan dalam bentuk frasa di atas. Frasa ini tidak didahului oleh dengan kata nama yang semestinya mempresentasikan pesapa.

Situasi sosial kedua, pangkat dipertimbangkan dalam pemilihan bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi. Meskipun acara *Batimbang Tando* merupakan acara tradisional, namun orang yang terlibat di dalam acara tersebut menunjukkan perbezaan peringkat sosial. Perbezaan yang dimaksudkan tidak tercipta oleh pekerjaan di suatu tempat kerja, tetapi tercipta oleh adanya organisasi masyarakat adat. Setidak-tidaknya terdapat dua kelompok sosial dalam majlis ini. Kelompok pertama ialah pembesar adat. Penggunaan gelaran kurniaan adat, *datuk* menandakan adanya peringkat ini. Kelompok kedua terdiri daripada orang awam, iaitu ahli keluarga. Penanda kehadiran kelompok ini ialah penggunaan kata sapaan *nan + KT Bilangan* dan *nan + KT Kerja* yang bermakna jamak.

<sup>13</sup> Dalam *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* yang disusun oleh Hasan Alwi, Soenjono Darjowidjojo, Hans Lapolowa, dan Anton M. Moeliono (Jakarta, 2003), hal 259 juga disebut bahawa kedua-dua kata sapaan ini yang merupakan istilah kekerabatan, sebagai nama penyapa. Dalam majlis-majlis rasmi, kedua-duanya juga digunakan sebagai sapaan. Oleh itu, kedua-duanya boleh pula tergolong kepada gelaran tak bersahaja yang dikemukakan oleh Asmah Hj. Omar dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (Kuala Lumpur, 2009), hal.34. Hal ini disebabkan takrifan gelaran ini sesuai dengan situasi penggunaan kata sapaan tersebut.

<sup>14</sup> Dalam Asmah Hj. Omar (Kuala Lumpur, 2009), hal. 33-38 tidak ada disebut kata *ibu* atau *ibuk* sebagai sebuah gelaran.

Situasi sosial ketiga, set identiti termasuk situasi sosial yang diperhitungkan dalam pemilihan kata sapaan separa rasmi. Selektor ini menjurus pada gelaran dalam pekerjaan dan gelaran kehormat yang diberikan kepada pemiliknya dan berkaitan dengan status dan jawatan tertentu. Orang yang berstatus dan berjawatan penting yang terlibat dalam acara ini tidak ramai. Kedua-dua belah pihak melibatkan penghulu suku. Oleh itu, set identiti mereka diketahui. Dengan demikian ada penggunaan bentuk kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan adat dalam majlis tersebut. Bentuknya cenderung berupa gelaran pendek. Kehadiran mereka tidaklah dimestikan. Mereka boleh diwakili oleh orang lain yang masih memiliki status dan gelaran, misal *tunganai*. Mereka disapa dengan istilah kekerabatan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Antara mereka ada yang menjadi pemangku jawatan adat. Penggunaan kata sapaan *ibu* dan *bapak* yang disertai dengan frasa *dalam lingkuangan niniak mamak* dimaksudkan untuk meneutralkan ketidaktahuan penyapa. Untuk menyapa ahli yang lain digunakan bentuk kata sapaan yang berupa frasa yang bermakna jamak.

Selektor dewasa merupakan selektor yang mesti dilalui dalam pemilihan bentuk kata sapaan separa rasmi. Akan tetapi, selektor ini diabaikan sahaja. Semua peserta mestilah orang telah dewasa. Selektor berikutnya, nama diketahui juga diabaikan kerana semestinya ahli kedua-dua belah pihak tidak saling mengenal. Ini disebabkan sistem perkahwinan yang diaamalkan oleh mereka, iaitu eksogami dan mereka memahami bahawa acara ini merupakan acara adat dan ada aturan dalam berunding dan berpidato. Kata sapaan yang digunakan juga tidak boleh digunakan secara sembarang.

Selektor teman atau rakan sejawat diabaikan. Tentang selektor umur yang lebih daripada 15 tahun diketepikan sahaja kerana penggunaan bentuk kata sapaan tidak bergantung kepada bilangan umur. Selektor berikutnya, dispensasi pun diketepikan. Bentuk kata sapaan bergantung pada status atau peranan mereka tersebut.

Status perkahwinan tidak mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan. Si pesapa tidak mengetahui status perkahwinan semua peserta majlis. Oleh itu, kata sapaan umum digunakan.

Selektor jantina mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan. Kata sapaan ini muncul bersama kata sapaan pasangannya.

Selektor kekerabatan<sup>15</sup> tidak diambil kira kerana majlis ini merupakan salah satu daripada adat perkahwinan. Sebagaimana juga telah dijelaskan di bahagian terdahulu, kedua-dua belah pihak tidak memiliki hubungan kekerabatan. Selektor berikutan, iaitu generasi terdahulu dan umur yang lebih tua juga tidak diambil kira.

Sebahagian selektor yang diabaikan ada yang berbinari positif (+). Meskipun demikian, penyapa mesti memperlakukan pesapa dengan status yang disandang atau peranan yang dimainkan mereka dalam majlis tersebut.

Bentuk dan penggunaan kata sapaan seperti mana telah diuraikan terdahulu menunjukkan suatu model sistem kata sapaan. Model tersebut digambarkan

---

<sup>15</sup> A.A.Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal.194 menyebut bahawa dalam masyarakat Minangkabau lazim terjadi perkahwinan antara orang yang berkerabat disebabkan hubungan perkahwinan yang terkenal dengan istilah *pulang ke rumah bako*. Perkahwinan macam ini dianggap perkahwinan ideal. Istilahnya bernama demikian kerana yang berkahwin itu antara *anak pisang* dengan ahli keluarga bapa (*bako*).


melalui Rajah 3.2 di bawah ini yang berbeza dengan rajah sistem sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986).

Rajah sistem sapaan ini dibaca seperti yang berikut. Latar yang ditandai oleh status jelas (+), pangkat adalah sama (=), dan set identiti diketahui (+), maka bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan (adat). Apabila pangkat lebih rendah (-) dan berjantina lelaki, maka bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan *bapak*. Sebaliknya, apabila jantinanya perempuan, bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan *ibu*. Apabila pangkat lebih rendah (-), jantina tidak diidentifikasi, dan bilangan pesapa ramai, maka bentuk kata sapaannya ada dua. Pertama ialah *nan* + kata bilangan jamak (disingkat KT BIL JAMAK). Kedua ialah *nan* + kata kerja (disingkat KT KERJA).

Peraturan kedua daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (*ibid*) ialah peraturan kemunculan bersama. Seperti nama peraturan ini, penggunaan suatu kata sapaan disertai dengan kemunculan bentuk lain yang boleh berupa kata, frasa, dan ayat.

Berdasarkan data kajian, kekhasan bahasa Minangkabau ragam rasmi masih terdapat pada acara *Batimbang Tando* yang bersituasi separa rasmi. Persamaan itu ialah penggunaan bentuk kata sapaan yang berupa gelaran adat, bentuk kata terbitan yang lengkap (seperti *dihadiri*, *basisiah*, *bainggan*) dan kata yang khas (seperti *titah*, *sungguahpun*, *basisiah*, *bainggan*, *nan*). Sebahagian daripada unsur frasa merupakan kata khas yang produktif dalam pidato *pasombahan* (seperti kata *nan* dalam *ka nan banyak* atau *kapado nan basamo*).

**Rajah 3.2: Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Nagari Batuhampar**



Petunjuk:

E = Ego

KT = Kata

BIL= Bilangan

Kekhasan juga terbentuk oleh ayat yang panjang. Ayat dalam pidato *pasombahan* terbentuk oleh frasa yang bilangan banyak (lihat kembali petikan pidato). Banyak ucapan yang berupa *kieh* (kias) dan berbentuk pantun, bahkan ada pidato yang semua ucapannya berbentuk pantun.

Meskipun antara pidato pasombahan rasmi dan separa rasmi memiliki persamaan, kedua-duanya juga menunjukkan perbezaan. Perbezaan itu terletak pada salah satu daripada bentuk kata sapaan. Kata sapaan dalam majlis separa rasmi berupa

istilah kekerabatan *ibu* dan *bapak* dan frasa *nan + kata bilangan jamak* dan *nan + verba* (kata kerja) tidak dalam *pasombahan* majlis rasmi.

Peraturan ketiga daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (*ibid*) ialah peraturan urutan. Yang disyaratkan oleh peraturan ini ialah kata sapaan merupakan dapatan daripada penerapan dua peraturan terdahulu. Dalam majlis separa rasmi, bentuk kata sapaannya cenderung berupa gelaran adat yang singkat. Gelaran lengkap digunakan di awal *pasombahan* sahaja. Oleh itu, dalam situasi ini tidak terdapat rumus urutan daripada unsur bentuk kata sapaan. Rumus urutan terdapat pada kata sapaan yang digunakan untuk menyapa hadirin yang lain. Rumusan itu sama dengan rumusan struktur frasa. Rumusannya adalah *nan + kata* (*bilangan jamak* dan *kata kerja*).

### **3.3.2 Rumusan Kata Sapaan Separa Rasmi**

Hasil analisis kata sapaan separa rasmi yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan di kawasan kajian tidak rencam. Terdapat tiga kelompok bentuk kata sapaan dalam majlis separa rasmi. Ketiga-tiga kelompok itu ialah gelaran adat, istilah kekerabatan, dan frasa khusus. Kata sapaan yang terakhir ini tidak didahului oleh kata nama yang mewakili pesapa.

Bentuk bahasa lain yang menyertai kata sapaan separa rasmi adalah selaras dengan situasi kebahasaan tempat penggunaan bentuk kata sapaan tersebut. Seperti mana pada bentuk kata sapaan rasmi, bentuk kata sapaan separa rasmi juga cenderung terdiri daripada satu unsur. Meskipun demikian, kata sapaan yang digunakan

untuk menyapa orang yang tidak jelas jawatannya memperlihatkan urutan unsur kata sapaan.

### **3.4 Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Inti daripada takrifan bahasa basahan (tidak rasmi, sehari-hari) yang dirumuskan oleh Asmah Hj. Omar (2008b:50) ialah bahasa yang digunakan dalam perbualan sehari-hari. Takrifan ini selaras dengan takrifan kata sapaan tidak rasmi yang diturunkan daripada takrifan ragam bahasa rasmi dan separa rasmi yang dirumuskan oleh Harimurti Kridalaksana (2008:206) dan Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir, dan Noor Ein Hj. Mohd. Noor (1997:34). Pada ragam ini, teman bicara berasal daripada pelbagai orang, sama ada dari segi sifat hubungan kekerabatan, umur, atau jantina. Topik pembicaraan pelbagai, terutama tentang persoalan kehidupan sehari-hari. Situasi kebahasaannya bersifat tidak rasmi atau sehari-hari. Berdasarkan penjelasan ini dapat ditakrifkan bahawa kata sapaan tidak rasmi ialah kata sapaan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Kata sapaan ini digunakan dalam suatu perbincangan yang bersifat tidak rasmi atau dalam suatu peristiwa bertegur sapa sehari-hari antara orang-orang yang berkerabat. Situasi penggunaannya boleh saja berlangsung di rumah dan di persekitaran rumah, atau boleh pula jauh daripada persekitaran rumah seperti di jalan, mesjid, kedai, ladang, sawah, *pakan*, dan tempat lain.<sup>16</sup> Oleh sebab latar belakang orang yang disapa pelbagai, maka bentuk kata sapaannya pelbagai pula. Latar belakang pesapa berhubung kait dengan angkubah-angkubah sosiobudaya yang pada asasnya merupakan selektor dalam carta alir pemilihan kata sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986).

Di bahagian berikut ini akan dibincangkan bentuk dan penggunaan kata sapaan tidak rasmi yang dibahagikan berdasarkan angkubah-angkubah sosiobudaya.

---

<sup>16</sup> *Pakan* merupakan pasar mingguan. Pada mulanya *pakan* digelar satu kali dalam satu minggu. Sekarang ini *pakan* ada yang digelar lebih dari pada satu kali dalam seminggu.

Angkubah yang dimaksudkan ialah hubungan kekerabatan, umur, dan jantina. Tiga angkubah ini menentukan pemilihan bentuk kata sapaan.

### **3.4.1 Hubungan Kekerabatan**

Dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:749) ditakrifkan kata kerabat sebagai sanak saudara, saudara mara, atau keluarga. Takrifan yang persis takrifan ini juga terdapat dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008: 964). Kerabat dalam masyarakat Minangkabau asal dinamakan *dunsanak*, sementara di Negeri Sembilan dinamakan *saudara mara*. Bagi orang Minangkabau, hubungan kekerabatan boleh terjalin kerana adanya hubungan darah dan boleh pula disebabkan adanya hubungan perkahwinan. Perbincangan bentuk kata sapaan mencakupi kedua-dua jenis hubungan kekerabatan ini. Oleh sebab hubungan kekerabatan menunjukkan peringkat-peringkat generasi (cicit, cucu, anak, ibu dan bapa, nenek dan datuk, nenek dan datuk buyut), perbincangan tentang bentuk kata sapaan dibuat pada peringkat yang berpangkal pada generasi tersebut. Dengan demikian, status hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa tergambar dengan jelas penggunaan bentuk kata sapaannya.

Selain itu, cara huraihan seperti ini memudahkan perbincangan tentang bentuk kata sapaan kepada kerabat berhubungan darah dan kerabat berhubungan perkahwinan. Penggunaan istilah ini selaras pula dengan teori sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Salah satu daripada peraturan alternasi terdapat istilah generasi terdahulu yang merujuk pada peringkat generasi yang dimaksudkan di atas.<sup>17</sup> Dengan mempertimbangkan dua perkara ini, maka perbincangan tentang pembahagian bentuk kata sapaan sesuai dengan pengelompokan peringkat generasi. Penyapa menjadi titik

---

<sup>17</sup> Koentjaraningrat dalam bukunya yang bertajuk *Beberapa Pokok Antropologi Sosial* (Jakarta, 1990) , hal.145 menggunakan istilah angkatan untuk generasi. Generasi atau angkatan merupakan salah satu daripada sembilan prinsip universal yang membezakan satu tipe atau kelas kerabat dengan tipe atau kelas kerabat yang lain.

tolak dalam penentuan bentuk kata sapaan yang akan digunakan kepada penyapa. Dalam bidang antropologi, penyapa yang berkedudukan demikian diistilahkan dengan istilah *ego* (tumpuan perbincangan, disingkat dengan E). Peringkat generasi terbagi kepada generasi di bawah penyapa, segenerasi atau satu generasi dengan penyapa, dan generasi di atas penyapa. Takrifan tiap-tiap peringkat generasi ini merupakan takrifan turunan daripada takrifan generasi. Dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:464), generasi ditakrifkan sebagai sekalian orang yang kira-kira sama jangka hidupnya. Istilah lain yang disebut dalam kamus ini ialah angkatan dan turunan. Bunyi takrifan ini hampir sama dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Berdasarkan takrifan ini, maka maksud daripada generasi di bawah penyapa ialah sekalian orang yang kira-kira hidupnya di bawahnya atau yang angkatannya di bawah. Dalam rajah kekerabatan di bidang antropologi, orang yang generasinya di bawah penyapa berada tidak segaris dengan penyapa. Garis keturunannya berada di bawah penyapa. Orang-orang yang segenerasi dengan penyapa berada di garis yang sama dengan penyapa. Seterusnya, garis orang yang termasuk generasi di atas penyapa terletak di atas garis orang yang segenerasi.<sup>18</sup>

Kelompok bentuk kata sapaan pertama yang dibincangkan ialah bentuk kata sapaan yang digunakan dalam kalangan generasi di bawah penyapa. Seterusnya, kelompok bentuk kata sapaan yang dibincangkan ialah bentuk kata sapaan yang digunakan dalam kalangan saudara yang segenerasi dengan penyapa. Kelompok bentuk kata sapaan terakhir yang dibincangkan ialah bentuk kata sapaan yang digunakan dalam kalangan generasi di atas penyapa.

---

<sup>18</sup>Koentjaraningrat dalam bukunya yang bertajuk *Beberapa Pokok Antropologi Sosial* (Jakarta, 1990), hal. 142.

### **A. Kata Sapaan Generasi di Bawah Penyapa**

Kata sapaan generasi di bawah penyapa ialah kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa anak, cucu, dan cicit yang berhubungan darah dengannya. Mereka yang termasuk generasi di bawah penyapa terdiri daripada anak, cucu, cicit kandung serta anak, cucu, cicit daripada saudara kandung dan saudara sepupu sebelah ibu. Berdasarkan data kajian, penyapa menggunakan bentuk kata sapaan yang berupa nama diri kepada mereka. Lazimnya, nama diri yang menjadi kata sapaan itu berupa nama pendek yang sekali gus menjadi nama panggilan mereka.<sup>19</sup> Contohnya antara lain ialah *Lora*, *Des*, atau *As*. Di samping kata sapaan, nama diri digunakan sebagai kata ganti nama diri orang kedua tunggal. Bentuk itu ialah *kau* yang ditujukan kepada perempuan dan *waang* atau *ang* yang ditujukan kepada lelaki. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (1993:101) juga memasukkan kedua-dua bentuk ini sebagai kata ganti yang sama. Dalam kajian Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, dan S. Djamaris (1983) yang lain didapati bentuk ini juga termasuk salah satu daripada bentuk kata sapaan. Selain kata ganti nama ini juga dipakai kata ganti nama diri orang jamak, iaitu *kalian*. Bentuk ini digunakan sama ada kepada perempuan atau lelaki. Aturan sapaan di atas berlaku pula kepada semua anak, cucu, cicit daripada saudara kandung, saudara seibu, dan saudara sepupu belahan ibu.

Saudara yang berhubungan kerabat disebabkan hubungan perkahwinan yang termasuk generasi di bawah penyapa ialah para *minantu* (menantu) daripada ahli keluarga luas. Mereka terdiri daripada suami atau isteri bagi anak, cucu, dan cicit. Bentuk kata sapaannya berbeza antara menantu perempuan dengan menantu lelaki. Bagi menantu perempuan, bentuk kata sapaannya ialah nama diri menantu dan tepatnya nama

<sup>19</sup> Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Reniawati, Noviatri, Rona Almos, dan Fajri Usman yang bertajuk "Dari Yusuf Sampai Yosef:Ideologi Pola Pemberian Nama Orang Minangkabau dalam Pembentukan Karakter dan Identitas" (Padang, 2013) didapati pelbagai asal nama panggilan orang Minangkabau. Ada yang berasal daripada nama panjang (lengkap) yang dipendekkan. Kata dan suku kata mana yang dipendekkan pun pelbagai. Ada pula nama panggilan itu yang tidak berkait dengan nama panjang. Nama panggilan boleh pula berupa gelaran timangan dan julukan. Hasil penyelidikan tersebut juga didapati temuan bahawa nama diri orang yang berumur di atas 43 tahun cenderung pendek dan terdiri daripada satu kata.

pendek yang menjadi nama panggilan. Bagi menantu lelaki, bentuk kata sapaan khas, iaitu *gala* ‘gelaran’ (lihat kembali bab terdahulu). Contoh gelaran antara lain ialah *Sinaro Nan Kuniang* dan *Rangkayo Mulia*. Setelah mempunyai anak, bentuk sapaan ini digantikan dengan bentuk lain. Bentuk yang dimaksudkan merupakan gabungan antara istilah kekerabatan dan nama diri daripada anak sulung. Strukturnya ialah *pak + nama diri anak pertama*, misal *Pak Eri* dan *Pak Nora*. Unsur *Eri* dan *Nora* merupakan nama diri yang menjadi panggilan daripada anak kedua-dua orang tersebut.

## B. Kata Sapaan Segenerasi dengan Penyapa

Kata sapaan bagi pesapa yang segenerasi dengan penyapa ialah kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa saudara kandung, saudara seibu, dan saudara sepupu sebelah ibu dan sebelah bapa. Mereka itulah saudara-saudara yang segenerasi dengan penyapa. Bentuk kata sapaannya bergantung pada umur daripada pesapa. Bagi pesapa yang berumur lebih muda daripada penyapa disapa dengan nama diri, gelaran timangan, atau gelaran julukan. Lazimnya, nama diri yang menjadi sapaan itu berupa nama pendek yang sekali gus menjadi nama panggilan. Penyapa boleh pula menyapa dengan menggunakan kata ganti nama diri orang kedua tunggal, iaitu *kau* kepada pesapa berjantina perempuan dan *waang* atau *ang* kepada pesapa yang berjantina lelaki atau dengan kata ganti nama diri orang kedua jamak seperti *kalian*. Aturan sapaan ini sama dengan aturan sapaan kepada generasi di bawah penyapa.

Aturan sapaan di atas tidak berlaku kepada pesapa yang berumur lebih tua daripada penyapa. Untuk menyapa mereka digunakan bentuk kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan, iaitu *Uwan* atau *Wan* bagi yang berjantina lelaki. Bentuk terakhir ini merupakan proses penggalan daripada bentuk pertama. Variasi lain daripada bentuk ini ialah *wan* yang diikuti oleh nama diri. Biasanya nama diri berupa

nama pendek yang menjadi nama panggilan kepada orang tersebut. Strukturnya ialah *wan + nama diri (nama pendek)/bentuk kata sapaan lain*. Bentuk kata sapaan lain boleh berupa gelaran timangan dan gelaran julukan dan contohnya antara lain ialah *Wan Zul* dan *Wan Zam*. Nama panjang daripada *Wan Zul* ialah *Zulfa*. Nama pendek, *Zul* merupakan suku kata pertama daripada nama panjang. Seterusnya, nama panjang *Zam* ialah *Zam Hari*. Nama pendek, *Zam*, merupakan unsur pertama daripada nama panjang. Asal-usul nama pendek yang diambil daripada nama panjang orang Minangkabau ada pelbagai-bagai. Ada nama pendek ini yang diambil daripada suku kata kedua daripada nama panjang. Keadaan ini bergantung pula pada bilangan suku kata yang membentuk nama tersebut. Nama panggilan lain boleh sahaja berupa gelaran timangan dan gelaran julukan. Contoh gelaran timangan ialah *Bujang*.<sup>20</sup> Bentuk ini bererti anak lelaki atau anak perempuan (Tim Penyusun Kamus Bahasa Indonesia, 2008:227). Erti lainnya ialah belum berkeluarga atau tidak menikah. Erti ini juga terdapat dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:213). Bentuk lain daripada gelaran ini ialah *Jang*.

Seterusnya contoh gelaran julukan, *Gapuak* melekat pada orang yang berbadan gemuk. Bentuk pendek gelaran ini ialah *Puak*. Kata ini memang bererti demikian. Apabila pesapa berasal daripada generasi di atas, segenerasi dengan penyapa, dan atau berumur lebih tua daripada penyapa, maka gelaran ini muncul setelah bentuk kata sapaan istilah kekerabatan yang melekat kepada orang berkenaan. Bentuknya bergantung pada status hubungan kekerabatan antara kedua-duanya. Apabila pesapa merupakan saudara lelaki yang lebih tua daripada penyapa, maka dia disapa dengan *Wan Jang* dan *Wan Puak*. Gelaran timangan boleh ditambahkan dengan nama diri ahli keluarga atau gelaran julukan untuk membezakannya dengan orang yang memiliki

<sup>20</sup> A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal. 132 menjelaskan bahawa pada amnya anak lelaki dipanggil dengan *Bujang* atau *Jang*. Pilihan lainnya ialah *Buyuang* atau *Yuang*. Sementara anak perempuan dipanggil *Gadih* dan *Upiak* atau *Piak*. Gelaran ini lazim pula menjadi nama diri sehingga mereka tua. Bentuk kata sapaan ini boleh juga digunakan untuk menyapa anak-anak, remaja, dan orang yang berumur lebih muda daripada penyapa.

gelaran yang sama. Aturan yang sama juga berlaku pada gelaran julukan. Apabila bentuk gelaran sama, maka ditambahkan nama diri orang tersebut di awal gelarannya. Penambahan nama juga berlaku di penghujung nama diri. Misal, di penghujung nama diri, *Sari* ditambahkan nama *Gudang* untuk membezakan dengan *Sari* yang lain. Penambahan unsur *gudang* disebabkan pemilik nama ini tinggal dekat bangunan gudang. Oleh sebab sumber inspirasi pemberian nama adalah sama, maka dapat difahami adanya nama yang sama pula. Pembezaan tidak sukar dilakukan, iaitu dengan cara penambahan gelaran julukan kepada orang yang nama dirinya sama dan penambahan nama diri kepada orang yang gelarannya sama. Nama suku juga boleh ditambahkan pada nama diri dan gelaran tersebut.

Berdasarkan data kajian, bentuk kata sapaan saudara perempuan juga berupa istilah kekerabatan, iaitu *kakak*, *akak*, atau *kak*. Bentuk ini digolongkan oleh Asmah Hj. Omar (2009:33) dalam gelaran kekeluargaan. Dua bentuk terakhir merupakan bentuk penggalan daripada bentuk sapaan pertama. Selain tiga bentuk ini juga digunakan bentuk *uni* atau *ni*. Seperti mana pada saudara lelaki, bentuk kata sapaan yang berupa gabungan istilah kekerabatan dan nama diri terdapat pula pada kata sapaan kepada kakak. Bentuknya merupakan hasil penggalan daripada bentuk *kakak* dan *uni* serta diikuti oleh nama diri yang berupa nama pendek.<sup>21</sup> Strukturnya ialah *kak* atau *ni + nama diri (nama pendek)/bentuk kata sapaan lain*. Contoh kata sapaan ini antara lain ialah *Kak Des* dan *Ni As*. Nama *Des* merupakan nama pendek yang diambil dari nama panjang, iaitu *Destriyanti*. Sementara nama *As* merupakan nama pendek yang diambil dari nama panjang, iaitu *Asni*. Nama pendek ini menjadi nama panggilan. Aturan sapaan ini juga berlaku kepada pesapa yang berstatus sebagai saudara

<sup>21</sup> Kajian yang dilakukan oleh Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, dan S. Djamaris yang dituliskan dalam *Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau* (Jakarta, 1983), dan Leny Syafiyah, Aslinda, Noviatri, dan Efriyades dalam *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau di Kabupaten Agam* (Jakarta, 2000) juga didapati bentuk tersebut sebagai kata sapaan di kawasan kajian mereka.

sepupu sama ada di sebelah ibu (*dunsanak ibu*) atau di sebelah bapa (*dunsanak apak*).

Apabila pesapa berstatus sebagai saudara sepupu yang seumur dengan penyapa, aturan sapaannya ialah sama dengan aturan penyapaan kepada saudara yang lebih muda umurnya. Penyapa menyapa mereka dengan menggunakan nama diri, iaitu tepatnya nama pendek yang menjadi nama panggilan mereka.

Aturan sapaan yang berlaku bagi kaum kerabat di atas juga berlaku bagi saudara yang berkerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Suami menyapa isteri (istilah di Batuhampar: *bini, padusi ambo, padusi mbo* dan *tino ambo* atau *tino mbo*) dengan nama diri isteri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan atau bentuk kata sapaan lain mereka. Sementara isteri menyapa suaminya (istilah di Nagari Batuhampar: *apak anak* atau *kawan*) dengan *uwan* atau *uda*.<sup>22</sup> Variasi bentuk kata sapaan ini ialah *wan* dan *da*. Kedua-dua bentuk ini merupakan hasil pemenggalan daripada bentuk lengkapnya. Bentuk yang pertama ialah sama dengan bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada saudara lelaki. Sementara bentuk yang kedua merupakan bentuk khas kerana hanya digunakan untuk menyapa suami dan tidak digunakan untuk menyapa saudara lelaki.

Bagi saudara yang menjadi kerabat disebabkan perkahwinan dengan saudara hubungan darahnya, aturan sapaan ialah sama dengan aturan sapaan kepada saudara hubungan darahnya. Misalnya, *adiak ipa* (adik ipar) disapa dengan nama dirinya, iaitu nama pendek atau bentuk kata sapaan lain yang menjadi nama panggilan. Mereka boleh disapa pula dengan kata ganti nama diri orang kedua *waang* atau *ang*

<sup>22</sup> Kata sapaan *uda* juga didapati pula sebagai kata sapaan di kawasan kajian yang dilakukan oleh Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, dan S. Djamaris dalam *Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau* (Jakarta, 1983) dan Leny Syafyaha, Aslinda, Noviatri, dan Efriyades dalam *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau di Kabupaten Agam* (Jakarta, 2000). Bentuk *uwan* atau *wan* merupakan kata sapaan khas di kawasan kajian ini.

untuk lelaki dan *kau* untuk perempuan. Apabila bilangannya ramai, maka disapa dengan kata ganti nama diri orang kedua jamak, iaitu *kalian*. Sapaan dengan menggunakan nama diri berlaku pula bagi saudara ipar yang seumur dengan penyapa. Sementara abang ipar dan kakak ipar (istilahnya di Nagari Batuhampar: *ipa*), disapa dengan kata sapaan yang sama bentuknya dengan abang dan kakak.

### C. Kata Sapaan Generasi di Atas Penyapa

Generasi di atas penyapa boleh dibahagikan lagi kepada tiga peringkat generasi di atas penyapa. Kerabat yang dimaksudkan satu generasi di atas penyapa ialah ibu dan bapa penyapa dan saudara ibu dan saudara bapa daripada penyapa sama ada saudara sebelah ibu atau saudara sebelah bapa. Termasuk ke dalam generasi ini ialah kerabat disebabkan hubungan perkahwinan orang-orang yang segenerasi yang sama dengan ibu dan bapa, iaitu suami atau isteri kepada saudara ibu. Suami atau isteri kepada saudara bapa tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatan sudah jauh. Antara penyapa dengan mereka jarang berlaku komunikasi. Seterusnya, kerabat yang termasuk dua generasi di atas penyapa ialah nenek dan datuk penyapa berserta saudara sebelah ibu daripada nenek dan datuk. Terakhir, kerabat yang termasuk tiga generasi di atas penyapa ialah nenek dan datuk buyut. Oleh sebab jarak umur yang jauh dan perbezaan peringkat generasi, ramai cucu dan cicit tidak mengenal keluarga ibu kepada datuknya.

Perbincangan bermula dengan bentuk kata sapaan kepada ibu dan bapa. Anak menyapa ibu dan bapa dengan kata sapaan *andeh* dan *amak*. Bentuk kata sapaan lainnya ialah *ibu* dan *mama*. Bentuk-bentuk ini juga bervariasi, iaitu *ndeh*, *mak*, *bu*, *ama* atau *ma* yang merupakan pemenggalan daripada bentuk asal. Kata sapaan bapa juga pelbagai. Kata sapaannya ialah *apak*. Bentuk lainnya ialah *ayah* dan *papa*.<sup>23</sup>

<sup>23</sup> Dalam *Kamoes Bahasa Minangkabau-Bahasa Melajoe-Riau* yang disusun oleh M. Thaib Sutan Pamoentjak (Batavia, 1935), hal.149, kata *andeh* merupakan kependekan daripada bentuk *mandeh*. Dalam *Kamus Dewan* yang disusun Dewan Bahasa dan

Seperti kata sapaan *mama*, kata sapaan *papa* juga merupakan bentuk baru. Di kawasan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh Media Sandra Kasih (2007:20-22) juga mendapati bentuk kata sapaan ini. Masing-masing bentuk memiliki variasi, iaitu *pak*, *yah*, dan *apa* atau *pa*. Varian-varian itu merupakan hasil proses pemenggalan daripada bentuk yang lengkap.

Saudara ibu termasuk peringkat generasi yang sama dengan ibu. Istilah kekerabatan bagi adik-beradik perempuan dan lelaki ibu berbeza. Penyapa menganggap saudara perempuan ibu seperti ibunya sendiri. Bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa mereka bergantung pada urutan dalam adik-beradik. Variasi bentuknya terlihat pada jadual di bawah ini.

**Jadual 3.1: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan Ibu**

Urutan Adik-beradik	Kata Sapaan
Pertama	odang, dang
Kedua	ongah, ngah
Ketiga hingga Ketiga Terakhir	ongah/ngah + nama diri/ bentuk kata sapaan lain
Kedua Terakhir	etek, tek
Terakhir	oncu, ncu

Jadual di atas menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan tersebut terdiri daripada bentuk yang mengambarkan urutan adik-beradik. Meskipun saudara ibu dianggap ibu juga, namun bentuk kata sapaan tidak mengandungi unsur kata sapaan kepada ibu. Bentuk kata sapaan bagi mereka ialah nama urutan adik-beradik. Saudara perempuan ibu di urutan pertama disapa dengan *odang* atau *dang*. Bentuk ini berasal daripada kata

---

Pustaka (Kuala Lumpur, 2007), hal. 991, kata ini merupakan kata bahasa Minangkabau. Sementara kata *amak* bersepadan dengan kata *emak* bahasa Melayu (dalam *Kamus Dewan* yang disusun Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, hal. 386). Mengikut penjelasan A.A Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal. 130, bentuk kata sapaan yang lain, *mama* dan *papa* muncul pada masa kolonial Belanda.

*godang* (gedang, besar). Saudara ibu yang di urutan kedua disapa dengan *ongah* atau *ngah*. Bentuk ini berasal daripada *tongah* (tengah). Dalam jadual terlihat bentuk baru yang muncul pada kata sapaan kepada saudara ibu di urutan ketiga hingga ketiga terakhir. Tambahan yang berlaku berupa nama diri atau bentuk kata sapaan lain yang hadir di belakang bentuk *ongah*. Istilah bentuk kata sapaan lain pada rumusan di atas boleh saja diambil dari luar nama panjang, misal gelaran timangan dan gelaran julukan. Contoh, bentuk kata sapaan kepada saudara ibu yang menjadi anak ketiga disapa dengan bentuk *Ongah/Ngah Mun*, sementara saudara ibu yang merupakan anak keempat disapa dengan bentuk *Ongah/Ngah Anih*. Bentuk *Mun* dan *Anih* merupakan nama pendek yang menjadi nama panggilan mereka. Nama panjang masing-masingnya ialah *Imun* dan *Marnis*. Aturan sapaan seperti ini berlaku kepada saudara ibu yang berada di urutan ke delapan daripada sepuluh orang adik-beradik. Sementara itu, saudara ibu di urutan ke sembilan disapa dengan *etek* atau *tek*. Bentuk ini berasal daripada kata *ketek* (kecil). Saudara ibu di urutan terakhir disapa dengan bentuk *oncu* atau *ncu*. Bentuk ini berasal daripada kata *bonsu* (bungsu).

Aturan sapaan kepada adik-beradik perempuan ibu di atas juga berlaku kepada adik-beradik perempuan bapa. Meskipun demikian ada sedikit perbezaan pada bentuk kata sapaan daripada saudara bapa yang lahir di urutan kedua terakhir. Perbezaan itu ialah tambahan bentuk baru, iaitu *ante* atau *nte* yang menjadi pilihan lain daripada kata sapaan yang sudah lazim dipakai, iaitu *etek* atau *tek*.<sup>24</sup> Aturan sapaan di atas juga berlaku kepada hubungan kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Dalam kelompok ini termasuk isteri daripada saudara bapa yang lelaki.

---

<sup>24</sup> Bentuk lengkap kata sapaan *ante* atau *nte* ialah *tante*. Dalam *Kamus Dewan* yang disusun Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur, 2007), hal.1605, kata sapaan ini merupakan kata sapaan bahasa Indonesia yang berasal daripada bahasa Belanda.

Seterusnya dibincangkan bentuk kata sapaan saudara lelaki ibu. Seorang lelaki Minangkabau berstatus sebagai *mamak* (paman) bagi anak daripada saudara perempuannya. Sementara anak tersebut berstatus sebagai *kaminakan* ‘kemanakan’ bagi *mamak* tersebut. Hubungan kekerabatan yang terjalin antara mereka ialah hubungan kekerabatan *mamak kaminakan*. Sebagai seseorang yang berstatus *mamak*, mereka memiliki tugas sebagaimana semestinya seorang *mamak* di Minangkabau (lihat kembali bab terdahulu). Bentuk kata sapaan kepada mereka juga bergantung pada urutan adik-beradik. Bentuk tersebut merupakan gabungan bentuk *mak* dan nama urutan adik-beradik. Bentuk *mak* ini merupakan hasil pemenggalan daripada bentuk *mamak*. Bentuk selengkapnya ditunjukkan pada jadual di bawah ini.

**Jadual 3.2: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Ibu**

Urutan adik-beradik	Kata Sapaan
Pertama	mak odang, mak dang
Kedua	mak ongah, mak ngah
Ketiga	mak etek, metek
Keempat hingga kedua terakhir	metek + nama diri/ bentuk kata sapaan lain
Urutan terakhir	mak oncu, moncu

Berdasarkan jadual di atas, bentuk kata sapaan yang menggambarkan urutan adik-beradik antara saudara perempuan dengan saudara lelaki hampir sama. Perbezaan terletak pada unsur *mak* yang muncul pada bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu, sementara unsur ini tidak muncul pada bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu. Hal lain yang membezakan bentuk kata sapaan antara kedua-dua saudara ibu ini ialah bentuk kata sapaan yang berstruktur *metek + nama diri/bentuk kata sapaan lain* menjadi kata sapaan kepada saudara lelaki ibu di urutan keempat hingga kedua terakhir bukan urutan ketiga seperti bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu.

Bentuk *moncu*, iaitu kata sapaan saudara bungsu ibu merupakan hasil kependekan daripada bentuk *mamak oncu* atau *mak oncu*. Bentuk *metek* juga merupakan hasil kependekan daripada bentuk *mamak* atau *mak* dan *ketek* atau *tek*.

Kini, variasi bentuk kata sapaan kepada *mamak* bertambah dengan munculnya bentuk baru, iaitu *manda*. Bentuk ini merupakan hasil proses pengecutan *mamak anda*.<sup>25</sup> Kata sapaan ini digunakan untuk menyapa semua saudara lelaki ibu sama ada yang lebih muda daripada ibu atau yang lebih tua daripada ibu. Bentuk berstruktur *manda + nama diri/bentuk kata sapaan lain*. Contoh kata sapaan yang berstruktur demikian antara lain ialah *Manda Im* dan *Manda Buyuang*. Bentuk *Im* merupakan nama pendek yang berasal daripada nama panjang, iaitu *Muhammad Adrin*. Seterusnya, *Buyuang* merupakan nama panggilan yang tidak berasal daripada nama panjang. Bentuk ini merupakan gelaran timangan. Sementara nama panjangnya ialah *Bisma*.<sup>26</sup> Aturan sapaan ini juga berlaku kepada saudara sepupu daripada ibu.

Bentuk kata sapaan kepada saudara bapa berbeza dengan bentuk kata sapaan kepada saudara ibu. Hal ini berkaitan dengan konsep *mamak* yang hanya berlaku pada saudara lelaki ibu, tidak berlaku kepada saudara bapa. Mereka bukan *mamak* bagi penyapa dan saudara-saudara penyapa. Saudara bapa dianggap sebagai ibu dan bapa atau *apak* oleh penyapa. Selaras dengan itu, saudara bapa menganggap penyapa sebagai anak. Status yang berbeza ini wujud pada bentuk kata sapaan. Jadual di bawah ini menunjukkan bentuk kata sapaan tersebut.

<sup>25</sup> Mengikut R.J.Wilkinson dalam *A Malay-English Dictionary* (Tokyo Nippon, 1903), hal.28, unsur *anda* merupakan sufiks yang berasal daripada bahasa Sanskerta.

<sup>26</sup> Dalam laporan penyelidikan yang dibuat oleh Reniawati, Noviatri, Rona Almos, dan Fajri Usman, “Dari Yusuf Sampai Yosef: Ideologi Pola Pemberian Nama Orang Minangkabau dalam Pembentukan Karakter dan Identitas” (Padang, 2013) disebut bahawa nama panggilan ada yang berasal daripada nama panjang, panggilan kesayangan (timangan) atau julukan.

### **Jadual 3.3: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Bapa**

<b>Urutan Adik-beradik</b>	<b>Kata Sapaan</b>
Pertama	pak odang, pak dang
Kedua	pak ongah, pak ngah
Ketiga hingga ketiga terakhir	pak ongah + nama pendek/bentuk kata sapaan lain/ pak ngah + nama pendek/bentuk kata sapaan lain
Kedua terakhir	pak etek, petek
Terakhir	pak oncu, oncu

Aturan sapaan ini juga berlaku kepada kerabat kerana hubungan perkahwinan. Kerabat yang dimaksudkan ialah suami kepada saudara ibu dan saudara bapa. Sementara isteri daripada saudara ibu dan saudara bapa, bentuk kata sapaannya sama dengan bentuk kata sapaan kepada saudara ibu dan mengikut bentuk kata sapaan kepada pasangannya.

Perbincangan seterusnya adalah tentang bentuk kata sapaan kepada nenek dan datuk sebelah ibu. Mereka ini ialah generasi dua peringkat di atas penyapa.

Saudara nenek termasuk dalam kelompok ini. Kerabat hubungan darah yang segenerasi dengan nenek dari sebelah ibu juga termasuk dalam peringkat generasi ini. Kerabat hubungan darah nenek dan datuk sebelah bapa tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatan agak jauh dan mereka jarang berkomunikasi.

Bentuk kata sapaan bagi nenek ialah *tuo* atau *uwo*. Variasi bentuknya ialah *wo* yang merupakan pemenggalan daripada bentuk asalnya. Pasangan nenek, iaitu datuk tidak termasuk keluarga luas atau kaum kerabat ibu atau nenek. Sebagaimana halnya dengan menantu lelakinya, suami nenek ini juga berstatus sebagai *minantu*.

(menantu) bagi ibu dan bapa daripada isterinya atau *sumando* (semenda) dipandang dari pihak keluarga luas dan kelompok kekerabatan ibu atau nenek daripada isterinya. Meskipun demikian, mereka dihormati oleh ahli keluarga. Bentuk kata sapaan datuk ini ialah *datuak*. Bentuk ini juga memiliki variasi, iaitu *atuak* atau *tuak* yang merupakan hasil proses singkatan daripada bentuk asal.

Aturan sapaan ini juga berlaku kepada saudara nenek. Penyapa juga dianggap sebagai cucu oleh mereka. Sapaan kepada saudara datuk tidak dibincangkan kerana pertemuan mereka jarang berlaku. Oleh itu, penggunaan bentuk kata sapaannya kurang produktif. Kerabat disebabkan hubungan perkahwinan dengan saudara nenek juga disapa mengikut aturan sapaan yang berlaku kepada nenek dan datuk.

Seterusnya dibincangkan bentuk kata bagi nenek dan datuk sebelah bapa. Nenek sebelah bapa atau ibu kepada bapa disapa dengan *niniak*, sedangkan datuk sebelah bapa atau bapa kepada bapa disapa dengan bentuk kata sapaan yang sama dengan datuk sebelah ibu, iaitu *datuak* berserta variasinya.

Generasi ketiga di atas penyapa terdiri daripada nenek buyut dan datuk buyut. Mereka ialah ibu bapa daripada nenek. Ibu bapa daripada datuk tidak dibincang kerana hubungan kekerabatan sudah jauh dengan penyapa dan mereka pun jarang bertemu. Kata sapaan bagi nenek buyut adalah sama dengan kata sapaan bagi nenek, iaitu *tuo* atau *uwo*, sedangkan kata sapaan bagi datuk buyut ialah *gaek*.

### **3.4.2 Umur**

Berdasarkan data kajian, angkubah umur menentukan bentuk kata sapaan yang akan digunakan di kawasan kajian. Umur orang yang disapa merentang panjang. Daripada

urutan umur ini ada pesapa yang seumur, lebih muda, atau lebih tua daripada penyapa. Kepelbagaiannya bentuk kata sapaan disebabkan angkubah umur terkait dengan status hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa. Dalam peraturan alternasi yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986), umur merupakan salah satu daripada selektor dalam proses pemilihan kata sapaan, tentunya selektor umur orang yang lebih tua.

Pesapa yang berumur lebih muda daripada penyapa seperti cicit, cucu, anak, dan adik serta kerabat yang segenerasi dengan kelompok ini, bentuk kata sapaan yang digunakan berupa nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan. Di samping bentuk ini, penyapa boleh juga menggunakan kata ganti nama diri orang kedua tunggal atau jamak. Kata ganti nama diri orang kedua tunggal ialah *kau* kepada pesapa yang berjantina perempuan dan *waang* kepada pesapa yang berjantina lelaki. Sementara kata ganti nama diri orang kedua jamak ialah *kalian*. Kerabat lain yang berumur lebih muda daripada penyapa, iaitu generasi yang peringkatnya sama dengan ibu dan bapa, mereka disapa seperti bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada generasi yang tarafnya sama dengan ibu dan bapa. Bentuk kata sapaannya boleh dilihat kembali Jadual 3.1 dan Jadual 3.2. Sebagai contoh, penyapa akan menyapa adik kandung atau adik sepupu kepada ibu dengan panggilan *oncu* meskipun mereka lebih muda usianya daripada penyapa. Seterusnya, menantu termasuk generasi yang sama peringkatnya dengan anak. Keistimewaan daripada menantu lelaki, mereka disapa dengan bentuk kata sapaan yang khas, iaitu gelaran.

Bagi pesapa yang sebaya dengan penyapa, bentuk kata sapaannya juga berupa nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan atau bentuk kata sapaan lain. Apabila saudara sepupu itu lebih tua daripada penyapa, bentuk kata sapaan

yang digunakan adalah sama dengan bentuk kata sapaan yang digunakan kepada kakak dan abang.

Seterusnya, bentuk kata sapaan kepada kerabat yang berumur lebih tua daripada penyapa bergantung pada peringkat generasi orang yang disapa. Apabila yang disapa itu berasal daripada generasi di bawah penyapa, maka yang berupa nama diri akan digunakan. Apabila yang disapa ialah orang yang segenerasi dengan penyapa, maka bentuk kata sapaannya ialah kata sapaan yang digunakan untuk menyapa kakak dan abangnya. Bentuk kata sapaan tersebut ialah *uwani*, *wani*, atau *wan + nama diri/bentuk kata sapaan lain* bagi yang berjantina lelaki dan *kakak, akak, uni, ni, kak/ni + nama diri/bentuk kata sapaan lain* bagi yang berjantina perempuan. Apabila yang disapa segenerasi dengan ibu dan bapa, maka bentuk kata sapaannya sesuai dengan aturan sapaan yang berlaku kepada mereka. Bentuknya boleh dilihat kembali Jadual 3.1 dan Jadual 3.2.

Bagi pesapa yang lebih tua daripada ibu, iaitu generasi nenek dan datuk, bentuk kata sapaannya ialah *uwo* atau *wo*. Nenek dan kerabat yang segenerasi dengannya juga disapa dengan bentuk itu. Sementara datuk dan kerabat yang segenerasi dengannya disapa dengan bentuk *datuak* atau *tuak*. Kerabat yang lebih tua daripada nenek dan datuk, iaitu nenek dan datuk buyut tidak dibincangkan kerana sebahagian besar daripada mereka tidak hidup sewaktu dengan cicit. Oleh itu, bentuk kata sapaannya kurang produktif.

Kerabat yang berjawatan sebagai penghulu, bentuk kata sapaannya tidak berkaitan dengan jawatan tersebut. Mereka tetap disapa sesuai dengan status hubungan kekerabatannya dengan penyapa.

### **3.4.3 Jantina**

Berdasarkan data kajian, jantina menentukan bentuk kata sapaan yang digunakan. Dengan kata lain, daripada bentuk kata sapaan boleh dikira jantina pesapa.<sup>27</sup> Dalam sistem sapaan bahasa Inggeris orang Amerika yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986), angkubah ini menentukan pemilihan bentuk kata sapaan. Dalam rajah sistem sapaannya (lihat Rajah 1.1), proses pemilihan bentuk kata sapaan berakhir dengan bentuk kata sapaan yang menawarkan dua pilihan. Salah satu daripada pilihan itu ialah jantina pesapa.

Seperti mana pada angkubah umur, bentuk kata sapaan berkaitan jantina berkaitan pula dengan status hubungan kekerabatan penyapa terhadap pesapa atau posisi penyapa dalam peringkat generasi terhadap pesapa. Data-data kajian menunjukkan bahawa perbezaan bentuk kata sapaannya terlihat pada kerabat yang segenerasi dengan penyapa dan kerabat yang generasinya di atas penyapa. Kepelbagaiannya mulai muncul pada bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa kerabat yang umurnya lebih tua daripada penyapa dan itu bermula daripada kakak dan abang, ibu dan bapa dan kerabat yang segenerasi dengan ibu dan bapa, nenek dan saudara nenek, datuk, dan berakhir dengan nenek dan datuk buyut penyapa. Bentuk kata sapaan ini muncul pada istilah kekerabatan yang berpasangan seperti kata sapaan kepada kakak, ibu, nenek, nenek buyut, dan kerabat lain yang segenerasi dengan mereka. Bentuk kata sapaan berbeza dengan abang, bapa, datuk, datuk buyut, dan kerabat lain yang segenerasi dengan mereka.

---

<sup>27</sup> Jantina boleh ditelusuri daripada nama diri. Jarang sekali nama diri yang sama dimiliki oleh lelaki dan sekali gus perempuan. Meskipun demikian sulit menerangkan kekhasan nama masing-masing jantina dari struktur fonologinya kerana begitu banyaknya nama diri.

Kakak dan kerabat perempuan yang segenerasi dengan penyapa akan disapa dengan bentuk *kakak*, *akak*, *uni*, *ni*, atau *kak/ni + nama diri/bentuk kata sapaan lain*. Abang dan kerabat lelaki yang segenerasi dengan penyapa akan disapa dengan bentuk *uwan*, *wan*, atau *wan + nama diri/bentuk kata sapaan lain*. Bagi ibu, bentuk kata sapaannya ialah *andeh*, *amak*, *ibu*, atau *mama*. Sementara bagi bapa pula akan disapa dengan bentuk *apak*, *ayah*, atau *papa*. Bentuk kata sapaan orang yang berpasangan pula berbeza. Bentuk yang demikian juga berlaku kepada nenek, datuk, nenek buyut, datuk buyut, dan kerabat yang segenerasi dengan mereka. Nenek disapa dengan *uwo* atau *wo*. Bentuk ini juga digunakan untuk menyapa nenek buyut. Pasangan nenek, datuk disapa dengan *datuak*, *atuak*, atau *tuak*. Seterusnya, pasangan nenek buyut, datuk buyut disapa dengan *gaek*.

Bentuk kata sapaan kepada saudara ibu juga berbeza-beza dan itu berkaitan dengan jantina. Saudara ibu yang perempuan disapa oleh penyapa yang merupakan anak daripada ibu dengan bentuk kata sapaan yang menggambarkan urutan adik-beradik. Deskripsi bentuknya boleh dilihat pada Jadual 3.1. Deskripsi bentuk kata sapaan ini juga terdapat pada kata sapaan saudara lelaki ibu. Akan tetapi, deskripsinya sedikit berbeza. Pada bentuk kata sapaan saudara lelaki ibu terdapat bentuk *mak* yang merupakan hasil penggalan daripada *mamak* (saudara lelaki ibu). Bentuk *mak ngah*, misalnya merupakan kata sapaan kepada saudara ibu yang lahir pada urutan kedua daripada empat bersaudara. Bentuk kata sapaan ini menggambarkan status mereka dalam keluarga matrilineal Minangkabau. Dalam budaya masyarakat ini, lelaki dewasa tidak hanya sekadar saudara lelaki bagi saudara perempuannya, tetapi juga berstatus sebagai *mamak* bagi anak daripada saudara-saudara perempuannya.

Bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu juga menjadi kata sapaan bagi saudara perempuan bapa. Keluarga bapa ini ialah *bako* bagi penyapa. Sementara bagi *bako*, penyapa ialah *anak pisang* mereka. Deskripsi bentuk kata sapaan yang sama antara saudara perempuan ibu dan saudara perempuan bapa tidak diikuti oleh bentuk kata sapaan bagi saudara lelaki ibu. Bentuk kata sapaan saudara lelaki bapa ada unsur *pak*. Setelah unsur ini barulah diikuti oleh unsur yang menggambarkan urutan adik-beradik. Deskripsi bentuk lengkapnya boleh dilihat dalam Jadual 3.3. Unsur *pak* pada bentuk ini dapat difahami kerana saudara lelaki bapa ini dianggap bapa juga oleh penyapa berserta saudara-saudaranya.

#### **3.4.4 Angkubah-angkubah Lain**

Dalam Peraturan Alternasi yang dirumuskan oleh Ervin Tripp (1986), selektor dewasa, generasi terdahulu, dan umur yang lebih tua sudah terkandung dalam angkubah yang telah diuraikan terdahulu. Selektor umur lebih daripada 15 tahun sebenarnya tepat masuk ke dalam angkubah umur. Akan tetapi, selektor ini bukan selektor berikutan daripada selektor kekerabatan. Selektor teman atau rakan sejawat, pangkat, dan dispensasi juga tidak termasuk selektor berikutan daripada selektor kekerabatan.

Angkubah lain yang dimaksudkan di bahagian ini ialah status perkahwinan. Dalam proses pemilihan sapaan yang digambar dalam bentuk rajah alir oleh Ervin-Tripp, angkubah ini menjadi selektor tersendiri. Berdasarkan data kajian, kepelbagaiannya bentuk kata sapaan juga dilatari oleh angkubah perkahwinan ini.

Nama diketahui merupakan sesuatu yang dimestikan dalam peristiwa temu bual dan menjadi ciri utama dalam penggunaan kata sapaan. Seseorang mesti mengetahui nama diri kerabatnya. Berikut ini dijelaskan asas selektor nama diketahui

mesti mendapat perhatian dalam proses pemilihan bentuk kata sapaan. Penduduk Nagari Batuhampar memang ramai. Dahulunya, mereka membina rumah berkelompok-kelompok berasaskan pada suku. Kampung Jambak, misalnya orang-orang bersuku jambak sahaja yang menetap di situ. Rumah-rumah keluarga inti dibina di persekitaran *rumah gadang* atau boleh juga dibina di tempat lain yang masih di dalam kampung mereka. Ada pula yang membina rumah di kampung lain, tetapi yang masih berada dalam *nagari* yang sama. Perluasan yang sama juga berlaku pada kampung lain. Kini, bilangan penduduk cenderung bertambah. Pertambahan ini membawa impak pada bilangan rumah. Banyak rumah yang berapat-rapat, bahkan ada antara dua kampung yang tidak lagi terbatas dengan tanah kosong, ladang, atau sawah. Keadaan demografis ini menciptakan suasana yang lebih akrab dan saling mengenal antara satu sama lain.

Meskipun penyapa mengenali nama diri pesapa, namun bentuk kata sapaan yang digunakan mengikut aturan sapaan yang berlaku dalam keluarga atau kaum kerabat. Salah satu aturan itu ialah nama diri digunakan untuk menyapa saudara yang umurnya lebih muda daripada penyapa, seumur, atau peringkat generasi yang taraf hubungan kekerabatannya lebih tinggi daripada penyapa. Sebaliknya, apabila penyapa tidak mengenali nama pesapa dan tidak jelas status hubungan kekerabatan mereka, maka penyapa menggunakan bentuk kata sapaan kekerabatan. Dalam hal ini, umur pesapa menentukan penggunaan bentuk kata sapaan tersebut. Misalnya, apabila si pesapa itu diperkirakan seumur dengan neneknya, maka dia disapa dengan bentuk kata sapaan yang lazim digunakan untuk menyapa nenek, iaitu *tuo* atau *uwo*. Apabila si pesapa diperkirakan seumur dengan saudara ibu yang bungsu, maka penyapa menyapa dengan kata sapaan yang lazim digunakan untuk menyapa saudara ibu tersebut, iaitu *oncu*. Begitulah aturan sapaan seterusnya yang berkaitan dengan angkubah nama seperti yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp.

### **3.4.5 Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Mengikut Harimurti Kridalaksana (2008:224), sistem sapaan (*address system*) ialah sistem yang mengikat unsur-unsur bahasa yang menandai perbezaan status dan peranan pemeran dalam komunikasi dengan bahasa. Berdasarkan takrifan ini dapat ditarik suatu rumusan bentuk dan penggunaan kata sapaan di Kabupaten 50 Kota mempunyai sistem. Kata sapaan mempunyai sistem kerana kata sapaan merupakan bahagian daripada bahasa. Model sistem kata sapaan di Kabupaten 50 Kota berbeza dengan model sistem kata sapaan Ervin-Tripp (1986). Rajah 3.3 di bawah ini menggambarkan model sistem kata sapaan kawasan kajian ini.


Dalam situasi tidak rasmi tidak semua selektor dalam peraturan alternasi digunakan kerana tidak didapati atau dianggap sebagai sesuatu yang sudah semestinya di dalam peristiwa tegur sapa yang bersituasi demikian. Pada rajah terdapat simbol garis putus-putus (---). Simbol ini menandakan ketiadaan hubungan antara dua selektor yang berangkai.

Selektor latar yang ditandai oleh status dan nama diketahui tetap ditampilkan dalam rajah. Dua selektor ini merupakan selektor yang muncul sebelum selektor kunci, iaitu kekerabatan. Sebelum melalui selektor kekerabatan perlu mengetahui keadaan awal daripada pemilihan kata sapaan.

Pemilihan kata sapaan bermula daripada selektor latar yang ditandai oleh status. Apabila selektor ini tidak pasti (-), nama pesapa diketahui (+), berkerabat (+), generasi terdahulu (+), dan berumur lebih tua (+) daripada penyapa, maka bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan. Bentuk kata sapaan berbeza-beza dan bergantung pada posisi hubungan kekerabatan antara penyapa dan pesapa. Sebenarnya, jantina

berpengaruh dalam proses pemilihan kata sapaan ini. Oleh itu, jantina membezakan bentuk kata sapaan. Bentuk kata sapaan di atas hanya berlaku bagi generasi dua dan tiga peringkat di atas penyapa (generasi nenek dan datuk serta nenek buyut dan datuk buyut). Apabila generasinya satu peringkat di atas penyapa (generasi ibu dan bapa), maka disapa berdasarkan pada jenis jantina. Lelaki pada generasi ini disapa dengan istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama urutan adik-beradik atau diikuti oleh nama diri/bentuk kata sapaan lain (B KT Sapaan Lain) dengan catatan bahawa unsur pertama daripada kata sapaan kepada kedua-duanya berbeza. Perbezaan itu berkaitan dengan sistem sosiobudaya masyarakat Minangkabau di Nagari Batuhampar. Apabila pesapa itu berjantina perempuan, maka kata sapaannya ialah nama urutan adik-beradik. Bentuk lainnya ialah nama urutan adik-beradik yang berumur lebih muda daripada penyapa dan seumur dengan penyapa. yang diikuti oleh nama diri atau B KT Sapaan Lain. Sistem ini juga berlaku bagi pesapa yang berumur lebih muda daripada penyapa dan seumur dengan penyapa. Seterusnya apabila pesapa berasal daripada generasi di bawah penyapa (-) dan segenerasi dengan penyapa (=) atau umurnya lebih tua daripada penyapa (+), maka kata sapaannya ialah istilah kekerabatan atau istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama diri. Bentuk lainnya ialah istilah kekerabatan yang diikuti oleh B KT Sapaan Lain. Apabila pesapa berumur lebih muda daripada penyapa (-) atau

Rajah 3.3: Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi di Nagari Batuhampar



seumur dengan penyapa (=), maka disapa dengan beberapa bentuk kata sapaan. Pertama adalah dengan kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri orang kedua. Kedua adalah dengan nama diri atau B KT Sapaan Lain. Apabila pesapa berjantina lelaki (+) dan sudah berkahwin (+), maka disapa dengan gelaran atau istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama diri anak. Sistem kata sapaan yang terakhir ini hanya berlaku bagi menantu lelaki.

Tentang penerapan peraturan kemunculan bersama yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986), hasilnya menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan tidak rasmi berbeza dengan bentuk kata sapaan rasmi dan separa rasmi. Bentuk kata sapaan tidak rasmi sebagaimana namanya digunakan dalam peristiwa tegur sapa atau percakapan seharian. Situasi kebahasaannya tidak rasmi. Oleh itu, ragam bahasanya juga tidak rasmi. Bentuk bahasa yang menyertai kata sapaannya juga berbeza.

Kata yang digunakan dalam percakapan seharian cenderung berupa kata am. Kata-kata khas yang lazim digunakan dalam *pasombahan* jarang muncul dalam bahasa ragam tidak rasmi ini. Banyak kata terbitan yang tidak dilengkapi dengan imbuhan. Imbuhan cenderung tidak ada.

Bahasa dalam percakapan seharian juga cenderung seperlunya dan terdiri daripada ayat-ayat yang sangat efektif. Begitu efektifnya, ayat boleh sahaja terdiri daripada satu kata. Penyapa dan pesapa memahami makna ayat yang diucapkan oleh lawan bicara. Jarang terjadi salah faham makna sebab mereka merupakan bahagian daripada konteks percakapan tersebut. Unsur suprasegmental yang menjadi ciri khas bahasa lisan menguatkan makna yang dimaksudkan oleh penutur. Berikut ini contoh percakapan yang memperlihatkan penggunaan kata sapaan.

Perbualan 1:

Pn : Kama, *Petek*?

‘Hendak kemana, Pak Cik?’

Ps : Ko, ka pai baburu.

‘Hendak berburu.’

Pn : Kama baburu?

‘Kemana hendak berburu?’

Ps : Ka Kampa rancana eh.

‘Rencana ke Kampar.’

Percakapan ini berlangsung antara Pn (penyapa) dengan Ps (pesapa) di persekitaran rumah Pn. Penyapa menanyakan kegiatan yang akan dilakukan pesapa. Sapaan bermula daripada ayat yang mengandung kata sapaan, *petek*. Bentuk ini merupakan bentuk abreviasi daripada pemenggalan unsur *pak* ‘bapa’ dan *ketek* ‘kecil’. Kata sapaan ini ditujukan kepada suami daripada saudara ibu sebelah ibu (yang disapa dengan *etek* atau *tek*).

Tentang struktur ayat menunjukkan bahawa ayat-ayat yang dituturkan oleh Pn dan Ps pendek. Satu ayat Pn dijawab pula dengan satu ayat Ps. Ayatnya pendek-pendek. Ada unsur ayat yang tidak muncul. Kesemua ayat Ps cenderung tidak memiliki subjek. Ayat menjadi pendek juga disebabkan oleh kecenderungan penggunaan bentuk-bentuk pendek. Misal, bentuk pendek *kama* berasal daripada bentuk *ka mano*.

Dua ciri bahasa ragam rasmi dan separa rasmi tidak terdapat dalam bahasa ragam tidak rasmi. Bahasa percakapan sehari-hari cenderung tidak berkias. Bentuk kias hanya digunakan untuk tujuan tertentu seperti menasihati atau menyindir. Pantun pun jarang digunakan dalam percakapan sehari-hari.

Peraturan ketiga dari sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) ialah peraturan urutan. Menurut peraturan ini, aturan yang ditetapkan mengikuti urutan. Pada ragam bahasa tidak rasmi, sapaan cenderung menggunakan bentuk kata sapaan pendek. Bentuknya boleh berupa nama diri, istilah kekerabatan, nama urutan adik-beradik, gelaran, bentuk kata sapaan lain, atau kata ganti nama orang kedua. Di samping kata sapaan yang terbentuk oleh satu unsur seperti bentuk di atas didapati juga kata sapaan yang terdiri daripada gabungan beberapa unsur tersebut. Dengan demikian, dalam ragam tidak rasmi ini terdapat bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur dengan catatan bahawa bentuk unsur tersebut cenderung pendek sebagai hasil pelbagai proses abreviasi. Rumusan urutannya adalah seperti di bawah ini.

1. istilah kekerabatan + nama urutan adik-beradik/nama diri/bentuk kata sapa lain
2. nama urutan adik-beradik + nama diri/bentuk kata sapa lain
3. istilah kekerabatan + nama diri/bentuk kata sapa lain
4. istilah kekerabatan + nama diri anak

#### **3.4.6 Rumusan Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Hasil analisis kata sapaan tidak rasmi menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota sangat rencam. Kerencaman ini berkaitan dengan pelbagai posisi hubungan kekerabatan penyapa terhadap pesapa. Pada amnya, bentuk kata sapaan tersebut mengandungi istilah kekerabatan. Kata sapaan yang tidak mengandungi unsur ini terdapat pada kata sapaan yang digunakan untuk menyapa orang yang peringkat generasinya di bawah penyapa atau segenerasi dengan penyapa dengan catatan bahawa umur mereka lebih muda daripada penyapa.

Bentuk bahasa lain yang menyertai kata sapaan selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan. Kedua-duanya selaras pula dengan ragam bahasa tempat

kata sapaan itu muncul. Tentang urutan unsur, kata sapaan tidak rasmi memperlihatkan dua kecenderungan, iaitu tidak mempunyai urutan unsur dan mempunyai urutan unsur.

### **3.5 Kesimpulan**

Berdasarkan hasil analisis yang telah dilakukan pada bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota boleh ditarik beberapa kesimpulan. Pertama, bentuk kata sapaan di kawasan kajian ini sangat rencam. Kerencaman itu ditunjukkan pada ketiga-tiga situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi. Bentuk kata sapaan dalam situasi tidak rasmi lebih rencam daripada bentuk kata sapaan dalam situasi rasmi dan separa rasmi. Angkubah sosiobudaya berperanan membentuk kerencaman tersebut. Semua angkubah tersebut pada dasarnya terkandung pada sebahagian besar selektor dalam peraturan alternasi daripada teori sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Selektor yang tidak mengandungi angkubah yang dibincangkan khusus di bahagian hubungan kekerabatan daripada kata sapaan tidak rasmi ikut serta menyeleksi bentuk kata sapaan yang tepat dan benar bagi pesapa. Dalam penerapan teori sapaan Ervin Tripp ini didapati bahawa tidak semua selektor dilalui. Sebahagian selektornya kurang sesuai dengan situasi majlis dan perbualan tempat kata sapaan digunakan di kawasan kajian. Oleh itu, selektor yang dilalui dalam pemilihan bentuk kata sapaan pada ketiga-tiga situasi kebahasaan tidak sama benar. Selain itu, pilihan yang dihadapkan pada selektor itu hanya dua, iaitu binari (+) dan binari (-). Sementara ada angkubah sosiobudaya yang memerlukan pilihan lain seperti sama dengan (=) dan rangkaian simbol (-/=) dan (-/+=). Penambahan pilihan ini disebabkan oleh selektor kekerabatan yang tidak dapat menampung pelbagai peringkat generasi yang ada pada angkubah hubungan kekerabatan. Contoh soalan lain ialah bahawa ada kalanya peringkat hubungan kekerabatan (selektor kekerabatan) tidak selaras dengan peringkat umur (selektor umur lebih tua). Misal pesapa berada pada

peringkat generasi di atas penyapa, tetapi berumur lebih muda daripada penyapa. Meskipun demikian, penyapa tetap menyapa selaras dengan peringkat generasi. Keunikan model sistem kata sapaan ini berkaitan dengan sistem sosiobudaya masyarakatnya.

Kedua, bentuk kata sapaan di setiap situasi kebahasaan khas. Kekhasan bentuk kata sapaan rasmi ialah penggunaan gelaran kurniaan adat. Seterusnya, kekhasan bentuk kata sapaan tidak rasmi ialah penggunaan istilah kekerabatan, nama urutan adik-beradik, dan nama diri atau bentuk kata sapaan lain yang dipendekkan. Sementara kekhasan bentuk kata sapaan separa rasmi ialah gabungan sebahagian daripada kekhasan kata sapaan rasmi dan sebahagian daripada kekhasan kata sapaan tidak rasmi. Kekhasan yang demikian dapat difahami kerana sumber data ialah pidato majlis adat salah satu daripada peringkat adat perkahwinan yang bersituasi separa rasmi dan agak kekeluargaan.

Ketiga, dalam situasi rasmi terdapat penggunaan kata ganti nama diri orang pertama jamak sebagai kata sapaan. Penggunaan jenis kata sapaan ini menunjukkan bahawa kata sapaan tidak selalu berupa kata ganti nama diri orang kedua seperti mana konsep bentuk sapaan yang dirumuskan oleh Fasold (1984).

Keempat, bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan selaras dengan bentuk kata sapaan itu sendiri. Bentuk kata sapaan tersebut selaras pula dengan situasi kebahasaan yang menjadi tempat kemunculan kata sapaan.

Kelima, urutan unsur yang membentuk sebuah rangkaian kata sapaan tidak terdapat pada kata sapaan rasmi dan separa rasmi kerana dalam kedua-dua situasi

kebahasaan ini tidak terdapat penggunaan nama lengkap. Urutan unsur terdapat pada bentuk kata sapaan tidak rasmi. Sebahagian kata sapaan terbentuk daripada gabungan beberapa unsur kata sapaan. Istilah kekerabatan merupakan unsur yang sering muncul dalam rangkaian kata sapaan tersebut.

## BAB 4

### PENGGUNAAN KATA SAPAAN DI DAERAH REMBAU

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan kata sapaan yang digunakan di Daerah Rembau. Kata sapaan yang dibincangkan ialah kata sapaan yang terdapat dalam situasi rasmi, situasi separa rasmi, dan situasi tidak rasmi. Analisis kata sapaan dalam ketiga-tiga situasi akan dibincangkan dalam bab ini. Teori sistem sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986) digunakan untuk menganalisis bentuk kata sapaan. Analisis bermula daripada kata sapaan yang terdapat dalam situasi rasmi. Setelah analisis ini dilanjutkan dengan analisis kata sapaan yang terdapat dalam situasi separa rasmi dan kata sapaan yang terdapat dalam situasi tidak rasmi.

#### 4.1 Jenis Kata Sapaan

Seperti bentuk kata sapaan bahasa Minangkabau di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota, bentuk kata sapaan bahasa Minangkabau di Daerah Rembau juga pelbagai. Kepelbagaian bentuk tersebut berkaitan dengan situasi kebahasaan tempat kata sapaan itu digunakan oleh penyapa untuk menyapa seseorang. Ketiga-tiga situasi, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi sekali gus menjadi penggolongan kata sapaan. Oleh itu, ada kata sapaan rasmi, kata sapaan separa rasmi, dan kata sapaan tidak rasmi. Berikut ini dibincangkan kata sapaan dan penggunaannya dalam ketiga-tiga situasi kebahasaan tersebut. Perbincangan bermula daripada kata sapaan rasmi dan kemudian diikuti oleh kata sapaan separa rasmi dan kata sapaan tidak rasmi.

## 4.2 Kata Sapaan Rasmi

Mengikut takrifan ragam rasmi yang dirumuskan oleh Harimurti Kridalaksana (2008) dan Asmah Hj. Omar (2008b), *Istiadat Menyalang* termasuk salah satu daripada majlis yang bersituasi rasmi. Istiadat ini merupakan adat-istiadat merafak sembah sebagai tanda menjunjung kasih penyandang pusaka baru kepada Undang Rembau.<sup>1</sup> Istiadat ini boleh juga disebut sebagai acara pertabalan penyandang pusaka baru dan sekali gus mengisytiharkan pusaka yang disandang secara rasmi kepada anak buah. Lazimnya yang menjalankan adat ini ialah penyandang pusaka yang berada satu peringkat di bawah Undang. Penyandang pusaka yang dimaksud ialah pemimpin suku yang terkenal dengan sebutan *lembaga*. Berbeza dengan kebanyakan majlis yang sejenis, agendanya tidak hanya merafak sembah kepada datuk lembaga yang baru. Pada majlis ini juga diselenggarakan agenda merafak sembah daripada penyandang pusaka yang peringkatnya di bawah lembaga, iaitu *buapak*. Lazimnya pula buapak ini merafak sembah kepada penyandang pusaka yang lebih tinggi satu peringkat di *nagari* itu sebagaimana terungkap dalam perbilangan adat *ditinggian sarantiang* (ditinggikan seranting) dalam masyarakat.

Penghormatan kepada mereka tampak dari urutan sapaan. Penghulu pucuk disapa terlebih dahulu. Penghormatan melalui kata-kata ini diiringi dengan gerakan badan. Dalam posisi duduk di lantai, kedua-dua tangan yang telapak tangannya bertemu ini diangkat tidak melebihi kepala. Ujung telapak tangan ini diarahkan kepada pemimpin yang disapa. Badan orang memberi penghormatan tetap berdiri. Ciri khas *Malewaan Gala* ini ialah dialog dalam bentuk *pasombahan*. Ayatnya panjang, berkias,

---

<sup>1</sup> Majlis *Istiadat Menyalang* mirip dengan majlis *Malewaan Gala* di Nagari Batuhampar Kabupaten 50 Kota. Antara kedua-duanya terdapat persamaan dan perbezaan. Persamaannya ialah bahawa keduanya pada asasnya merupakan acara pemberitahuan pemimpin masyarakat adat yang baru kepada pemimpin yang lebih tinggi. Di Nagari Batuhampar, pemimpin yang paling tinggi dalam masyarakat adat ialah penghulu pucuk. Sementara di Daerah Rembau ialah undang. Perbezaannya terlihat pada format acara. Di Nagari Batuhampar, acara terkesan demokratik dengan semangat egaliterianisme. Pemberitahuan penghulu baru tidak hanya ditujukan kepada penghulu pucuk, juga kepada pembesar masyarakat adat lain yang menghadiri acara itu (*urang tigo jiniah, bundo kanduang*, pemuda).

dan dialog berlangsung agak lama. Di Daerah Rembau, majlis *Istiadat Menyalang* bersuasana autokratis. Merafak sembah dilakukan dengan cara bersimpuh di hadapan Undang dengan sedikit ucapan persembahan yang kemudian dibalas oleh Undang seperlunya. Tidak ada dialog yang panjang seperti *pasombahan*. Acara diatur oleh protokol yang disampaikan oleh juruacara. Beberapa pengurus acara memberikan ucapan alu-aluan, di antaranya Datuk Perba. Orang yang terakhir menyampaikan ucapan ialah Undang. Ucapannya disebut dengan *sabda*.<sup>2</sup> Sabda ini merupakan agenda penutup daripada keseluruhan acara.

Bentuk kata sapaan yang dibincangkan di bahagian ini ialah kesemua bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelaku acara yang ikut serta berucap dalam acara tersebut seperti juruacara, penyampai ucapan alu-aluan, dan Undang. Ucapan penyandang pusaka yang baru tidak dibincangkan kerana ucapannya terlalu pendek. Mereka menyampaikan ucapan sembah saja. Orang yang disapa ialah semua orang yang menghadiri acara ini dimulai daripada orang yang duduk di struktur sosial yang paling tinggi (Undang) hingga kepada orang awam. Majlis juga dihadiri oleh Undang dari luhak lain dan penjawat kerajaan seperti Menteri Besar, Ahli Dewan Undangan Negeri, serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Perbincangan tentang bentuk kata sapaan ini bermula daripada ucapan pihak juruacara, kemudian berlanjut dengan ucapan alu-aluan daripada salah seorang pengurus acara, dan berakhir dengan sabda Undang.

Juruacara berjumlah dua orang (lelaki dan perempuan). Mereka menyampaikan agenda acara dari satu acara ke acara berikutnya secara ganti-berganti. Acara bermula dari sapaan. Urutan sapaan memperlihatkan struktur sosial peserta yang menghadiri majlis ini. Penjawat kerajaan menjadi bahagian daripada struktur tersebut.

---

<sup>2</sup> Dalam *Kamus Dewan* yang disusun tim daripada *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur, 2007), hal.1004, *sabda* bermakna kata atau titah Allah s.w.t., nabi, raja, orang-orang besar.

Orang yang disapa terlebih dahulu ialah Undang. Urutan berikutnya ialah Undang dari luhak lain, Menteri Besar, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah Rembau, Datuk Lembaga Suku Biduanda, Orang Besar Undang yang Empat, Datuk Lembaga Tiang Balai, Datuk Lembaga, Buapak, penyandang pusaka adat lainnya, pemimpin masyarakat, dan hadirin.

Berdasarkan data kajian, juruacara menyapa semua peserta yang hadir mulai daripada orang yang berstatus dan berjawatan paling tinggi dalam organisasi masyarakat adat dan pentadbiran hingga pada orang awam (*anak buah*). Struktur ini tergambar pada bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa mereka. Semakin tinggi status dan jawatan seseorang semakin panjang kata sapaan yang digunakan.

Kata sapaan Undang yang digunakan lengkap, iaitu *Datuk Lela Maharaja Datuk Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman*. Bentuk *Datuk Lela Maharaja* merupakan gelaran kurniaan, iaitu gelaran adat berdasarkan jawatannya sebagai Undang. Gelaran ini diikuti oleh gelaran kurniaan yang pendek, iaitu datuk yang diikuti secara berturut-turut oleh gelaran kurniaan (keagamaan), nama diri dan nama bapa. Nama bapa ini juga lengkap kerana terdapat gelaran keagaamaan di awal nama diri. Undang dari luhak lain juga berstruktur demikian.

Setelah sapaan kepada orang yang memangku jawatan tertinggi dalam pemerintahan adat, juruacara menyapa orang yang memangku jawatan tertinggi dalam pemerintahan kerajaan negeri dan lembaga legislatif negeri. Sapaan bermula kepada Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Bentuk kata sapaannya ialah nama lengkap, iaitu *Datuk Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan*. Bentuk ini bermula dengan gelaran kurniaan yang diikuti oleh gelaran kurniaan (keagamaan), nama diri, dan nama bapa. Nama bapa berupa nama lengkap yang bermula dengan gelaran

keagamaan. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan Darul Khusus disapa pula dengan nama lengkap, iaitu *Datuk Dr. Hj Awaludin bin Hj Said*. Kata sapaan bermula daripada gelaran kurniaan. Unsur ini diikuti secara berturut-turut oleh gelaran kurniaan (ikhtisas), gelaran keagamaan, nama diri, dan nama bapa. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus disapa dengan nama jawatan. Berikutnya, penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung disapa dengan gelaran kurniaan, iaitu *datuk* yang diikuti oleh nama jawatan adat. Ahli daripada luak ini disapa dengan nama jawatan mereka. Orang berikutnya yang disapa ialah pegawai Daerah Rembau. Bentuk kata sapaan berupa nama lengkap yang bermula dengan gelaran *tuan*. Asmah Hj. Omar (2009:34) mengelompokkan bentuk ini ke dalam gelaran pergaulan tak bersahaja (formal), iaitu gelaran yang menunjukkan sekatan-sekatan tertentu antara pesapa dengan penyapa. Gelaran keagamaan disebut sebelum nama diri dan nama diri bapa. Bentuk lengkap kata sapaan ini ialah *Tuan Hj Mohamad Rawi bin Baharom*.

Setelah semua undangan disapa, giliran berikutnya ialah penjawat dalam lingkungan adat Luak Rembau. *Datuk Perba* disapa terlebih dahulu. Dalam acara ini, dia berkedudukan sebagai lembaga dari Suku Biduanda. Suku ini memiliki hak istimewa, iaitu menjawat jawatan Undang dan Datuk Perba. Dharmala N.S. (2009:173-180) menjelaskan bahawa jawatan terakhir ini dalam susunan pemerintahan adat Luak Rembau berada terus di bawah Undang. Nama lengkap penjawat ini ialah *Datuk Perba Hj Yahaya bin Abd. Ghani*. Pangkal nama merupakan gelaran kurniaan, iaitu gelaran adat. Gelaran ini merupakan gelaran tetap daripada jawatan yang dipangkunya. Unsur berikutnya ialah nama lengkap daripada orang yang memangku jawatan Datuk Perba yang terdiri daripada gelaran keagamaan dan nama diri. Nama lengkap ini berhujung pada nama bapa (lengkap). Orang yang duduk pada jawatan adat berikutnya, iaitu Orang

Besar Undang Yang Empat, Lembaga Tiang Balai, dan Lembaga disapa dengan gelaran kurniaan, iaitu gelaran pendek adat (*datuk*) yang diikuti oleh nama jawatan adat. Penghulu dari luak lain juga disapa seperti aturan ini. Mereka tidak disapa satu persatu dengan pertimbangan bilangan mereka ramai. Jawatan adat terendah yang disebut dalam majlis, iaitu buapak. Penjawatnya juga disapa dengan nama kelompok jawatan dengan alasan yang sama. Aturan sapaan yang sama juga berlaku kepada kelompok jawatan yang tidak khas seperti penyandang pusaka adat lainnya dan pemimpin masyarakat dengan alasan yang sama pula.

Berdasarkan data kajian, gelaran *datuk* juga digunakan untuk menyapa orang-orang yang dihormati, tetapi tidak menjawat sebarang jawatan dalam organisasi adat. Mereka termasuk kepada orang yang bergelar lainnya (lihat Jadual 4.1). Mereka disapa dengan bentuk *datuk-datuk* yang bermakna jamak. Makna ini didapati daripada proses reduplikasi.

Bentuk kata sapaan *tuan* juga digunakan untuk menyapa peserta yang terdiri daripada orang awam. Bentuk ini ditujukan kepada peserta berjantina lelaki. Peserta yang berjantina perempuan disapa dengan *puan*. Kedua-dua bentuk ini termasuk ke dalam gelaran pergaulan tak bersahaja oleh Asmah Hj. Omar (2009:34). Kata sapaan lainnya ialah *hadirin* diikuti oleh bentuk penjamak *sekalian*. Bentuk ini ditujukan kepada peserta sama ada lelaki atau perempuan di luar daripada peserta yang telah disapa terdahulu.

Dalam majlis ini terdapat juga bentuk kata sapaan yang bukan nama gelaran dan nama diri. Bentuk yang dimaksud ialah *dif* yang berarti orang yang diundang. Bentuk kata sapaannya ialah nama kelompok. Setelah menyapa kelompok ini

juruacara menyapa ketua-ketua jawatan lainnya. Mereka disapa dengan nama jawatan mereka yang dijamakkan, iaitu *ketua-ketua jabatan*.

Jadual di bawah ini menunjukkan kata sapaan yang telah dirumuskan berdasarkan kajian di atas.

**Jadual 4.1: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Juruacara**

No.	Pesapa	Kata Sapaan
1	Undang	Datuk (/datoq/) Lela Maharaja Datuk Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman
	Isteri	Tok Puan Hjh Siti Ramalah binti Hj Yunus
2	Undang Dari Luak Lain: Jelebu	Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman Datuk Hj Musa bin Wahab
3	Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	Datuk Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan
	Isteri	Raja Datin Seri Hjh Salbiah binti Tengku Nujumudin
4	Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan Darul Khusus	Datuk Dr. Hj Awaludin bin Hj Said
5	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
6	Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung	Datuk-datuk Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung
7	Ahli-ahli	Ahli-ahli
8	Pegawai Daerah Rembau	Tuan Hj Mohamad Rawi bin Baharom
	Isteri	Isteri
9	Lembaga Suku Biduanda	Datuk Perba Hj Yahaya bin Abd. Ghani
	Isteri	Puan Isteri
10	Orang yang bergelar lainnya	Datuk-datuk
	Isteri	Datin-datin
11	Dif-dif Jemputan	Dif-dif Jemputan
12	Ketua-ketua Jabatan	Ketua-ketua Jabatan
13	Orang Besar Undang Yang Empat	Datuk Orang Besar Undang Yang Empat
	Isteri	Puan Isteri
14	Lembaga Tiang Balai	Datuk Lembaga Tiang Balai
	Isteri	Puan Isteri

15	Lembaga Suku nan Dua Belas	Datuk Lembaga Suku nan Dua Belas
	Isteri	Puan Isteri
16	Buapak yang Diraikan	Buapak Delapan Kampung
17	Penyandang Pusaka Adat Lainnya	Penyandang Pusaka Adat
18	Pemimpin Masyarakat	Pemimpin Masyarakat
19	Peserta Lainnya	Tuan, Puan, Hadirin sekalian

Penjawat dalam organisasi pemerintahan adat atau pemerintahan kerajaan negeri yang menghadiri majlis ini terdiri daripada kaum lelaki. Sebahagian daripada mereka didampingi oleh isteri. Bentuk kata sapaannya selaras dengan bentuk kata sapaan suami mereka, iaitu nama lengkap yang terdiri daripada gelaran kurniaan, nama diri, dan nama diri (lengkap) bapa. Adapun gelaran mereka mengikut gelaran suami. Gelaran ini diikuti oleh nama diri. *Toh Puan* merupakan gelaran kurniaan adat tertinggi di Luak Rembau. Gelaran ini disandang oleh isteri Undang. Kata sapaan seterusnya ialah *Raja Datin Seri* yang disandang oleh isteri kepada Menteri Besar.

Penjawat lain yang setaraf dengan Undang dan Menteri Besar tidak membawa isteri. Penjawat di bawah Undang membawa isteri. Mereka disapa dengan bentuk kata sapaan yang tidak lengkap, iaitu berupa gelaran pergaulan tak bersahaja tanpa diikuti oleh nama diri. Kata sapaannya ialah *Puan Isteri*. Sementara isteri kepada datuk-datuk yang tidak disebut jawatan adatnya disapa mengikut gelaran suami dan mereka disapa dengan gelaran *Datin*. Bagi isteri yang suaminya tidak memiliki gelaran kurniaan disapa dengan nama statusnya, iaitu *isteri*.

Pada nama diri tiap-tiap orang yang disapa terdapat penanda jantina yang muncul sebelum nama diri bapa. Unsur ini ialah *binti* untuk nama perempuan dan *bin* untuk nama lelaki. Unsur ini bermakna anak.

Dalam majlis rasmi ini juga terdapat penggunaan rujukan kehormat. Menurut Asmah Hj. Omar (ibid:39), rujukan kehormat ialah rujukan yang dikenakan kepada sasaran menurut taraf sosialnya sama ada mempunyai gelaran tertentu atau tidak. Daripada takrifan ini terkandung maksud bahawa rujukan kehormat berjenis-jenis. Jenis yang digunakan bergantung pada taraf sosial orang yang disapa. Rujukan ini muncul sebelum kata sapaan. Bentuknya selaras dengan status dan jawatan orang yang disapa. Berikut ini ditunjukkan bentuk dan penggunaan berdasarkan data kajian.

1. Undang: Yang Teramat Mulia (YTM)
2. Undang dari luhak lain: Yang Teramat Mulia (YTM)
3. Menteri Besar: Yang Amat Berhormat (YAB)
4. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri: Yang Berhormat (YB)
5. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri: Yang Berhormat (YB)
6. Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung: Yang Mulia (YM)
7. Ahli-ahli: Yang Berhormat (YB)
8. Pegawai Daerah Rembau: Yang Berbahagia (YBHG)
9. Lembaga Suku Biduanda: Yang Mulia (YM)
10. Orang yang bergelar lainnya: Yang Berbahagia (YBHG)
11. Dif-dif Jemputan: Yang Dihormati (YD)
12. Ketua-ketua Jabatan: Yang Dihormati (YD)
13. Orang Besar Undang Yang Empat: Yang Mulia (YM)
14. Lembaga Tiang Balai: Yang Mulia (YM)
15. Lembaga Suku nan Dua Belas: Yang Mulia (YM)
16. Buapak yang Diraikan: Yang Mulia (YM)
17. Penyandang Pusaka Adat Lainnya: Yang Mulia (YM)
18. Pemimpin Masyarakat: Yang Mulia (YM)
19. Peserta Lainnya: Yang Dihormati (YD)

Daripada senarai rujukan kehormat di atas wujud kepelbagaian jenis rujukan kehormat. Jenis tersebut menggambarkan kepelbagaian status dan jawatan. Kepelbagaian itu sekali gus menggambarkan sekatan-sekatan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, pesapa tidak boleh salah dalam menggunakan suatu bentuk rujukan kehormat kerana tiap-tiap jenis itu memiliki rujukan tersendiri. Jenis YTM merupakan jenis rujukan kehormat yang paling tinggi antara jenis rujukan yang lain. Jenis ini ditujukan kepada Undang, pemimpin tertinggi dalam susunan pemerintahan adat. Jenis rujukan kehormat yang terakhir, YD merupakan rujukan kehormat yang ditujukan kepada orang awam (anak buah).

Jenis rujukan kehormat kepada isteri tidak semestinya mengikut jenis rujukan kehormat suami. Berikut ini ditunjukkan jenis dan penggunaannya berdasarkan data kajian.

1. Isteri Undang: Yang Amat Mulia (YAM)
2. Isteri Menteri Besar: Yang Mulia (YM)
3. Isteri Orang yang bergelar lainnya: Yang Berbahagia (YBHG)
4. Isteri yang lain: Tidak ada rujukan kehormat

Daripada senarai di atas, rujukan kehormat yang digunakan kepada isteri Undang ialah YAM. Pada hal, bentuk rujukan kehormat suaminya ialah YTM. Ketidakselarasan pada bentuk rujukan kehormat juga berlaku kepada isteri Menteri Besar. Bentuknya ialah YM sementara bentuk rujukan kehormat bagi suaminya ialah YAB. Sebaliknya, sapaan isteri bagi orang yang bergelar lainnya bermula dengan rujukan kehormat yang jenisnya selaras dengan jenis rujukan kehormat suaminya.

Rujukan kehormat kepada isteri terdapat pada ketiga-tiga isteri penjawat di atas sahaja. Sementara isteri penjawat yang lain tidak disapa secara khusus. Mereka disapa bersama-sama dengan suami mereka. Suami disapa terlebih dahulu kemudian diikuti oleh isteri. Kedua-duanya disapa dalam ayat yang sama. Rujukan kehormatnya muncul di awal bentuk kata sapaan dan ditujukan kepada kedua-duanya seperti:

YM Datok-Datok Orang Besar Undang yang Empat, YM Datok-Datok Lembaga Tiang Balai Baruh dan Darat, YM Datok-Datok Lembaga serta Puan-Puan Isteri.

Berdasarkan data kajian, peserta yang disapa dalam ucapan pengerusi lebih lengkap daripada ucapan protokol atau juruacara. Jadual di bawah ini menunjukkan kata sapaan yang digunakan oleh pengerusi.

#### **Jadual 4.2: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Pengerusi**

<b>No.</b>	<b>Pesapa</b>	<b>Kata Sapaan</b>
1	Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus	Datuk Hj Mat Ali bin Hassan NSDK
2	Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus	Sohibus Samahan Datuk Hj Mohamad Yusof bin Hj Ahmad
3	Lembaga yang Diraikan	Datuk Lembaga
4	Pemimpin Keagamaan	Tuan-tuan Imam

Dalam majlis rasmi juga terdapat frasa pembuka rujukan kehormat. Frasa ini muncul sebelum rujukan kehormat. Frasa yang digunakan ialah *ke bawah kaus*. Pembuka ini hanya ditujukan kepada Undang bersama isteri sahaja.

Dalam *Istiadat Menyalang* terdapat peringkat acara persembahan tepak sirih kepada Undang dan isteri. Dalam persembahan itu, pemimpin baru bagi suku dan perut dihantar oleh buapak untuk menghadap Undang. Acara ini dilanjutkan dengan acara serah terima bahara yang dilakukan oleh ibu soko kepada isteri Undang dan buapak yang lain (bukan yang baru) menyerahkan menyerahkan ponco kepada Undang. Dalam acara tersebut terjadi dialog antara orang yang menghantar dan menyerahkan (penyapa) dengan Undang dan isteri (pesapa). Bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada Undang dan isteri pendek. Sapaan bermula dengan rujukan kehormat. Setelah itu barulah kata sapaan pendek, iaitu *datuk* digunakan. Penyapa menggunakan kata ganti *hamba* untuk dirinya. Sementara kepada orang yang dihantar, datuk lembaga dan buapak yang ditabalkan digunakan serangkaian bentuk kata nama. Bentuk itu terdiri daripada gelaran jawatan, gelaran keagamaan, nama diri, dan nama bapa. Gelaran keagamaan, iaitu haji bersifat opsional kerana ada antara mereka yang belum bergelar haji. Orang ketiga disebut dengan gelaran kurniaan yang diikuti oleh nama jawatan, iaitu *datuk lembaga*. Gelaran ini tidak terdapat pada buapak. Mereka disebut dengan

nama jawatan tanpa didahului oleh gelaran *datuk*. Ucapan serahan tersebut dijawab oleh Undang dan isteri dengan singkat tanpa penggunaan bentuk kata sapaan. Sering kali mereka menjawab dengan gerakan badan sahaja, iaitu anggukan.

Perbincangan seterusnya ialah bentuk kata sapaan yang digunakan oleh Undang. Huraian di bawah menunjukkan bentuk kata sapaan dan rujukan kehormat yang digunakan beliau sebagai penyandang status dan pemangku jawatan tertinggi dalam organisasi pemerintahan adat Luak Rembau.

Pada sabda Undang tidak banyak bentuk kata sapaan yang digunakan. Data kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kata sapaan yang digunakan. Kata sapaan pertama ditujukan kepada orang yang jawatannya setaraf dengan beliau, iaitu Undang Luak Jelebu. Bentuknya ialah nama lengkap. Nama lengkap ini terdiri daripada gelaran kurniaan (adat), gelaran kurniaan (keagamaan), dan nama diri lengkap. Di bahagian akhir nama diri lengkap ini ialah nama diri bapa. Setelah menyapa dengan nama lengkap, Undang juga menggunakan frasa nama *saudara kami*. Bentuk ini digunakan kerana Undang Jelebu dianggap bukan sahaja teman, tetapi juga sebagai sebahagian daripada keluarga (*saudara*)nya (*kami*).<sup>3</sup> Unsur *kami* merupakan kata ganti nama diri orang pertama (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood ,2011:103).<sup>4</sup> Kata ganti nama ini digunakan oleh Undang untuk merujuk kepada dirinya sendiri dengan orang yang disapa.

---

<sup>3</sup> Beberapa makna daripada kata *saudara* ialah orang yang ada hubungan kekeluargaan dan kawan, sahabat, atau teman. Makna ini dikutip daripada *Kamus Dewan* susunan *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur, 2007), hal.1031. Kata ini tergolong pula sebagai kata ganti nama diri orang kedua. Dalam *Tatabahasa Dewan* yang disusun oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (Kuala Lumpur, 2011), hal. 104, kata ini juga digolongkan seperti demikian. Asmah Hj. Omar dalam buku yang bertajuk *Nahu Melayu Mutakhir* (Kuala Lumpur, 2009), hal.67 menggolongkan kata ini sebagai kata ganti nama diri biasa neutral.

<sup>4</sup> Ibid, hal.87, kata *kami* merupakan kata ganti orang pertama. Dalam *Kamus Dewan* susunan *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur, 2007), hal. 481, kata ini tergolong kepada kata ganti nama diri orang pertama tunggal (berpadanan dengan *saya*) dan kata ganti nama diri orang pertama jamak (berpadanan dengan *saya sekalian*).

Kata sapaan yang kedua ditujukan kepada Menteri Besar. Bentuknya sama dengan bentuk yang digunakan kepada Undang Jelebu, iaitu penggunaan nama lengkap.

Kata sapaan yang ketiga ditujukan kepada peserta yang lain. Bentuknya berupa kata ganti nama orang kedua, iaitu *saudara*. Kata sapaan ini menurut pengelompokan Asmah Hj. Omar (2009:35) termasuk gelaran pergaulan tak bersahaja kerana digunakan kepada ahli-ahli dalam mensyuarat termasuk majlis ini.<sup>5</sup> Dalam sabda tersebut, bentuk ini muncul dengan makna jamak. Makna ini terdapat daripada proses reduplikasi bentuk ini sehingga menjadi *saudara-saudara*. Makna jamak ini diperkuat oleh penambahan unsur *sekalian* sehingga menjadi *saudara-saudara sekalian*. Selain bentuk kata sapaan ini, Undang juga menggunakan *kita*.<sup>6</sup> Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (2011:103) menggolongkan kata ini sebagai kata ganti nama diri orang pertama. Kata ganti nama diri ini dalam sabda Undang merujuk kepada diri Undang sendiri dan hadirin di acara tersebut.

Jadual 4.3 di bawah ini menunjukkan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh Undang untuk menyapa semua orang yang hadir dalam majlis *Adat Menyalang*.

#### **Jadual 4.3: Penggunaan Kata Sapaan Rasmi oleh Undang**

No.	Pesapa	Kata Sapaan
1	Undang Dari Luak Lain:	Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman

<sup>5</sup> Dalam *Tatabahasa Dewan* susunan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (Kuala Lumpur, 2011), hal 104, kata sapaan *saudara* juga ditujukan kepada pesapa yang seumur atau lebih muda daripada pesapa dan yang belum dikenal atau belum begitu rapat.

<sup>6</sup> Istilah inklusif dan ekslusif terdapat dalam *Tata Bahasa Indonesia Baku* yang disusun oleh Hasan Alwi, Soenjono Darjowidjojo, Hans Lapolika, dan Anton M. Moeliono (Jakarta, 2003), hal. 249. Kata *kami* dikatakan sebagai ganti nama diri orang pertama jamak inklusif kerana lawan bicara (pesapa) tidak termasuk pihak penyapa. Sementara *kita* dikatakan sebagai kata ganti nama diri orang pertama jamak eksklusif kerana pesapa termasuk pihak penyapa.

	Jelebu	Datuk Hj Musa bin Wahab, saudara kami
2	Mentri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	Datuk Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan
3	Peserta yang Lain	Saudara-saudara, saudara-saudara sekalian

Bentuk kata sapaan yang digunakan Undang menunjukkan bahawa Undang tidak menonjolkan dirinya. Meskipun menyandang pusaka adat tertinggi di luak, tempat orang merafak sembah, dia menunjukkan fahaman egaliterianisme kepada penyandang pesaka adat yang tarafnya berada di bawahnya. Sifat ini juga ditujukan kepada anak buah. Sifat ini tergambar pada leksikon kata sapaan yang beliau gunakan untuk menyapa semua hadirin di acara tersebut.

Undang juga menggunakan rujukan kehormat. Berdasarkan data kajian terdapat dua rujukan kehormat. Pertama, *Yang Teramat Mulia* (YTM) ditujukan kepada Undang dari Luak Jelebu. Kedua, *Yang Amat Berhormat* (YAB) ditujukan kepada Menteri Besar.

#### **4.2.1 Model Sistem Kata Sapaan Rasmi**

Dalam bahagian ini akan dibincangkan penerapan teori sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Data kajian menunjukkan bahawa situasi sosial pertama dalam peraturan alternasi, latar yang ditandai oleh status terdapat dalam majlis *Istiadat Menyalang*. Majlis ini dihadiri oleh Undang. Tempat penyelenggaraannya di rumah kediaman rasmi Undang. Latarnya memberi petunjuk bahawa orang yang akan merafak sembah ialah datuk lembaga. Lazimnya, majlis ini tidak hanya dihadiri oleh semua penyandang pusaka adat di Luak Rembau, tetapi juga dihadiri oleh penjawat pemerintahan adat dan pemerintahan kerajaan. Selain itu, majlis juga dihadiri oleh penyandang adat pusaka dari luak jiran. Kehadiran orang-orang yang jelas status

tersebut menjadi petunjuk bahawa majlis yang diselenggarakan merupakan acara adat peringkat tinggi yang mesti diambil perhatian oleh juruacara. Mereka tidak boleh menggunakan bentuk kata sapaan sembarangan. Bentuk kata sapaannya selaras dengan status dan jawatan yang disandang dan dipangku mereka.

Situasi sosial kedua, iaitu pangkat wujud dalam acara ini. Latar acara memang tidak menggambarkan kondisi dalam kelompok kerja. Akan tetapi, pesertanya terdiri daripada orang-orang yang pelbagai taraf sosial mulai daripada kalangan biasa, iaitu anak buah hingga kepada taraf yang paling tinggi, iaitu Undang. Bentuk kata sapaan menggambarkan taraf sosial yang berlaku.

Seterusnya situasi sosial ketiga, set identiti termasuk situasi sosial yang diambil kira sebagai selektor dalam pemilihan kata sapaan rasmi. Situasi sosial ini menurut Ervin-Tripp (1986) mengacu pada gelaran dalam pekerjaan dan gelaran-gelaran kehormat yang diberikan kepada pemiliknya kerana status atau jawatan tertentu. Dalam kajian ini, majlis *Istiadat Menyalang* tidak bersituasi seperti mana tempat kerja. Majlis ini merupakan acara tradisional. Meskipun demikian, acara ini tidak hanya dihadiri oleh orang-orang daripada organisasi pemerintahan adat, tetapi juga penjawat daripada pemerintahan kerajaan negeri. Pelbagai lapis masyarakat menghadiri acara ini. Ada antara mereka yang berstatus dan berjawatan lebih tinggi daripada juruacara dan ada pula yang berstatus dan berjawatan lebih rendah daripada Undang. Oleh itu, set identiti mereka diketahui. Bentuk kata sapaan mereka pelbagai pula. Bentuknya bergantung pada status dan jawatan yang disandang mereka.

Selektor dewasa merupakan selektor berikutnya yang dilalui dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Selektor ini diketepikan kerana semua peserta jelas terdiri daripada orang-orang dewasa.

Selektor selanjutnya ialah nama diketahui. Sebahagian daripada peserta diketahui nama mereka dan sebahagian lagi tidak diketahui namanya. Nama penjawat diketahui, tetapi nama orang awam sahaja yang tidak diketahui. Bilangan mereka ramai dan sebahagian daripadanya berasal dari mukim dan kampung datuk lembaga dan buapak yang ditabalkan.

Selektor kekerabatan tidak diperjelas. Majlis ini merupakan acara pertabalan datuk lembaga dan beberapa orang buapa dan sekali gus acara merafak sembah mereka kepada Undang. Majlis ini bersifat rasmi. Acara diatur oleh protokol. Juruacara dan Undang belum tentu memiliki hubungan kekerabatan dengan peserta majlis. Meskipun mereka berkerabat, suasana kekeluargaan itu tidak terbawa-bawa dalam acara. Majlis berlangsung dalam suasana rasmi dan protokol. Oleh sebab selektor ini tidak diambil kira, maka selektor berikutnya juga tidak diambil kira. Kedua-dua selektor yang dimaksud ialah generasi terdahulu dan umur yang lebih tua.

Selektor teman atau rakan sejawat tidak diambil kira dalam pemilihan bentuk kata sapaan oleh juruacara. Acara diatur rapi dan protokol. Semua peserta majlis mesti dihormati oleh juruacara termasuk orang awam yang belum tentu dikenali oleh juruacara.

Selektor lainnya, umur lebih daripada 15 tahun dan dispensasi juga tidak diambil kira dalam pemilihan bentuk kata sapaan dalam majlis rasmi ini. Oleh sebab

majlis tempat penggunaan kata sapaan ini rasmi, maka bentuk kata sapaan yang digunakan juruacara dan pengerusi bersama bergantung pada status dan jawatan peserta. Umur tidak berperanan dalam pemilihan kata sapaan dalam situasi rasmi ini.

Selektor jantina penting dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Jantina mempengaruhi proses pemilihan bentuk kata sapaan. Ada bentuk kata sapaan yang khusus ditujukan untuk menyapa perempuan dan ada pula bentuk kata sapaan yang khusus ditujukan untuk menyapa lelaki. Selain itu, orang yang berjawatan tinggi pada majlis ini membawa isteri. Bentuk kata sapaan mereka juga khusus dan berbeza dengan suami. Meskipun demikian, bentuknya bergantung pada status dan jawatan suami.

Selektor terakhir, iaitu status perkahwinan juga tidak mempengaruhi dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Seseorang yang telah berkahwin atau tidak berkahwin, bentuk kata sapaan sememangnya bergantung pada status dan jawatan si pesapa.

Sistem kata sapaan sebagai hasil penerapan peraturan alternasi menghasilkan sistem kata sapaan seperti terlihat pada Rajah 4.1 di bawah ini. Model rajahnya merupakan hasil pengubahsuaian daripada model rajah sistem sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986).


Garis putus-putus (---) yang menghubungkan kotak empat segi panjang pada Rajah 4.1 menyatakan bahawa bentuk kata sapaan yang mengisi kedua-dua kotak yang berbentuk wajik itu merupakan bentuk kata sapaan yang berpasangan. Sementara garis putus-putus menyatakan variasi lain daripada bentuk kata sapaan. Cara membaca rajah di atas ialah seperti yang berikut. Latar yang ditandai status adalah jelas (+), nama

diketahui (+), pangkat lebih tinggi (+), set identiti diketahui (+), wujud beberapa pilihan bentuk kata sapaan. Pilihan pertama ialah nama lengkap yang terdiri daripada gelaran kurniaan + nama diri lengkap. Gelaran kurniaan boleh diisi oleh gelaran, iaitu jawatan adat, jawatan ikhtisas, dan keagamaan. Bentuknya bergantung pada status atau jawatan pesapa. Gelaran ini boleh terdiri daripada satu jenis gelaran dan boleh pula terdiri daripada beberapa gelaran. Selanjutnya, nama diri lengkap yang dimaksudkan di atas memiliki unsur nama diri pesapa yang didahului oleh gelaran kurniaan, iaitu adat, ikhtisas, atau keagamaan dan diakhiri oleh nama bapa. Nama bapa boleh memiliki urutan yang sama seperti urutan nama diri pesapa. Aturan sapaan ini juga berlaku kepada isteri. Di samping sistem kata sapaan ini juga didapati bentuk kata sapaan lain kepada isteri, iaitu gelaran pergaulan tidak biasa yang diikuti oleh nama status, iaitu *isteri*.

Pilihan kedua bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan atau gelaran kurniaan yang diikuti oleh nama jawatan. Bentuk kata sapaan bagi isteri mereka selaras dengan bentuk kata sapaan bagi suami mereka masing-masing, iaitu gelaran kurniaan dan gelaran pergaulan tidak biasa yang diikuti oleh nama status (isteri).

Seterusnya apabila nama tidak diketahui (-), berpangkat (+), set identiti tidak jelas (-), maka disapa dengan dua pilihan bentuk kata sapaan. Pilihan pertama ialah nama kelompok jawatan. Pilihan kedua ialah gelaran pergaulan tidak biasa yang diikuti oleh nama lengkap. Isteri daripada orang yang disapa dengan pilihan kedua ini disapa dengan nama status (isteri).

Rajah 4.1: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Daerah Rembau oleh Juruacara



Petunjuk :

E = Ego


PTB = Pergaulan Tak Bersahaja

Apabila nama tidak diketahui (-), pangkat tidak tinggi (-), set identiti tidak jelas (+), berjantina lelaki, orang tersebut akan disapa dengan gelaran pergaulan tidak biasa yang lelaki, iaitu *tuan*. Sementara bagi yang berjantina perempuan, mereka disapa dengan gelaran pergaulan tidak biasa yang perempuan, iaitu *puan*. Bagi peserta yang semua selektornya berbinari negatif (-) akan disapa dengan kata ganti nama diri orang bermakna jamak *hadirin*.

Bentuk kata sapaan yang digunakan oleh Undang melahirkan model sistem kata sapaan seperti rajah di bawah ini. Rajah 4.2 menjelaskan bahawa latar yang ditandai status jelas (+), nama diketahui (+), pangkat sama (=), memiliki set identiti, maka bentuk kata sapaannya ialah nama lengkap dan frasa nama. Nama lengkap terdiri daripada gelaran kurniaan (adat), nama diri (lengkap), nama diri bapa (lengkap) atau kata nama yang diikuti oleh kata ganti orang kedua jamak. Kata ganti nama orang ini dilengkapi dengan kata ganti nama orang kedua jamak, iaitu *saudara kami*. Selanjutnya apabila nama tidak diketahui (-), pangkat lebih rendah daripada pesapa (-), dan set identiti tidak diketahui (-), maka pesapa disapa dengan kata ganti nama orang kedua jamak. Bentuknya boleh dilihat kembali Jadual 4.3.

Berdasarkan data kajian, dalam ucapan juruacara banyak sekali penggunaan kata terbitan. Kata terbitan itu antara lain: ***memohon, memulakan, menyampaikan, dipersilakan, dan sepersalinan***. Kata-kata ini mengandung imbuhan {mem-}, {meny-kan}, {diper-kan}, dan {se-an}. Imbuhan ini tegar melekat pada kata dasarnya. Sifat ini juga berlaku pada imbuhan yang lain sehingga membentuk kata terbitan yang berunsur lengkap.

**Rajah 4.2: Model Sistem Kata Sapaan Rasmi di Daerah Rembau oleh Undang**



**Petunjuk :**

E = Ego

Dalam ucapan juruacara banyak didapati penggunaan kata-kata khas. Contoh kata itu antara lain ialah hamba, *memohon*, *ampun*, dan *mempersesembahkan*. Sebenarnya masih terdapat kata khas yang lain. Kata-kata itu berkaitan dengan tema majlis, iaitu *Adat Menyalang*. Bentuk bahasa lain, frasa juga didapati dalam ucapan juruacara. Bentuk bahasa ini cenderung muncul di bahagian yang berbentuk kias. Frasanya juga ada yang khas kerana salah satu penggunaan unsur ialah kata penghubung *nan* (yang) dan *kok* (kalau). Bentuk kias yang mengandungi kata ini antara lain: ***nan terkilah dah dilayangkan*** (apa-apa yang terkilan sudah disampaikan), ***nan dimintak dah dapek*** (apa-apa yang diminta sudah dapat), ***nan dituju dah sampai***

(tempat yang dituju sudah sampai), ***nan dicari dah bertemu*** (apa-apa yang dicari sudah bertemu), ***kok sireh dah dikunyah*** (sirih pun sudah dikunyah), ***kok pinang dah digotak*** (pinang pun sudah diketuk).

Ayat yang diucapkan oleh juruacara cenderung lengkap. Ayat-ayat terbina daripada konstituen subjek dan predikat. Banyak juga ayat-ayat yang dilengkapi dengan konstituen lain seperti objek, komplemen, dan keterangan. Selain itu, ayat majmuk juga banyak digunakan selain ayat tunggal. Secara am, bahasa dalam ucapan juruacara memang rapi kerana ucapan telah disiapkan. Hal yang sama juga berlaku pada sabda Undang.

Perbilangan adat (*kieh*) juga menjadi bahagian daripada ucapan dalam majlis *Adat Menyalang*. Pelbagai maksud terkandung dalam perbilangan adat ini. Berikut ini salah satu daripada contoh perbilangan yang digunakan di kawasan kajian.

Beraja ke Johor,  
bertali ke Siak,  
bersultan ke Aceh,  
berbendahara ke Pahang,  
Sultan besar, Seri Menanti,  
bertuan muda di Rembau,  
itulah kata adat dengan pusaka.

Juruacara juga menggunakan pantun untuk memulai acara atau menyampaikan maksud atau agenda acara. Berikut ini ditampilkan salah satu daripada pantun yang digunakan.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pohon nangko,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah memulakan adat pusako.

Berdasarkan pantun ini tidak banyak kata yang berunsur bunyi dialek Negeri Sembilan digunakan. Perkara yang sama juga berlaku dalam pidato *pasombahan* di Nagari

Batuhampa. Selain bentuk-bentuk di atas, dalam ucapan juruacara terdapat pula penggunaan rujukan kehormat. Bentuknya pelbagai kerana ia bergantung pada status dan jawatan pesapa. Di awal kata sapaan ada kata pembuka rujukan kehormat. Bentuk ini hanya ditujukan kepada orang tertentu, iaitu Undang Rembau.

Peraturan ketiga dalam sistem kata sapaan Ervin-Tripp (1986) ialah peraturan urutan. Menurut aturan ini ada aturan yang ditetapkan mengikut urutan. Urutan itu ada yang muncul di awal dan ada pula yang muncul di akhir daripada keseluruhan urutan. Yang ditentukan oleh peraturan ini ialah bentuk kata sapaan yang merupakan dapatan daripada penerapan dua peraturan terdahulu. Berdasarkan data kajian, sebahagian besar daripada bentuk kata sapaan dalam majlis *Adat Menyalang* merupakan nama lengkap. Ini bererti bahawa kata sapaan itu terdiri daripada beberapa unsur. Unsur yang membentuk urutan tersebut tidak sama pada tiap-tiap orang. Urutannya bergantung pada status dan jawatan yang disandang dan dipangku oleh orang tersebut. Berikut ditampilkan rumusan urutan tersebut.

1. Undang: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan (Adat) + Nama Diri Lengkap. Nama Diri Lengkap terdiri pula daripada Gelaran Kurniaan (Adat) + Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri + Nama Diri Bapa (Lengkap). Urutan unsur Nama Diri Lengkap Bapa adalah sama dengan urutan nama diri lengkap terdahulu. Gelaran Keagamaan tidak mesti ada.
2. Menteri Besar: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan + Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri Lengkap. Nama Diri Lengkap terdiri pula daripada Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri + Nama Diri Bapa.
3. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan + Gelaran Ikhtisas (Akademik) + Gelaran Keagamaan + Nama Diri + Nama Diri Bapa (Lengkap).
4. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri: Nama Jawatan
5. Penghulu-penghulu Luak Tanah: Gelaran Kurniaan + Nama Jawatan Adat
6. Ahli-ahli: Nama Kelompok
7. Pegawai Daerah Rembau: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Pergaulan Tak Bersahaja + Nama Diri Lengkap. Unsur terakhir terdiri pula daripada Gelaran Keagamaan + Nama Diri + Nama Diri Bapa.
8. Lembaga Suku Biduanda: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan (Adat)+Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri + Nama Diri Bapa

9. Orang yang bergelar lainnya: Gelaran Kurniaan (Adat)
10. Dif-dif Jemputan: Nama Kelompok
11. Ketua-ketua Jabatan: Nama Jawatan
12. Orang Besar Undang Yang Empat: Gelaran Kurniaan (Adat) + Nama Jawatan
13. Lembaga Tiang Balai: Gelaran Kurniaan (Adat) + Nama Jawatan
14. Lembaga Suku nan Dua Belas: Gelaran Kurniaan (Adat) + Nama Jawatan
15. Buapak yang Diraikan: Nama Jawatan
16. Penyandang Pusaka Adat Lainnya: Nama Kelompok Jawatan
17. Pemimpin Masyarakat: Nama Jawatan
18. Peserta Lain: Gelaran Pergaulan Tak Bersahaja dan Kata Ganti Nama Am

Jadual di bawah ini menunjukkan rumusan semua unsur bentuk sapaan.

**Jadual 4.4: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi bagi Lelaki**

<b>Kelompok</b>	<b>Rumusan</b>
I	Kata Pembuka Rujukan Kehormat + Rujukan Kehormat + Nama Lengkap
II	Rujukan Kehormat + Nama Lengkap
III	Rujukan Kehormat + Nama Lengkap
IV	Rujukan Kehormat + Gelaran Kurniaan + Nama Jawatan
V	Rujukan Kehormat + Gelaran Kurniaan
VI	Rujukan Kehormat + Nama Jawatan
VII	Rujukan Kehormat + Nama Kelompok Jawatan
VIII	Nama Kelompok Awam Jamak + Rujukan Kehormat

Jadual di atas memperlihatkan lapan kelompok rumusan urutan unsur sapaan. Sesuatu hal yang menarik daripada rumusan itu adalah bahawa semakin tinggi status dan jawatan pesapa semakin banyak unsur yang membentuk sapaan. Jadual di atas memperlihatkan pula letak rujukan kehormat bagi orang awam. Rujukan kehormatnya ditunjukkan di bahagian akhir, iaitu setelah nama kelompok. Urutan ini merupakan variasi kerana rujukan kehormat ini boleh di awal kata sapaan.

Bentuk sapaan kepada isteri juga menunjukkan urutan unsur seperti terlihat di bawah ini. Sebahagian bentuknya tidak menunjukkan rangkaian unsur kata sapaan.

1. Isteri Undang: Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan (Adat) + Nama Diri Lengkap. Nama Diri Lengkap terdiri pula daripada Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri + Nama Diri Bapa (Lengkap). Urutan unsur yang membentuk Nama Diri Lengkap Bapa adalah sama dengan urutan Nama Diri Lengkap si pesapa. Gelaran keagamaan tidak mesti ada. Isteri Mentri Besar juga disapa dengan Nama Lengkap yang terdiri daripada Gelaran Kurniaan + Nama Diri Lengkap. Unsur yang terakhir ini terdiri pula daripada Gelaran Kurniaan (Keagamaan) + Nama Diri + Nama Diri Bapa.
2. Isteri Pegawai Daerah Rembau: Nama Status
3. Isteri Lembaga Suku Biduanda dan Isteri Orang Berstatus dan Berjawatan Adat Lainnya: Kata Ganti Nama Diri Orang Pergaulan Tak Bersahaja + Nama Status
4. Isteri Orang yang Bergelar: Gelaran Kurniaan

Jadual di bawah ini merupakan rumusan bentuk sapaan lengkapnya.

**Jadual 4.5: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi bagi Isteri**

Kelompok	Rumusan
I	Rujukan Kehormat + Nama Lengkap
II	Nama Status
III	Kata Ganti Nama Diri Orang Pergaulan Taka Bersahaja + Nama Status
IV	Gelaran Kurniaan

Jadual di atas menunjukkan bahawa semakin tinggi status dan jawatan suami semakin banyak unsur yang membentuk sapaan. Sebaliknya, semakin rendah status dan jawatan suami semakin sedikit unsur yang membentuk sapaan. Bagi isteri yang suaminya tidak mempunyai gelaran kurniaan, bentuk sapaannya berupa nama status sahaja, iaitu *isteri*.

Sebagaimana telah dihuraikan di bahagian terdahulu, Undang tidak banyak menggunakan bentuk sapaan. Daripada dua bentuk sapaan hanya satu bentuk sapaan yang memperlihatkan urutan unsur. Rumusannya ditampilkan pada jadual di bawah ini.

#### **Jadual 4.6: Rumusan Urutan Sapaan Rasmi oleh Undang**

<b>Kelompok</b>	<b>Rumusan</b>
I	Rujukan Kehormat + Nama Lengkap

Rumusan di atas berlaku untuk pesapa yang sama status atau dianggap sama status dan jawatannya dengan Undang Rembau. Bentuk sapaan lain yang digunakan ialah kata ganti nama diri orang kedua jamak yang hanya terdiri daripada satu unsur. Unsur lain yang mengikuti bentuk ini memang ada, tetapi unsur tersebut berperanan sebagai penguat makna jamak yang terkandung pada bentuk tersebut. Bentuk ini digunakan untuk menyapa pesapa yang berstatus dan berjawatan lebih rendah daripada Undang, iaitu rakyat biasa (awam, anak buah). Sementara para isteri daripada para undangan tidak disapa secara khusus oleh Undang. Bentuk sapaannya adalah sama dengan bentuk sapaan yang ditujukan kepada rakyat biasa.

#### **4.2.2 Rumusan Kata Sapaan Rasmi**

Hasil analisis kata sapaan rasmi menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan di Daerah Rembau sangat rencam. Data kajian menunjukkan bahawa kerencaman itu berkaitan dengan status dan jawatan yang disandang dan dipangku oleh pesapa. Selain itu, kepelbagaian itu juga dilatari oleh kepelbagaian status dan jawatan. Majlis tidak hanya dihadiri oleh penjawat daripada pemerintah adat, tetapi juga daripada ahli Dewan Undangan Negeri, ahli Majlis Mensyuarat Negeri, dan penjawat daripada pemerintahan kerajaan negeri dan daerah.

Bentuk kata sapaan itu bergantung pula pada ragam bahasa atau situasi kebahasaan tempat kata sapaan itu digunakan. Kekhasan bentuk sapaan dalam majlis *Adat Menyalang* diperkuat pula oleh penggunaan rujukan kehormat yang bentuknya pelbagai-bagai pula. Kepelbagaian ini juga terdapat pada urutan unsur-unsur pembentuk

kata sapaan. Kajian menunjukkan rumusan urutan kata sapaan adalah rencam. Semakin tinggi status dan jawatan pesapa semakin banyak unsur yang membentuk kata sapaan.

#### **4.3 Kata Sapaan Separa Rasmi**

Bentuk kata sapaan separa rasmi diambil daripada majlis adat. Majlis adat yang dimaksud ialah majlis yang berkaitan dengan peringkat siklus kehidupan manusia mulai daripada kelahiran, perkahwinan, hingga kepada kematian. Berasaskan kepada takrifan ragam bahasa separa rasmi yang telah dijelaskan pada bab terdahulu, majlis dalam siklus kehidupan ini bersituasi separa rasmi.

Seperti mana di Nagari Batuhampar, masyarakat Negeri Sembilan di Daerah Rembau juga menyelenggarakan upacara adat di setiap peringkat siklus kehidupan. Hampir setiap upacara tersebut ada dialog atau perundingan (disebut *pasombahan* di Nagari Batuhampar) kerana upacara tersebut melibatkan dua kelompok. Kedua-dua kelompok merundingkan maksud penyelenggaraan upacara tersebut. Majlis ini berakhiran dengan kata muafakat. Sememangnya menjadi kelaziman oleh masyarakat merundingkan sesuatu perkara dalam sebuah majlis sebagaimana tertuang dalam perbilangan adat: *bulat air dek pembetung*, *bulat kata dek muafakat* (bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat).

Dialog tersebut berjalan secara ganti-berganti antara kedua-dua belah pihak. Tidak semua ahli kelompok berbicara. Hanya satu atau dua orang yang berbicara sebagai wakil kelompok. Bahasa yang digunakan berbeza dengan bahasa ragam seharian. Oleh itu, tidak ada sebarang orang yang dilantik menjadi juruacara. Ada orang yang memang bersedia kerana pandai berunding atau *basilek lidah* (istilah bahasa Minangkabau).

Sama seperti Minangkabau asal, untuk menuju suatu perkahwinan banyak peringkat adat yang mesti dilalui oleh kedua-dua pihak pengantin. Kerabat atau saudara mara terlibat dalam acara tersebut. Pembesar adat pun juga tidak berlepas tangan. Pada beberapa peringkat adat, sebahagian daripada peringkat adat atau pada sebahagian daripada persiapan peringkat adat tersebut, kehadiran datuk lembaga, buapak, besar atau tua ruang, dan tua rumpun atau tua kadim dimestikan. Seberapa jauh hubungan kekerabatan saudara mara yang hadir dalam majlis ini bergantung pada peringkat adat yang diselenggarakan. Semakin banyak peringkat adat semakin tinggi kelompok kekerabatan yang dilibatkan. Oleh itu, ada peringkat majlis adat yang dihadiri oleh saudara mara seruang dan ada pula dihadiri oleh saudara mara seperut dan sesuku. Lazimnya, majlis ini dilaksanakan untuk memberitahu kepada pemimpin tersebut tentang rancangan, persiapan, atau laporan daripada kegiatan peringkat adat yang akan atau telah dilakukan. Dalam majlis ini juga diminta pendapat dan persetujuan mereka tentang rancangan dan persiapan yang akan dilakukan.

Bentuk kata sapaan separa rasmi yang dibincangkan ini diambil daripada majlis adat *Menghantar dan Menerima Tanda* (termasuk dalam peringkat adat *pinang-meminang*). Acara berlangsung di rumah pihak perempuan. Pihak lelaki datang secara berkumpulan ke rumah pihak perempuan. Mereka membawa peralatan. Ada dua peralatan penting dalam acara ini, iaitu ialah tepak cincin dan tepak sirih.

Sekumpulan tamu disambut dengan pantun oleh tuan rumah. Setelah masuk dan berbual-bual sedikit, acara dimulakan oleh pihak tuan rumah yang diwakili oleh orang tempat semenda. Jurubicara menyapa semua yang hadir. Di bawah ini dipaparkan petikan pidato tersebut.

JBPP : “*Datuk-datuk, bapak-bapak, dan hadirin sekalian.*  
meranti dua batang,  
ditebang dua pemuka,  
yang dinanti dah datang,  
silahkan apa nak dikata,  
....  
Silahkan Datuk.”

Pidato ini dibalas oleh pihak lelaki:

JBPL : “*Sembah Datuk-datuk, bapak-bapak, abang-abang, adik-adik sekalian.*  
rumah besar alangnya besar,  
rumah Datuk Perdana Menteri,  
kalau tidak hajat nan besar,  
kami takkan sampai ke mari,  
....  
Sembah Datuk,  
Saya ini,  
turun dari istanan nan tinggi,  
menjunjung titah,  
turun dari balang nan panjang,  
menjunjung sabda,  
turun dari rumah nan bertangga, kampung nan bersudut,  
menjunjung kata tempat semenda nan seadat.  
....  
Sembah Datuk.”

Dalam petikan pidato di atas, bentuk kata sapaan yang digunakan ialah *datuk-datuk*, *bapak-bapak*, dan *hadirin sekalian*. Bentuk *datuk* digunakan untuk menyapa jurubicara. Sebagaimana telah disebut terdahulu, jurubicara yang mewakili kelompok ialah orang semenda yang veteran. Akan tetapi, rundingan akan dimulakan oleh orang tempat semenda. Kata sapaan ini juga ditujukan kepada pembesar adat. Mereka lazim hadir dalam majlis tersebut. Bentuk kata sapaan berikutnya ialah istilah kekerabatan *bapak*. Asmah Hj. Omar (2009:33) menggolongkan bentuk ini sebagai gelaran kekeluargaan. Bentuk kata sapaan lainnya ialah *hadirin* yang diikuti oleh *sekalian*. Kata sapaan *hadirin* merupakan kata nama yang bermakna sekalian atau semua yang hadir (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:501; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:498). Semua bentuk kata sapaan bermakna jamak. Makna ini merupakan hasil reduplikasi kata dasar kecuali bentuk yang terakhir. Khusus bentuk *hadirin* mendapat makna

jamak daripada penambahan kata *sekalian* yang juga bermakna jamak (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:663).

Jurubicara pihak lelaki membalas sapaan tersebut dengan berucap sembah. Sebenarnya, sembah ini juga boleh dikatakan sebagai balasan daripada sapaan jurubicara pihak perempuan. Berdasarkan data kajian, kata sapaan yang digunakan ada yang berbeza. Jurubicara pihak lelaki menggunakan istilah kekerabatan *abang-abang* dan *adik-adik sekalian*. Kedua-dua bentuk ini dimasukkan oleh Asmah Hj. Omar (2009:33) sebagai gelaran kekeluargaan. Bentuk ini tidak ada pada ucapan jurubicara pihak perempuan. Pada ucapan jurubicara pihak perempuan pun ada bentuk kata sapaan yang tidak ada pula pada ucapan jurubicara pihak lelaki. Bentuk kata sapaan itu ialah kata ganti nama diri am, iaitu *hadirin* yang diikuti oleh numeralia *sekalian* (kata sapaan telah dijelaskan pada halaman terdahulu).

Huraian di atas menunjukkan bahawa jurubicara lelaki cenderung menggunakan kata sapaan dengan lebih terperinci kepada pihak tuan rumah. Bilangan ahli tuan rumah lebih ramai daripada bilangan ahli kumpulan pihak lelaki sehingga ahli kelompok tuan rumah berasal dari pelbagai peringkat umur. Penggunaan bentuk yang pelbagai itu tampaknya bertujuan untuk menunjukkan penghormatan kepada semua ahli kelompok tuan rumah.

Dalam peringkat adat perkahwinan *merisik*, acara *Menghantar Cincin Tanya* terdapat penggunaan bentuk kata sapaan *kakak* seperti terlihat pada petikan pidato di bawah ini.

JBPL : “*Datuk, abang, kakak, dan adik-adik semua. Kami ini ialah ibarat: kok umur belum setahun jagung,*

kok darah belum setampuk pinang,  
kok akar belum selilit telunjuk,  
....  
Sembah Datuk.”

Kata sapaan *kakak* tidak terdapat dalam majlis adat perkahwinan majlis adat *Menghantar dan Menerima Tanda*. Penggunaan bentuk ini dapat difahami. Suasana adat *merisik* lebih mesra daripada suasana adat pada peringkat perkahwinan dan bilangan orang yang terlibat terbatas pula.

#### **4.3.1 Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi**

Situasi sosial dalam peraturan pertama daripada sistem sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986), iaitu peraturan alternasi mempengaruhi proses pemilihan bentuk kata sapaan. Situasi sosial yang pertama daripada peraturan ini, latar yang ditandai oleh status mempengaruhi proses pemilihan bentuk kata sapaan dalam majlis adat *Menghantar dan Menerima Tanda*. Latar acara majlis ini jelas. Acara berlangsung di rumah calon pengantin perempuan. Orang yang ikut serta dalam acara ini sama ada pihak lelaki atau pihak perempuan telah ditetapkan. Antara ahli daripada kedua-dua kelompok ada pembesar adat. Jurubicara termasuk pada kelompok ini. Mereka disapa dengan gelaran kurniaan adat, iaitu *datuk*.

Situasi sosial kedua, pangkat seperti mana pada bentuk kata sapaan rasmi merupakan selektor yang diambil kira dalam pemilihan bentuk kata sapaan separa rasmi. Acara adat *Menghantar dan Menerima Tanda* merupakan acara tradisional. Meskipun demikian, orang-orang yang menghadiri acara ini menunjukkan adanya perbezaan status. Akan tetapi, perbezaan ini tidak wujud kerana pekerjaan di sesuatu tempat kerja, tetapi wujud kerana adanya organisasi masyarakat adat. Penggunaan gelaran adat, *datuk* di kedua-dua belah pihak menandakan bahawa ada orang yang berstatus dan berjawatan dalam organisasi masyarakat adat dalam keluarga daripada

kedua-dua belah pihak. Norhalim Hj Ibrahim (2007:69) menjelaskan bahawa pembesar adat duduk di ruang adat. Lelaki yang lain duduk di serambi. Sementara perempuan duduk di dalam bahagian rumah dan di dapur.

Penggunaan bentuk kata sapaan yang lain, istilah kekerabatan dan kata sapaan am menjelaskan pula kepelbagaian taraf sosial daripada ahli kelompok. Taraf sosial tersebut berkaitan dengan umur dan jantina. Kedua-dua taraf sosial ini menjadi angkubah sosiobudaya yang berperanan dalam kepelbagaian bentuk kata sapaan tidak rasmi.

Situasi sosial ketiga, set identiti termasuk selektor yang diambil kira dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Orang yang memenuhi kondisi ini terbatas, iaitu jurubicara dan pembesar adat. Mereka saling menyapa dengan menggunakan kata sapaan *datuk*. Sementara ahli daripada kelompok ini disapa dengan kata sapaan am.

Selektor dewasa juga mempengaruhi dilalui proses pemilihan bentuk kata sapaan. Akan tetapi, selektor ini diabaikan kerana semua orang yang terlibat dalam acara ini jelas merupakan orang-orang dewasa. Mereka merundingkan perkara serius yang menentukan perjalanan hidup orang lain pada masa hadapan.

Selektor nama diketahui, teman atau rakan sejawat, umur yang lebih daripada 15 tahun, dan dispensasi diabaikan pula. Diketahui atau tidak nama diri orang, berstatus teman atau tidak, umur lebih daripada 15 tahun atau tidak, tidak mempengaruhi dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Bilangan orang yang ramai tidak memungkinkan pula untuk menyapa dan memanggil mereka satu per satu. Semua ahli kumpulan daripada kedua-dua belah pihak terdiri daripada orang-orang dewasa yang tidak mungkin berumur di bawah atau sama dengan 15 tahun. Bentuk kata sapaan

bergantung pada status yang disandang dan jawatan adat yang dipangku oleh pesapa meskipun status dan jawatan itu berada di keluarga atau kaum kerabat sahaja. Selain itu, acara ini merupakan acara adat dan peserta tidak sembarang. Mereka merupakan orang pilihan. Oleh itu, selektor dispensasi tidak berlaku.

Selektor kekerabatan tidak diambil kira. Perkahwinan terjadi antara orang-orang yang tidak memiliki hubungan kekerabatan kerana fahaman eksogami yang mereka amalkan. Kedua-dua belah pihak semestinya tidak berkerabat. Selektor berikutnya, iaitu generasi terdahulu dengan sendirinya diabaikan. Selektor lainnya, iaitu umur lebih tua terpakai dalam pemilihan penggunaan bentuk kata sapaan. Meskipun peserta acara ini merupakan orang dewasa, umur mereka bervariasi. Jurubicara akan memperhatikan umur pesapa sebelum memutuskan bentuk kata sapaan yang hendak digunakan.


Selektor jantina mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan yang akan digunakan. Akan tetapi, jantina yang disapa itu ialah lelaki. Perempuan tidak disapa secara khusus. Mereka dianggap sebagai bahagian daripada sesebuah kelompok.

Status perkahwinan merupakan selektor yang tidak mempengaruhi kata sapaan. Jurubicara tidak mengetahui status perkahwinan semua orang yang terlibat dalam acara tersebut.

Huraian penggunaan bentuk kata sapaan di atas menghasilkan sebuah sistem kata sapaan separa rasmi. Rajah 4.3 menggambarkan sistem tersebut yang merupakan hasil pengubahsuaian daripada rajah sistem sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp. Rajah ini menjelaskan bahawa latar yang ditandai oleh status jelas (+),

pangkat sama (=), set identiti diketahui (+), maka bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan (adat). Apabila pangkat lebih rendah (-), set identiti tidak diketahui (-), umur lebih tua (+), dan berjantina lelaki (+), maka bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan. Apabila umur lebih muda (-) dan berjantina lelaki dan perempuan (+) dan (-), bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan atau istilah kekerabatan yang diikuti oleh bilangan jamak. Apabila umur pesapa lebih tua (+) dan lebih muda daripada umur penyapa (-), serta sama dengan umur penyapa (=), maka bentuk kata sapaan ialah kata ganti nama diri am.

**Rajah 4.3: Model Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Daerah Rembau**



Penerapan daripada peraturan kemunculan bersama daripada sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp menunjukkan penggunaan bentuk bahasa

lain. Bentuk tersebut dapat berupa imbuhan, kata, frasa, ayat, dan bentuk bahasa lainnya.

Kekhasan bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan pada pidato majlis rasmi juga terdapat pada pidato majlis separa rasmi. Kekhasan itu terbentuk oleh ketegaran imbuhan yang membentuk kata terbitan dan kata, frasa, dan ayat yang khas, bahasa yang berkias dan berpantun.

Contoh imbuhan yang tegar itu antara lain ialah {di-} pada *ditebang*, {men-} pada *menjunjung*, dan {ber-} pada *bertangga*. Imbuhan ini tegar membentuk kata terbitan tersebut. Seterusnya, kata-kata khas yang terdapat dalam ucapan jurubicara antara lain ialah *sembah*, *sabda*, dan *nan*. Kata hubung *nan* juga membentuk frasa yang khas seperti *nan besar*, *nan tinggi*, *nan panjang*, dan *nan seadat*.

Berdasarkan data kajian terdapat penggunaan ayat majmuk dalam pidato jurubicara. Dapatan ini berdasarkan takrifan ayat majmuk yang dirumuskan oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (2011: 498) sebagai ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih. Di bawah ditampilkan petikan pidato yang mengandungi ayat tersebut.

“Sembah Datuk,  
*kami ini datang kemari*  
*hendak menyampaikan hajat kami yang dulu.*  
kalau begitu Datuk, saya ini:  
bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di cucur atap,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah saya hendak bercakap.”

Ayat tersebut menggugurkan kata hubung *kerana*. Selain itu, terdapat pula penggunaan ayat-ayat yang panjang kerana salah satu daripada konstituen ayat tersebut banyak. Di bawah ini ditampilkan petikan pidato yang mengandungi ayat tersebut.

“Sembah Datuk,  
Akan kedatangan kami ini dari  
*kampung nan bersudut,*  
*rumah nan berkotak tangga,*  
*sawah nan berlopak,*  
*jenjang nan berderet;*  
dalam perjalanan mana:  
*jambatan dah diseberangi,*  
*pintu pagar dah dikuit,*  
*halaman dah ditempuhi,*  
*tangga dah dilangkahi,*  
*tikar lah kami duduki,*  
maka sampailah saya ke teratak datuk,  
mengikut arahan adat.”

Dalam petikan pidato ini terdapat penggunaan beberapa konstituen keterangan. Tulisan yang dimiringkan penulisannya merupakan konstituen yang dimaksudkan. Sambungan petikan pidato di atas juga menunjukkan penggunaan ayat majmuk yang terbina daripada klausa-klausa yang cukup banyak (ditulis miring). Akibatnya, ayat majmuk menjadi panjang.

Bahasa yang berkias juga menjadi ciri daripada pidato majlis separa rasmi. Petikan pidato di bawah ini merupakan contoh kiasan yang mengandungi nasihat.

“...  
Kalau mengaji daripada alif,  
kalau membilang daripada esa,  
ambil kata daripada pangkal,  
ambil turusan kepada nan tua.  
....”

Selain berkias, pidato juga menggunakan atau berbentuk pantun. Pantun tidak hanya digunakan untuk memulakan dan mengakhiri rundingan, juga digunakan untuk menyampaikan perkara rundingan. Kiasan juga disampaikan dalam bentuk pantun. Contoh penggunaan pantun boleh dilihat pada petikan berikut.

“ ...

Sembah Datuk.  
Makan sirih berpinang tidak,  
pinang datang dari Melaka,  
makan sirih mengenyang tidak,  
cuma tangkal budi bahasa.  
Sembah Datuk.”

Peraturan ketiga daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) ialah peraturan urutan. Inti daripada peraturan ini ialah aturan yang ditetapkan mengikut urutan yang boleh muncul di awal dan di akhir daripada keseluruhan urutan. Dalam majlis separa rasmi tidak terdapat penggunaan bentuk sapaan lengkap seperti mana dalam majlis rasmi lawan jurubicara tidak disapa dengan nama lengkap. Bentuk kata sapaannya cenderung berupa gelaran pendek yang ditujukan kepada orang yang dihormati, iaitu *datuk*. Bentuk kata sapaan lainnya ialah istilah kekerabatan *bapak*, *abang*, dan *adik*. Kata yang bermakna jamak yang mengikuti kata sapaan *adik* dan *hadirin* berperanan untuk menjamakkan bilangan orang yang disapa. Selain itu, rujukan kehormatan tidak ada seperti mana pada majlis separa rasmi.

#### **4.3.2 Rumusan Kata Sapaan Separa Rasmi**

Hasil analisis kata sapaan rasmi menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan di Daerah Rembau kurang rencam. Sebahagian daripadanya berupa istilah kekerabatan. Hal ini dapat difahami kerana peserta acara ini terdiri daripada ahli keluarga daripada pihak calon pengantin perempuan dan lelaki. Meskipun demikian, bentuk bahasa lain yang menyertainya cenderung sama dengan bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan dalam majlis adat rasmi.

Dalam pidato majlis separa rasmi tidak terdapat urutan unsur pada bentuk kata sapaannya. Pembesar adat yang memiliki gelaran kurniaan (adat) dan orang yang dihormati lainnya cenderung disapa dengan gelaran pendek.

#### **4.4 Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Kata sapaan tidak rasmi ialah kata sapaan yang digunakan dalam perbualan atau perbincangan tidak rasmi. Ragam bahasa dalam peristiwa ini juga berjenis tidak rasmi. Ragam bahasa tidak rasmi ialah ragam bahasa yang digunakan apabila teman bual atau teman berbincang ialah orang-orang yang dikenali dengan mesra seperti teman dan kerabat. Topik yang dibincangkan adalah tentang kehidupan sehari-hari, perbualan atau pembincangan dilakukan oleh orang-orang yang terbatas bilangannya, atau perbualan itu berlangsung di mana-mana. Takrifan ragam bahasa tidak rasmi ini berbeza dengan takrifan ragam bahasa rasmi. Harimurti Kridalaksana (2008: 206) merumuskan ragam rasmi sebagai ragam bahasa yang dipakai apabila kawan bicara ialah orang yang dihormati oleh pembicara, topik pembicaraan bersifat rasmi, atau pembicaraan dilakukan di depan orang ramai.

Seterusnya, kata sapaan tidak rasmi dalam kajian ini ialah kata sapaan tidak rasmi yang digunakan dalam bertegur sapa dan berbual sehari-hari antara orang-orang yang berkerabat. Tempatnya boleh saja berlangsung di mana-mana sahaja seperti di rumah dan persekitaran rumah atau di tempat perbualan lain. Oleh sebab latar belakang orang yang disapa pelbagai, maka bentuk kata sapaan pelbagai pula. Latar belakang pesapa ini berhubung kait dengan angkubah-angkubah sosiobudaya yang menjadi selektor dalam alir pemilihan kata sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986). Bahagian berikut ini akan dibincangkan bentuk-bentuk kata sapaan tidak rasmi yang dibahagikan berdasarkan kepada angkubah-angkubah sosiobudaya berdasarkan dapatan dalam kajian.

#### **4.4.1 Hubungan Kekerabatan**

Seperti mana pada perbincangan bentuk kata sapaan di kawasan penyelidikan Nagari Batuhampar, perbincangan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau juga mencakup hubungan darah dan hubungan perkahwinan. Oleh sebab hubungan kekerabatan menunjukkan peringkat generasi (cicit, cucu, anak, ibu dan bapa, nenek dan datuk, nenek buyut dan datuk buyut), perbincangan dibuat berperingkat-peringkat berdasarkan generasi. Dengan demikian, status hubungan kekerabatan atau posisi hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa tergambar dengan jelas bersamaan dengan penggunaan bentuk kata sapaannya. Penggunaan istilah peringkat generasi seiring dengan teori sapaan yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986). Pada salah satu daripada peraturannya, iaitu peraturan alternasi terdapat selektor generasi terdahulu yang intinya merujuk pada peringkat generasi yang dimaksud di atas. Selektor berikutnya, umur yang lebih tua juga seiring dengan angkubah hubungan kekerabatan ini.

Sebagaimana bentuk kata sapaan tidak rasmi di Nagari Batuhampar, perbincangan tentang bentuk kata sapaan di Daerah Rembau juga dibahagikan mengikut pengelompokan peringkat generasi. Kata generasi ditakrifkan dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa, 2008:464) sebagai sekalian orang yang kira-kira sama masa hidupnya. Istilah lain yang disebut dalam kamus ini ialah angkatan dan turunan. Bunyi takrifan ini hampir sama dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:60). Berdasarkan takrifan kata generasi ini, maka takrifan generasi di bawah penyapa dapat dibuat, iaitu sekalian orang yang kira-kira hidupnya di bawahnya atau yang angkatannya di bawahnya. Dalam rajah kekerabatan di bidang antropologi, orang yang generasinya di bawah penyapa berada tidak segaris dengan penyapa melainkan berada di bawah penyapa. Orang-orang yang segerasi dengan penyapa

berada di garis yang sama dengan penyapa. Seterusnya, garis orang yang termasuk generasi di atas penyapa terletak di atas garis orang yang segenerasi.

Kelompok bentuk kata sapaan pertama ialah bentuk kata sapaan yang digunakan oleh generasi di bawah penyapa. Kelompok berikutnya ialah bentuk kata sapaan yang digunakan oleh saudara yang segenerasi dengan penyapa. Kelompok terakhir yang dibincangkan ialah bentuk kata sapaan yang digunakan oleh generasi di atas penyapa.

#### **A. Kata Sapaan Generasi di Bawah Penyapa**

Berdasarkan takrifan generasi di bawah penyapa yang telah dirumuskan di bahagian terdahulu (bahagian 3.4.1 Hubungan Kekerabatan), dapat dijelaskan batasan penggunaan bentuk kata sapaan dalam kalangan generasi ini. Kata sapaan untuk generasi di bawah penyapa ialah kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa anak, cucu, dan cicit yang berhubungan darah dengannya. Mereka terdiri daripada anak, cucu, cicit kandung serta anak, cucu, dan cicit daripada saudara kandung (istilah di Negeri Sembilan: *sodaro kandung*) dan saudara sepupu sebelah ibu (*anak sodaro*).

Berdasarkan data kajian, penyapa menggunakan bentuk kata sapaan yang berupa *nama diri* kepada orang-orang yang tersebut di atas. Lazimnya, nama diri yang menjadi kata sapaan itu berupa nama pendek yang sekali gus menjadi nama panggilan seperti *Kiah*. Nama ini diambil dari nama panjang, *Zakiah*. Selain itu, nama diri juga digunakan *kata ganti nama orang kedua*. Bentuknya ialah *kau* (diucapkan *kaw*). Bentuk ini merupakan singkatan daripada *engkau*. Dalam bahasa Melayu, bentuk ini tergolong kata ganti nama diri orang kedua (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa,

dan Abdul Hamid Mahmood, 2011: 104).<sup>71</sup> Asmah Hj. Omar (2009:67) menggolongkan kata ini sebagai kata ganti nama diri orang kedua dalam konteks intim dan kasar. Di kawasan kajian, bentuk ini tidak hanya ditujukan kepada saudara lelaki dan perempuan yang seumur dan lebih muda daripada penyapa. Kata sapaan ini juga digunakan untuk menyapa abang dan kakak. Selain itu, kata sapaan ini juga dapat muncul bersama dengan kata sapaan khas untuk mereka, iaitu *bang* dan *kak*.

Aturan ini juga berlaku pada saudara sebelah bapa. Mereka terdiri daripada anak dan cucu daripada saudara bapa. Akan tetapi, lazimnya yang dikenal agak mesra itu ialah anak daripada saudara bapa. Mereka berada di peringkat generasi yang sama.

Pada peringkat generasi ini ada kemungkinan pesapa berumur lebih tua daripada penyapa, seperti cucu daripada kakak atau abang ibu. Lazimnya mereka disapa dengan nama diri, iaitu tepatnya nama pendek yang menjadi nama panggilan.

*Manantu* (menantu) daripada ahli rumput termasuk generasi di bawah penyapa. Hubungan kekerabatan terbentuk daripada perkahwinan. Penyapa dalam posisi ini berstatus sebagai *montua* (mentua). Para menantu ini terdiri daripada suami atau isteri daripada anak, cucu, cicit kandung dan anak, cucu, cicit daripada saudara sepupu. Hubungan kekerabatan yang terjalin antara mereka ialah hubungan *montuo-manantu*. Khusus bagi menantu lelaki, statusnya tidak hanya sebagai *manantu* juga sebagai *somondo* (semenda).

Bentuk kata sapaan kepada menantu perempuan berbeza dengan menantu lelaki. Bagi menantu perempuan, bentuk kata sapaannya ialah nama diri, iaitu tepatnya

<sup>71</sup> Dalam *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* yang ditulis oleh Hasan Alwi, Soenjono Darjowidjojo, Hans Lapolowa, dan Anton M. Moeliono (Jakarta, 2003), hal. 249, kata sapaan ini juga tergolong kata ganti nama diri orang kedua dalam bahasa Indonesia.

nama pendek yang menjadi nama panggilan. Bagi menantu lelaki, bentuk kata sapaannya ialah gelaran adat seperti diungkapkan dalam perbilangan adat: *kecil bernama, besar bergelar* (Norhalim Hj. Ibrahim, 2007:135). Gelaran ini diberikan sebelum akad nikah berlangsung. Gelaran inilah yang digunakan *montuo* untuk menyapa mereka. Pada waktu itu, pemberian gelaran itu jarang dilakukan dan menantu disapa dengan nama diri sahaja.

### **B. Kata Sapaan Segenerasi dengan Penyapa**

Bentuk kata sapaan kepada orang yang segenerasi dengan penyapa ialah kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa saudara kandung, saudara seibu, dan saudara sepupu sebelah ibu dan sebelah bapa. Batasan orang yang termasuk dalam kelompok ini berdasarkan takrifan istilah generasi yang telah diurai di bahagian terdahulu. Bentuk kata sapaannya pelbagai-bagai. Kepelbagaiannya ini bergantung pada umur daripada pesapa. Pesapa yang berumur lebih muda daripada penyapa atau seumur dengan penyapa akan disapa dengan nama diri mereka. Lazimnya, nama diri yang menjadi sapaan berupa nama pendek yang sekali gus menjadi nama panggilan. Penyapa boleh pula menyapa dengan menggunakan kata ganti nama orang kedua tunggal, iaitu *kau* (diucap *kaw*) sama ada kepada saudara perempuan atau kepada saudara lelaki.

Berdasarkan data kajian, aturan sapaan di atas tidak berlaku kepada saudara yang berumur lebih tua daripada penyapa. Bentuk kata sapaannya bergantung pada urutan adik-beradik dan jantina saudara tersebut. Bagi abang, penyapa akan menyapa dengan menggunakan kata sapaan yang selaras dengan urutan adik-beradik. Rumusan kata sapaan yang digunakan adalah seperti jadual di bawah ini.

#### **Jadual 4.7: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki**

<b>Urutan Adik-beradik</b>	<b>Kata Sapaan</b>
Pertama	alung, lung
Kedua	angah, ngah
Ketiga	alang, lang
Keempat	atih, tih/tam
Kedua Terakhir	acik , cik
Terakhir	asu, su

Bentuk kata sapaan bagi anak yang berada di urutan anak pertama ialah *alung* atau *lung*.

Bentuk ini berasal daripada *sulung* (yang tertua). Anak yang berada di urutan anak kedua disapa dengan *angah* atau *ngah*. Bentuk ini berasal daripada *tengah* (antara sulung dan bongsu). Anak yang berada di urutan anak ketiga disapa dengan *alang* atau *lang*. Bentuk ini berasal daripada *malang*.<sup>72</sup> Seterusnya, anak yang lahir di urutan keempat disapa dengan *atih* atau *tih*. Kata sapaan ini berkaitan dengan warna kulit, iaitu *putih*. Kata sapaan yang berkaitan dengan warna kulit, *hitam* jarang digunakan di kawasan kajian. Apabila ada, kata sapaan ini ditujukan kepada anak yang lahir di urutan sebelum *acik* atau *cik* yang merupakan kata sapaan anak yang lahir di urutan anak kelima. Urutan kata sapaan *atih* dan *tam* bergantung pada warna kulit anak yang lahir terlebih dahulu. Kata *acik* dan *cik* berasal daripada *kecik* (kecil). Anak yang lahir di urutan terakhir atau bongsu disapa dengan *asu* atau *su*. Bentuk ini merupakan singkatan daripada bongsu atau bungsu (terkecil). Bentuk kata sapaan lain seperti gelaran timangan dan gelaran julukan jarang digunakan sebagai kata sapaan. Oleh itu, gelaran ini tidak dimasukkan sebagai bahagian daripada sistem kata sapaan di Daerah Rembau.

Kata sapaan ini juga digunakan untuk menyapa saudara sepupu. Sementara kata sapaan kepada saudara kandung bergantung pada posisi penyapa dalam urutan adik-beradik. Apabila abang dan kakak memiliki adik tentu adiknya disapa

---

<sup>72</sup> Di beberapa dialek-dialek bahasa Minangkabau asal, malang merujuk pada jari tengah. Jari ini disebut demikian kerana berada di tengah dan diapit oleh jari lain. Dalam *Kamoes Bahasa Minangkabau-Bahasa Melajoe Riau* (St. Pamoentjak, 1935), hal. 148 juga disebut nama jari ini.

seperti aturan sapaan kepada saudara muda. Demikian pula si adik menyapa abang dan kakaknya seperti aturan sapaan kepada saudara tua.

Selain bentuk kata sapaan di atas masih terdapat bentuk kata sapaan lain, iaitu *abang*, *bang*, atau bentuk kata sapaan berstruktur *bang + lung/ngah/lang/tih/cik/su/nama diri*. Bentuk *bang* merupakan hasil singkatan daripada bentuk *bang*. Urutan unsurnya adalah sama dengan urutan bentuk kata sapaan yang telah dirumuskan terdahulu.

Di samping semua kata sapaan yang telah dibahas di atas terdapat satu kata sapaan, iaitu *cik + nama diri*. Kata sapaan ini bersifat am dan digunakan kepada semua orang sama ada lebih besar atau lebih kecil daripada penyapa.

Pilihan bentuk kata sapaan yang pelbagai itu digunakan apabila abang (termasuk abang sepupu) ramai. Apabila abang hanya satu orang, maka disapa dengan satu unsur sahaja, iaitu *abang/bang*.

Bagi kakak, bentuk kata sapaannya mirip dengan bentuk kata sapaan kepada abang. Perbezaannya ialah bentuk kata sapaan kepada kakak didahului oleh istilah kekerabatan *kak* yang merupakan singkatan daripada bentuk *kakak*. Unsur kedua daripada bentuk kata sapaan di atas juga merupakan hasil proses singkatan daripada bentuk kata sapaan kepada abang (lihat kembali Jadual 4.3). Perbezaan demikian wujud untuk membezakan jantina daripada saudaranya. Perbezaan lainnya, kata sapaan yang berunsur *tam* (hitam) sebagaimana pada kata sapaan adik-beradik lelaki tidak terdapat pada kata sapaan adik-beradik perempuan. Rumusan kata sapaan yang digunakan adalah seperti jadual di bawah ini.

#### **Jadual 4.8: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan**

<b>Urutan Adik-beradik</b>	<b>Kata Sapaan</b>
Pertama	kak lung
Kedua	kak ngah
Ketiga	kak lang
Keempat	kak tih
Kedua Terakhir	kak cik
Terakhir	kak su

Bentuk *kakak* beserta variannya, iaitu *akak* dan *kak* boleh juga digunakan. Bentuk ini lazimnya digunakan kepada kakak yang bilangannya seorang. Aturan sapaan di atas berlaku pula kepada saudara sepupu sebelah ibu dan saudara sepupu sebelah bapa. Selain bentuk kata sapaan di atas masih terdapat bentuk kata sapaan lain, iaitu *kakak/akak/kak* dan bentuk kata sapaan yang berstruktur *kak + nama diri*. Kata sapaan yang pertama digunakan apabila bilangan kakak itu satu orang. Seterusnya, kata sapaan kedua bersifat am dan digunakan untuk menyapa semua orang sama ada lebih besar atau lebih kecil daripada penyapa.

Seterusnya dibincangkan bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Ini bermaksud bahawa kata sapaan yang digunakan kepada orang yang menjadi kerabat kerana terjadinya perkahwinan oleh penyapa sendiri, saudara kandung, dan saudara sepupu sebelah ibu daripada penyapa. Orang-orang yang berkahwin dengan saudara sepupu sebelah bapa tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatannya telah jauh.

Istilah kekerabatan untuk suami oleh masyarakat di kawasan penyelidikan ialah *laki*. Selain istilah ini terdapat istilah lain, iaitu *abahe* (abahnya). Bentuk terakhir ini produktif digunakan kalangan orang-orang tua. Sementara bentuk

yang pertama cenderung digunakan kalangan orang muda. Sebagai isteri, penyapa akan menyapa suaminya dengan sapaan *abang*. Selanjutnya, pasangan daripada suami disebut dengan istilah *bini* atau *amake* (emaknya). Istilah *amake* produktif di kalangan orang-orang tua sahaja seperti halnya dengan *abahe*. Sebagai suami, penyapa akan menyapanya dengan kata sapaan yang berupa nama diri isteri, iaitu nama pendek yang kemudian menjadi nama panggilan.

Perkahwinan antara saudara penyapa sama ada lelaki atau perempuan menimbulkan hubungan kekerabatan baru kerana perkahwinan tersebut. Suami daripada saudara penyapa berstatus sebagai *ipar* (diucap *ipay*) bagi penyapa. Aturan sapaannya mengikut aturan sapaan saudara yang berkahwin dengannya. Dengan demikian, bentuk kata sapaannya adalah sama dengan kata sapaan kepada abang dan kakak. Apabila yang disapa itu ialah isteri *alung*, maka isterinya disapa dengan *kak lung*. Aturan ini berlaku pula kepada ipar yang lain dan ipar daripada saudara sepupu sebelah ibu.

### C. Kata Sapaan Generasi di Atas Penyapa

Generasi di atas penyapa dibahagikan kepada tiga generasi di atas penyapa. Kerabat yang dimaksudkan satu generasi di atas penyapa ialah ibu dan bapa penyapa dan saudara ibu penyapa sama ada saudara sebelah ibu atau saudara sebelah bapa. Selain itu, kata sapaan bagi saudara bapa (sebelah ibu) juga dibincangkan. Batasan ahli dalam kelompok ini berdasarkan takrifan generasi yang telah dikemukakan di bahagian terdahulu. Di dalam generasi ini termasuk kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Kerabat yang termasuk ke dalam kelompok ini ialah suami atau isteri daripada ibu saudara. Suami atau isteri daripada saudara bapa tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatan telah jauh. Antara penyapa dengan mereka jarang pula berkomunikasi.

Selanjutnya, kerabat yang termasuk pada peringkat dua generasi di atas penyapa ialah nenek dan datuk penyapa berserta saudara sebelah ibu daripada nenek dan datuk. Oleh sebab jarak umur yang jauh dan perbezaan peringkat generasi, kebanyakan cucu tidak mengenali keluarga ibu daripada datuknya.

Peringkat terakhir, tiga generasi di atas penyapa terdiri daripada nenek buyut dan datuk buyut. Dalam kajian ini, nenek buyut dan datuk buyut kandung (ibu bapa daripada nenek) sebelah ibu sahaja yang dibincangkan. Kemungkinan untuk bertemu dan bercakap-cakap masih ada kerana mereka tinggal berdekatan-dekatan sejalan dengan prinsip matrilineal yang mereka jalankan.

Perbincangan bermula dengan bentuk kata sapaan kepada ibu dan bapa. Penyapa akan menyapa ibu dengan kata sapaan *omak* atau *mak*. Bentuk terakhir merupakan hasil abreviasi yang berupa singkatan daripada bentuk pertama. Selain bentuk ini digunakan pula bentuk *umi*, *ibu*, dan *mama* beserta variasi fonologisnya, iaitu *mi*, *bu*, dan *ma*. Bagi bapa, penyapa akan menyapa dengan *bapak* atau *pak*. Bentuk lain yang digunakan ialah *abah* atau *bah*, dan *papa* atau *pa*. Kata sapaan *dedi* juga terdapat sebagai kata sapaan untuk menyapa bapa, tetapi bentuk ini belum digunakan secara luas.

Istilah kekerabatan antara saudara ibu berbeza. Saudara perempuan ibu dianggap ibu juga oleh penyapa. Saudara ibu sebelah lelaki ialah *tua rumpun* yang berperanan sama seperti *mamak* dalam masyarakat Minangkabau asal. Penyapa akan menyapa mereka dengan bentuk yang pelbagai. Di bawah ini ditampilkan bentuk kata sapaan yang digunakan di kawasan kajian.

#### **Jadual 4.9: Kata Sapaan Adik-beradik Perempuan Ibu**

<b>Urutan Adik-beradik</b>	<b>Kata Sapaan</b>
Pertama	mak lung
Kedua	mak ngah
Ketiga	mak lang
Keempat	mak tih
Kedua Terakhir	mak cik
Terakhir	mak su

Jadual di atas memperlihatkan kata sapaan kepada ibu saudara sebelah perempuan (*mak sodaro*) yang terbentuk daripada gabungan dua unsur dan membentuk rangkaian kata sapaan. Kedua-duanya merupakan hasil proses abreviasi. Unsur pertama merupakan hasil proses singkatan daripada bentuk panjangnya, iaitu *omak*. Sementara unsur kedua sama dengan unsur kedua daripada kata sapaan yang digunakan untuk menyapa kakak. Bentuk *omak* ini bersepadan dengan *emak* bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:386). Asmah Hj. Omar (2009:33) menggolongkan bentuk ini dalam gelaran kekeluargaan.

Bentuk *mak + nama diri* juga terdapat di kawasan kajian. Berdasarkan data kajian, kata sapaan ini bersifat am dan digunakan bagi semua saudara perempuan ibu sama ada yang lebih kecil dan lebih besar daripada ibu.

Sebagaimana dengan kata sapaan kepada saudara perempuan ibu, kata sapaan kepada saudara lelaki ibu juga terdiri daripada dua unsur. Kedua-dua unsur tersebut merupakan hasil proses abreviasi. Di bawah ini ditampilkan bentuk lengkap kata sapaan tersebut.

#### **Jadual 4.10: Kata Sapaan Adik-beradik Lelaki Ibu**

<b>Urutan Adik-beradik</b>	<b>Kata Sapaan</b>
Pertama	pak lung
Kedua	pak ngah
Ketiga	pak lang
Keempat	pak tih, pak tam
Kedua Terakhir	pak cik
Terakhir	pak su

Seperti terlihat pada jadual di atas, kata sapaan terbentuk oleh dua unsur. Unsur pertama ialah *pak* yang merupakan hasil proses singkatan daripada bentuk *bapak*. Bentuk ini dimasukkan dalam golongan gelaran kekeluargaan oleh Asmah Hj. Omar (2009:33). Sementara unsur kedua kata sapaan sama dengan unsur kedua kata sapaan yang digunakan untuk menyapa abang. Aturan sapaan ini berlaku pula kepada saudara sepupu ibu. Jadual kata sapaan di atas juga menunjukkan kata sapaan lain bagi ibu saudara sebelah lelaki yang lahir sebagai anak keempat, iaitu kata sapaan *pak itam*. Bentuk ini terdiri dari dua unsur, iaitu *pak* dan *tam* yang merupakan singkatan daripada *itam* (hitam). Berdasarkan takrifan gelaran olokan yang dirumuskan oleh Asmah Hj. Omar (ibid:38), kata sapaan ini termasuk golongan olokan. Istilah lain daripada gelaran ini ialah nama julukan. Kata sapaan jenis ini termasuk jarang digunakan oleh masyarakat kawasan kajian.

Berdasarkan data kajian, kedua-dua jadual bentuk kata sapaan di atas juga menjadi jadual kata sapaan kepada saudara bapa. Ini bererti bahawa bentuk kata sapaan kepada kedua-duanya adalah sama.

Seterusnya dibincangkan pula kata sapaan yang digunakan kepada orang-orang yang berkerabat disebabkan hubungan perkahwinan dengan ibu, saudara kandung

ibu, dan saudara sepupu ibu. Kata sapaan yang digunakan kepada isteri atau suami daripada saudara kandung ibu dan saudara sepupu ibu adalah sama. Bentuknya paralel dengan bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada pasangannya.

Aturan sapaan di atas juga berlaku bagi suami atau isteri daripada saudara. Dengan demikian, bentuk kata sapaannya adalah sama.

Perbincangan seterusnya adalah tentang bentuk kata sapaan yang digunakan kalangan dua generasi di atas penyapa. Ini bermaksud bahawa kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa orang tua daripada ibu dan bapa beserta saudara-saudara mereka yang satu generasi dengannya sama ada perempuan atau lelaki. Selain itu, dibincangkan pula kata sapaan kepada kerabat yang mempunyai hubungan perkahwinan daripada nenek dengan datuk.

Istilah kekerabatan daripada nenek ialah *uwan*. Istilah ini sekaligus menjadi kata sapaan oleh penyapa untuk menyapa beliau. Bentuk pendek daripada kata sapaan ini ialah *wan*. Seterusnya, istilah kekerabatan untuk datuk ialah *datuk*. Istilah ini juga menjadi kata sapaan bagi penyapa untuk menyapa beliau. Bentuk lainnya ialah *atuk* atau *tuk* yang juga merupakan hasil singkatan daripada bentuk pertama. Kata sapaan ini diucapkan seperti *datok*. Dalam Asmah Hj. Omar (*ibid*:33) terdapat kata yang mirip secara fonologi dengan bentuk ini, iaitu *tok*. Gelaran ini digolongkan sebagai gelaran kekeluargaan. Kata sapaan kepada saudara perempuan dan lelaki nenek adalah sama seperti kata sapaan kepada nenek dan datuk. Aturan sapaan yang sama juga berlaku untuk menyapa saudara sepupu daripada nenek.

Aturan sapaan di atas juga berlaku kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan dengan nenek dan saudara nenek. Bentuk kata sapaan kepada suami atau isteri daripada saudara nenek ialah sama dengan bentuk kata sapaan kepada nenek. Bentuk yang sama juga digunakan untuk menyapa suami atau isteri daripada saudara sepupu nenek.

Bentuk kata sapaan yang sama dengan nenek atau saudara nenek (sebelah ibu) juga digunakan untuk menyapa saudara kandung daripada datuk (sebelah ibu). Sementara bentuk kata sapaan kepada suami atau isteri mereka tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatan jauh dan penyapa jarang pula berkomunikasi dengan mereka.

Seterusnya dibincangkan bentuk kata sapaan nenek dan datuk sebelah bapa. Keluarga bapa disebut dengan *bapak sodaro* oleh masyarakat Negeri Sembilan (*bako* di Minangkabau). Sementara *bapak sodaro* menganggap mereka sebagai *anak sodaro* (*anak pisang* di Minangkabau). Kata sapaan mereka adalah sama dengan kata sapaan nenek dan datuk beserta saudara nenek dan datuk. Ini bererti bahawa dialek Negeri Sembilan tidak membezakan kata sapaan antara dua jenis kerabat ini.

Peringkat generasi terakhir, iaitu nenek buyut dan datuk buyut disapa dengan *onyang* dan *tuk onyang*. Penggunaan kata sapaan ini kurang produktif kerana masa untuk bersama dengan cicit tidak lama. Umur mereka sangat jauh berbeza.

#### **4.4.2 Umur**

Sebagaimana telah disebut pada bahagian bentuk kata sapaan di kawasan penyelidikan Nagari Batuhampar, angkubah umur termasuk angkubah yang

mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan. Jangka waktu hidup pesapa boleh panjang, hingga 90 tahun. Daripada urutan umur tersebut ada pesapa yang seumur dengan penyapa malah lebih muda atau lebih tua daripada penyapa. Kepelbagaiannya bentuk kata sapaan yang berlatarkan angkubah umur ini berkaitan dengan status hubungan kekerabatan atau posisi hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa. Dalam peraturan alternasi yang dibuat oleh Ervin-Tripp (1986), umur menjadi selektor dalam pemilihan kata sapaan, terutama pada selektor umur orang yang lebih tua.

Data kajian menunjukkan bahawa pesapa yang berumur lebih muda disapa dengan bentuk kata sapaan yang berupa *nama diri*. Dalam hal ini, nama diri yang dimaksud ialah nama pendek pesapa yang kemudian menjadi nama panggilan. Pesapa yang termasuk ke dalam kelompok ini ialah kerabat yang peringkat generasinya berada di bawah penyapa. Mereka itu boleh pula terdiri daripada orang-orang yang memiliki hubungan kekerabatan disebabkan hubungan darah dan hubungan perkahwinan. Cucu dan anak kandung penyapa, cucu dan anak daripada saudara kandung, atau cucu dan anak daripada saudara sepupu sebelah ibu (*sodara sopupu*) termasuk ke dalam kelompok ini. Selain nama diri, mereka boleh juga disapa dengan menggunakan kata ganti nama orang kedua, *iaitu kau* (diucapkan *kaw*). Orang lain yang mungkin berumur lebih muda daripada penyapa ialah kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Mereka terdiri daripada anak dan cucu daripada saudara kandung bapa. Suami atau isteri kepada anak dan cucu dalam keluarga dan kerabat pasangannya termasuk pula ke dalam kelompok kekerabatan ini. Akan tetapi, bentuk kata sapaannya berbeza. Lelaki disapa dengan gelaran adat, sedangkan perempuan disapa dengan nama diri yang berupa nama pendek. Bentuk kata sapaan berupa gelaran ini jarang sekali digunakan. Saat ini, menantu cenderung disapa dengan nama diri yang berupa nama pendek mereka.

Kerabat lain yang berumur lebih muda daripada penyapa boleh saja mereka berasal daripada generasi yang peringkatnya sama dengan ibu dan bapa. Bentuk kata sapaannya berdasarkan status hubungan kekerabatannya dalam keluarga atau posisinya dalam hubungan kekerabatan. Ini bererti bahawa mereka disapa dengan bentuk kata sapaan yang sama dengan ibu dan bapa. Sebaliknya, ada kemungkinan kerabat tersebut berumur lebih tua daripada penyapa, tetapi peringkat generasinya di bawah penyapa. Bentuk kata sapaannya ialah nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan.

Bagi pesapa yang seumur dengan penyapa, bentuk kata sapaannya juga berupa nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan. Aturan sapaan ini berlaku kepada semua saudara lainnya sama ada berhubungan darah atau berhubungan perkahwinan. Apabila kerabat itu berasal daripada generasi di atas penyapa, bentuk kata sapaan mengikut aturan sapaan yang berlaku bagi generasi ini.

Seterusnya, bentuk kata sapaan kepada kerabat yang berumur lebih tua daripada penyapa sangat pelbagai. Ada dua generasi di atas penyapa yang berpotensi berumur lebih tua daripada penyapa. Kerabat yang termasuk satu generasi di atas penyapa ialah ibu dan bapa dan kerabat lain yang segenerasi dengan ibu dan bapa. Kerabat yang termasuk dua generasi di atas penyapa ialah nenek dan datuk serta kerabat lain yang segenerasi dengan nenek dan datuk. Ini bererti bahawa kepelbagaiannya itu terkait dengan status atau posisi hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa.

Bentuk kata sapaan kepada ibu ialah *omak*, *umi*, *ibu*, dan *mama*, adalah bentuk variannya. Sementara bentuk kata sapaan kepada bapa ialah *bapak*, *abah*, *papa*, dan bentuk variannya. Bentuk kata sapaan kepada kerabat lain yang segenerasi dengan

ibu dan bapa sama ada disebabkan hubungan darah atau hubungan perkahwinan hampir sama dengan bentuk kata sapaan kepada ibu. Bentuk kata sapaan kepada mereka merupakan gabungan unsur sapaan kepada ibu dan bapa, *mak* dan *pak* dengan unsur nama urutan adik-beradik. Aturan ini juga berlaku kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan seperti saudara kandung bapa, suami atau isteri daripada saudara kandung dan saudara sepupu sebelah ibu.

Bentuk kata sapaan bagi kerabat yang jauh lebih tua lagi daripada ibu dan bapa, iaitu generasi dua peringkat di atas penyapa disapa dengan kata sapaan *uwan* atau *wan* kepada nenek dan *atuk* atau *tuk* kepada datuk. Bentuk ini juga digunakan untuk menyapa kerabat lain yang segenerasi dengan mereka, iaitu saudara kandung dan saudara sepupu nenek. Bentuk kata sapaan bagi datuk juga digunakan untuk menyapa saudara kandung datuk. Sementara bentuk kata sapaan bagi saudara sepupu datuk tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatannya agak jauh dan penyapa jarang berkomunikasi dengan penyapa. Aturan sapaan di atas juga berlaku kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Orang yang termasuk ke dalam kelompok ini ialah suami atau isteri daripada saudara kandung dan saudara sepupu nenek.

Bagi kerabat yang lebih tua daripada nenek dan datuk ialah nenek buyut dan datuk buyut (sebelah ibu). Akan tetapi sedikit sekali daripada mereka hidup lama dan sewaktu dengan cicit. Oleh itu, bentuk kata sapaannya kurang produktif.

#### **4.4.3 Jantina**

Angkubah jantina dalam sistem sapaan bahasa Inggeris orang Amerika yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) mempengaruhi pilihan kata sapaan. Dalam rajah,

pemilihan bentuk kata sapaan berakhir dengan bentuk kata sapaan yang menawarkan dua pilihan. Salah satu daripadanya berkaitan dengan jantina.

Berdasarkan data kajian, bentuk kata sapaan yang berlatarkan angkubah jantina cenderung muncul pada bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa kerabat yang umurnya lebih tua daripada penyapa. Kerabat yang termasuk dalam kelompok ini terdiri daripada orang-orang yang segenerasi dengan penyapa dan orang-orang yang peringkat generasinya di atas penyapa. Meskipun segenerasi dengan penyapa, kakak dan abang ialah kerabat yang berumur lebih tua daripada penyapa. Bentuk kata sapaan yang berangkubah jantina pada kerabat ini terdapat pada istilah kekerabatan yang berpasangan. Bentuk kata sapaan bagi saudara perempuan mengandungi unsur *kakak* atau *kak*. Unsur ini juga boleh berdiri sendiri sebagai salah satu bentuk kata sapaan. Bentuk abreviasinya boleh pula diikuti oleh nama urutan adik-beradik atau nama diri. Urutan demikian juga berlaku pada bentuk kata sapaan abang.

Bentuk kata sapaan pada generasi di atas penyapa, termasuk ibu dan bapa dan disapa dengan bentuk kata sapaan yang berbeza. Kata sapaannya ialah *omak*, *ibu*, *umi*, *ibu*, *mama* bagi *ibu* dan *bapak*, dan *papa* bagi bapa. Kerabat lain yang segenerasi dengan ibu dan bapa juga disapa dengan bentuk yang menunjukkan perbezaan jantina. Kerabat yang dimaksudkan ialah saudara kandung ibu, saudara sepupu ibu sebelah ibu, suami atau isteri daripada saudara kandung ibu dan saudara sepupu ibu sebelah ibu, dan saudara bapa. Meskipun ada unsur yang sama pada bentuk kata sapaannya, iaitu nama urutan adik-beradik, namun unsur pertamanya berbeza. Bentuk tersebut menunjukkan jantina yang berbeza. Bentuk itu ialah *mak* dan *pak*.

Bentuk kata sapaan yang menunjukkan perbezaan jantina juga terdapat pada generasi tiga peringkat di atas penyapa. Kata sapaannya cenderung berpasangan. Misal, kata sapaan *mak* (ibu) berpasangan dengan kata sapaan *pak*. Kata sapaan *uwan* berpasangan dengan *datuk*. Pasangan terakhir, iaitu *onyang* berpasangan dengan *tuk onyang*. Perbezaan bentuk kata sapaan itu menunjukkan perbezaan jantina.

#### **4.4.4 Angkubah-angkubah Lain**

Maksud angkubah lain ialah angkubah selain angkubah yang telah dibincangkan di atas. Salah satu daripada angkubah lain itu ialah status perkahwinan yang menjadi salah satu daripada selektor yang ada dalam rajah sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Oleh sebab bentuk kata sapaan yang dikaji ialah kata sapaan yang digunakan dalam lingkungan keluarga dan kerabat, maka kepelbagaian bentuk kata sapaan berlatarkan status hubungan kekerabatan atau posisi pesapa dalam hubungan kekerabatannya dengan penyapa dan tidak berlatarkan pangkat atau taraf sosial. Dispensasi yang berkaitan dengan umur juga tidak berpengaruh dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Pada bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Minangkabau di Nagari Batuhampar, angkubah ini berperanan dalam memilih bentuk kata sapaan pada peringkat generasi dan jenis hubungan kekerabatan tertentu. Seseorang lelaki yang sudah berkahwin akan disapa dengan gelaran adat oleh mentuanya. Apabila mereka memiliki anak, bentuk sapaannya berganti dengan bentuk istilah kekerabatan *pak* yang diikuti oleh nama pendek yang menjadi nama panggilan anak. Aturan sapaan seperti ini hampir hilang dan mungkin juga tidak berlaku di Daerah Rembau.

Selektor-selektor lain berpotensi menjadi angkubah sosiobudaya, misalnya angkubah dewasa, generasi terdahulu, dan umur yang lebih tua. Akan tetapi, semua selektor ini sudah terkandung dalam angkubah yang telah diuraikan di

bahagian terdahulu. Ketiga-tiga selektor ini secara tidak langsung dibincangkan di bahagian angkubah hubungan kekerabatan dan umur. Bahkan dua selektor yang terakhir merupakan selektor lanjutan daripada selektor kekerabatan yang sudah menjadi angkubah tersendiri pula, iaitu angkubah hubungan kekerabatan. Sebetulnya, selektor umur lebih daripada 15 tahun terkandung pula pada angkubah umur. Akan tetapi, selektor ini bukanlah selektor lanjutan daripada selektor kekerabatan yang menjadi selektor kunci dalam pemilihan bentuk kata sapaan tidak rasmi.

Selektor jantina juga menjadi angkubah tersendiri dan telah dibincangkan di bahagian terdahulu. Selektor ini berperanan dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Selektor lain yang juga menjadi angkubah dalam pemilihan bentuk kata sapaan ialah nama diketahui. Sebagai seseorang yang berkerabat mestilah mengetahui nama diri atau bentuk panggilan kerabatnya apalagi mereka hidup di kampung yang sama atau tidak mempunyai masalah dalam perhubungan. Selektor teman atau rakan sejawat merupakan selektor yang berlawanan dengan selektor kekerabatan. Pangkat dan dispensasi juga bukan selektor lanjutan daripada kekerabatan. Oleh itu, selektor-selektor tersebut tidak berperanan dalam pemilihan bentuk kata sapaan sehari-hari. Lebih lanjut tentang selektor kekerabatan dan selektor lanjutannya dibincangkan di bahagian sistem kata sapaan.

Berikut ini dideskripsikan suasana kampung dan penggunaan kata sapaan dalam suasana demikian. Menurut banci penduduk tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), penduduk di Kampung Batu Hampar khususnya dan Mukim Batu Hampar umumnya termasuk jarang bila dibanding dengan penduduk di mukim lain seperti Mukim Chembong, Pedas, dan Gadong. Mereka cenderung hidup berkelompok. Hal ini berkaitan dengan sistem kekerabatan yang mereka anuti, iaitu

sistem matrilineal. Jumlah rumah adat lebih banyak daripada rumah baru (moden). Bahkan, pembinaan rumah kecil cenderung bercampur dengan rumah adat. Di rumah kecil inilah mereka melakukan kegiatan sehari-hari. Tiap-tiap rumah mempunyai halaman yang luas, dan antara satu rumah dan rumah yang lain mempunyai jarak yang jauh. Keadaan demografis ini tidak menghalang mereka berkomunikasi. Mereka hidup berkerabat. Rumah-rumah yang berdekatan itu, dihuni oleh ahli keluarga yang berasal daripada nenek buyut yang sama. Antara seorang dengan orang lain saling mengenali dan mesra. Tidak ada antara mereka itu yang tidak mengetahui nama diri kerabatnya. Meskipun demikian, aturan sapaan yang berlaku dalam keluarga atau kaum kerabat tetap dipatuhi. Nama diri hanya merupakan salah satu daripadi sekian banyak bentuk kata sapaan yang digunakan oleh mereka.

#### **4.4.5 Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Dalam penerapan peraturan pertama daripada sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986), peraturan alternasi, rangkain selektor mesti dilalui sebelum sampai pada bentuk kata sapaan yang tepat bagi pesapa. Perbincangan bermula daripada selektor yang termasuk dalam situasi sosial. Daripada ketiga-tiga situasi sosial, iaitu latar yang ditandai oleh status, pangkat, dan set identiti, kedua-dua situasi sosial terakhir tidak menjadi bahagian daripada rangkaian laluan dalam pemilihan kata sapaan tidak rasmi. Situasi sosial pertama pun berbinari negatif (-) kerana situasi tidak memberi tanda kepada penggunaan bentuk kata sapaan tertentu. Situasinya (latar tempat dan suasana) bebas, iaitu di mana-mana sahaja, dan pada bila-bila mana sahaja.

Selektor kedua yang terdapat dalam rajah sistem sapaan Ervin-Tripp ialah angkubah dewasa. Selektor ini tidak terpakai dalam pemilihan bentuk kata sapaan tidak rasmi. Kepelbagaiannya bentuk kata sapaan tidak rasmi kurang tepat ditentukan oleh

selektor ini. Kepelbagaiannya itu berkaitan dengan status hubungan kekerabatan antara penyapa dan pesapa. Status itu ditentukan pula oleh posisi mereka dalam peringkat-peringkat generasi. Huraian rinci tentang hal ini boleh dilihat kembali bahagian angkubah hubungan kekerabatan.

Selektor berikutnya yang dilalui ialah nama diketahui. Penyapa jelas mengetahui nama pesapa dan mereka berkerabat. Kekerabatan ini menjadi selektor berikutnya. Seterusnya peringkat-peringkat hubungan kekerabatan itu terseleksi pada selektor berikutnya, iaitu generasi terdahulu. Akan tetapi, selektor ini tidak dapat menampung semua peringkat generasi yang ada. Ia terbahagi kepada dua pilihan sahaja, iaitu generasi terdahulu dan generasi sesudahnya. Persoalan ini dibantu dengan kehadiran selektor berikutnya, iaitu umur lebih tua.


Selektor jantina merupakan selektor berikutnya daripada teman rakan sejawat yang mempengaruhi pilihan bentuk kata sapaan. Selektor terakhir, iaitu status perkahwinan tidak berpengaruh dalam pemilihan bentuk kata sapaan pada masa sekarang. Pesapa yang belum berkahwin, sudah berkahwin, menjanda atau menduda tetap disapa seperti aturan sapaan yang berlaku dalam keluarga atau kaum kerabatnya.

Aturan penggunaan kata sapaan yang telah dibincangkan di atas membentuk suatu model sistem kata sapaan. Model ini dirumuskan dalam bentuk rajah yang merupakan hasil pengubahsuaian rajah sistem sapaan Ervin-Tripp (1986). Rajah 4.4 di bawah ini menggambarkan model sistem sapaan tersebut. Pada rajah terdapat simbol sama dengan (=) yang melekat pada selektor generasi terdahulu dan umur lebih tua. Simbol ini tidak terdapat pada rajah sistem sapaan Ervin-Tripp. Simbol tambahan

ini menunjukkan bahawa ada peringkat generasi yang segenerasi atau sama generasi dengan penyapa yang mesti dipertimbangkan dalam pemilihan bentuk kata sapaan.

Pemilihan bermula daripada selektor latar yang ditandai dengan status. Selektor pertama ini tidak dapat dipastikan (-), berkerabat (+) dengan penyapa, generasi terdahulu (+) dan berumur lebih tua (+) daripada penyapa, terdapat dua pilihan bentuk kata sapaan. Garis yang menghubungkan kotak bentuk kata sapaan bererti bahawa kedua-dua bentuk tersebut merupakan varian. Pilihan pertama ialah istilah kekerabatan. Kata sapaan ini digunakan bagi pesapa, iaitu dua generasi di atas penyapa. Pilihan kedua ialah istilah kekerabatan diikuti oleh nama urutan adik-beradik, nama julukan (gelaran olokan), atau nama diri. Kata sapaan ini digunakan bagi pesapa, iaitu satu generasi di atas penyapa. Kepelbagaiannya bentuk kata sapaan pada peringkat generasi ini dilatari juga oleh angkubah jantina. Apabila pesapa pada peringkat generasi ini berumur lebih muda atau seumur (-/=), maka pesapa akan disapa seperti aturan yang berlaku bagi pesapa, iaitu satu generasi di atas penyapa. Apabila pesapa berasal daripada generasi yang sama (=), penyapa juga mempunyai tiga pilihan bentuk kata sapaan. Pilihan pertama ialah istilah kekerabatan atau istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama urutan adik-beradik, nama julukan, atau nama diri. Bentuk kata sapaan ini digunakan apabila pesapa berumur lebih tua daripada penyapa. Pilihan kedua ialah nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan. Pilihan ketiga ialah kata ganti nama diri orang kedua. Kedua-dua pilihan terakhir ini digunakan apabila pesapa berumur sama atau lebih muda daripada penyapa. Seterusnya apabila pesapa berasal daripada generasi di bawah penyapa (-), maka bentuk kata sapaannya ialah nama diri dan kata ganti nama diri orang kedua.

**Rajah 4.4: Model Sistem Kata Sapaan Tidak Rasmi di Daerah Rembau**



Penerapan peraturan kemunculan bersama Ervin-Tripp (1986) menghasilkan dapatan bahawa bentuk bahasa lain yang menyertai kata sapaan selaras dengan situasi kebahasaannya, iaitu situasi tidak rasmi. Salah satu daripada bentuk bahasa lain ialah imbuhan. Unit ini tidak tegar membentuk kata terbitan. Bentuk kata yang mengalami abreviasi sering juga terdapat dalam situasi bahasa tidak rasmi. Tuturan juga banyak yang terdiri daripada ayat-ayat pendek yang terdiri daripada satu kata, iaitu ayat minimal. Ciri kebahasaan yang demikian disebabkan oleh adanya pemahaman makna kata dan maksud yang terkandung dalam ayat yang mereka tururkan. Kesalingfahaman ini terjadi kerana mereka menjadi bahagian daripada konteks tuturan tersebut. Unsur suprasegmental yang menjadi ciri khas bahasa lisan menguatkan makna dan maksud daripada si penutur dan petutur. Berikut ini contoh perbualan yang memperlihatkan penggunaan kata sapaan dalam situasi bahasa yang diuraikan di atas.

Perbualan:

- Pn : “Mano kau, Kiah?”  
(Hendak ke mana kau, Kiah?)
- Ps : “Nak batang ai. Urang-urang ni nak tengok.”  
(Hendak pergi ke sungai. Orang-orang ini mahu melihatnya.)
- Pn : “Dah potang ari. Dah golap.”  
(Hari sudah petang.)
- Ps : “Nak tengok sabontar.”  
(Mahu tengok sebentar.)

Perbualan ini berlangsung di persekitaran rumah. Pn (penyapa) menyapa Ps (pesapa).

Pn menggunakan bentuk *kau* dan *Kiah* untuk menyapa Ps. Bentuk pertama merupakan kata ganti orang pertama tunggal, sedangkan bentuk kedua merupakan nama diri daripada orang disapa (Ps). Kedua-dua orang ini berkerabat. Pn lebih tua daripada Ps.

Daripada segi struktur, ayat-ayat yang dituturkan mereka pendek. Unsur ayat tidak lengkap. Ada unsur ayat yang tidak muncul sama ada dalam tuturan Pn atau Ps. Misal, ayat pertama Ps tidak memiliki subjek. Semestinya ayatnya berbunyi: *Den nak batang ai*. Akan tetapi, subjek *den* ini tidak muncul. Unsur ini merupakan salah satu daripada kata ganti orang kedua tunggal dalam bahasa Minangkabau yang digunakan di Rembau. Ketidakmunculan subjek juga terlihat pada tuturan Ps berikutnya. Keadaan ayat seperti ini juga terdapat pada tuturan Pn. Unsur yang tidak muncul juga berupa subjek. Semestinya ayat berbunyi *Ari dah potang ari* dan *Ari dah golap*. Ketidakmunculan satu atau beberapa unsur ayat menjadi ciri khas bahasa ragam tidak rasmi. Keberadaan penutur dan petutur sebagai bahagian daripada konteks pertuturan dan unsur suprasegmental yang melekat pada pertuturan membantu kita memahami maksud atau makna daripada ayat lawan bicara.

Aplikasi daripada peraturan kemunculan bersama sistem sapaan Ervin-Tripp bahawa bahasa lain yang muncul bersamaan dengan bentuk kata sapaan selari

dengan situasi tidak rasmi. Bahasa dalam situasi ini cenderung tidak berkias. Oleh itu, bentuknya cenderung pendek sama ada kata terbitan atau kalimat. Unsur kata terbitan dan unsur ayat cenderung tidak lengkap. Kerana itu, ayat cenderung pendek. Selain itu, kata yang digunakan bersifat am sehari-hari.

Penerapan peraturan kemunculan bersama menunjukkan bahawa penggunaan kata sapaan dengan bentuk bahasa yang lain adalah selari. Selain itu, kata yang digunakan bersifat am sehari-hari.

Peraturan ketiga sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) ialah peraturan urutan. Menurut peraturan ini, aturan yang ditetapkan mengikut urutan. Pada bahasa tidak rasmi, aturan ini tidak ada. Sapaan cenderung menggunakan bentuk kata sapaan yang pendek yang menjadi nama panggilan. Nama diri yang digunakan untuk menyapa ialah nama pendek. Istilah kekerabatan yang menjadi kata sapaan juga cenderung pendek. Akan tetapi daripada sebanyak bentuk kata sapaan ada beberapa antara bentuk tersebut yang memperlihatkan urutan unsur. Rumusan urutannya boleh dilihat pada senarai di bawah ini.

1. istilah kekerabatan + nama urutan adik-beradik
2. istilah kekerabatan + nama diri
3. nama urutan adik-beradik + nama diri
4. istilah kekerabatan + nama urutan adik-beradik
5. istilah kekerabatan/nama urutan adik-beradik + nama diri.

#### **4.4.6 Rumusan Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Bentuk kata sapaan tidak rasmi di Daerah Rembau sangat rencam. Kerencaman itu berkaitan dengan angkubah sosiobudaya. Angkubah sosiobudaya itu ialah hubungan kekerabatan, umur, dan jantina. Status perkahwinan tidak menimbulkan kerencaman bentuk kata sapaan. Sapaan lelaki yang berkahwin atau tidak berkahwin dipanggil tetap

ditentukan oleh angkubah sosiobudaya di atas. Pada amnya, bentuk kata sapaan mengandung istilah kekerabatan. Pengecualian berlaku bagi pesapa yang peringkat generasinya di bawah penyapa kerana cenderung berbentuk nama diri. Bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan selaras dengan situasi kebahasaan tempat penggunaan bentuk kata sapaan dan bentuk kata sapaan itu sendiri. Tentang kemunculan bersama bagi unsur kata sapaan, pada bentuk kata sapaan tidak rasmi ini terdapat urutan unsur digunakan.

#### **4.5 Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat ditarik daripada hasil analisis tentang bentuk kata sapaan di Daerah Rembau tidak banyak berbeza dengan kesimpulan hasil analisis tentang bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Pertama, bentuk kata sapaan di kawasan kajian ini sangat rencam. Kerencaman itu ditunjukkan pada ketiga-tiga situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi. Bentuk kata sapaan dalam situasi tidak rasmi lebih pelbagai daripada bentuk kata sapaan dalam situasi rasmi dan separa rasmi. Angkubah sosiobudaya berperanan membentuk kepelbagaiannya tersebut. Semua angkubah tersebut pada dasarnya terkandung pada selektor-selektor yang ada dalam rajah sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Penerapan teori sapaan ini memerlukan pengubahsuaian pada rajah model sistem kata sapaan sehingga sesuai dengan sistem kata sapaan yang berlaku di kawasan kajian. Tentang soalan perbezaan ini telah dibincangkan di bahagian kesimpulan kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Perbezaan model sistem sapaan ini menunjukkan bahawa keunikan sistem sapaan di kawasan kajian berkaitan dengan sistem sosiobudaya masyarakatnya.

Kedua, bentuk kata sapaan pada setiap situasi kebahasaan khusus. Kekhususan kata sapaan rasmi ialah penggunaan nama lengkap. Rangkaian nama lengkap terbentuk oleh gabungan beberapa atau semua kata gelaran kurniaan, gelaran keagamaan, nama diri, dan nama bapa. Bentuk kata sapaan rasmi berkaitan dengan status dan jawatan pesapa. Selain kekhususan ini juga terdapat kekhususan lain, iaitu penggunaan rujukan kehormat. Jenis rujukan kehormat rencam pula. Kerencaman itu berkaitan pula dengan status dan jawatan pesapa. Seterusnya, kekhususan kata sapaan tidak rasmi ialah penggunaan istilah kekerabatan, nama urutan adik-beradik, gelaran olokan (terbatas), dan nama diri. Kekhususan kata sapaan separa rasmi merupakan gabungan sebahagian daripada kata sapaan rasmi dan sebahagian daripada kata sapaan tidak rasmi, iaitu penggunaan gelaran kurniaan adat dan istilah kekerabatan. Penggunaan kedua-dua bentuk kata sapaan ini dapat difahami kerana situasi kebahasaannya ialah separa rasmi, iaitu antara suasana rasmi dengan suasana kekeluargaan.

Ketiga, bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan selaras dengan bentuk kata sapaan itu sendiri. Bentuk kata sapaan tersebut selaras pula dengan situasi kebahasaan yang menjadi tempat kemunculan kata sapaan.

Keempat, urutan unsur kata sapaan terdapat pada kata sapaan rasmi kerana terdapat penggunaan nama lengkap bahkan nama lengkap ini didahului dengan rujukan kehormat. Unsur yang membentuk nama lengkap tersebut mempunyai rumus hingga membentuk sebuah rangkaian kata sapaan. Kata sapaan tidak rasmi menunjukkan pula urutan unsur. Akan tetapi, rumusan urutannya tidak sebanyak rumusan urutan unsur yang membentuk kata sapaan rasmi. Istilah kekerabatan dan nama

urutan adik-beradik merupakan unsur yang sering muncul dalam rangkaian kata sapaan tersebut.

## **BAB 5**

### **PERBANDINGAN KATA SAPAAN DI KAWASAN KAJIAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Dalam bab ini diperbandingkan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan. Perbandingan dilakukan untuk melihat persamaan dan perbezaan bentuk kata sapaan yang digunakan di kedua-dua kawasan kajian tersebut. Perbandingan bermula daripada persamaan bentuk kata sapaan. Seterusnya, perbandingan berlanjutan tentang perbezaan bentuk kata sapaan. Bentuk kata sapaan yang akan dibandingkan ialah bentuk kata sapaan yang digunakan pada ketiga-tiga situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi.

#### **5.1 Persamaan Kata Sapaan**

Perbincangan tentang persamaan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian dibahagikan berdasarkan situasi kebahasaan. Perbincangan bermula daripada persamaan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi rasmi. Perbincangan berlanjut tentang persamaan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi separa rasmi dan tidak rasmi.

##### **5.1.1 Kata Sapaan Rasmi**

Situasi rasmi dalam majlis *Malewaan Gala* di Nagari Batuhampar tidak sama dengan suasana rasmi dalam majlis *Istiadat Menyalang* di Daerah Rembau. Suasana majlis rasmi di Nagari Batuhampar demokratik dan tidak protokol. Sementara di Daerah Rembau, suasana majlis agak autokratik dan protokol. Selain daripada itu, peserta di Nagari Batuhampar kurang beragam. Peserta terdiri daripada penghulu pucuk, *urang*

*nan ampek, urang ampek jiniah*, perwakilan pemuda, dan penghulu dari suku lain di kenagarian tersebut. Sementara di Daerah Rembau, majlis dihadiri oleh Undang Rembau, Undang dari luak jiran, dan undangan lain dari kalangan penjawat pemerintahan kerajaan negeri dan daerah, dewan undangan dan majlis kerajaan negeri, dan pegawai daerah. Majlis juga dihadiri oleh pembesar adat mulai daripada pemimpin suku hingga kepada perut. Tidak seperti pada majlis di Nagari Batuhampar, sebahagian daripada mereka didampingi isteri. Jemputan kepada mereka dimestikan. Majlis ini juga dihadiri oleh anak buah yang buapak dan lembaganya ditabalkan pada masa itu. Perbezaan komposisi peserta tergambar pada bentuk kata sapaan yang terdapat pada kedua-dua majlis tersebut. Berdasarkan data kajian banyak juga terdapat persamaan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat di kedua-dua kawasan kajian ini. Persamaan itu dirumuskan pada Jadual 5.1 di bawah ini.

#### **Jadual 5.1: Persamaan Kata Sapaan Rasmi**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Sapaan kepada semua unsur yang hadir dalam majlis
2	Penggunaan gelaran kurniaan adat sebagai salah satu daripada bentuk kata sapaan
3	Salah satu unsur daripada bentuk gelaran kurniaan ada yang sama
4	Penggunaan nama kelompok sebagai salah satu bentuk daripada kata sapaan
5	Ciri-ciri bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan adalah sama (penerapan peraturan kemunculan bersama Ervin-Tripp)

Semua orang yang menghadiri majlis disapa oleh juruacara, pengerusi bersama, dan undang. Bentuk kata sapaannya banyak yang tidak sama. Persamaan bentuk kata sapaan pada kedua-dua kawasan kajian ini adalah pada bentuk kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan. Persamaan tersebut terdapat pada salah satu unsur daripada gelaran. Unsur yang dimaksudkan ialah *datuak* di Nagari Batuhampar dan *datuk* di Daerah Rembau. Perbezaan bersifat fonologis sahaja. Akan tetapi, di dalam persamaan itu terkandung pula perbezaan. Di Nagari Batuhampar, unsur ini menjadi bahagian daripada gelaran

jawatan adat. Sementara di Daerah Rembau gelaran merupakan bahagian daripada nama lengkap.

Dalam situasi rasmi ini juga terdapat persamaan lain, iaitu penggunaan nama kelompok sebagai bentuk kata sapaan. Penggunaan bentuk ini dilatari oleh ramainya bilangan ahli daripada kelompok ini. Di Daerah Rembau, penggunaan bentuk ini juga disebabkan oleh ketidaktahuan juruacara tentang nama diri pesapa.

Penerapan peraturan kemunculan bersama daripada teori sistem sapaan Ervin-Tripp (1986) pada kata sapaan rasmi di kedua-dua kawasan kajian menunjukkan wujudnya persamaan. Persamaan itu menjadi ciri daripada bentuk bahasa lain yang menyertai kata sapaan tersebut. Ciri itu antara lain ialah ketegaran imbuhan yang membentuk kata terbitan, penggunaan kata-kata khas, dan ucapan pidato yang berkias dan berpantun. Secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan adalah selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi rasmi.

### **5.1.2 Kata Sapaan Separa Rasmi**

Bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi separa rasmi menunjukkan banyak persamaan antara kedua-dua kawasan kajian. Persamaan itu dirumuskan pada jadual di bawah ini.

**Jadual 5.2: Persamaan Kata Sapaan Separa Rasmi**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Sapaan kepada semua unsur yang hadir dalam majlis
2	Kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan
3	Kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan
4	Ciri-ciri bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan adalah sama

Dalam majlis separa rasmi, semua peserta majlis disapa oleh jurubicara. Persamaan selanjutnya ialah sapaan dengan menggunakan bentuk kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan. Gelaran yang digunakan cenderung berupa gelaran pendek. Bentuknya adalah sama, iaitu *datuak* atau *tuak* di Nagari Batuhampar dan *datuk* atau *tuk* di Daerah Rembau. Perbezaan antara kedua-dua bentuk ini bersifat fonologis sahaja. Persamaan lainnya ialah penggunaan istilah kekerabatan sebagai bentuk kata sapaan. Bentuk istilah kekerabatan yang digunakan ada yang sama. Di Nagari Batuhampar digunakan bentuk *ibu* dan *bapak* manakala di Daerah Rembau digunakan bentuk *bapak* sahaja tanpa disertai oleh bentuk pasangannya.

Persamaan lainnya terdapat pada hasil penerapan teori sapaan Ervin-Tripp, iaitu pada peraturan kemunculan bersama. Peraturan ini menyangkut soal pemunculan bentuk bahasa lain yang muncul bersama dengan bentuk kata sapaan. Hasil penerapan teori ini menunjukkan bahawa bentuk bahasa yang lain itu selaras dengan bentuk kata sapaan dan situasi kebahasaannya. Bentuk yang lain itu antara lain ialah imbuhan yang tegar membentuk kata terbitan, penggunaan kata yang khas, dan pidato yang berkias dan berpantun.

### **5.1.3 Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi tidak rasmi sangat pelbagai. Kepelbagaiannya itu terkait dengan beberapa angkubah sosiobudaya yang sangat berperanan dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Angkubah ini merupakan selektor dalam teori sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Perbincangan tentang persamaan tidak dibahagikan berdasarkan angkubah seperti dalam bab terdahulu melainkan dibahagikan berdasarkan peringkat generasi.

Peringkat generasi pertama yang dibincangkan ialah generasi di bawah penyapa. Peringkat generasi berikutnya ialah generasi yang sama dengan penyapa, Perbincangan berakhir pada generasi di atas penyapa. Perbandingan bentuk kata sapaan di setiap peringkat generasi berkait dengan jenis hubungan kekerabatan, iaitu kekerabatan disebabkan hubungan darah dan kekerabatan disebabkan hubungan perkahwinan.

### **A. Bentuk Kata Sapaan Generasi di Bawah Penyapa**

Kerabat disebabkan hubungan darah yang termasuk kelompok generasi di bawah penyapa meliputi anak, dan cucu kandung serta anak, dan cucu daripada saudara kandung dan saudara sepupu sebelah ibu. Kepada kerabat sebelah bapa, lazimnya penyapa mengenali mereka dengan baik hingga kepada generasi satu peringkat di bawah penyapa. Persamaan bentuk kata sapaannya dirumuskan pada Jadual 5.3 di bawah ini.

**Jadual 5.3: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa  
Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Kata sapaan yang berupa nama diri
2	Kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri

Jadual di atas menunjukkan bahawa bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan darah di kedua-dua kawasan ialah sama, iaitu nama diri yang berupa nama pendek yang menjadi nama panggilan sehari-hari mereka. Di Nagari Batuhampar ada juga nama panggilan yang bukan berupa nama diri, melainkan berupa gelaran timangan dan gelaran julukan. Kedua-dua gelaran ini juga digunakan oleh masyarakat di Daerah Rembau. Akan tetapi, jenis kata sapaan ini jarang sekali digunakan sebagai kata sapaan.

Persamaan yang lain ialah penggunaan bentuk kata ganti nama diri orang kedua sebagai kata sapaan. Bentuknya ada yang sama. Akan tetapi di Nagari Batuhampar, bentuk sapaan kepada lelaki berbeza dengan bentuk sapaan kepada perempuan. Sementara di Daerah Rembau tidak terdapat pembezaan yang jelas.

Bagi kerabat disebabkan hubungan perkahwinan, seperti menantu, aturan sapaan di kedua-dua kawasan juga ialah sama, iaitu gelaran bagi menantu lelaki dan nama diri bagi menantu perempuan. Di Nagari Batuhampar, aturan sapaan ini bersifat semasa. Apabila telah memiliki anak, maka menantu lelaki disapa dengan kata sapaan yang merupakan gabungan daripada istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama pendek atau nama panggilan anak pertama. Di Daerah Rembau, sapaan dengan gelaran jarang digunakan. Mentua masa kini menyapa menantu lelaki dengan nama pendek yang menjadi nama panggilannya. Rumusan persamaan di atas ditunjukkan pada jadual di bawah ini.

**Jadual 5.4: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa  
Disebabkan Hubungan Perkahwinan**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Kata sapaan yang berupa gelaran kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan, kecuali menantu perempuan

**B. Bentuk Kata Sapaan Segenerasi dengan Penyapa**

Kerabat yang termasuk peringkat satu generasi dengan penyapa meliputi saudara kandung dan saudara sepupu sebelah ibu dan sebelah bapa. Rumusan persamaan ditunjukkan pada Jadual 5.5 di bawah ini.

### **Jadual 5.5: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Kata sapaan bergantung pada umur pesapa
2	Sebahagian kata sapaan berunsur istilah kekerabatan
3	Kata sapaan berupa kata ganti nama diri
4	Kata sapaan membezakan jantina

Persamaan pertama antara kedua-dua kawasan kajian ialah penggunaan bentuk kata sapaan yang bergantung pada umur pesapa. Apabila pesapa lebih muda daripada penyapa atau seumur dengan penyapa, maka orang itu akan disapa dengan nama diri, iaitu nama pendek yang menjadi nama panggilan. Seterusnya, apabila pesapa berumur lebih tua daripada penyapa, maka orang itu akan disapa dengan istilah kekerabatan. Di Daerah Rembau, bentuk kata sapaan yang lebih popular bagi abang berupa nama urutan adik-beradik. Khusus pada bentuk kata sapaan bagi kakak, kedua-dua kawasan kajian menunjukkan persamaan pada salah satu unsur daripada kata sapaan, iaitu pada kata sapaan yang ditujukan kepada kakak. Unsur yang sama itu ialah *kakak* atau *kak*.

Persamaan selanjutnya ialah penggunaan kata ganti nama diri orang kedua. Salah satu daripada bentuk kata sapaan itu ada yang sama. Bentuk itu ialah *kau*. Bentuk kata sapaan yang digunakan kepada generasi peringkat ini, bentuknya membezakan jantina orang yang disapa. Rumusan persamaan ini berlaku pada kedua-dua kawasan kajian. Jantina lelaki disapa dengan bentuk yang berbeza dengan jantina perempuan setidak-tidaknya pada salah satu unsurnya seperti pada bentuk kata sapaan kepada abang dan kakak di Daerah Rembau. Unsur yang dimaksudkan ialah nama urutan adik-beradik.

### **C. Bentuk Kata Sapaan Generasi di Atas Penyapa**

Kerabat yang termasuk generasi di atas penyapa ialah ibu dan bapa, nenek dan datuk kandung, dan nenek dan datuk daripada saudara sepupu sebelah ibu. Sementara di

generasi sebelah bapa yang dibincangkan hanya sampai kepada ibu dan bapa daripada bapak.

Perbincangan bermula daripada persamaan bentuk kata sapaan kepada kerabat satu generasi di atas penyapa. Di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaan kepada ibu dan bapa pelbagai. Sementara di Daerah Rembau, bentuknya tidak begitu pelbagai. Meskipun demikian, ada di antara bentuk itu yang sama. Bentuk itu ialah *mak* dan *pak* di Nagari Batuhampar, sedangkan di Daerah Rembau ialah *omak* atau *mak* dan *bapak*. Pada kata sapaan kepada saudara ibu juga terdapat persamaan antara kedua-dua kawasan kajian ini. Persamaan itu berkait dengan nama urutan adik-beradik.

Persamaan lainnya ialah bentuk kata sapaan tersebut membezakan jantina. Rumusan ini berlaku kepada ibu dan bapa, saudara ibu, dan saudara bapa. Berikut ini ditunjukkan rumusan persamaan itu dalam bentuk jadual di bawah ini.

**Jadual 5.6. Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Satu Generasi di Atas Penyapa  
Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Kata sapaan kepada ibu dan bapa , saudara ibu dan saudara bapa ada yang sama
2	Kata sapaan kepada saudara ibu yang berkait dengan nama urutan adik-beradik. Sebahagian unsur pembentuk itu (nama urutan adik-beradik) ada yang sama
3	Kata sapaan yang membezakan jantina

Di Nagari Batuhampar, sebahagian unsur pembentuk kata sapaan yang ditujukan kepada suami daripada saudara ibu adalah sama dengan unsur pembentuk kata sapaan kepada bapa. Sebahagian unsur lainnya berupa nama urutan adik-beradik. Aturan yang sama juga berlaku kepada isteri daripada saudara ibu. Aturan ini juga berlaku di Daerah Rembau. Sebahagian unsur pembentuk kata sapaan yang ditujukan kepada suami daripada saudara ibu ialah sama dengan bentuk kata sapaan kepada bapa.

Begitu pula aturan sapaan kepada isteri daripada saudara ibu, kata sapaannya ialah sama dengan kata sapaan kepada saudara ibu. Bentuknya pun adalah sama dengan bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu. Di sinilah letaknya perbezaan antara kedua-dua kawasan kajian. Bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu berbeza dengan bentuk kata sapaan saudara bapa.

Tentang bentuk, bahasa Minangkabau asal dan dialek Negeri Sembilan yang digunakan di kawasan kajian ini memperlihatkan persamaan. Persamaan terdapat pada unsur kata sapaan yang ditujukan kepada suami daripada saudara ibu, iaitu *pak*. Sebahagian unsur yang berupa nama urutan adik-beradik ada pula yang sama. Aturan ini juga berlaku kepada isteri daripada saudara ibu. Sebahagian unsur pembentuk kata sapaan tersebut di Daerah Rembau adalah sama dengan sebahagian kata sapaan di Nagari Batuhampar. Proses pembentukan kata sapaan ini berlaku pula kepada suami atau isteri daripada saudara sepupu ibu.

Bentuk kata sapaan kepada saudara bapa adalah sama dengan bentuk kata sapaan kepada suami atau isteri daripada saudara ibu. Kata sapaannya ialah *pak* kepada saudara lelaki. Sementara kepada saudara perempuan bapa menunjukkan persamaan bentuk dengan kata sapaan kepada saudara ibu dan isteri daripada saudara ibu. Persamaan lainnya ialah bahawa jantina membezakan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian, meskipun persamaan itu hanya terdapat pada salah satu unsur daripada bentuk kata sapaan. Rumusan ini adalah sama dengan salah satu rumusan persamaan kata sapaan terdahulu.

Rumusan persamaan bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan tersebut boleh dilihat pada jadual berikut.

**Jadual 5.7: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Satu Generasi di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Tidak membezakan kata sapaan kepada suami atau isteri daripada saudara ibu dengan saudara bapa
2	Tidak membezakan bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan darah dan hubungan perkahwinan, kecuali kepada saudara lelaki ibu (di Nagari Batuhampar) yang memiliki kata sapaan khas
3	Unsur pembentuk kata sapaan berkait dengan nama urutan adik-beradik
4	Memiliki kata sapaan yang berbeza untuk jantina yang berbeza meskipun persamaan itu hanya terdapat pada salah satu unsur

Seterusnya perbincangan tentang persamaan bentuk kata sapaan kepada kerabat yang termasuk dua generasi di atas penyapa. Perbincangan bermula daripada bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan darah. Di Nagari Batuhampar, kata sapaan yang digunakan untuk menyapa nenek dan datuk adalah sama dengan kata sapaan yang digunakan untuk menyapa saudara nenek dan datuk. Aturan tersebut juga berlaku seperti itu di Daerah Rembau, tetapi bentuknya berbeza.

Selain persamaan di atas masih terdapat persamaan yang lain. Persamaan itu adalah kedua-dua kawasan kajian membezakan bentuk kata sapaan kepada lelaki dan perempuan. Berikut ini ditampilkan rumusan persamaan bentuk kata sapaan yang telah diuraikan di atas.

**Jadual 5.8: Persamaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Dua Generasi di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Persamaan
1	Tidak membezakan kata sapaan yang digunakan kepada nenek dan datuk dengan saudara kandung dan saudara sepupu nenek dan datuk
2	Memiliki bentuk kata sapaan yang berbeza untuk jantina yang berbeza

Rumusan persamaan di atas berlaku pula bagi suami atau isteri daripada saudara datuk dan saudara nenek meskipun mereka ialah kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Ini bererti kedua-duanya tidak membezakan kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan darah dan hubungan perkahwinan. Oleh itu, jadualnya tidak ditampilkan kerana sama dengan Jadual 5.8 di atas.

#### **5.1.4 Rumusan Persamaan Kata Sapaan**

Setelah dilakukan perbandingan antara bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar dengan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau terdapat persamaan bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan kajian ini. Persamaan itu didapat pada semua situasi kebahasaan, iaitu situasi rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi.

Perbandingan berdasarkan ketiga-tiga situasi kebahasaan menghasilkan rumusan bahawa persamaan bentuk kata sapaan dalam situasi rasmi lebih sedikit daripada separa rasmi dan tidak rasmi. Rumusan seperti ini dapat difahami kerana komposisi peserta dan suasana majlis rasmi di kedua-dua kawasan kajian berbeza.

Situasi bahasa yang menunjukkan banyak persamaan bentuk kata sapaan ialah situasi separa rasmi. Dalam majlis separa rasmi ini terdapat penggunaan kelompok bentuk kata sapaan yang sama, iaitu gelaran kurniaan dan istilah kekerabatan. Bentuk gelaran kurniaannya adalah sama dan cenderung berupa gelaran pendek. Bentuk yang dimaksudkan ialah *datuak* atau *tuak* yang digunakan di Nagari Batuhampar dan *datuk* atau *tuk* yang digunakan di Daerah Rembau. Pada bentuk kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan, salah satu daripadanya sahaja yang sama. Bentuk yang dimaksudkan ialah *bapak*. Meskipun demikian, bentuk yang lain yang digunakan oleh

masyarakat Daerah Rembau bukanlah bentuk yang asing bagi masyarakat Nagari Batuhampar.

Dalam situasi tidak rasmi, persamaan bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan kajian lebih banyak lagi kerana jumlah bentuk kata sapaannya lebih pelbagai apabila dibandingkan dengan dua situasi kebahasaan yang lain. Kepelbagaiannya itu berkait dengan angkubah hubungan kekerabatan, umur, jantina, dan angkubah yang lain. Pada peringkat generasi di bawah penyapa, kelompok bentuk kata sapaan yang digunakan ialah sama seperti nama diri dan kata ganti nama diri. Bahkan ada bentuk kata ganti nama diri yang sama, iaitu *kau*. Tentang nama diri, bentuknya sangat pelbagai, khususnya di Nagari Batuhampar, gelaran timangan dan gelaran julukan juga dipakai sebagai kata sapaan dan nama panggilan. Kelompok gelaran ini sebetulnya juga digunakan di Daerah Rembau, namun kuantiti penggunaannya tidak sesering di Nagari Batuhampar. Kelompok bentuk kata sapaan lain, iaitu gelaran juga terdapat di kedua-dua kawasan kajian. Aturan sapaan ini tidak digunakan lagi di Daerah Rembau.

Pada peringkat generasi yang sama dengan penyapa, kelompok bentuk kata sapaannya juga adalah sama, seperti nama diri bagi pesapa yang berumur lebih muda daripada penyapa dan seumur dengan penyapa. Kepada pesapa yang lebih tua daripada penyapa, masyarakat di kedua-dua kawasan kajian menggunakan pelbagai bentuk lain. Sebahagian bentuk ini memperlihatkan urutan unsur di Daerah Rembau. Salah satu daripada unsur tersebut ada yang sama. Unsur yang dimaksudkan ialah *kakak* atau *kak*. Unsur yang lain bukan bererti tidak ada dalam bahasa Minangkabau, tetapi unsur itu muncul sebagai salah satu unsur pula pada bentuk kata sapaan yang lain. Unsur yang dimaksudkan berupa nama urutan adik-beradik.

Hasil penerapan peraturan kemunculan bersama daripada teori sapaan Ervin-Tripp (1986) menunjukkan persamaan antara kedua-dua kawasan kajian. Rumusannya ialah bentuk bahasa lain muncul bersamaan dengan bentuk kata sapaan selaras dengan bentuk kata sapaan dan situasi kebahasaan tempat penggunaan kata sapaan tersebut.

Hasil penerapan peraturan urutan daripada teori sapaan Ervin-Tripp (1986), kedua-dua kawasan kajian tidak banyak menunjukkan persamaan. Persamaan itu berlaku pada penggunaan bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi dan tidak rasmi. Dalam situasi separa rasmi, bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur boleh dikatakan tidak didapat pada kedua-dua kawasan kajian. Hal ini boleh difahami kerana dalam situasi ini tidak banyak muncul bentuk kata sapaan. Rumusan seperti demikian juga didapat pada bentuk kata sapaan tidak rasmi kecuali pada bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada generasi di atas penyapa dan pesapa yang berumur lebih tua daripada penyapa. Secara am, rumusan urutannya ialah istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama diri, nama urutan adik-beradik, atau bentuk kata sapaan lain (di Nagari Batuhampar). Rumusan ini lebih banyak dan lebih pelbagai di Daerah Rembau. Penggunaan istilah kekerabatan dalam sapaan dapat difahami sebagai bentuk penghormatan kepada generasi di atas penyapa dan orang yang berumur lebih tua daripada penyapa.

## **5.2 Perbezaan Kata Sapaan**

Seperti mana perbincangan tentang persamaan, perbincangan tentang perbezaan juga dibahagikan berdasarkan situasi kebahasaan. Perbincangan bermula daripada perbezaan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi rasmi dan berlanjutan

tentang perbezaan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi separa rasmi dan tidak rasmi.

### **5.2.1 Kata Sapaan Rasmi**

Situasi rasmi dalam majlis *Malewaan Gala* di Nagari Batuhampar yang tidak hampir sama dengan situasi rasmi majlis *Istiadat Menyalang* di Daerah Rembau. Situasi majlis berbeza. Majlis yang pertama demokratik. Majlis dihadiri oleh orang-orang yang menyandang status dan memangku jawatan yang setaraf, kecuali penghulu pucuk. Sementara majlis yang kedua bersituasi autokrasi dan protokol. Majlis dihadiri oleh Undang, pemimpin tertinggi dalam pemerintahan adat. Beliau lah yang melakukan pentabalan dan merafak sembah para pemimpin adat yang berada di bawahnya. Majlis tidak hanya dihadiri oleh orang-orang yang bertaraf sosial tinggi juga dihadiri oleh orang yang tidak memiliki status dan jawatan apa-apa, iaitu orang awam. Ini berertinya bahawa komposisi peserta sangat beragam.

Perbezaan yang lain ialah ialah keikutsertaan para isteri daripada pemangku jawatan adat dan pemangku jawatan pemerintahan kerajaan dalam majlis *Adat Menyalang*. Sementara dalam majlis *Malewaan Gala*, isteri daripada penjawat tidak hadir untuk mendampingi suami mereka kecuali isteri daripada yang penghulu yang ditabalkan. Memang ada perempuan lain yang menghadiri majlis ini tetapi mereka membawa nama kelompok, iaitu *bundo kanduang*.

Keberagaman peserta dalam majlis *Adat Menyalang* tergambar pada bentuk kata sapaannya. Dalam majlis ini digunakan bentuk kata sapaan yang berupa nama lengkap. Bentuk ini merupakan kata sapaan kepada orang yang berstatus dan berjawatan tinggi. Bentuk kata sapaan kepada orang awam juga didapat dalam majlis ini

yang berupa gelaran tak bersahaja, iaitu *tuan* dan *puan* dan kata ganti nama diri am *hadirin*. Bentuk kata sapaan untuk penjawat lainnya ialah gelaran kurniaan, nama jawatan, nama kelompok, dan nama kelompok jawatan. Banyak juga bentuk kata sapaan yang merupakan gabungan daripada bentuk-bentuk tersebut.

Bentuk-bentuk kata sapaan tersebut tidak dijumpai dalam majlis *Malewaan Gala*, kecuali gelaran kurniaan. Sebenarnya, dalam majlis ini ada disebut nama kelompok seperti alim ulama, *cadiak pandai*, *bundo kanduang*, dan anak muda. Akan tetapi, bentuk tersebut muncul di bahagian persembahan. Perbezaan lainnya ialah bentuk kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri orang pertama jamak *kito* (kita). Bentuk ini terdapat dalam majlis *Malewaan Gala*. Bentuk ini tidak dijumpai dalam majlis *Adat Menyalang*. Penggunaan kata ganti ini berkait dengan suasana demokratik dan egalitarianisme yang terbina dalam majlis tersebut.

Rujukan kehormat juga merupakan pembeza antara kedua-dua kawasan kajian. Dalam majlis *Adat Menyalang*, sapaan didahului oleh rujukan kehormat yang muncul sebelum kata sapaan yang berupa nama lengkap. Dalam majlis *Malewaan Gala* tidak ada penggunaan rujukan kehormat. Perbezaan yang lain yang dibincangkan ialah perbezaan pada urutan unsur yang membentuk kata sapaan. Di Nagari Batuhampar, memang terdapat gelaran kurniaan (jawatan adat). Akan tetapi, bentuk itu sahaja yang digunakan untuk menyapa penjawat (adat) tanpa diikuti oleh unsur kata sapaan lain. Oleh itu, di kawasan kajian ini tidak terdapat bentuk kata sapaan yang menunjukkan urutan unsur. Berbeza dengan kawasan kajian ini, di Daerah Rembau banyak sekali didapat bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur. Unsur-unsurnya pun pelbagai seperti gelaran kurniaan, gelaran ikhtisas, gelaran keagamaan, nama diri, dan nama diri bapa. Orang yang memiliki status dan jawatan adat serta jawatan

pemerintahan kerajaan yang paling tinggi memiliki semua unsur tersebut. Sebaliknya, orang biasa (anak buah) tidak memiliki urutan unsur pada bentuk kata sapaannya. Perbezaan-perbezaan yang dipaparkan di atas dirumuskan dalam sebuah jadual di bawah ini.

**Jadual 5.9: Perbezaan Kata Sapaan Rasmi**

No.	Ciri-ciri Perbezaan	
1	Nagari Batuhampar	bentuk kata sapaan tidak pelbagai
	Daerah Rembau	bentuk kata sapaan pelbagai
2	Nagari Batuhampar	tidak terdapat sapaan kepada isteri
	Daerah Rembau	terdapat sapaan kepada isteri
3	Nagari Batuhampar	tidak terdapat urutan unsur pada bentuk kata sapaan
	Daerah Rembau	banyak bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur
4	Nagari Batuhampar	sapaan tidak disertai rujukan kehormat
	Daerah Rembau	sapaan disertai rujukan kehormat

### 5.2.2 Kata Sapaan Separa Rasmi

Bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi tidak banyak menunjukkan perbezaan antara kedua-dua kawasan kajian. Rumusan perbezaan terlihat pada jadual berikut.

**Jadual 5.10: Perbezaan Kata Sapaan Separa Rasmi**

No.	Ciri-ciri Perbezaan	
1	Nagari Batuhampar	tidak terdapat penggunaan kata ganti nama diri am sebagai bentuk kata sapaan
	Daerah Rembau	terdapat penggunaan kata ganti nama diri am sebagai bentuk kata sapaan

Perbezaan antara kedua-dua kawasan kajian tidak banyak. Lagi pula bentuk kata sapaannya juga tidak pelbagai. Perbezaan menyangkut penggunaan kata ganti nama diri am. Bentuknya ialah *hadirin*. Makna jamak yang terkandung pada bentuk ini diperkuat lagi oleh unsur *sekalian*.

### **5.2.3 Kata Sapaan Tidak Rasmi**

Perbincangan tentang perbezaan bentuk kata sapaan tidak rasmi berdasarkan pembahagian perbincangan tentang persamaan bentuk kata sapaan yang telah dipaparkan terdahulu. Perbincangan tentang kata sapaan tidak dibahagikan berdasarkan angkubah yang menjadi selektor dalam sistem sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986) tetapi dibahagikan berdasarkan peringkat generasi. Kepelbagaian bentuk kata sapaan tidak hanya dilatari oleh angkubah sosial tersebut, perbezaan peringkat generasi menambah kepelbagaian bentuk kata sapaaan.

Bentuk kata sapaan yang dibincangkan terlebih dahulu ialah bentuk kata sapaan yang digunakan oleh generasi di bawah penyapa dan kemudian berlanjut dengan orang yang segenerasi dan generasi di atas penyapa. Perbincangan bentuk kata sapaan pada tiap-tiap peringkat generasi berkait dengan jenis hubungan kekerabatan, iaitu kekerabatan disebabkan hubungan darah dan kekerabatan disebabkan hubungan perkahwinan.

#### **A. Kata Sapaan Generasi di Bawah Penyapa**

Perbandingan berikut ini adalah tentang perbezaan bentuk kata sapaan yang berlaku pada generasi di bawah penyapa. Mereka yang tergolong dalam generasi ini mempunyai hubungan darah dengan penyapa. Mereka terdiri daripada anak, cucu, cicit kandung dan anak, cucu, cicit daripada saudara kandung dan saudara sepupu sebelah ibu. Perbincangan tidak menyentuh kata sapaan yang digunakan untuk menyapa cucu daripada saudara bapa kerana hubungan kekerabatannya sudah jauh.

Perbezaan pertama terletak pada kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri. Di Nagari Batuhampar terdapat dua kata ganti nama diri sebagai kata sapaan,

iaitu *kau* dan *waang*. Bentuk pertama digunakan bagi orang yang berjantina perempuan dan bentuk kedua digunakan bagi orang yang berjantina lelaki. Bentuk yang pertama ini, *kau* juga terdapat di Daerah Rembau. Perbezaannya, kata sapaan ini digunakan untuk menyapa anak dan cucu sama ada lelaki atau perempuan. Ini bererti, kata sapaan ini tidak membezakan jantina.

Di samping nama diri terdapat penggunaan bentuk kata sapaan lain selain daripada nama diri dan kata ganti nama diri di Nagari Batuhampar. Bentuk yang dimaksudkan ialah gelaran julukan dan gelaran timangan. Gelaran julukan berkait dengan nama warna kulit, sifat, dan keadaan badan seseorang. Gelaran ini kurang berkembang di kawasan kajian. Kedua-dua jenis kata sapaan ini menjadi kata sapaan pula di Daerah Rembau, tetapi jarang sekali digunakan untuk menyapa orang.

Rumusan perbezaan bentuk kata sapaan generasi di bawah penyapa disebabkan hubungan darah ditunjukkan pada jadual seperti di bawah ini.

**Jadual 5.11: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Perbezaan	
1	Bentuk kata ganti nama diri sebagai kata sapaan ada yang berbeza	
2	Nagari Batuhampar	kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri
	Daerah Rembau	membezakan jantina : kata sapaan yang berupa kata ganti tidak membezakan jantina

Perbezaan antara kedua-dua kawasan kajian ditunjukkan pula oleh kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Suami daripada anak disapa dengan gelaran di Nagari Batuhampar. Sapaan dengan gelaran ini berlaku sebelum seseorang itu memiliki anak. Setelah memiliki anak, dia disapa dengan bentuk kata sapaan yang terdiri daripada istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama diri daripada

anak pertama. Kini, di Daerah Rembau, menantu disapa seperti menyapa anak sendiri, iaitu dengan nama diri. Dahulu memang ada kata sapaan dengan gelaran adat. Bentuk sapaan seperti itu tidak berlaku lagi.

Rumusan perbezaan bentuk kata sapaan di peringkat generasi ini disebabkan hubungan perkahwinan ditunjukkan dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 5.12: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi di Bawah Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan**

No.	Ciri Perbezaan	
1	Nagari Batuhampar	menggunakan gelaran untuk menyapa menantu lelaki
	Daerah Rembau	menggunakan nama diri untuk menyapa menantu lelaki

**B. Kata Sapaan Segenerasi dengan Penyapa**

Kedua-dua kawasan kajian memiliki bentuk kata sapaan yang khusus kepada kakak dan abang sama ada saudara kandung atau saudara sepupu. Dalam kekhususan ini terdapat perbezaan. Perbezaan dirumuskan pada jadual di bawah ini.

**Jadual 5.13: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Perbezaan
1	Unsur kedua kata sapaan ada yang berbeza
2	Bentuk kata ganti ada yang berbeza

Perbezaan bentuk kata sapaan yang menonjol antara kedua-dua kawasan kajian terletak pada unsur kedua daripada kata sapaan. Di Nagari Batuhampar, unsur kedua kata sapaan berupa nama diri. Sementara di Daerah Rembau, unsur kedua kata sapaan yang popular itu berupa nama urutan adik-beradik. Bahkan bagi abang, nama urutan adik-beradik ini boleh menjadi unsur tunggal kata sapaan. Berbeza dengan abang, nama urutan adik-

beradik ini tidak menjadi unsur tunggal kata sapaan bagi kakak. Di samping nama diri, unsur kedua kata sapaan di Nagari Batuhampar lazim juga berupa gelaran julukan dan gelaran timangan. Sementara di Daerah Rembau, kedua-dua jenis kata sapaan ini jarang digunakan sebagai kata sapaan atau bahagian daripada kata sapaan.

Seterusnya dibandingkan perbezaan bentuk kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan. Kerabat yang termasuk ke dalam kelompok ini ialah suami atau isteri saudara sendiri, suami atau isteri daripada saudara kandung dan saudara sepupu daripada sebelah ibu. Kerabat daripada sebelah bapa yang dibincangkan ialah suami atau isteri daripada saudara sepupu sebelah bapa.

Di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaan kepada suami ada yang sama dan ada pula yang berbeza dengan bentuk kata sapaan kepada abang. Bentuk yang sama itu ialah *uwan* dan *wan*, sedangkan bentuk yang berbeza itu ialah *uda* atau *da*. Bentuk ini khusus kerana digunakan untuk menyapa suami sahaja. Di Daerah Rembau, kata sapaan kepada suami juga digunakan untuk menyapa abang. Bentuk itu ialah *abang* atau *bang*.

Aturan sapaan di atas juga berlaku kepada suami atau isteri daripada saudara kandung dan saudara sepupu di Nagari Batuhampar. Namun demikian, ada sedikit perbezaan pada bentuknya. Perbezaan yang dimaksudkan terletak pada kata sapaan kepada suami daripada saudara kandung dan saudara sepupu yang bervariasi, iaitu penambahan nama diri di belakang unsur kata sapaan pertama. Dengan kata lain, bentuk kata sapaannya sama dengan bentuk kata sapaan kepada saudara kandung dan sepupu.

Di Daerah Rembau, sebahagian bentuk kata sapaan kepada suami daripada kakak (abang ipar) ada yang sama dengan kakak kerana satu daripada unsur kata sapaan mengikuti unsur yang ada pada kata sapaan kepada kakak. Begitu pula halnya dengan kata sapaan kepada isteri saudara kandung dan saudara sepupu (kakak ipar). Sebahagian unsur kata sapaan kepada abang juga menjadi bahagian daripada kata sapaan kepada isterinya. Unsur yang berbeza itu terletak pada unsur pertama, iaitu *kak* dan *bang*. Perbezaan-perbezaan tersebut di atas dirumuskan seperti jadual di bawah ini.

**Jadual 5.14: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Segenerasi dengan Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan**

No.	Ciri Perbezaan	
1	Nagari Batuhampar	Kata sapaan kepada suami sendiri berbeza dengan kata sapaan kepada suami saudara
	Daerah Rembau	Kata sapaan kepada suami sendiri menjadi satu unsur daripada kata sapaan kepada abang ipar
2	Nagari Batuhampar	Kata sapaan kepada kakak ipar adalah sama dengan kata sapaan kepada kakak
	Daerah Rembau	Kata sapaan kepada kakak ipar mengikuti kata sapaan kepada suaminya (abang)

### C. Kata Sapaan Generasi di Atas Penyapa

Bentuk kata sapaan kepada generasi di atas penyapa dibahagikan kepada dua peringkat generasi, iaitu generasi satu peringkat di atas penyapa dan generasi dua peringkat di atas penyapa. Masing-masing dibahagikan lagi kepada bentuk kata sapaan disebabkan hubungan darah dan hubungan perkahwinan.

Perbincangan bermula daripada bentuk kata sapaan yang digunakan penyapa untuk menyapa kerabat generasi satu peringkat di atasnya yang memiliki hubungan darah. Mereka terdiri daripada ibu dan bapa kandung, saudara kandung dan sepupu ibu dan saudara kandung bapa.

Bentuk kata sapaan kepada ibu dan bapa di kedua-dua kawasan kajian pelbagai. Antara bentuk tersebut ada yang bentuknya sama dan ada pula yang bentuknya berbeza. Perbezaan terdapat pula pada bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada saudara ibu. Saudara lelaki ibu di Nagari Batuhampar sama ada saudara kandung atau saudara sepupu disapa dengan bentuk yang tidak sama dengan bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki bapa. Bentuknya khusus. Kekhususannya terletak pada unsur pertama daripada bentuk tersebut, iaitu *mak* yang merupakan bentuk singkat daripada *mamak*. Unsur ini kemudian diikuti oleh unsur lain yang berupa nama urutan adik-beradik, nama pendek, atau bentuk kata sapaan lain. Sementara di Daerah Rembau, bentuk kata sapaan kepada kedua-duanya adalah sama. Dengan demikian, konsep saudara ibu yang lelaki dengan saudara lelaki bapa disimbolkan dengan bentuk yang sama.

Unsur *mak* di awal bentuk kata sapaan daripada saudara lelaki ibu di Nagari Batuhampar tidak menjadi unsur daripada bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu (kandung dan sepupu). Kata sapaannya hanya terdiri daripada satu unsur, iaitu nama urutan kelahiran. Sementara di Daerah Rembau, bentuk kata sapaannya terdiri daripada dua unsur, iaitu *mak* dan diikuti oleh nama urutan kelahiran dan nama pendek. Perbezaan-perbezaan yang diuraikan di atas dirumuskan pada jadual di bawah ini.

**Jadual 5.15: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Satu Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Perbezaan
1	Sebahagian kata sapaan kepada ibu dan bapa berbeza
2	Sebahagian unsur pembentuk kata sapaan kepada saudara ibu (nama urutan adik-beradik) ada yang berbeza
3	Kata sapaan kepada saudara lelaki ibu dan saudara lelaki bapa:

	Nagari Batuhampar	bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu khas dan berbeza dengan bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki bapa
	Daerah Rembau	unsur inti daripada kata sapaan kepada saudara lelaki ibu ialah sama dengan kata sapaan kepada saudara lelaki bapa

Kata sapaan kepada kerabat disebabkan hubungan perkahwinan seperti isteri atau suami daripada saudara ibu memperlihatkan perbezaan pula antara kedua-dua kawasan kajian. Di Nagari Batuhampar, kata sapaan bagi isteri daripada saudara lelaki ibu (*mamak*) tidak mengandungi istilah kekerabatan. Unsur inti daripada kata sapaannya ialah nama urutan adik-beradik. Unsur ini menjadi unsur tunggal daripada kata sapaan dan menjadi ciri khas kata sapaan kawasan kajian. Sementara di Daerah Rembau, bentuk kata sapaan bagi isteri daripada saudara lelaki ibu terdiri daripada dua unsur. Unsur pertama ialah istilah kekerabatan, iaitu *mak* (singkatan daripada *emak*). Unsur keduanya berupa nama urutan adik-beradik. Seterusnya, kata sapaan bagi suami kepada saudara perempuan ibu di Nagari Batuhampar adalah sama dengan kata sapaan kepada saudara lelaki bapa. Kata tersebut mengandungi unsur *pak* dan nama urutan adik-beradik. Ini bererti bahawa unsur inti daripada bentuk kata sapaan tersebut tidak sama. Perbezaan itu berkait dengan perbezaan peranan sosiobudaya mereka dalam masyarakat. Di bawah ini ditunjukkan jadual rumusan daripada perbezaan tersebut.

**Jadual 5.16: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Satu Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Perkahwinan**

No.	Ciri Perbezaan	
1	Kata sapaan kepada isteri daripada saudara lelaki ibu:	
	Nagari Batuhampar	mengandungi nama urutan adik beradik
	Daerah Rembau	mengandungi istilah kekerabatan yang diikuti oleh nama urutan adik-beradik
2	Kata sapaan kepada suami daripada saudara perempuan ibu:	
	Nagari Batuhampar	terdapat persamaan unsur dengan kata sapaan kepada saudara lelaki bapa dan berbeza dengan kata sapaan kepada saudara lelaki ibu

	Daerah Rembau	terdapat persamaan unsur kata sapaan sama ada dengan saudara lelaki bapa atau saudara lelaki ibu
--	---------------	--

Perbincangan selanjutnya adalah tentang perbezaan bentuk kata sapaan bagi generasi dua peringkat di atas penyapa. Perbincangan bermula daripada kerabat yang memiliki hubungan darah. Kerabat yang dimaksudkan itu terdiri daripada nenek dan datuk, saudara kandung dan sepupu nenek dan saudara kandung datuk. Saudara sepupu datuk tidak dibincangkan kerana hubungan kekerabatan sudah jauh. Di kedua-dua kawasan kajian, bentuk kata sapaan bagi generasi ini berbeza.

Bentuk kata sapaan kepada nenek dan datuk adalah khas. Tentang bentuknya, kedua-dua kawasan kajian menunjukkan perbezaan dan sekali gus persamaan. Perbezaan wujud pada bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada nenek. Di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaannya ialah *uwo* atau *wo*. Sementara di Daerah Rembau, bentuknya ialah *uwan*. Seterusnya, persamaan terdapat pada bentuk kata sapaan yang ditujukan kepada datuk. Di Nagari Batuhampar, bentuknya ialah *datuak* atau *tuak*. Sementara di Daerah Rembau, bentuknya ialah *datuk* atau *tuk*. Kedua-dua bentuk ini berbeza fonologis sahaja. Bentuk-bentuk tersebut tidak hanya digunakan untuk menyapa kerabat yang disebabkan hubungan darah (saudara kandung dan sepupu) nenek dan saudara kandung datuk juga untuk menyapa kerabat disebabkan hubungan perkahwinan (ipar nenek). Ipar datuk tidak dibandingkan kerana hubungan kekerabatan sudah jauh dengan penyapa. Rumusan perbezaan yang telah dihuraikan di atas ditunjukkan melalui jadual di bawah ini.

**Jadual 5.17: Perbezaan Kata Sapaan Tidak Rasmi Generasi Dua Peringkat di Atas Penyapa Berkerabat Disebabkan Hubungan Darah**

No.	Ciri-ciri Perbezaan
1	Kata sapaan kepada nenek berbeza

#### **5.2.4 Rumusan Perbezaan Kata Sapaan**

Setelah dilakukan perbandingan bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar dengan Daerah Rembau didapat perbezaan-perbezaan antara kedua-dua kawasan kajian ini. Perbezaan itu tersebar pada ketiga-tiga situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi.

Dalam situasi rasmi terdapat perbezaan yang menonjol di kedua-dua kawasan kajian. Di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaan kurang beragam. Dua bentuk kelompok kata sapaan sahaja yang digunakan dalam majlis ini. Sementara di Daerah Rembau, bentuk kata sapaannya sangat pelbagai. Kepelbagaiannya itu berkaitan dengan kepelbagaiannya orang yang menghadiri majlis. Orang yang menghadiri acara tersebut berasal daripada taraf sosial yang berbeza-beza mulai daripada orang yang berstatus dan berjawatan hingga orang yang tidak memiliki apa-apa (orang awam). Perbezaan taraf sosial ini juga tampak pada suasana majlis yang juga berbeza.

Dalam situasi separa rasmi tidak banyak terdapat bentuk kata sapaan. Komposisi peserta majlis di kedua-dua kawasan tidak jauh berbeza. Peserta terdiri daripada ahli keluarga dan kerabat. Majlis bersituasi kekeluargaan. Oleh itu, sebahagian daripada bentuk kata sapaan berupa istilah kekerabatan. Sebahagian daripada bentuk kata sapaan adalah sama dan sebahagian lagi berbeza. Perbezaan lebih banyak ditunjukkan oleh bentuk kata sapaan di Daerah Rembau. Meskipun berbeza, bentuk tersebut bukanlah asing bagi masyarakat Nagari Batuhampar.

Dalam situasi tidak rasmi, rumusan dibuat berdasarkan pada peringkat generasi. Pada generasi di bawah penyapa, bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kurang pelbagai. Kedua-dua kawasan kajian memiliki dua kelompok kata sapaan yang

sama, iaitu nama diri dan kata ganti nama diri orang. Di Nagari Batuhampar masih ada bentuk kata sapaan yang lain, iaitu gelaran timangan dan gelaran julukan. Sebenarnya, kedua-dua gelaran ini juga terdapat di Daerah Rembau. Akan tetapi, kedua-dua bentuk ini jarang digunakan sebagai bentuk kata sapaan. Tentang kata ganti, kedua-dua kawasan kajian juga menunjukkan persamaan dan sekali gus perbezaan. Perbezaannya ialah bentuk kata ganti di Nagari Batuhampar membezakan jantina. Sementara di Daerah Rembau, bentuk kata ganti tersebut tidak membezakan jantina.

Bentuk kata sapaan pada peringkat orang yang segenerasi dengan penyapa juga menunjukkan persamaan dan perbezaan. Data yang menunjukkan deskripsi ini didapati pada bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur. Unsur yang sama itu terdapat pada unsur inti daripada bentuk kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan. Akan tetapi tidak semua bentuk kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan ini sama malah lebih banyak menunjukkan perbezaan. Perbezaan yang menonjol ialah di Nagari Batuhampar tidak terdapat nama urutan adik-beradik pada bentuk kata sapaan kepada abang dan kakak. Sementara di Daerah Rembau, bentuk ini menjadi salah satu unsur penting daripada bentuk kata sapaan.

Pada bentuk kata sapaan bagi generasi di atas penyapa juga menunjukkan persamaan dan perbezaan. Rumusan ini juga terdapat pada bentuk kata sapaan yang menunjukkan urutan unsur. Unsur inti dan sebahagian unsur pendamping adalah sama. Sebahagian unsur yang lain menunjukkan perbezaan. Unsur yang dimaksudkan ialah nama urutan adik-beradik.

Perbezaan yang menonjol pada generasi ini ialah bentuk kata sapaan bagi saudara lelaki ibu. Di Nagari Batuhampar, bentuknya berbeza dengan bentuk kata

sapaan kepada saudara bapa. Sementara di Daerah Rembau, kata sapaan kepada kedua-duanya berbeza.

Bentuk kata sapaan dua generasi di atas penyapa menunjukkan pula persamaan dan perbezaan Persamaan terdapat pada sapaan kepada datuk. Kedua-dua kawasan kajian memiliki bentuk kata sapaan yang sama, iaitu *datuk*. Sementara perbezaan wujud pada kata sapaan yang ditujukan kepada nenek, iaitu *uwo* di Nagari Batuhampar dan *uwan* di Daerah Rembau.

Penerapan peraturan urutan daripada teori sapaan Ervin-Tripp (1986) menghasilkan suatu rumusan bahawa kedua-dua kawasan kajian juga menunjukkan persamaan dan perbezaan. Persamaan terdapat pada rumusan urutan unsur daripada bentuk kata sapaan tidak rasmi. Daripada semua rumusan tersebut, kedua-dua kawasan kajian menunjukkan bahawa istilah kekerabatan merupakan unsur pertama daripada serangkaian unsur yang membentuk kata sapaan. Unsur kedua daripada rangkaian tersebut juga diisi oleh kelompok bentuk kata sapaan yang sama, iaitu nama diri dan nama urutan adik-beradik. Akan tetapi di Nagari Batuhampar, bentuk daripada unsur terakhir tidak beragam.

Pada bentuk kata sapaan rasmi terdapat perbezaan yang menonjol antara kedua-dua kawasan kajian. Perbezaan yang dimaksudkan ialah penggunaan nama lengkap sebagai salah satu daripada bentuk kata sapaan. Bentuk ini digunakan di Daerah Rembau untuk menyapa orang yang berstatus dan berjawatan tinggi. Nama lengkap tersusun daripada sejumlah unsur. Sementara di Nagari Batuhampar, bentuk ini tidak ada. Orang yang bertaraf demikian disapa dengan satu unsur, iaitu gelaran kurniaan sahaja.

Seterusnya penerapan peraturan kemunculan bersama daripada teori Ervin-Tripp (1986) menghasilkan pula suatu rumusan, iaitu bahawa kedua-dua kawasan kajian menunjukkan keselarasan antara bentuk kata sapaan dengan bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan. Bentuk-bentuk kata sapaan tersebut tentunya juga selaras dengan situasi kebahasaannya.

### **5.3 Kesimpulan**

Daripada perbandingan bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar dengan bentuk kata sapaan yang digunakan di Daerah Rembau dapat dibuat beberapa kesimpulan. Pertama, bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian menunjukkan persamaan dan perbezaan. Persamaan dan perbezaan itu boleh berlaku pada bentuk keseluruhan dan berlaku pada sebahagian sahaja daripada bentuk kata sapaan.

Kedua, persamaan dan perbezaan menyebar pada ketiga-tiga situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi. Perbezaan banyak terdapat dalam situasi rasmi. Hal ini berkait dengan keberagaman peserta daripada majlis yang diselenggarakan di Daerah Rembau. Keberagaman peserta ini wujud pada bentuk kata sapaan yang juga pelbagai. Perbezaan ditambah pula dengan bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur yang lengkap dan penggunaan rujukan kehormat. Kedua-duanya tidak terdapat di majlis adat yang diselenggarakan di Nagari Batuhampar.

Ketiga, antara kedua-dua kawasan kajian terdapat perbezaan yang sangat menonjol. Perbezaan itu berlaku pada bentuk kata sapaan adik-beradik, menantu, dan saudara lelaki ibu. Di Nagari Batuhampar tidak terdapat nama urutan adik-beradik sebagai kata sapaan atau unsur kata sapaan adik-beradik. Seterusnya, menantu disapa dengan gelaran oleh mentua. Kata sapaan kepada saudara lelaki ibu berbeza dengan kata

sapaan kepada saudara bapa. Bentuk kata sapaannya khas. Kekhasan ini menegaskan peranan mereka yang memang berbeza dengan ahli keluarga dan kerabat yang lain. Berbeza dengan kawasan kajian di atas, di Daerah Rembau terdapat penggunaan nama urutan adik-beradik sebagai bentuk kata sapaan adik-beradik. Menantu disapa dengan nama diri. Perbezaan terakhir, saudara ibu disapa dengan bentuk kata sapaan yang sama dengan saudara bapa.

Bentuk kata sapaan kepada menantu dan saudara lelaki ibu di Daerah Rembau memberi petunjuk bahawa dinamik menuju perubahan sedang berlangsung di tengah-tengah masyarakat. Daripada data kajian ditunjukkan bahawa sebahagian masyarakat di kawasan ini tidak kuat mengamalkan adat perpatih. Inti daripada adat ini ialah sistem matrilineal dan sistem ini wujud pada kata sapaan.

# **BAB 6**

## **PERUBAHAN KATA SAPAAN**

### **DAN FAKTOR PENYEBAB PERUBAHAN**

#### **6.0 Pengenalan**

Dalam bab ini dibincangkan perubahan-perubahan pada bentuk kata sapaan dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian, iaitu di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat dan Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Perubahan yang dilihat terlebih dahulu ialah perubahan yang berlaku pada masing-masing kawasan kajian. Perubahan selanjutnya ialah perubahan yang berlaku di Daerah Rembau, Negeri Sembilan setelah dilakukan perbandingan dengan bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat. Perubahan itu wujud dalam bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan kajian. Bab ini juga akan membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan.

#### **6.1 Perubahan Kata Sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota**

Perubahan kata sapaan yang dibincangkan ialah penggunaan bentuk kata sapaan baru yang mendampingi penggunaan bentuk kata sapaan lama. Bentuk kata sapaan yang lama digunakan seiring dengan bentuk kata sapaan baru kerana sistem sosiobudaya masyarakat. Pemilihan bentuk kata sapaan bergantung pada status atau posisi hubungan kekerabatan antara penyapa dengan pesapa.

Perubahan pertama yang dibincangkan ialah bentuk kata sapaan bagi menantu. Mereka termasuk ke dalam generasi di bawah penyapa. Secara am dalam masyarakat Minangkabau, setiap lelaki yang hendak berkahwin akan mendapat gelaran sebagaimana diungkapkan dalam perbilangan adat *ketek banamo gadang bagala* (kecil memiliki nama, dewasa memiliki gelaran).<sup>1</sup> Acara pemberian gelaran berlangsung di rumah keluarga ibunya sehari atau beberapa hari sebelum hari berkahwin. Misalnya, lelaki itu diberi gelaran *Bandaro Hitam*. Gelaran itulah yang digunakan mentuanya untuk menyapa. Akan tetapi, sapaan dengan gelaran ini berlaku untuk sementara waktu sahaja. Setelah memiliki anak, mereka disapa dengan bentuk kata sapaan yang merupakan gabungan istilah kekerabatan (*pak*) yang disertai dengan nama diri yang menjadi panggilan daripada anak pertama. Apabila anak tersebut bernama *Des*, maka bapanya disapa dengan *Pak Des*. Meskipun aturan sapaan bukan dengan gelaran, hubungan antara menantu dengan mentua tetap berjarak. Mereka menghormati status sosiobudaya masing-masing.

Bentuk kata sapaan pada generasi di atas penyapa juga menunjukkan perubahan. Orang tua sama ada ibu atau bapa disapa dengan beberapa bentuk kata sapaan, iaitu *andeh, amak, ibu, mama* kepada ibu dan *apak, ayah, papa* kepada bapa. Bentuk mana yang akan digunakan bergantung pada pilihan keluarga tersebut. Masing-masing bentuk itupun mempunyai variasi. Dari semua bentuk itu, salah satu daripadanya merupakan bentuk baru. Bentuk tersebut ialah *mama* yang digunakan untuk menyapa ibu dan *papa* yang digunakan untuk menyapa bapa.<sup>2</sup> Bentuk ini cenderung digunakan dalam keluarga muda.

---

<sup>1</sup> Dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal.132, A.A. Navis menjelaskan bahawa setiap lelaki yang sudah menikah dipanggil dengan gelaran. Pemanggilan dengan nama kecil (nama panggilan), terutama oleh kerabat isteri dianggap penghinaan.

<sup>2</sup> Mengikut A.A. Navis dalam *Alam Terkembang Jadi Guru* (Jakarta, 1984), hal.130, kata sapaan *papa* dan *mama* dilazimkan oleh kalangan orang yang memperoleh pendidikan di sekolah Hindia Belanda.

Perubahan juga berlaku kepada saudara ibu dan saudara bapa yang masih termasuk generasi di atas penyapa. Bentuk kata sapaan kepada mereka bermacam-macam, iaitu *odang*, *ongah*, *ongah* + nama pendek/ bentuk kata sapaan lain, *etek*, *oncu*, dan *ante*. Salah satu daripadanya merupakan bentuk baru. Bentuk yang dimaksudkan ialah *ante* atau *nte*. Bentuk ini merupakan kata pinjaman dari bahasa daripada bahasa Belanda. Pasangan daripada *ante* ini ialah *mamanda*.<sup>3</sup> Bentuk ini merupakan salah satu daripada beberapa pilihan kata sapaan. Kata sapaaan ini terbentuk daripada *mamak* yang diikuti oleh sufik {*anda*}. Bentuk ini termasuk kata sapaan baru.

## 6.2 Perubahan Kata Sapaan di Daerah Rembau

Perubahan yang dibincangkan ialah penambahan bentuk kata sapaan baru yang mendampingi dan menggantikan bentuk kata sapaan lama. Salah satu daripada perubahan yang terjadi di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat juga berlaku di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Perubahan itu terjadi pada kata sapaan yang ditujukan kepada beberapa ahli daripada generasi di bawah penyapa.

Perubahan pertama yang dibincangkan ialah perubahan pada bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa menantu lelaki. Seperti dalam adat Minangkabau, dalam adat perpatih juga berlaku pemberian gelaran kepada anak lelaki yang akan berkahwin. Pemberian gelaran ini juga berlangsung sebelum pesta perkahwinan (Norhalim Hj. Ibrahim, 2007:135). Pola hidup menetap sesudah kahwin yang terkenal antara kedua-dua kumpulan masyarakat ini juga adalah sama. Pola yang dimaksudkan ialah pola uksorilokal. Menurut pola menetap ini, suami tinggal di rumah keluarga isteri. Di rumah keluarga isteri, mereka dianggap dan diperlakukan sebagai

<sup>3</sup>Lazimnya, pasangan *ante* ialah *om*. Kedua-duanya berasal daripada bahasa Belanda. Meskipun tidak terdapat di kawasan kajian, kata sapaan *om* tidak asing bagi masyarakat Minangkabau asal. Kata sapaan *mamanda* terbina daripada dua unsur, iaitu *mamak* dan *anda*. Unsur yang terakhir ini merupakan akhiran bahasa Sanskerta.

tamu. Mereka sangat dihormati. Salah satu bentuk penghormatan itu adalah dengan menyapanya dengan gelaran. Aturan sapaan ini menggambarkan hubungan antara mereka ialah hubungan antara mentua dengan menantu. Hubungan ini jelas berbeza dengan hubungan antara isterinya dengan ibu dan bapa daripada isterinya. Hubungan mereka ialah hubungan antara ibu dan bapa dengan anak.

Di kawasan kajian ini, anak lelaki yang akan berkahwin tidak lagi diberi gelaran adat oleh kaum kerabatnya. Acara yang menjadi bahagian daripada rangkaian acara perkahwinan ini sudah hilang. Masyarakat adat perpatih di kawasan kajian tidak menyelenggarakan acara ini lagi. Menurut keterangan daripada salah seorang datuk lembaga di lingkungan Luak Rembau, dahulu ada acara adat pemberian gelaran.<sup>4</sup> Oleh sebab menantu tidak memiliki bentuk kata sapaan yang khas, maka mereka disapa atau dipanggil dengan nama diri yang berupa nama pendek seperti aturan sapaan kepada cucu, anak, dan saudara yang lebih muda daripadanya.

Sapaan dengan nama diri kepada menantu menunjukkan perubahan dalam sistem matrilineal dan adat perpatih itu sendiri. Perbilangan adat mengatakan *kecil bernama besar bergelar*. Perbilangan ini tidak diamalkan lagi dalam kehidupan masyarakat. Hubungan antara mentua dengan menantu tidak bersekut lagi. Mereka boleh akrab dan menantu diperlakukan seperti anak.

Perubahan yang lain ialah perubahan pada bentuk kata sapaan kepada ibu dan bapa. Anak menyapa ibu dengan bentuk kata sapaan *omak* atau *mak*. Bentuk kata sapaan kepada ibu saat ini memiliki pilihan lain, iaitu bentuk baru. Bentuk yang dimaksudkan ialah *ibu*, *umi*, dan *mama*. Kata sapaan *umi* merupakan kata sapaan yang

---

<sup>4</sup> Hasil wawancara dengan Datuk Niang Hj. Salim, datuk lembaga suku Minangkabau Darat di Rembau yang dibuat pada bulan April tahun 2012.

mendapat pengaruh dari bahasa Arab. Kata sapaan terakhir, *mama* merupakan pengaruh daripada bahasa Inggris. Perubahan juga berlaku pada bentuk kata sapaan kepada bapa. Daripada tiga bentuk kata sapaan, iaitu *bapak*, *abah*, *papa*, kedua-dua bentuk terakhir merupakan bentuk baru. Seperti mana kata sapaan *umi*, kata sapaan *abah* juga berasal daripada bahasa Arab. Kata sapaan *papa* juga berasal daripada bahasa Inggris seperti mana pasangannya, iaitu *mama*.<sup>5</sup>

### **6.3 Perbandingan Perubahan Kata Sapaan**

Di bahagian ini akan dibincangkan perubahan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Perbincangan tentang perubahan ini akan terkait dengan bentuk kata sapaan yang digunakan masyarakat Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat. Perkaitan ini mempunyai dasar, iaitu pendapat pakar sejarah dan sosiobudaya yang menyimpulkan bahawa sebahagian besar masyarakat Negeri Sembilan sekarang berasal dari Minangkabau. Berdasarkan pendapat ini, perubahan pada bentuk kata sapaan yang digunakan di Daerah Rembau dapat dikatakan sebagai perubahan bahasa Minangkabau asal. Asas ini diperkuat pula oleh hasil perbandingan kata dasar Swadesh (Reniwati, 2012) antara bahasa Minangkabau yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat dengan dialek Negeri Sembilan. Kajian ini menunjukkan perbezaan pada tingkat dialek, bukan perbezaan pada tingkat bahasa. Hasil perbandingan bunyi antara bahasa Minangkabau dengan dialek Negeri Sembilan berserta dialek lain, iaitu bahasa Melayu Standard juga menunjukkan peratus persamaan yang lebih besar antara kedua-duanya daripada bahasa Melayu Standard.

---

<sup>5</sup> Belanda menguasai Indonesia paling lama berbanding dengan bangsa lain termasuk Inggris. Sebaliknya, Inggrislah yang paling lama menguasai Malaysia berbanding bangsa lain termasuk Belanda. Oleh itu, wajar apabila asal pengaruh kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian juga berbeza.

Perubahan yang dibincangkan tampak pada sejumlah bentuk kata sapaan dialek Negeri Sembilan yang digunakan oleh masyarakat Daerah Rembau, Negeri Sembilan yang sekali gus menunjukkan perbezaan dengan bahasa Minangkabau yang digunakan oleh masyarakat Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat. Kata sapaan yang mengalami perubahan itu adalah seperti yang berikut.

a) Bentuk Kata Sapaan kepada Menantu

Perbezaan yang sangat jelas antara kedua-dua kawasan kajian adalah pada bentuk kata sapaan kepada menantu lelaki. Sebagaimana telah dijelaskan di bahagian terdahulu, anak lelaki yang akan berkahwin diberi gelaran oleh kaum kerabatnya. Kini, acara pemberian gelaran tidak diselenggarakan lagi dan tidak menjadi bahagian daripada serangkaian acara adat perkahwinan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Keadaan ini menimbulkan kesan, iaitu mereka tidak memiliki gelaran. Dahulunya, mentua menyapa mereka dengan gelaran ini.<sup>6</sup> Gelaran ini berbeza dengan nama diri. Kini, mentua menyapa mereka dengan nama diri, iaitu sesuatu bentuk kata sapaan yang juga digunakan untuk menyapa isteri dan saudara isteri mereka.

Di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat, menantu lelaki disapa dengan gelaran. Aturan ini berlaku sebelum dia mempunyai anak. Bentuk kata sapaan ini berubah setelah dia mempunyai anak. Bentuk kata sapaannya ialah *pak* yang diikuti oleh nama diri anak sulung. Meskipun berubah, bentuk kata sapaan tersebut tetap berbeza dengan bentuk kata sapaan kepada iparnya. Aturan sapaan yang dimaksudkan adalah bahawa setelah

---

<sup>6</sup> Hasil wawancara dengan Datuk Niang Hj. Salim, datuk lembaga suku Minangkabau Darat di Rembau yang dibuat pada bulan April tahun 2012. Norhalim Hj. Ibrahim dalam *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan* (Seremban, 2007), hal. 135 juga mengatakan adanya pemberian gelaran ini.

memiliki anak, menantu tidak disapa dengan gelaran lagi. Mereka disapa dengan bentuk kata sapaan kekeluargaan *pak* yang disertai oleh nama diri anak pertama.

Huraian di atas menunjukkan bahawa perubahan tradisi pemberian gelaran kepada anak lelaki yang akan berkahwin yang menjadi bahagian daripada sistem sosiobudaya masyarakat Daerah Rembau berkesan pada bahasa, tepatnya pada bentuk kata sapaan kepada menantu lelaki. Dahulunya, mereka disapa dengan sebuah gelaran. Kini, mereka disapa dengan nama diri. Di Nagari Batuhampar, tradisi itu masih berjalan meski dalam masa menuju perubahan. Keadaan ini berkesan pada pergantian bentuk kata sapaan kepada mereka.

#### b) Bentuk Kata Sapaan Saudara Lelaki Ibu

Perbezaan lain yang membezakan bentuk kata sapaan pada dua kawasan kajian ialah sapaan kepada saudara lelaki ibu. Di Nagari Batuhampar, kata sapaan yang digunakan kepada mereka masih mencerminkan sistem matrilineal. Dalam sistem kekerabatan ini, saudara lelaki ibu memiliki status yang khas, iaitu sebagai *mamak*. Istilah *mamak* ini sekali gus menjadi nama institusi daripada adat. Peranan sebagai orang yang disebut *mamak* ini juga khas kerana hanya melekat kepada dirinya dan tidak dimainkan oleh institusi yang lain termasuk bapa. Walaupun pengaruh moden telah meresap dalam orang Minangkabau saat ini, fungsi ini masih berjalan setidak-tidaknya pada peringkat adat perkahwinan. Kekhasan status dan peranan ini tercermin pada bentuk kata sapaan. Bentuknya ialah *mak odang*, *mak dang*, *mak ongah*, *mak ngah*, *mak etek*, *metek*, *metek+nama diri/bentuk kata sapaan lain/gelaran julukan/ gelaran timang-timangan*, *mak oncu*, dan *moncu*. Perwakilan daripada mamak terdapat pada unsur pertama daripada bentuk-bentuk itu, iaitu *mak*. Bentuk ini merupakan hasil proses morfologik abreviasi daripada bentuk *mamak*. Bentuk ini tidak digunakan sebagai bentuk kata sapaan kepada kerabat yang lain. Saudara lelaki bapa dalam sistem matrilineal bukanlah

*mamak*. Mereka dianggap bapa kerana mereka ialah saudara bapa. Bentuk kata sapaannya berunsur *pak* seperti *pak ongah*, *pak ngah*, *pak ongah* + nama diri/bentuk kata sapaan lain, *pak etek*, *petek*, dan *pak oncu*. Bentuk *petek* merupakan hasil kontraksi daripada *pak* + *ketek*. Unsur *ketek* bermakna kecil. Selanjutnya, kata sapaan kepada saudara bapa yang bongsu ialah *pak oncu*. Mereka boleh juga disapa dengan *oncu*. Unsur *pak* pada bentuk-bentuk tersebut merupakan satu daripada bentuk kata sapaan kepada bapa.

Di Daerah Rembau, saudara lelaki ibu atau *mak saudaro* masih menjalankan peranannya, misal dalam peringkat adat perkahwinan masih berlangsung di rumah induk atau di rumah saudara perempuannya. Peranan *kadim*, di Minangkabau disebut *mamak*, sangat penting dalam acara tersebut. Akan tetapi, di luar dari lingkungan ini, rumah calon pasangan anak buahnya, *somondolah* (semenda) memainkan peranan penting seperti dalam acara adat *Menghantar dan Menerima Tanda*. Mereka menjadi jurubicara keluarga dan kerabat isterinya. Keadaan ini wujud pada bentuk kata sapaan yang digunakan untuk menyapa mereka. Bentuknya tidak khas malah sama dengan bentuk kata sapaan kepada bapa, saudara lelaki bapa, dan semenda atau suami daripada saudara ibu. Bentuk yang dimaksudkan ialah *pak*. Bentuk ini merupakan salah satu unsur daripada bentuk kata sapaan lengkap mereka.

Huraian di atas menjelaskan bahawa salah satu daripada institusi yang menjadi tiang dalam sistem matrilineal masyarakat Negeri Sembilan mulai lapuk dan lemah. Kata-kata sapaan yang terakam menunjukkan situasi ini.

### c) Bentuk Kata Sapaan Saudara Lelaki Ibu

Perbincangan tentang bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu terkait dengan bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu. Di Nagari Batuhampar, unsur *mak* yang

terkandung pada bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu tidak terdapat pada bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu. Kata sapaannya ialah *odang*, *ongah*, *ongah* + nama pendek/bentuk kata sapaan lain/gelaran julukan/gelaran timang-timangan, *etek*, dan *oncu*. Sementara unsur dan bentuk *mak* menjadi bahagian daripada bentuk kata sapaan kepada saudara perempuan ibu di Daerah Rembau. Kata sapaan kepada mereka ialah *mak lung*, *mak ngah*, *mak lang*, *mak tih*, *mak cik*, dan *mak su*. Unsur ini tidak terdapat pada bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu.

Perubahan sistem matrilineal di Daerah Rembau juga tergambar pada istilah kekerabatan. Istilah *cucu di rumah urang* tidak digunakan lagi. Kumpulan orang-orang yang sudah tua masih menggunakan istilah ini. Sementara orang lebih muda daripada mereka menggunakan istilah *cucu* tanpa ditambahkan unsur lain seperti istilah di atas.

Anak daripada anak lelaki dianggap cucu juga seperti anak daripada anak perempuan. Dalam sistem matrilineal, anak daripada anak lelaki tidak termasuk ahli keluarga ibu daripada bapanya. Yang termasuk ke dalam keluarga ini ialah anak-anak daripada saudara perempuan bapa. Aturan ini masih berlaku di kedua-dua kawasan kajian. Akan tetapi di Daerah Rembau, aturan tersebut tidak diamalkan lagi. *Cucu di rumah urang* ini boleh menetap di rumah keluarga ibu daripada bapanya mengikut ibunya yang juga menetap di sana.

Huraian di atas menegaskan bahawa di kedua-dua kawasan kajian terdapat perbezaan pada sebahagian bentuk kata sapaan. Meskipun sebahagian, perbezaan itu menjadi fakta bahawa bentuk kata sapaan di Daerah Rembau mengalami perubahan. Perubahan tersebut sangat terkait dengan amalan adat perpatih

oleh masyarakat di Negeri Sembilan pada amnya dan Daerah Rembau pada khasnya. Sementara di Nagari Batuhampar, masyarakat masih kuat mengamalkan adat. Pembesar adat mempunyai kekuasaan mengawasi amalan adat ahli kumpulan masyarakat.

#### **6.4 Faktor-faktor Penyebab Perubahan**

Di bahagian ini akan dibincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian, iaitu di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan di Daerah Rembau Negeri Sembilan. Kemudian, akan dibincangkan tentang perubahan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau yang dikaitkan dengan bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar. Faktor-faktor yang menyebabkan perubahan tersebut juga turut diuraikan. Asas yang membolehkan perbandingan ini ialah hasil kajian yang dilakukan oleh pakar sosiobudaya, sejarah, dan bahasa (linguistik bandingan) yang menyimpulkan bahawa sebahagian besar masyarakat Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau.

##### **6.4.1 Faktor-faktor Penyebab Perubahan di Nagari Batuhampar Kecamatan**

###### **Akabiluru, Kabupaten 50 Kota**

Perubahan bentuk kata sapaan yang berlaku di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut diuraikan di bahagian berikut.

###### **A. Dasar Politik Bahasa Nasional**

Faktor pertama berkait dengan politik bahasa nasional yang berlaku di Indonesia. Dalam politik bahasa nasional dirumuskan fungsi bahasa daerah sebagai 1) lambang kebanggaan daerah, 2) lambang identiti daerah, dan 3) alat perhubungan dalam keluarga dan masyarakat daerah (Amran Halim, 1976). Fungsi bahasa daerah berbeza

dengan fungsi bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional dan bahasa negara. Semestinya fungsi yang berbeza ini tidak menimbulkan pengambilalihan kedudukan dan fungsi antara kedua-duanya. Fakta yang berkembang dalam masyarakat bahasa daerah Minangkabau tidaklah demikian. Di dalam kawasan penggunaan bahasa Minangkabau muncul masyarakat pengguna bahasa Indonesia atau kawasan penggunaan bahasa Indonesia. Sebahagian penutur bahasa Minangkabau beralih menjadi penutur bahasa Indonesia. Latar belakang peralihan bahasa ini pelbagai (Reniwati, 2008; Reniwati dan Noviatri, 2011). Pertama, bahasa Indonesia dianggap sebagai sebuah bahasa yang berprestij. Dengan menggunakan bahasa ini, prestij mereka sebagai ahli masyarakat akan dipandang tinggi.

Kedua, penguasaan bahasa Indonesia memudahkan pemahaman mata pelajaran yang diajar di sekolah. Ada anggapan yang berkembang di sebahagian masyarakat Minangkabau bahawa memahami mata pelajaran di sekolah menjadi lebih mudah apabila anak-anak mampu berbahasa Indonesia apalagi bahasa Indonesia telah ditetapkan sebagai bahasa pengantar pelajaran di sekolah-sekolah. Oleh itu, mereka berusaha supaya pandai berbahasa Indonesia.

Ketiga, menurut fikiran mereka bahasa Indonesia itu mudah. Ini kerana hubungan kekerabatan antara bahasa Indonesia dan bahasa Minangkabau dekat. Fakta ini memudahkan mereka beralih bahasa. Sistem satuan bahasa seperti bunyi, morfem, dan ayat antara kedua-dua bahasa ini menunjukkan banyak persamaan. Dalam minda masyarakat Minangkabau sudah tersimpan kaedah kesepadan bunyi dan struktur kedua-dua bahasa ini. Oleh itu, apa-apa yang hendak disampaikan terwujud dengan sendirinya dalam bahasa Indonesia. Permasalahan muncul bagi mereka yang belum menguasai bahasa Indonesia. Mereka memaksa diri untuk bercakap dalam bahasa

Indonesia, meskipun bahasa Indonesia mereka aneh.<sup>7</sup> Keanehan itu boleh dinilai dan dirasakan oleh orang lain. Interference (gangguan) bahasa Minangkabau yang sangat kuat menyebabkan keanehan bahasa Indonesia yang mereka tuturkan.

Ragam bahasa Indonesia yang demikian menjadi bukti kepada soalan ketirisan diglosia di kawasan penggunaan bahasa daerah sebagaimana dikemukakan oleh Asim Gunarwan (2005). Keadaan ini berpotensi memburukkan bahasa daerah, termasuk pada bahasa Minangkabau. Perkembangan tersebut mulai tampak dalam bahasa Minangkabau saat ini.

Huraian di atas diperkuat oleh hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Rina Marnita AS dan Oktavianus tahun 2005 dan tahun 2008. Hasil penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa terjadinya pergeseran bahasa dalam masyarakat bahasa Minangkabau. Hasil penyelidikan ini juga menunjukkan pengetahuan generasi muda terhadap leksikon, istilah spesifik, dan ungkapan bahasa Minangkabau yang jauh lebih rendah dibandingkan dengan generasi tua (Rina Marnita AS dan Oktavianus, 2008).

Huraian di atas menegaskan bahawa dasar politik bahasa nasional memberikan kesan besar kepada bahasa Minangkabau. Meskipun kata sapaan hanyalah tergolong ke dalam kata nama, namun penambahan kata sapaan baru kepada ibu dan bapa serta ibu dan saudara bapa boleh dikatakan sebagai awal daripada perubahan.

---

<sup>7</sup> Dalam makalah Reniawati dan Noviatri yang bertajuk “Bahasa Campur Bahasa Indonesia Orang Minangkabau” pada seminar PAHMI IV (Padang, 2011) ditampilkan contoh bunyi, leksikon, dan struktur bahasa Minangkabau yang terbawa ke dalam bahasa Indonesia orang Minangkabau. Lihat juga dalam Rona Almos, Reniawati, Noviatri dengan tajuk artikel: “Karakteristik Bahasa Indonesia Orang Minangkabau” dalam jurnal *Adabiyyat* (Yogyakarta, 2013), Vol. XII, No.1.

## **B. Pemodenan Sarana dan Prasarana Perhubungan dan Informasi**

Sarana dan prasarana perhubungan yang semakin baik berfungsi dalam peningkatan mobiliti masyarakat. Keadaan perhubungan ini membawa perubahan pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Mobiliti masyarakat dari bandar ke kampung atau sebaliknya menjadi tinggi. Masyarakat Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat terkenal sebagai masyarakat yang mobilitinya tinggi semenjak dahulu meskipun sarana dan prasarana tidak sebaik waktu ini. Faktanya adalah bahawa nama daripada salah satu suku di Negeri Sembilan, suku Batuhampar diambil daripada nama daerah ini. Fakta ini menunjukkan bahawa usia migrasi orang *nagari* ini sudah tua. Mobiliti ini masih berlaku hingga saat ini. Ahli keluarga hampir setiap keluarga di *nagari* merantau termasuk ke Malaysia. Akan tetapi, mobiliti ini tidak berpengaruh kuat kepada adat dan bahasa. Berikut ini diuraikan pengaruh perhubungan antara bahasa Minangkabau yang digunakan di *nagari* ini dengan bahasa Indonesia.

Perhubungan antara dialek termasuk dialek yang digunakan di bandar makin terbuka. Dialek yang digunakan di bandar berpotensi lebih besar mempengaruhi dialek yang digunakan di kampung daripada sebaliknya. Peluang pengaruh orang bandar kepada orang kampung lebih besar daripada pengaruh orang kampung kepada orang bandar. Perkara yang sama juga berlaku pada bahasa. Orang bandar membawa pengaruh dan orang-orang kampung yang kurang kukuh dan kurang setia pada dialek kampung akan menerima pengaruh itu sebagai pilihan. Pengaruh buruknya bagi bahasa atau dialek kampung ialah hilangnya bentuk lama kerana bentuk baru lebih produktif dalam pemakaianya. Orang-orang yang berpendidikan tinggi yang kurang setia kepada bahasa atau dialek kampungnya juga berpotensi menjadi pelaku perubahan. Keadaan ini juga berlaku pada kata sapaan. Kata sapaan yang digunakan untuk menyapa saudara

perempuan menjadi bervariasi. Bentuk kata sapaan *tante*, *mamanda*, *mama*, dan *papa* merupakan fakta bahasa bahawa bahasa Minangkabau di *nagari* ini mulai berubah.

Pemodenan prasarana perhubungan dan informasi juga berpotensi menjadi faktor penyebab berlakunya perubahan bahasa. Pemodenan prasarana ini membuat orang dengan mudah mendengar dan membaca leksikon bahasa Indonesia dan bahasa yang lain. Oleh itu, orang yang kurang setia pada bahasa dan dialek daerahnya akan mudah terpengaruh dengan perubahan yang berlaku. Unit bahasa mereka memiliki bentuk sinonim, iaitu bentuk pinjaman daripada bahasa Indonesia yang dalam perkembangan selanjutnya berpotensi menggantikan bentuk lama. Data yang dikumpulkan di Nagari Batuhampar masih belum menunjukkan peristiwa terburuk dalam bahasa. Akan tetapi, gejalanya sudah terlihat dengan jelas pada data-data yang terkumpul.

Kata sapaan seperti telah ditampilkan di atas ialah bentuk baru yang masuk melalui bahasa Indonesia. Bentuk kata sapaan ini digunakan berdampingan dengan bentuk kata sapaan yang terlebih dahulu telah wujud. Bentuk baru ini masih digunakan dalam lingkungan yang terbatas, iaitu dalam keluarga muda.

Perubahan memang tidak banyak. Hal ini disebabkan oleh masyarakat yang masih menghormati dan mengamalkan adat. Meskipun pernah sistem pemerintahan *nagari* diganti dengan sistem pemerintahan desa seperti di Jawa, namun adat Minangkabau belum berubah. Kehidupan beradat masih berjalan sebagaimana adanya. Setelah diberlakukan Undang-Undang (UU) No.22 Tahun 1999 yang kemudian direvisi menjadi UU No. 32 Tahun 2004 (<http://www.kemendagri.go.id/produkhukum/archieve/undang-undang/tahun/2004>), pemerintahan *nagari* dihidupkan semula.

Pemerintah daerah mempunyai peluang untuk menyusun struktur pemerintahan bercorak *nagari*. Meskipun corak pemerintahannya tidak sama seperti pemerintahan adat dahulu, fungsi unsur tradisional dalam *nagari* seperti ninik mamak, cerdik pandai, alim ulama (*tigo tungku sajarangan*), *bundo kanduang*, dan pemuda dihidupkan semula sama ada melalui Badan Musyawarah (Bamus) atau melalui Karapatan Adat Nagari (KAN). Di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru, Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat Sumatera Barat, peranan unsur tradisi itu tetap berjalan. Hal inilah yang menyebabkan institusi adat masih berdiri kukuh dan pemangku adat masih berperanan. Acara adat masih berlangsung tanpa ada perubahan besar. Masyarakat sangat menghargai adat dan menghormati pemimpin adat mereka. Oleh itu, tanah pusaka masih terpelihara dan produktif. Harta pusaka seperti sawah, ladang, dan harta pusaka lainnya boleh diusahakan oleh kaum lelaki. Ibu dan saudara perempuannya tidak mempersoalkannya. Mereka memahami kesulitan anak atau saudara lelaki mereka.

Dalam berkomunikasi, masyarakat Minangkabau memiliki *langgam kato* (langgam kata), iaitu semacam tatakrama dalam berbual sehari-hari antara orang yang terlibat dalam perbualan tersebut, selaras dengan status sosial masing-masing (A.A. Navis, 1984: 101). Tatakrama yang berkait dengan status sosial ini menguatkan asumsi bahawa bahasa memiliki variasi sosial. Variasi itu wujud dalam empat *langgam kato* tersebut, iaitu *kato mandaki* (kata mendaki), *kato manurun* (kata menurun), *kato malereang* (kata melereng), dan *kato mandata* (kata mendatar). *Kato mandaki* digunakan orang yang berstatus sosial rendah kepada lawan bicara yang berstatus sosial tinggi. Sementara *kato manurun* digunakan orang yang berstatus sosial tinggi kepada orang yang berstatus sosial rendah. Selanjutnya, *kato malereang* digunakan orang yang memiliki posisi sama, yang saling menyegani (hubungan kekerabatan kerana perkahwinan), atau antara orang-orang yang jawatannya dihormati (seperti

penghulu, ulama, atau guru). Langgam terakhir, *kato mandata* digunakan orang yang berstatus sosial sama dan hubungan mereka akrab.

Keempat *kato* ini menjadi falsafah hidup masyarakat *nagari* dalam berkomunikasi sesama mereka, termasuk dalam penggunaan kata sapaan. Penyapa dan pesapa harus memahami pelbagai bentuk kata sapaan yang dimiliki masyarakat bahasanya. Selanjutnya, mereka harus mampu memilih dan menggunakan kata sapaan tersebut secara tepat dan benar. Apabila mereka salah menggunakan, mereka dianggap *indak baradaik* (tidak beradat) atau lebih terkenal dengan sebutan *ndak tau jo kato nan ampek* (tidak memahami langgam kata). Komunikasi tidak berjalan apabila penyapa dan pesapa tidak menjalankan aturan tatakrama berkomunikasi tersebut. Masyarakat Nagari Batuhampar sangat menghormati aturan ini dan mengamalkan dalam hidup seharian mereka.

Minangkabau merupakan salah satu suku daripada ratusan suku di Indonesia. Oleh itu, orang Minangkabau memiliki kesedaran bahawa pengekalan kehidupan beradat berada di tangan mereka. Selain itu, adat dan budaya di daerah persekitaran berbeza hingga sukar mempengaruhi adat dan budaya Minangkabau. Budaya merantau masyarakat Minangkabau asal tidak membawa pengaruh buruk pada pengekalan adat dan budaya. Orang rantau sangat menghormati adat Minangkabau. Mereka merantau untuk membangunkan kampung. Di rantau pun mereka berusaha untuk mengamalkan adat Minangkabau walau tidak sama seperti di kampung asal mereka.

Huraian di atas menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku di Nagari Batu Hampar disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut memang belum begitu berkesan pada kata sapaan yang digunakan masyarakat Nagari Batuhampar.

#### **6.4.2 Faktor-faktor Penyebab Perubahan di Daerah Rembau**

Perubahan bentuk kata sapaan yang berlaku di Daerah Rembau boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Berikut ini dihuraikan faktor-faktor tersebut.

##### **A. Dasar Politik Bahasa**

Faktor lain yang juga berperanan dalam perubahan ialah faktor bahasa, tepatnya dasar politik bahasa. Di Malaysia, bahasa perhubungan tidak hanya bahasa Malaysia. Bahasa lain yang dimaksudkan ialah bahasa Inggeris. Bahasa yang merupakan bahasa warisan kolonial ini cenderung digunakan oleh orang Malaysia yang berpendidikan tinggi dan orang Malaysia yang tinggal di bandar besar sama ada keturunan Melayu atau suku bangsa yang lain. Bahasa ini sekali gus menjadi alat perhubungan antara suku-suku bangsa. Keadaan kebahasaan ini merupakan warisan politik bahasa kolonial (Asraf, 1993 :147-151) yang masih berlaku hingga kini. Meskipun bahasa Melayu di Malaysia ditetapkan sebagai bahasa pengantar sepenuhnya melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan (Mohammad dalam Awang Sariyan, 2002:44-63), bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa yang sangat penting di institusi pendidikan. Untuk masuk ke perguruan tinggi, calon mahasiswa harus memiliki skor MUET bahasa Inggeris yang tinggi. Selain itu, proses pembelajaran juga diselenggarakan dalam bahasa ini. Oleh sebab itulah, anak-anak mesti pandai berbahasa Inggeris. Keluarga dan sekolah mendorong mereka untuk mencapai kemampuan berbahasa ini.

Huraian di atas menunjukkan bahawa bahasa Inggeris diutamakan dalam pemilihan bahasa. Di institusi pentadbiran, bahasa ini menjadi pilihan utama dalam perhubungan terutama di sektor swasta. Urusan pentadbiran menggunakan bahasa Inggeris. Asraf (1993:147-151) mengungkapkan pula bahawa ramai kaum atasan dalam kalangan orang Melayu menggunakan bahasa Inggeris. Jika hendak berbual tentang perkara-perkara ilmiah seperti ilmu sains dan sebagainya, mereka menggunakan bahasa ini.

Bahasa Melayu meskipun sudah ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, faktanya bahasa ini cenderung digunakan oleh orang keturunan Melayu yang berpendidikan tidak terlalu tinggi dan menetap di bandar kecil.<sup>8</sup> Oleh itu tidaklah menghairankan apabila bahasa ini juga digunakan sebagai *lingua franca* oleh orang Malaysia kelompok ini dengan suku bangsa lain yang sama tingkat pendidikan dan kelas ekonominya. Penguatan kedudukan dan fungsi bahasa Inggeris yang bererti pelemahan kedudukan dan peranan bahasa Melayu masih termaktub melalui undang-undang sebagaimana termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang sering memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pendidikan (Hashim bin Musa dalam Sanat Md. Nasir dan Rogayah A. Razak, 1998).

Kelompok bahasa yang lain selain daripada bahasa di atas ialah bahasa daerah dan dialek-dialek Melayu. Bahasa dan dialek-dialek ini digunakan kalangan tertentu (Asraf, Awang Sariyan, Farid Onn, Firdaus Abdullah dalam Awang Sariyan, 2002:253). Di samping menyumbang secara positif kepada bahasa Melayu, bahasa dan

<sup>8</sup> Termaktub pada Perlembagaan Persekutuan: Perkara 152 Fasal 1 (a), Fasal (3), di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 196/67 seksyen 2 dan 6 (Ainon Mohammad dalam Awang Sariyan, Kuala Lumpur,2002), hal.44-63.

dialek-dialek tersebut boleh pula menimbulkan gangguan yang menggugat pembentukan bahasa Melayu standard. Pengaruh yang lebih besar ini berasal daripada bahasa Melayu kepada bahasa daerah dan dialek-dialek bahasa Melayu. Kedudukan dan peranan bahasa Melayu berpotensi melemahkan kedudukan dan peranan bahasa daerah dan dialek-dialek bahasa Melayu. Pelemahan itu terjadi dengan cara berpindah bahasa. Orang rantau cenderung menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sama ada sebagai bahasa pergaulan atau perhubungan keluarga daripada menggunakan bahasa dan dialek tempatan.

Keadaan bahasa ini tidak jauh berbeza dengan keadaan bahasa daerah di Indonesia termasuk bahasa Minangkabau. Orang rantau tidak mampu berbahasa daerah dan dialek kampung. Ketika balik kampung, mereka menggunakan bahasa yang lazim mereka gunakan di bandar dengan kerabatnya. Pandangan mereka negatif kepada bahasa daerah dan dialek kampung. Mereka menganggap bahasa dan dialek ini kampungan dan tidak berprestij. Anggapan ini menghinggapi fikiran ramai anak muda. Fikiran negatif ini merugikan bahasa daerah dan dialek kampung. Jumlah bakal penutur yang berpotensi berkurangan. Anak-anak muda di kampung tidak asing dengan bahasa Melayu. Proses belajar-mengajar berlangsung dalam bahasa rasmi ini meskipun belum sepenuhnya (Asmah Hj. Omar, 2008: 34-37).

Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi pusat penggunaan bahasa Melayu mudah dijangkau. Mereka bebas hendak bersiar. Selain itu, alat perhubungan dan media informasi serta hiburan seperti televisyen mudah didapati dan mudah diakses. Semua ini mengakrabkan anak dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Seiringan dengan peredaran waktu, perpindahan bahasa dan dialek akan terjadi. Anggapan negatif tentang bahasa dan dialek kampung menghinggapi fikiran seiringan dengan anggapan positif tentang bahasa Melayu. Keadaan ini diperkuatkan pula dengan ramai ahli daripada kaum kerabat yang merantau telah mengurangi jumlah penutur bahasa daerah dan dialek kampung. Apabila generasi tua tidak ada lagi, anak dan cucu kehilangan lawan bicaranya. Pewarisan bahasa dan dialek kampung terputus. Keadaan ini berpengaruh pada keberadaan bahasa dan dialek kampung termasuk penggunaan bentuk kata sapaan.

Sikap negatif terhadap bahasa dan dialek kampung orang rantau di atas juga berlaku pada diri generasi muda di kampung. Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, dan Idris Aman (2012: 1193-1211) melakukan kajian tentang aspek sikap dan tahap pefahaman remaja tentang dialek Negeri Sembilan. Sikap mereka adalah sederhana. Sikap ini selaras dengan kurangnya galakan menggunakan dialek Negeri Sembilan oleh ibu dan bapa. Dapatan kajian lainnya ialah dialek Negeri Sembilan mempunyai fungsi sosial yang penting di kalangan kelas rendah bukan di kalangan menengah dan tinggi. Kajian juga mendapati perkataan yang berkaitan dengan adat dan peristiwa paling kurang difahami oleh golongan pelajar kerana berlakunya perubahan sosial dalam masyarakat Negeri Sembilan amnya.

Keadaan kebahasaan yang telah dihuraikan di atas dapat dikesan pada bentuk kata sapaan bagi ibu. Bentuk kata sapaannya bervariasi. Antara bentuk-bentuk kata sapaan tersebut ada yang merupakan bentuk baru. Fakta bahasa ini memberi tanda bahawa perubahan telah terjadi dalam masyarakat dan dialek di Daerah Rembau. Semakin kuat kedudukan dan peranan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, maka

kehilangan bahasa daerah dan dialek akan terjadi di depan mata. Apabila bahasa atau dialek hilang, maka budaya masyarakat bahasa atau dialek bersangkutan juga hilang.

## B. Faktor Dialek Jiran

Kemungkinan kontak bahasa dengan subdialek yang digunakan di bandar Seremban dan Kuala Pilah, serta dialek-dialek jiran lebih besar daripada kontak dengan bahasa Minangkabau asal. Kemungkinan ini disokong oleh sarana dan prasarana perhubungan serta kos perhubungan yang lebih murah. Memang migrasi sudah lama berlangsung dan jumlah orang yang bermigrasi cukup ramai. Akan tetapi, jarak yang sangat jauh dan sarana serta prasarana yang sederhana pada masa lalu membuat hubungan orang rantau dengan orang *darek* atau asal sukar. Lagi pula, orang-orang rantau tersebut sudah membina kampung di rantau dan membuka usaha di sana. Sebahagian daripada kampung tersebut diberi nama sesuai dengan nama kampung asal. Nama kampung ini sekali gus menjadi nama suku. Kampung yang dimaksudkan itu antara lain ialah Kampung Paya Kumbuh, Kampung Tiga Nenek, Kampung Batu Hampar, dan Kampung Selemak (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:66-67). Mereka berkemampuan untuk membina kehidupan sosiobudaya asal mereka di tengah-tengah masyarakat bersistem adat temenggung. Oleh itu, perubahan yang terjadi pada kata sapaan boleh difahami. Bentuk kata sapaan yang berunsur *alung*, *alang*, dan *cik* (Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, dan Raja Masittah Raja Ariffin, 2005:179-181) menunjukkan persamaan antara kawasan kajian Daerah Rembau dengan daerah jiran seperti Melaka dan Selangor. Unsur ini tidak terdapat sebagai bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota. Intensiti perhubungan dengan masyarakat dialek jiran lebih tinggi daripada dengan masyarakat Minangkabau asal. Perbezaan bentuk kata sapaan atau unsur kata sapaan yang berupa nama urutan

adik-beradik antara bahasa Minangkabau di Nagari Batuhampar dengan Daerah Rembau memberikan fakta tentang intensiti tersebut.

Deskripsi bentuk kata sapaan di Daerah Rembau juga tidak boleh terlepas daripada sejarah perjalanan orang Minangkabau asal ke daerah ini ratusan tahun lalu. Berdasarkan fakta sejarah dalam perjalanan ke Semenanjung Malaya, perantau Minangkabau singgah di kawasan lain terlebih dahulu sebelum menetap di Negeri Sembilan dan Melaka (lihat bahagian 1.8 Kedatangan Orang Minangkabau ke Daerah Rembau) boleh menjadi latar perubahan kata sapaan dan istilah kekerabatan di Daerah Rembau. Perjalanan yang jauh dan memakan masa, keadaan alam yang dilalui, dan sarana perhubungan yang sederhana pada masa itu memungkinkan terjadinya perubahan. Dalam persinggahan tersebut boleh pula terjadi asimilasi bahasa, iaitu antara bahasa Minangkabau yang dibawa perantau dengan bahasa atau dialek masyarakat tempatan di sepanjang daerah persinggahan mereka.

Saat ini, kedua-dua kumpulan masyarakat yang memiliki hubungan genealogi ini berada di negara yang berbeza. Perbezaan negara boleh mengembangkan rasa sebagai negara dan rakyat yang berbeza. Seiring dengan perasaan ini akan tumbuh pula rasa perpaduan dengan kumpulan masyarakat lain di negara yang sama meskipun suku dan budayanya berbeza. Pengangkatan sebuah bahasa kebangsaan bertujuan untuk perpaduan kalangan warga negara (Ainon Muhammad dalam Awang Sariyan, 2002 : 44). Pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia dimaksudkan untuk tujuan yang sama dengan penyataan di atas, iaitu menyatukan pelbagai bangsa yang hidup di Malaysia.

### C. Dasar Pemerintahan Inggeris

Di Daerah Rembau seperti mana di daerah yang lain, kebijakan yang dibuat oleh penjajah mendorong terjadinya perubahan. Faktor ini boleh disebut sebagai faktor histori.

Penajah memperkenalkan pendidikan sekular termasuk di Rembau.<sup>9</sup>

Sistem pendidikan ini membawa perubahan pemikiran yang progresif di kalangan generasi muda. Mereka menilai bahawa ada kelemahan dan kekurangan daripada cara hidup lama mereka. Pemerintahan kolonial telah melantik mereka sebagai ketua tidak formal bagi orang-orang kampung. Setelah ketua adat meninggal, jawatan yang ditinggalkan digantikan oleh orang lain.

Pemerintah kolonial juga menyederhanakan kuasa-kuasa ketua adat mulai daripada undang, lembaga, buapak, dan ketua-ketua kumpulan kekeluargaan dan menggantinya dengan misi pentadbiran baru yang diketuai oleh residen dan beberapa orang pegawai daerah. Menurut Norhalim Hj. Ibrahim (1993: 147), kolonialisme telah mengikis dan mengetepikan peranan perwakilan politik tradisi yang berasaskan pada kekeluargaan. Pemimpin baru ini kurang memahami dan kurang menghargai adat. Keadaan ini berpotensi melemahkan sistem adat perpatih.

Di Minangkabau, pengikisan dan penghilangan fungsi ketua-ketua adat oleh penjajah Belanda tidak seteruk yang dilakukan penajah Inggeris kepada ketua-ketua adat di Negeri Sembilan. Penajah Belanda tetap mempertahankan kekuasaan genealogi dalam pemerintahan nagari.<sup>10</sup> Dengan demikian, adat dari dahulu tetap

<sup>9</sup> Dahulu, anak-anak belajar di surau dengan kegiatan mengaji Al-Quran dan perkara lain yang berkait dengan agama. Uwan Maryam, informan menjadi guru mengaji di surau yang terletak di belakang rumahnya.

<sup>10</sup> Repository.ipb.ac.id/bitstream/handle/123456789/5046/Dilema\_2009nba-6.pdf.

diikuti dan dipertahankan oleh masyarakat.<sup>11</sup> Perlakuan demikian juga berlaku pada bahasa mereka.

Dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan saat ini, pemimpin adat tidak berperanan dalam membincangkan perkara luhak. Meskipun strukturnya masih wujud, hingga kini namun undang dan ketua adat lainnya tidak terlibat langsung dalam urusan pentadbiran kerajaan. Mereka hanya mengurus adat (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:11).

Kebijakan penjajah Inggeris yang lain adalah membawa perubahan pada tentang tanah *warih* (waris). Tanah yang tidak diusahakan akan dijual dan disewa untuk usaha perlombongan atau ladang pertanian. Pewarisan tanah secara adat juga ditentang oleh pemerintah Inggeris. Mereka mengenalkan sistem pemilikan tanah secara individu. Mereka juga menggalakkan lelaki membeli tanah dan menanamnya dengan tanaman komersial. Lelaki juga dibolehkan mendapat hak milik tanah bebas. Kebijakan ini menghilangkan hak ketua adat sebagai penjaga tanah suku dan kehilangan hak atas tanah waris dan hutan. Akibatnya, suasana menjadi tidak seimbang antara suku dalam pemilikan tanah dan hutan. Keadaan ini memacu anggota masyarakat keluar dari kampung dan merantau ke kawasan luar adat untuk mencari kerja.

Pada masa penjajahan Inggeris juga ada kebijakan baru yang membuat sawah terbiar. Tanah dibahagikan kepada tanah adat, tanah simpanan Melayu, tanah pajakan (*lease hold*) dan tanah geran putih (*free hold*) (Nadzan Haron, 1997).

---

<sup>11</sup> Jeffrey Hadler dalam *Sengketa Tiada Putus* (Jakarta, 2010), hal.309-310 di bahagian kesimpulan menulis bahawa matrilineal di Kerala (Sri Langka) , Negeri Sembilan, kecuali Minangkabau sudah tinggal kenangan sebagai akibat daripada penjajahan intensif, pajak biji-bijian, pemakaian sistem pendidikan dan hukum barat, tekanan modeniti, dan teknologi-teknologi baru perhubungan dan komunikasi.

Pembahagian ini memungkinkan orang memiliki semua jenis tanah ini. Golongan lelaki lebih suka mengusahakan tanah di luar tanah adat yang mereka peroleh

Kebijakan pada masa Inggeris ini melemahkan peranan institusi adat dan adat itu sendiri. Ketua adat kehilangan hak. Kekuasaan dan peranan mereka semakin lemah. Pada pihak lain, peranan seseorang lelaki sebagai suami dan bapa menjadi jelas, pasti, dan kuat. Kebijakan ini jelas membawa pengaruh pada bahasa, misal penggunaan kata sapaan. Memang pengaruh itu belum berkesan banyak pada bentuk kata sapaan. Kata sapaan yang digunakan untuk menyapa saudara lelaki ibu dan menantu lelaki menunjukkan bahawa pengaruh tersebut telah meninggalkan kesan pada bahasa. Meskipun hanya beberapa patah kata sapaan, namun bentuk yang telah berubah sangat berkaitan dengan sistem matrilineal yang menjadi sebahagian daripada adat perpatih.

#### **D. Dasar Ekonomi Baru**

Pembangunan yang pesat juga membawa kesan kepada sistem adat perpatih. Hutan dan bukit ditebang untuk pembangunan sarana dan prasarana kehidupan yang lebih maju. Penebangan hutan mengakibatkan kehidupan para petani terjejas. Tali air mengering dan sawah tidak boleh diusahakan lagi.<sup>12</sup> Sawah menjadi terbiar. Pada hal, sawah merupakan sumber kehidupan masyarakat. Sebahagian sawah ini berubah menjadi kebun getah. Bagi mereka yang tidak mendapat bahagian atau yang tidak mengusahakan tanah adat, mereka pindah ke luar kawasan adat untuk mencari pekerjaan termasuk kaum perempuan. Sebahagian daripada mereka tetap bertahan di kampung, tetapi mereka terpaksa bekerja mengambil upah di kedai atau di kilang.

---

<sup>12</sup> Tali Air Batu Hampar dangkal. Tanah di sekitar menjadi kebun atau menjadi terbiar.

Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia mula menjalankan Dasar Ekonomi Baru (*New Economic Policy*). Dasar ini memiliki dua tujuan, iaitu menyusun semula masyarakat Malaysia dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum (Kato, 1992:49). Dasar ini mendorong masyarakat meninggalkan kampung dan menuju ke bandar-bandar besar. Mereka mencari kehidupan di sana dan kemudian membina keluarga mereka. Seterusnya, Kato mengaitkan Dasar Ekonomi Baru ini dengan kehidupan pertanian. Menurutnya, semenjak dilaksanakannya Dasar Ekonomi Baru itu terjadi banyak perubahan pada masyarakat Negeri Sembilan. Masyarakat terutama kaum lelaki memilih untuk menanam pohon getah daripada bersawah. Nadzan Haron (1997:145) mengungkap tiga alasan yang menyebabkan lelaki mengambil pilihan demikian. Pertama ialah *customary tenure enactment* yang menetapkan tanah adat hanya boleh dimiliki oleh golongan perempuan. Mereka berpendapat bahawa dengan memakan hasil harta warisan isteri bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, mereka mencari wang dari sumber lain seperti menoreh getah, mengambil hasil hutan, dan berternak. Kedua ialah pola matrilokal yang dianuti oleh masyarakat adat perpatih. Suami tinggal di rumah keluarga isteri. Pola ini membuat mereka menjadi kurang bersungguh-sungguh untuk mengerjakan tanah milik keluarga isteri. Ketiga ialah kedudukan suami seperti mana dalam perbilangan adat: “seperti abu di atas tungkul”. Meskipun ia dihormati, namun mereka harus berhati-hati dan harus pandai-pandai di rumah keluarga isterinya. Ia dapat dikeluarkan pada bila-bila masa saja dari rumah tersebut.

Kebijakan ekonomi baru ini membawa pengaruh pada sistem adat perpatih, khasnya pada sistem matrilineal. Sistem ini menghadapi cabaran. Saudara lelaki ibu tidak lagi membantu untuk mengerjakan sawah ladang keluarga. Mereka mengusahakan tanah pertanian sendiri. Pada satu sisi, peranan lelaki sebagai tua kadim

dalam keluarga ibunya semakin lemah. Pada sisi lain, peranan lelaki sebagai bapa atau suami berperanan dominan dan kuat dalam keluarga asas. Dalam beberapa peringkat adat perkahwinan, mereka memiliki peranan yang sangat penting. Peranan ini berkait dengan status mereka sebagai orang semenda. Gejala perubahan ini terakam pada bahasa, misalnya pada bentuk kata sapaan. Bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki ibu adalah sama dengan bentuk kata sapaan kepada saudara lelaki bapa. Bentuk kata sapaannya tidak khas kerana kata sapaannya sama dengan kata sapaan kepada saudara lelaki bapa. Menantu lelaki disapa sama seperti sapaan kepada anak. Bentuk kata sapaan ini membuktikan bahawa peranan bapa sangat kuat dalam kehidupan anak dan isterinya tidak seperti peranan mereka dalam kehidupan masyarakat tradisi.

#### **E. Perubahan Persepsi Tentang Kampung dan Dialek Kampung**

Aktiviti merantau atau meninggalkan kampung dan menetap di bandar telah berlangsung semenjak penjajahan Inggeris. Polisi-polisi yang telah diterapkan penjajah Inggeris memacu gerakan merantau. Gerakan ini berlanjutan hingga Malaysia mencapai kemerdekaan. Kerajaan membuat dasar ekonomi yang juga mendorong orang kampung untuk merantau.

Perkembangan bandar yang pesat juga membuka peluang-peluang pekerjaan. Perguruan tinggi atau universiti juga dibina di bandar-bandar besar. Anak kampung yang mahu melanjutkan pendidikan tinggi perlu pergi ke bandar dan menetap di sana. Setelah meraih ijazah dan sarjana, mereka juga cenderung mencari pekerjaan di bandar. Kesan daripada kehidupan di bandar mengubah pandangan mereka tentang kampung. Pandangan mereka negatif terhadap kampung.

Keadaan demikian juga terjadi di kampung-kampung di Daerah Rembau. Kini, kampung didiami oleh orang-orang tua. Bagi yang masih kuat dan tidak mendapat pencen, mereka masih bekerja menerima upah atau membuat makanan tradisional dan menjualnya. Mereka yang tidak kuat bekerja dan tidak mendapat pencen sangat bergantung pada kiriman wang dari anak-anak mereka. Bagi yang mendapat pencen, mereka mengisi waktu mereka dengan duduk-duduk, berbual-bual, menonton televisyen, atau tidur. Pada hujung minggu, anak, menantu, dan cucu mereka datang dari bandar. Begitulah kehidupan sehari-hari mereka.

Pandangan tentang kampung yang dihuraikan di atas berkorelasi dengan pandangan mereka tentang dialek kampung. Menurut mereka, dialek kampung tidak berprestij. Mereka lebih suka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian yang dilakukan Norsima Mat Awal dan Kalthum Ibrahim (2003) tentang penggunaan dialek Negeri Sembilan kalangan mahasiswa dan pegawai satu universiti menguatkan pandangan tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan dialek Negeri Sembilan lebih meluas di kalangan mereka-mereka yang berumur berbanding di kalangan mereka yang masih muda. Kalangan muda malu menggunakan dialek Negeri Sembilan. Seterusnya, kedua-dua pakar bahasa ini mengatakan bahawa ini menjadi tanda-tanda permulaan jati diri Negeri Sembilan yang mulai pudar. Kesan daripada keadaan ini ialah jumlah penutur dialek Negeri Sembilan yang digunakan di Daerah Rembau berpotensi berkurangan. Bentuk kata sapaan yang digunakan masyarakat di kawasan kajian ini juga berkurangan. Impaknya ialah bentuk kata sapaan akan hilang bersama dengan dialeknya sesuatu masa nanti.

Perubahan persepsi juga terjadi pada adat perpatih. Persepsi yang salah tentang adat ini telah tertanam pada generasi muda pada masa kolonial. Sistem

pendidikan sekular yang diterapkan mengubah fikiran mereka tentang adat. Pandangan negatif tentang adat juga berkembang dalam fikiran orang di luar adat perpatih. Lelaki yang bukan orang Negeri Sembilan mempertimbangkan soal perkahwinan dengan perempuan Negeri Sembilan. Mereka tidak memahami tentang pola matrilokal. Orang luar Negeri Sembilan khuatir bahawa anak lelaki mereka akan dikuasai oleh keluarga isterinya atau mereka akan dilupakan oleh anak lelaki mereka apabila berkahwin dengan perempuan Negeri Sembilan.<sup>13</sup> Persepsi yang salah tentang adat perpatih, khususnya sistem matrilineal yang dipertentangkan dengan sistem patrilineal yang dianuti oleh sebahagian besar masyarakat Malaysia juga membuat dialek Negeri Sembilan kurang popular di kalangan generasi muda. Mereka malu menggunakan dialek kampung mereka ini (Norsima Mat Awal dan Kalthum Ibrahim, 2003).

Persepsi negatif terhadap kampung membawa pengaruh negatif pula terhadap bahasa dan dialek kampung. Anak-anak rantau cenderung menggunakan bahasa Melayu bandar dengan saudara-saudaranya di kampung. Anak-anak kampung sendiri juga tidak memperkasakan dialek kampungnya. Perilaku ini berpotensi untuk melemahkan peranan kedua-duanya sebagai alat perhubungan dan alat untuk melakukan kegiatan budaya. Kajian yang dilakukan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, dan Idris Aman ((2012: 1193-1211) mendapati dialek Negeri Sembilan menjalankan peranan sosial di kalangan remaja kelas tertentu sahaja, iaitu kelas rendah. Terkait dengan budaya didapati bahawa kata-kata budaya merupakan kata-kata yang paling kurang difahami oleh golongan pelajar. Hal ini berlaku kerana perubahan sosial yang telah terjadi dalam masyarakat Negeri Sembilan amnya. Meskipun perubahan masih sedikit pada kata sapaan, namun perubahan itu telah terjadi walaupun perubahan itu berkaitan dengan sistem sosiobudaya masyarakat. Kata sapaan yang berupa gelaran

---

<sup>13</sup> Menurut cerita informan, Cik Kiah, hasil wawancara pada bulan Jun 2013.

yang digunakan untuk menyapa menantu lelaki sudah hilang. Institusi adat mulai daripada tingkat yang paling tinggi, iaitu lembaga, buapak, tua ruang, hingga ke tingkat yang paling rendah, iaitu tua kadim telah kehilangan sebahagian peranannya.

#### **F. Pemodenan Sarana, Prasarana dan Informasi**

Sarana, perhubungan dan informasi yang moden berpotensi untuk mempengaruhi penggunaan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau. Jarak tempat tinggal yang jauh dengan saudara tidak menghalangi mereka untuk berhubung. Semasa berhubungan orang kampung mendengar kata-kata dan dialek bandar termasuk bentuk kata sapaan. Akses yang mudah dan moden untuk mendapat informasi juga berpotensi untuk mempengaruhi bahasa dan dialek orang kampung. Mereka mendengar, membaca, dan melihat penggunaan bentuk kata sapaan daripada bahasa dan dialek yang lain. Oleh itu, orang yang lemah kemampuan bahasa dan dialek daerahnya akan mudah terpengaruh dengan perubahan yang berlaku.

Perhubungan yang baik memudahkan mobiliti orang dari kampung ke bandar atau sebaliknya. Orang kampung bersiar dan berbelanja ke bandar. Di sana mereka mendengar dan terlibat dalam perbualan dengan orang bandar yang bahasa dan dialeknya belum tentu sama. Kegiatan yang sama juga dilakukan oleh orang bandar. Di hujung minggu, orang rantau pulang ke kampung menjenguk ibu dan bapa atau membersihkan rumah pusaka yang kosong. Akan tetapi, kepulangan mereka ke kampung tidak berpengaruh bagi pelestarian dialek kampung. Mereka berserta anak mereka bercakap dengan kerabat dengan menggunakan bahasa atau dialek masing-masing. Anak-anak tidak akan berbual dalam dialek kampung. Apabila keadaan ini dibiarkan, maka pewaris dialek akan hilang termasuk pengguna kata sapaan dialek

tempatan. Penggunaan bentuk *mama*, *papa*, dan *dedi* menunjukkan pemodenan dalam kata sapaan di Daerah Rembau.<sup>14</sup>

Faktor yang telah dihuraikan di atas memberi kesan, iaitu perubahan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau Negeri Sembilan. Perubahan-perubahan dalam dialek Negeri Sembilan yang digunakan di kawasan kajian ini menambah jumlah perbezaan bentuk kata sapaan dengan bahasa Minangkabau asal seperti yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat.

## 6.5 Kesimpulan

Perubahan bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota, Provinsi Sumatera Barat dan di Daerah Rembau Negeri Sembilan tidaklah banyak. Meskipun demikian, bentuk kata sapaan yang mengalami perubahan, terutama di Daerah Rembau berkait dengan adat perpatih amnya dan sistem matrilineal khususnya. Penggantian kata sapaan di kawasan kajian ini seiring dengan pelemahan institusi adat dan peranannya daripada institusi itu sendiri. Di Nagari Batuhampar, perubahan itu berbentuk penambahan bentuk baru yang digunakan secara bersama-sama dengan bentuk lama. Amalan adat oleh masyarakat di kawasan kajian ini berkorelasi dengan bertahannya penggunaan bahasa Minangkabau tempatan, termasuk penggunaan bentuk kata sapaan.

---

<sup>14</sup> Daripada dapatan kajian Raja Masittah Raja Arifin (2003) yang dibentangkan dalam “Anjakan Nilai Sosial Tradisional ke Modern: Satu Kajian Kes Kata Panggilan dalam Keluarga Melayu”, makalah dalam Seminar Za’ba Mengenal Alam Melayu I (Perak, (2003), hal.1-21, bentuk kata panggilan di atas termasuk tinggi penggunaannya di kalangan keluarga Melayu. Semakin tinggi tahap pendidikan ibu dan bapanya semakin berkurang anak-anak mereka memanggil dengan kata panggilan tradisional.

## BAB 7

### PENUTUP

#### 7.0 Rumusan

Berdasarkan analisis bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau dapat dirumuskan beberapa perkara.

Kajian tentang bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar dan Daerah Rembau menggunakan pendekatan Ervin-Tripp (1986). Ervin-Tripp mengemukakan tiga peraturan dalam sistem sapaan. Ketiga-tiga peraturan itu ialah peraturan alternasi, peraturan kemunculan bersama, dan peraturan perurutan. Ketiga-tiga peraturan ini digunakan untuk menganalisis data kajian. Khusus peraturan pertama, peraturan alternasi, Ervin-Tripp menggambarkan dalam sebuah rajah sehingga menjadi suatu model sistem sapaan bagi bahasa yang dikajinya, iaitu bahasa Inggeris orang Amerika. Kajian kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian mengikuti model sistem sapaan ini. Setelah dilakukan analisis data, model sistem sapaan Ervin-Tripp ini tidak sepenuhnya sesuai dengan sistem sapaan bahasa Minangkabau. Oleh itu, model sistem sapaan Ervin-Tripp ini mengalami pengubahsuaian. Hasilnya ialah suatu model sistem kata sapaan bahasa Minangkabau yang berlaku di kawasan kajian. Model kata sapaan ini tidak persis sama antara kedua-dua kawasan kajian dan antara ketiga-tiga jenis situasi kebahasaan.

Berdasarkan hasil analisis data dapat dirumuskan bahawa bentuk kata sapaan yang digunakan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau adalah pelbagai. Kepelbagaian ini dikelompokkan kepada

tiga kelompok. Ketiga-tiga kelompok ini menggambarkan tiga jenis situasi kebahasaan, iaitu rasmi, separa rasmi, dan tidak rasmi.

Bentuk kata sapaan tidak rasmi lebih pelbagai dalam situasi rasmi dan separa rasmi. Hal ini berkaitan dengan angkubah-angkubah sosiobudaya yang melatari pesapa, termasuk angkubah hubungan kekerabatan yang terbahagi pula kepada peringkat-peringkat generasi. Pada peringkat generasi ini pula terkandung angkubah umur dan jantina yang mesti diperhatikan oleh penyapa apabila hendak menyapa pesapa. Di Daerah Rembau, kepelbagaian bentuk kata sapaan juga didapati dalam bahasa yang bersituasi rasmi. Hal ini berkaitan dengan keberagaman latar sosial para peserta yang menghadiri majlis rasmi tersebut.

Dalam situasi rasmi terdapat kecenderungan penggunaan kata sapaan yang berbentuk nama lengkap. Jenis kata sapaan ini terdapat di kawasan kajian Daerah Rembau. Salah satu daripada unsur nama lengkap itu ialah gelaran kurniaan. Penggunaan gelaran kurniaan adat juga terdapat dalam situasi separa rasmi. Akan tetapi, bentuk gelaran kurniaan dalam situasi kebahasaan ini cenderung berupa gelaran kurniaan pendek. Bentuk kata sapaan ini tidak didapati dalam situasi tidak rasmi.

Di Nagari Batuhampar terdapat penggunaan bentuk kata sapaan yang berupa kata ganti nama diri orang pertama yang bermakna jamak inklusif. Dapatan kajian ini mengubah konsep kata sapaan Bentuk kata sapaan ini digunakan dalam majlis rasmi. Jurubicara yang menggunakan kata sapaan ini menganggap semua hadirin memiliki status dan peranan yang sama dalam majlis tersebut. Majlis itu dihadiri oleh pembesar adat, *bundo kanduang*, sekumpulan anak muda sebagai perwakilan daripada

anak buah di wilayah adat mereka. Bentuk ini mencerminkan amalan egalitarianisme dan prinsip demokrasi yang diamalkan dalam majlis tersebut.

Dalam situasi separa rasmi dan tidak rasmi terdapat penggunaan bentuk kata sapaan yang sama. Bentuk yang dimaksudkan ialah istilah kekerabatan. Penggunaan bentuk ini dalam situasi separa rasmi dapat difahami kerana majlis yang menjadi tempat penggunaan bentuk ini merupakan salah satu daripada peringkat adat perkahwinan. Pesertanya terdiri daripada ahli-ahli keluarga hingga majlis yang diadakan ini menunjukkan suasana kekeluargaan. \

Dalam proses pemilihan bentuk kata sapaan tidak semua data-data kajian melalui selektor-selektor yang ada dalam rajah sistem sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986). Pada pihak lain, selektor yang ada telah dikembangkan sehingga pilihan selektor itu tidak bersifat binari lagi. Selektor-selektor yang ada tidak semuanya memenuhi keperluan proses pemilihan bentuk kata sapaan kawasan kajian. Keadaan ini berkait dengan sistem sosiobudaya masyarakat yang tercermin pada bentuk kata sapaan. Selain itu, selektor yang dilalui tidak pula sama antara ketiga-tiga situasi kebahasaan.

Bentuk bahasa lain yang wujud dalam pertuturan selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan pada setiap situasi kebahasaan. Rumusan bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan tidak rasmi tidak sama dengan rumusan bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan rasmi dan separa rasmi. Pada kedua-dua situasi kebahasaan ini terdapat sejumlah rumusan yang sama. Rumusan-rumusan tersebut menjadi ciri khas bahasa pada ketiga-tiga situasi kebahasaan.

Aturan urutan unsur-unsur yang membentuk kata sapaan secara am adalah sama antara kedua-dua kawasan kajian. Kekecualian terdapat pada sejumlah bentuk kata sapaan rasmi. Di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaan dalam situasi kebahasaan ini kurang pelbagai. Urutan unsur-unsur yang membentuk kata sapaan terdapat pada kata sapaan yang berbentuk frasa. Bentuk kata sapaan yang lain seperti gelaran tidak memperlihatkan urutan unsur kerana bentuk ini bukanlah sebahagian daripada nama lengkap. Berbeza dengan kawasan kajian ini, di Daerah Rembau didapati banyak bentuk kata sapaan yang memperlihatkan urutan unsur. Bahkan, ada bentuk kata sapaan yang memiliki urutan unsur yang lengkap seperti terdapat pada bentuk kata sapaan yang berupa nama lengkap.

Hasil perbandingan yang telah dilakukan menunjukkan bahawa kedua-dua kawasan kajian memiliki persamaan dan perbezaan bentuk kata sapaan. Persamaan dan perbezaan itu menyebar pada ketiga-tiga situasi kebahasaan.

Perbezaan bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan kajian lebih banyak berbanding persamaan yang wujud. Persamaan pun tidak wujud pada semua unsur yang membentuk kata sapaan. Persamaan juga terdapat pada sebahagian sahaja daripada bentuk kata sapaan. Rumusan yang sama juga berlaku pada kata sapaan yang menunjukkan perbezaan.

Persamaan bentuk kata sapaan rasmi lebih sedikit berbanding dengan perbezaannya. Perbezaan-perbezaan itu berkait rapat dengan suasana majlis rasmi di Nagari Batuhampar yang sangat berbeza dengan suasana majlis rasmi di Daerah Rembau. Di Nagari Batuhampar, komposisi peserta majlis kurang pelbagai. Suasananya egalitarianisme dan demokratik. Sementara di Daerah Rembau, komposisi peserta dan

suasananya amat berbeza. Pada bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi terdapat lebih banyak persamaan berbanding perbezaan yang ada. Hal ini berkait rapat dengan jenis majlis separa rasmi yang merupakan acara keluarga sebagaimana tergambar pada salah satu daripada jenis bentuk kata sapaannya, iaitu istilah kekerabatan. Seterusnya, pada bentuk kata sapaan dalam situasi tidak rasmi, perbezaan lebih banyak berbanding persamaan.

Bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian mengalami perubahan. Perubahan di Nagari Batuhampar tidak sebanyak perubahan bentuk kata sapaan di Daerah Rembau. Perubahan bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar berupa penambahan bentuk kata sapaan. Sementara perubahan di Daerah Rembau tidak hanya berupa penambahan juga penggantian bentuk lama kepada bentuk yang baharu.

Berdasarkan asumsi bahawa bahasa yang digunakan di Negeri Sembilan, khususnya di Daerah Rembau berasal dari Minangkabau asal, maka bentuk kata sapaan yang digunakan di Daerah Rembau mengalami perubahan. Perubahan ini berkorelasi dengan perbezaan-perbezaan yang wujud di kedua-dua kawasan kajian. Salah satu daripada bentuk kata sapaan yang menunjukkan perubahan adalah bentuk kata sapaan yang berkaitan dengan sistem kekerabatan. Daerah Rembau tidak memiliki bentuk kata sapaan khas kepada saudara lelaki ibu. Perubahan juga didapati pada kata sapaan yang digunakan untuk menyapa menantu lelaki. Bentuk kata sapaan yang pada mulanya berupa gelaran, kini berupa nama diri. Perubahan ini merupakan tanda-tanda bahawa sistem sosiobudaya masyarakat Daerah Rembau sedang menghadapi cabaran.

Perubahan bentuk kata sapaan disebabkan oleh pelbagai faktor. Secara am, faktor tersebut terbahagi kepada dua kelompok, iaitu faktor internal (kebahasaan)

dan faktor eksternal (di luar daripada kebahasaan). Di Nagari Batuhampar, faktor dasar politik bahasa nasional, pemodenan sarana dan prasarana dan informasi berperanan dalam perubahan bentuk kata sapaan. Di Daerah Rembau, selain daripada faktor di atas masih terdapat faktor lain yang mempengaruhi perubahan kata sapaan. Faktor lain itu ialah dialek jiran, dasar pemerintahan Inggeris, dasar ekonomi baru, dan perubahan persepsi tentang kampung dan dialek kampung. Dialek Negeri Sembilan berada antara dialek-dialek Melayu. Kontak bahasa dengan dialek jiran lebih sering daripada dengan bahasa Minangkabau asal. Peluang untuk saling mempengaruhi antara kedua-duanya lebih besar berbanding dengan bahasa Minangkabau asal. Seterusnya, dasar pemerintahan Inggeris, dasar ekonomi baru, perubahan persepsi tentang kampung yang berkorelasi pada dialek kampung meninggalkan kesan pada sistem sosiobudaya. Peranan pembesar adat dalam mengawasi amalan adat daripada anak buah semakin lemah. Peranan saudara lelaki ibu bagi anak buah daripada keluarga luas juga semakin lemah seiring dengan makin perkasanya peranan lelaki sebagai suami dan bapa dalam keluarga asas. Persepsi negatif tentang kampung berkorelasi dengan persepsi negatif tentang dialek kampung. Kesemuanya itu merupakan akibat daripada dasar pemerintahan Inggeris dan dasar ekonomi baru. Keadaan demikian memberi kesan pada perubahan bentuk kata sapaan.

## 7.1 Saranan

Perbandingan bentuk kata sapaan antara bahasa Minangkabau asal dengan dialek rantau, dialek Negeri Sembilan adalah satu kajian yang dilakukan. Kajian ini perlu dilanjutkan dengan kajian khusus tentang unsur bentuk kata sapaan seperti nama diri dan gelaran. Kajian akan menghasilkan dapatan yang komprehensif tentang bentuk dan asal nama diri dan gelaran. Daripada kajian ini akan didapati pula perbezaan dan persamaan bentuk dan asal nama diri dan gelaran antara kedua-dua kawasan kajian. Kajian leksikografi dan leksikosemantik antara kedua-duanya juga perlu dijalankan.

Daripada kajian ini akan didapati persamaan dan perbezaan leksikon di kedua-dua kawasan kajian. Hasil kajian nanti tidak hanya bermanfaat bagi perkembangan ilmu bahasa, juga ilmu di luar bahasa seperti sejarah, sosiologi, antropologi, dan sastera. Selain itu, apa sahaja kajian yang dilakukan semestinya memperkasakan hubungan persaudaraan masyarakat Minangkabau asal dengan masyarakat rantau di Negeri Sembilan.

## BIBLIOGRAFI

- A.A Navis. 1984. *Alam Terkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta: PT. Grafittipres.
- Abdul Chaer. 2000. *Tata Bahasa Praktis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Bharata Karya Aksara.
- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Seremban.
- Abdul Samad Idris. 1990. *Payung Terkembang*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Ainon Muhammad. 2002. “Dasar dan Pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan” dalam *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV* Awang Sariyan (penyusun). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 2002. “Dialek Melayu Negeri Sembilan: Beberapa Aspek Linguistik”. Dalam *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*.123-130. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Halim. 1976. “Pola Kebijakan Bahasa Nasional” dalam *Bahasa dan Sastra*, Tahun II, No. 2. *Proyek Pengembangan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Asim Gunarwan. 2005. “Kasus-kasus Pergeseran Bahasa Daerah: Akibat Persaingan dengan Bahasa Indonesia”. *Jurnal Linguistik Indonesia*. Vol. 24, No. 1, Februari 2006, 95-113.
- Asmah Hj. Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008a. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008b. *Ensklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, & S. Djamaris. 1983. *Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen P dan K.

- Asni Ayub, W. Chan, H. Rasyad, R. Alwis, N.A. Djamil, & S. Djamaris. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 1993. *Tata Bahasa Minangkabau*. Jakarta.
- Asraf. 1993. "Politik Bahasa Nasional Kontra Politik Kolonial". Dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972*. Kumpulan Karangan daripada Majalah Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Badan Pusat Statistik Indonesia. 2010. *Katalog Publikasi 2010*. ([http://sp2010.bps.go.id/files/ebook/katalog\\_metadata\\_sp2010.pdf](http://sp2010.bps.go.id/files/ebook/katalog_metadata_sp2010.pdf)). Muat turun 10 Mai 2013.
- Collins, J.T. 1985. *Malay Dialect Research in Malaysia: the Issue of Perspective* dalam Bijragen tot de Taal-Land en Volkenkunde het, hl. 235-264.
- Departement of Statistics Malaysia. 2013. [www.statistics.gov.my/portal/](http://www.statistics.gov.my/portal/) dan <http://www.mdr.gov.my/web/guest/sejarah>. Muat turun 15 Mai 2013.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dobbin, C. 1977. "Economic Change in Minangkabau as a Factor in the Rise of Padri Movement: 1784-1830." *Indonesia*, No. 23 (April), 1-37.
- Ervin-Tripp, S. 1972. "Sociolinguistic Rules of Address". Dalam *Sociolinguistics: Selected Reading* oleh Pride , J.B. dan Janet Holmes (ed.). Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Ervin-Tripp, S. 1976. "Sociolinguistics". Dalam *Advances in The Sociology of Language*.). Vol.I. Basic Concepts, Theories and Problems: Alternative Approach oleh Fishman, Joshua A. (ed.). The Hague-Paris: Mouston.
- Ervin-Tripp, S. 1986. "On Sociolinguistics Rules: Alternation and Co-occurrence". Dalam *Directions in Sociolinguistics* oleh Gumperz, John J dan Del Hymes (ed.). New York: Holt, Rinehart ands Winston, Inc.
- Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. New York: Blackwell.
- Fishman, J.A. (ed.). 1976. *Advances in The Sociology of Language*. Vol.I. Basic Concepts, Theories and Problems: Alternative Approach. The Hague-Paris: Mouston.
- Gorys Keraf. 1991. *Tata Bahasa Rujukan Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Gouzali Saydam. 2004. *Kamus Lengkap Bahasa Minangkabau*. Bahagian I. Padang: Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau.
- Gumperz, J.J. dan Del Hymes (ed.). 1986. *Directions in Sociolinguistics*. New York: Holt, Rinehart ands Winston, Inc.
- Hadler, J. 2010. *Sengketa Tiada Putus*. Jakarta: Freedom Institute.

- Haji Kula Haji Md. Noor. 2007. *Kata dan Bentuk Sapaan Bahasa Dalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Harimurti Kridalaksana. 1980. *Fungsi Bahasa dan Sikap Bahasa*. Ende: Nusa Indah.
- Harimurti Kridalaksana. 1982. *Dinamika Tutur Sapa dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Bhratara.
- Harimurti Kridalaksana. 1989. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana. 2008. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Hasan Alwi, Soenjono Darjowidjojo, Hans Lapolowa, & Anton M. Moeliono. 2003. *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Edisi Ketiga. Jakarta: Balai Pustaka.
- Hashim bin Musa. 1998. “Perjalanan Ilmu, Sains dan Teknologi dalam Acuan Malaysia Sendiri sebagai Asas Pembentukan Tamadun Malaysia: Peranan Bahasa Melayu”. Dalam *Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru*. Md. Nasir dan A. Razak (ed.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Ibrahim Abdullah. 2005. “Struktur Suku di Rembau” dalam *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muslim Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Pada [http://statistics.gov.my/portal/download\\_Population/files/population/05Jadual\\_Mukim\\_negeri/Mukim\\_NSembilan.pdf](http://statistics.gov.my/portal/download_Population/files/population/05Jadual_Mukim_negeri/Mukim_NSembilan.pdf). Muat turun 11 Februari 2015.
- J. Gonda. 1973. *Sanskrit in Indonesia*. New Delhi: International Academy of Indian Culture.
- Josseline De Yong, P.E. de. 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Kato, Tsuyushi. 1989. *Nasab Ibu dan Merantau*. Terjemahan Dr. Azizah Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kato, Tsuyushi. 1992. “Masyarakat Nasab Ibu dalam Satu Perspektif Perbandingan : Sumatra Barat dan Negeri Sembilan” dalam *Jurnal Manusia dan Masyarakat*. Jil.10 (Dis 1997) : 91-121.
- Kementerian Dalam Negeri. 2015. <http://www.kemendagri.go.id/news/2012/04/03/keterangan-pemerintah-atas-rancangan-undang-undang-tentang-pemerintahan-daerah>. Muat turun 22 Januari 2015.
- Koentjaraningrat. 1979. *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Cetakan Ke-2. Jakarta: PT Gramedia.
- Koentjaraningrat. 1990. *Beberapa Pokok Antropologi Sosial*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Koentjaraningrat. 1997. *Pengantar Antropologi II*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Leny Syafyaha. 2011. *Pronomina Persona Bahasa Minangkabau*. Padang: Minangkabau Press.

- Leny Syafyahya, Aslinda, Noviatri, & Efriyades. 2000. *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau di Kabupaten Agam*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- M. Dj. Nasution, Sulastika & Atika S.M. 1994. *Sistem Sapaan Dialek Jakarta*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mas'oed Abidin, Azmi, Hasril Caniago, Hawari Siddik, Hayati Nazar, Yaswirman, Raudha Thaib, ...., & Zukri Saad. 2005. *Ensiklopedi Minangkabau*. Padang: Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau.
- Mat Nor Hussin dan Rozita Kamaruddin. 1999. "Sistem Panggilan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu di Kampung Pamah Kulat". Kertas Kerja pada Seminar *Micollac*. Serdang. Mei. 1999.
- Mat Zean Abd. Aziz. 1990. "Pewarisan Tanah Pusaka: Satu Kajian Kes di Rembau" dalam *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Media Sandra Kasih. 2002. "Sistem Sapaan Keluarga bahasa Minangkabau dan Melayu Suatu Perbandingan". Dalam *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*. 123-130. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Media Sandra Kasih. 2004a. *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau: Cerminan Adat dan Sistem Sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Media Sandra Kasih. 2004b. "Sistem Kata sapaan Anak-anak dan Remaja dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Analisis Sosiolinguistik" dalam *Linguistik Indonesia: Jurnal Ilmiah Masyarakat Indonesia*. 22(2), 179-184.
- Midawati. 2001. "Perempuan dan Komersialisasi Pertanian di Nagari Batuhampar 1970-1990". *Disertasi* Universitas Indonesia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar Ifadzel, Norsimah Mat Awal, Idris Aman Idrisa. 2012. "Sikap dan Kefahaman Pelajar terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik" dalam jurnal *GEMA Online™*, Volume 12(4), November 2012.
- Mokhtar Naim. 1979. *Merantau: Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- MS. Amir. 1997. *Adat Minangkabau: Pola dan Tujuan Hidup Orang Minangkabau*. Jakarta: PT Mutiara Sumber Widya.
- M. Thaib Sutan Pamoentjak. 1935. *Kamoes Bahasa Minangkabau-Bahasa Melajoe-Riau*. Batavia: Balai Pustaka.
- Nadra. 2006. *Rekonstruksi Bahasa Minangkabau*. Padang: Andalas Universitas Press.
- Nadzan Haron. 1997. *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat, 1800-1960*. Seremban: Muzium Negeri Sembilan.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2011. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur.

- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 2007. *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Seremban: Lembaga Muzeum Negeri Sembilan.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, & Raja Masittah Raja Ariffin. 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah Mat Awal dan Kulthum Ibrahim. 2003. “Dialek Negeri Sembilan: Konflik Nilai dan Jati Diri”. Makalah dalam *Seminar Za’ba Mengenal Alam Melayu I*. Perak: Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Portal Kabupaten 50 Kota. 2015. Pada <http://www.limapuluhkotakab.go.id/hal-sejarah.html#ixzz3m3OAu9sO>. Muat turun 18 September 2015.
- Portal Kabupaten 50 Kota. 2015. Pada <http://www.limapuluhkotakab.go.id/hal-geografi-dan-demografi.html>. Muat turun 18 September 2015.
- Pride, J.B. dan Janet H. (ed.).1972. *Sociolinguistics: Selected Reading*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir, & Noor Ein Haji Mohd. Noor. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rasjid Manggis M.Datuk Radjo Penghulu. 1971. *Minangkabau: Sedjarah Ringkas dan Adatnya*. Padang: Sri Dharma.
- Raja Masittah Raja Arifin. 2003. “Anjakan Nilai Sosial Tradisional ke Moden: Satu Kajian Kes Kata Panggilan dalam Keluarga Melayu”. Makalah dalam *Seminar Za’ba Mengenal Alam Melayu I*. Perak: Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Reniwati. 2008. “Revitalisasi Bahasa Minangkabau: Betulkah Bahasa Minangkabau Sudah Bergeser?”. Kertas kerja dalam *Semiloka ”Potret Pendidikan Budaya Alam Minangkabau”*, 27 dan 28 November 2008. Padang: Fakutas Sastra Universitas Andalas.
- Reniwati. 2011. “Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan dalam Perbandingan Fonologis” dalam *Seminar Internasional Indonesia-Malaysia*. University Malaya.
- Reniwati. 2012. “Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Perbandingan Linguistik Historis Komparatif “ dalam *Jurnal Wacana Etnik*, Vol.3, No.2, 2012.
- Reniwati. 2013. “Perbandingan Fonologis Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan: Suatu Kajian Penelusuran Jejak Keminangkabauan”. Kertas Kerja *SIKCAS*. Penang: USM.
- Reniwati dan Noviatri. 2011. “Bahasa Campur Bahasa Indonesia Orang Minangkabau” dalam *Prosiding 2 Seminar Internasional Hubungan Indonesia-Malaysia*. Padang: Minangkabau Press.

- Reniwati, Noviatri, Rona Almos, & Fajri Usman. 2013. "Dari Yusuf Sampai Yosef: Ideologi Pola Pemberian Nama Orang Minangkabau dalam Pembentukan Karakter dan Identitas". *Laporan Penyelidikan*. Padang:Universitas Andalas.
- Rina Marnita AS dan Oktavianus. 2008. "Perilaku berbahasa masyarakat Minangkabau dan Pengaruhnya terhadap Pemakaian Ungkapan Sebagai Media Pendidikan Informal Keluarga. *Linguistik Indonesia*. Vol. 26, No. 2, Agustus, 219-232.
- Rona Almos, Reniwati dan Noviatri. 2013. "Karakteristik Bahasa Indonesia Orang Minangkabau". *Adabiyyat*,Yogyakarta, 2013, Vol. XII, No.1.
- Saidatul Nornis Haji Mahali.1997. "Sistem Sapaan Kekeluargaan Bajau: Suatu Penelitian Awal". Kertas Kerja *Seminar SKALI*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sjarifoedin Tj.A. 2011. *Minangkabau: Dari Dinasti Iskandar Zulkarnain sampai Tuanku Imam Bonjol*. Jakarta: PT Gria Media Prima.
- Sudaryanto. 1993. *Metode dan Aneka Teknik Analisis Bahasa*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.
- Sumalee Nimmanupap. 1994. "Sistem Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik". *Tesis Ph.D University Malaya*.
- Tim Penyusun Kamus Pusat Bahasa. 2008. *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional.
- Trudgill, P. 1984. *Sosiolinguistik Suatu Pengantar*. Terjemahan Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaacob Harun. 1995. *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Yaakub Idrus. 1996. *Rumah Tradisional. Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yusriwal. 2005. *Kieh Pasambahan Manjapuik Marapulai di Minangkabau:Kajian Estetika dan Semiotika*. Padang: Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau.
- Wilkinson, R.J. 1903. *A Malay-English Dictionary*. Tokyo Nippon

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Lampiran A: *Pasambahan Malewakan Pangulu* di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota**

#### **Jurubicara :**

Ma lah, Datuak?

#### **Pangulu Pucuak:**

Ambo, Tuak.

#### **Jurubicara:**

Banalah sudah kito pacik,  
taguah digenggam nan lah kokoh,  
buek saukua nan lah sudah,  
lah buliah ambo manyampaian,  
nak bapambori dari Datuak.

#### **Pangulu Pucuak:**

Alah, Tuak.

Sampaianlah.

#### **Jurubicara:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
ambun satitiak dari langik,  
jatuah di ranah Minangkko,  
sambahan ka Datuak nan sabaliak,  
sarato kito nan ado,  
kadangko salam sakaji rang tuangku,  
parsambahan sakaji, Datuak.  
Datuak lah rajok ampek suku,  
dari ujuang lalu ka pangka,  
dari pangka lalu ka ujuang,  
lalu ka anjuang penteh,  
malimpa majoring ka parbalaian,  
nan salingga cupak jo gantang,  
nan salingga bungka nan pewai,  
nan dibariah pahek baukia,  
nan diukia buek nan sasuai,  
nan di kampuang kato nan saadat,  
di nagori balai nan saundang,  
sakali sambah ambo ulang.  
Adok ka Datuak Niniak Mamak,  
urang nan arif bijaksano,  
pemimpin kamanakan dalam kampuang,  
tampek batanyo kalau pai,  
tampek babarito jikok pulang,  
dianjuang tinggi dek basamo,  
diamba gadang dek nan banyak,  
kato sapatah dibanakan,

rundiang sabuah baiyokan.  
Baitu pulo kapado Cadiak Pandai,  
nan tau di kelok luruih banang,  
nan tau di lubuak nan babatu,  
nan tau di ginjua dalam buék.  
Baitu kapado alim ulama,  
nan tau di adia dengan dalia,  
nan tau di peka dengan tajuwid,  
nan tau jo paham jo akikat,  
nan tau di rukun dengan syarat.  
Baitu pulo Manti jo Dubalang,  
nan capek pai kok disuruah,  
nan capek yibo kok dipanggia,  
bapantang japuik tak tabao,  
alun pakirim nan tak sampai.  
Baitu pulo kapado bundo kanduang,  
nan tau di tamu baru tibo,  
nan tau di utang lah babayia,  
nan tau di pandang nan tatumpu,  
nan tau salah dengan jangg.  
Baitu pulo kapado nan mudo-mudo,  
mudo-mudo salendang dunia,  
limpapeh rumah nan gadang,  
sumarak anjuang nan tinggi.  
Sambah sabaliak lah ambo baco,  
indak disisih diangangkan,  
indak disibak dibatehkan,  
kasamonyo alah ambo sabuik.  
Sabalun niat dikatokan,  
sabalun mukasuik dicurahkan,  
elok dibaco gak saketek,  
sajarah lamo nan takambang.  
Manuruik wariah nan dijawek,  
kaba barito nan dek ulu,  
jikok bumi sapaimbauan,  
kok lauik sacampak jalo,  
tanah daratan balunlah leba,  
nan timbuua Gunuang Marapi,  
kok asa niniak moyang kito,  
asa mulo mulai dikaji,  
asa nan dari Binaruhun,  
balahan sapiah tigo jurai,  
urang nan tigo badunsanak,  
bapaknya Zulkarnaini,  
anak nan tuo Simarajo Alif,  
nan tingga di Binua Ruhun,  
nan tangah Simarajo Depang,  
nan tingga di Binua Cino,  
nan ketek Majo Dirajo,  
nan turun ka Pulau Ameh,  
nyato ka alam Minangkabau.  
Dikambang terambo nan talipek,

dikaji adat tanah Minang,  
tanduak kabau paruik tajelo,  
mati di Padang Koto Ranah,  
tuo mudo uranglah hairan,  
datang tak rago nyo diimbau,  
tasabuik asa mulonyo,  
dek sabuang balanggang tanah,  
dapeklah tuah kamujuran,  
timbualah namo Minangkabau.  
Alah bakariah samparono,  
buatan Simarajo Paik,  
itu pusako diturunkan,  
samo manjawek lah saiyo,  
tuah basabab bakarano,  
pandai batinggang dalam ghaib,  
arif jo bijak bapakaian,  
tasabuik dalam kato-kato,  
taserak ka Tanah Data,  
tabincang ka Luhak Agam,  
tabendang ka Limo Puluah,  
nan turun di Pariang Padang Panjang.,  
tasabuik Kubuang Tigo Baleh,  
manuju Bukik Barisan,  
maronung jo Batang Guguak,  
Cindakiak Padang Balimbiang,  
Padang Kunyik Padang Galundi,  
Tanjung Paku Tanjuang Tandikek,  
Sambilan Tanjuang Tambikuang,  
Kinari jo Muaro Paneh,  
Silungkang Padang Sibusuak,  
itu riwayat Kubuang Tigo Baleh,  
tasabuik Luhak Tanah Data,  
asal nan Luhak Tanah Data,  
babatu bungo setangkai,  
balimo kaum di sinan,  
babaso baampek balai baru,  
alam gunuang pasisia,  
sainggo rayo pintu ilia,  
di dalam adat nan bapakai.  
Partamo adat maha mulia,  
adat Datuak Parpatiah Nan Sabatang,  
adat di Bodi Caniago,  
bananyo luruih nan mandatang,  
ukum putuih manahan bandiang,  
kato bana maulak sudi,  
kato dibao jo baiyo,  
syarak agamo ka landasan.  
Kaduo adat mawajudu,  
adat Datuak Katamanguangan,  
adat di Koto jo Piliang,  
musyarakawarah kato dipakai,  
kato putuih samo bapaciak,

indak bacondong amuah rabah,  
timbang dibao ka naraco,  
kokoh dibao duo datuak,  
warisan jawek bajawek,  
di dalam Luhak Tanah Data,  
ilia badatuak mudiak batuan,  
Tuan Kodi di Padang Gantiang,  
Tuan Gadang di Batipuah,  
Andomo di Saruaso,  
Titah di Sungai Tarab,  
Datuak Mahudun di Sumania,  
Rajo Adat di Sumpur Kudus,  
Rajo Gadang di Pagaruyuang,  
Rajo Alam di Minangkkabau,  
di dalam luhak dilarek tu,  
bakampuang babalai lobuah,  
batabek basawah tangah,  
Datu Tante jo Burhano,  
Indo Bio namo ibunyo,  
Inyiak Kolek namo bapaknyo,  
jikok manurang sambia tagak,  
jikok maatok sambia duduak,  
sawah gadang satampang baniah,  
makan urang tigo luhak,  
ujuang labuah Tanjuang Sungayang,  
ingga sulu lado mudiak,  
ingga dasun tunggilia,  
salilik Gunuang Marapi,  
salingka Gunuang Singgalang,  
jatuah ka Luhak Lubuak Agam,  
Agam tarbagi duo,  
partamo bodi caniago,  
kaduo koto jo piliang,  
parentah bodi caniago iyolah Datuak Sinaro,  
nan kuniang di tabek panjang,  
nan parentah Koto jo Piliang,  
iyolah Datuak Sinaro Nan Panjang di Biaro,  
iyonyo Lurah Ampek Baleh Koto,  
partamo iyolah Agam jo Biaro,  
Lambah jo Panampuang,  
Canduang jo Lasi,  
dari puhun lalu ka ujuang,  
buek diangkek nan kaduo,  
mambuek koto jo nagari,  
sakuliliang bukiak nan tinggi,  
salingka nagari nan dalam nagari,  
nan ompek saedaran,  
Kurai jo Banu Hampu,  
Sianok jo Koto Gadang,  
buek diangkek nan katigo,  
mambuek koto jo nagari,  
arah ka pinggang Gunuang Marapi,

madok matoari kok tacompuang,  
sabalah kate Banu Hampu,  
Sariak jo Sungai Pua,  
batagak batu pilano,  
buek diangkek nan ka ampek,  
nan mambuek koto jo nagari,  
arah ka kaki Gunuang Singgalang,  
di Guguak Tabek Sirajo,  
balingka Koto Pambatan,  
Bukik Sedo Galanggang Magek,  
sambah tunggang titahnya kadim,  
bapantang kusuik tak salasai,  
alun lai karuah nan tak janiah,  
jatuah ka Luhak Limo Puluah,  
asa nan Luhak Limo Puluah,  
ingga sisauak Sungai Rimbang ingga Situkah Pinang Tungga,  
durian ditakuak rajo,  
sialang balantak basi,  
ingga sipisak pisau anyuik,  
ka riak karang maampuh,  
ka pantai ombak badabua,  
di dalam, luhak dilarah ilia,  
badatuak mudiak,  
badatuak urang pangulu kasadonyo,  
sajajak ranah ka diagiah,  
sabalun lareh ka dibagi,  
barapek ka balai jariang,  
bamoti ka Balai Patimah,  
ukum putuih ka Balai Gadang,  
urang tuo di Payokumbuah,  
bapanghulu ka Aia Tabik,  
pucuak adat ka Tiaka,  
kasabaran Angku Bandaharo,  
mambuek balai saruang,  
atok langik dindiangnyo bukik,  
tunggaknyo adat jo pusako,  
adat di Mungka Mangganti,  
camoti di Balai Tolang,  
ajah dompak di Talago,  
pasak ulua di Talago Gantiang,  
pasak jo luju di Silamak,  
kunci basi di Batuhampa,  
kunci loyang di Situjuah,  
lantak baramban di Sitanang,  
Sitanang Muaro Lokin,  
dek cadiak sijino katik,  
dek bijak rajo panawa,  
dek yakin baro bin nasi,  
luak dibagi tigo asa,  
nan Luak Limo Puluah,  
ilia paling pelimpahan,  
mudiak ka balai tabiang tinggi,

tiok lasuang bayam gadang,  
tiok tanjuang ado rimaunyo,  
jajahan Rajo Mangkudun,  
nan bapintu ka Sungai Pulai,  
nan bajanjang ka Ladang Laweh,  
iliran sungai la baturuik,  
pandang lah sudah ka muaro,  
kok janiah lah bak ambun,  
tagantuang kok putiah lah bak kapeh dicabiak,  
karuak lah saabiah gauang,  
awailah saabiah raso,  
nan ka jadi ujuik panyambahan nyato,  
dek tumbuah iko kini,  
ramo-ramo sikumbang janti,  
katik endah pulang bakudo,  
patah tumbuah ilang baganti,  
pusako bagele ka nan mudo.  
Iyo nyo Tuak,  
iduik nan bakarilahan,  
mati nan batungkek budi,  
dulu nan banamo Amin nan bagala Datuak Itam,  
kini digantikan dek nan banamo Sapar nan bagala Datuak Itam.  
Saiyo nyo Tuak,  
nak sapaciak saganggam,  
dirantang anjang dikambang,  
leba dipanggian di labuah nan golong,  
diimbauan di pasa nan rami,  
nan saadat salimbago,  
nak saundang sapusako,  
utang nak samo dibayia,  
piutang nak samo batarimo,  
sakitulah sampai kato dari kami.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Sumber: *Kato-Kato Bungo Adat Dialek: Jamuan* ditulis oleh Zaidar Khatib Sutan tahun 1991 di Batuhampar.)

**Lampiran B: *Pasambah Batimbang Tando* di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota**

**JBPL:**

Malah, Datuak.

**JBPP:**

Ambo, Tuak.

**JBPL:**

Walau Datuak surang nan taimbau,  
indak basisiah jo baanggan,  
titah tabua ka nan banyak,  
solam kapado nan basamo,  
dihadia ibu jo bapak,  
dalam lingkungan ninik mamak,  
nyato dek tumbuah kini,  
adat limbago kito pakai,  
pusako usang sajak dulu,  
kokoh bapaciak arek,  
toguh osah baganggam,  
basamo kito manjunjuang.  
Suluah bendang bacamin toruh,  
bacayo ka alam leba,  
di Minangkabau tompat tumbuahnya,  
yoiitu tak ragu di nan nyato.  
Nan bak gurindam kato adat,  
apolah baju rang kunari,  
bajulah sudah dari balai,  
apolah rajo di nagori,  
alua jo patuik kito pakai.  
Awa dek paneh nan ba asa,  
nyatalah ujan bapuhun.  
awa dilangkah nan salangkah.  
awa dek kato nan sapatah,  
langkah salangkah jadi panjang,  
kato sapatah jadi banyak,  
tumbuahlah doli mangatokan,  
Kullu balladi kiyamuhi bil bil adati au syariin azimi,  
baramulo tiok-tiok nagori,  
bapaga dengan adat nan kokoh,  
sarato sarak nan lazim.  
Panjang ka diagiah barueh,  
kotak ka diagiah babuku,  
kayu ditokuk barobahkan,  
jonji babuek bamuliakan,  
nyato dek sirih nan bagagang,  
osalah pinang nan batanti,  
nyatalah adat nan mandatang.  
Torang pusako nan mananti,  
tarungguh Datuak ninik mamak,

sarato jo ibu bapak,  
nan dikatokan adat nan mandatang,  
lah tibo sumando tangah rumah,  
langkok jo kawan samo gadang.  
Turunlah adiah simalayu,  
onau di kapalo koto,  
ambik ka tiang sasak,  
labihnyo ka tiang lantai.  
Ssari janji kami lah tibo,  
monomui Datuak Ninik Mamak,  
monomui adat nan bapakai.  
Lorong ka Datuak Ninik Mamak,  
bonanyo luruh nan mandatang,  
pahamnyo osah dalam adia,  
pocah takluk ka alemu,  
jatuah ka sifat nan bapakai.  
Nyato pun sungguah nan baitu,  
kain sacabik nan balipek,  
omeh saincai nan batai,  
sarato piti nan babilang,  
nan taunjuk ka muko Datuak.  
Kini legaran Datuak Ninik Mamak,  
sarato ibu bapak,  
nak dicolik sapanjang adat limbagonyo,  
sakitu runding bakeh Datuak.

**JBPP:**

Lah sampai dek Datuak?

**JBPL:**

Lah sampai, Tuak.

**JBPP:**

Kato nan datang dari Datuak iyolah kato nan sabananyo,  
luruhnyo dalam adat kito,  
pusako nan samo kito jawek,  
basamolah kito mamakaikan.  
Kami caliakan sapanjang adat, Tuak?

**JBPL:**

Langsuang, Tuak.

**JBPP:**

Tantulah dibilang dari bungkusan itu,  
kalau misanyo lah cukuik,  
mako kito katokan baliak pado Datuak.  
Ma lah Datuak.

**JBPL:**

Lai.

**JBPP:**

Unjuk Datuak lah batarimo,  
lah kami caliak sapanjang adat,  
ponuhnyo tak malimbak,  
umpang na indak lai badokuk.  
Jiko baitu janyo Datuak,  
lah manyanangkan di hati kami.  
Mako buliah kito mapasambahkan manjapuik sumando.

(Sumber: *Kato-Kato Bungo Adat Dialek: Jamuan* ditulis oleh Zaidar Khatib Sutan tahun 1991 di Batuhampar.)

## **Lampiran C: Ucapan Juruacara Majlis Menyalang Adat di Daerah Rembau Negeri Sembilan**

Ke bawah kaus YTM, Datok Lela Maharaja, Datok Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman, Datok Undang Luak Rembau. Hamba Datok, dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah. Memohon izin perkenan untuk memulakan adat-istiadat. Ampun Datok.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pohon nangko,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah memulakan adat pusako.  
Limau purut jatuh ke lembah,  
jatuh menimpa pokok lada,  
pinang mengadap sireh menyembah,  
jari sepuluh menjunjung sabda.  
Senduduk tumbuh tanahnya padat,  
urat bersilang ke pokok nangko,  
duduk kita di tanah adat,  
eloklah kita membilang adat pusako.  
Beraja ke Johor,  
bertali ke Siak,  
bertuan ke Minangkabau,  
bersultan ke Aceh,  
bendahara ke Pahang,  
Sultan Besar, Seri Menanti,  
bertuan muda di Rembau,  
itulah kata adat dengan pusako.  
Alam beraja,  
luak berundang,  
Undang berkejan, berlembaga,  
menghadap undang, bernobat,  
berempat di baruh, nan berlima bersuku,  
dalam sembilan, dua tiga,  
lembaganya satu.

Pada hari nan sehari ni, istiadat menyalang kepada YTM datok Lela Maharaja Datok Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman, Daok Undak Luak Rembau ke-21 adalah oleh empat orang Datok lembaga dan seorang buapak delapan kampong Suku Biduanda, Kampong Bukit. Kelima pusaka baru ini, telah dikosongkan berikutan kembalinya penyandang tersebut ke rahmatullah. Pusaka lembaga terdiri dari YM Datok Samsura Pahlawan Mohd Ilmy bin Hj Mohd Zin, Datok Lembaga Suku Mungkal Baruh, merangkap Tiang Balai Baruh, YM Datok Bangsabalang Hj Yahaya bin Musa, Datok Lembaga Suku Tiga Nenek, merangkap Tiang Balai Baruh, YM Datok Raja Senara Hj Mahat bin Ibrahim, Datok Lembaga Suku Tanah Datar Baruh, dan YM Datok Maharaja Jinda Mohd Radzi bin Long, Datok Lembaga Suku Tanah Datar Darat serta Buapak Delapan Kampong, Kampong Bukit YM Datok Menteri Hj Daud bin Ahmad.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pohon langsat,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah memulakan adat istiadat.

Ke bawah kaus YTM, Datok Mendika Menteri Akhirulzaman, Datok Hj Musa bin Hj Wahab, Datok Undang Luak Jelebu.

YAB Datok Seri Utama Hj Muhamad bin Hj Hasan, Menteri Besar NSDK dan YM Raja Datin.

YB Datok Dr. Hj Awaludin bin Hj Said, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri.

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, NSDK.

YM Datok-datok Penghulu Luak Tanah Mengandung.

YM Datok Baginda Tan Mas, Hj Mohamad bin Abdullah Luak Johol.

Ahli-ahli yang berhormat.

YBHG Tuan Hj Mohmad Rawi B. Baharom, Pegawai Daerah Rembau, merangkap pengerusi bersama istiadat dan Puan Isteri.

YM Datok Perba Hj Yahaya bin Abd Ghani, Datok Lembag Suku Biduanda, merangkap pengerusi bersama istiadat dan Puan Isteri.

YBHG Datok-Datok, YBHG Datin-Datin.

Yang Dihormati Dif-dif Jemputan, Ketua-ketua Jabatan.

YM Datok-Datok Orang Besar Undang yang Empat, YM Datok Lembaga Tiang Balai Batuh dan Darat, YM Datok-Datok Lembaga serta Puan-Puan Isteri.

YM Buapak Delapan Kampung, YM Penyandang Pusaka Adat, Pemimpin Masyarakat.

Tuan-Tuan, Puan-Puan, dan Hadirin Yang Dihormati sekalian.

Kok jauh dah dijemput,  
kok dokek dan dikumpulkan,  
yang jauh dah pun sampai,  
yang dokek dah pun dikampungkan,  
hukum tak mengambek, adat pula tak menghalang.

Seterusnya, majlis mempersilakan YM Datok Perba Hj Yahaya bin Abd Ghani, Datok Lembaga Suku Biduanda, merangkap bersama pengerusi bersama istiadat untuk menyampaikan ucapan. Dengan hormatnya dipersilakan Datok.

... Ucapan Datok Perba....

Majlis Merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YM Datok Perba Hj Yahaya bin Abd Ghani, atas ucapan itu tadi.

Majlis diteruskan dengan mempersilakan YBHG Tuan Hj Mohamad Rawi bin Baharom, Pegawai Daerah Rembau, merangkap Pengerusi bersama istiadat untuk menyampaikan ucapan. Dengan hormatnya dipersilakan, Tuan.

...Ucapan Pegawai Daerah....

Majlis juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YBHG Tuan Hj Mohamad Rawi bin Baharom kerana sudi menyampaikan ucapan.

Bulat anak buah menjadikan buapak,  
bulat buapak menjadikan lembaga,  
bulat lembaga menjadikan undang,  
bulat undang menjadikan raja.

Maka, inilah nampaknya,  
kuat adat kerana muafakat,  
semenda sujud kepada lembaga,  
lembaga sujud menyembah undang.

Dengan itu, hamba, Datok, merafak sembah memohon izin untuk menyeru setiap penyandang pusaka lembaga dan buapak masuk menghadap.

(Maka, inilah diseru kepada Datok-Datok, Pak Long, Mak Long, Anak buah, tua muda, kecil besar serta hadirin sekalian yang ada.)

Patah tumbuh, hilang berganti,  
hilang satu, berganti satu,  
tidak boleh dianjak, dialeh lai,  
dianjak berpantang layu,  
dianjak berpantang mati,  
raja mati raja menanam,  
sehari tanam sehari tumbuh.

Inilah Datok-Datok Lembaga dan Buapak,  
datang membawa hutang,  
bukan hutang padi nan bersukek,  
bukan hutang ringit nan berbilang,  
hutang adat dengan pusaka,  
adat di sisi penyandang pusaka.

(Maka diserulah, YM Datok Merbangsa Azmi bin Ahmad, Datok Lembaga Tiang Balai Baruh, merangkap Ketua Adat Istiadat menghadap YTM Datok Undang memohon izin perkenan untuk memulakan istiadat.)

Datok-Datok serta hadirin sekalian,  
Dengan dijemput oleh Datok Seri Maharaja Abu Zarin bin Abdul Samat dan disambut oleh YM Datok Merbangsa Azmi bin Ahmad dan Puan Isteri Habibah binti Abd Aziz, maka diserulah YM Datok Samsura Pahlawan Mohd Ilmy bin Hj Mohd Zain, Datok Lembaga Suku Mungkal Baruh, merangkap Tiang Balai Baruh, dan Puan Isteri Hamidah binti Abd Ghani, diiringi oleh Tok Paduka Setia Azhar bin Jani, bauapak Suku Mungkal Baruh, ibu soko Puan Junaidah binti Mahadi serta pembawa panco, naik menghadap ke bawah kaus YTM Datok Lela Maharaja Datok Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman, Datok Undang Luak Rembau.

Istiadat mempersembahkan (menyuwo) tepak sireh dan irungan kepada YTM Datok Undang oleh Buapak Tok Paduka Setia Azhar bin Jani.

Istiadat mempersembahkan bahara kepada YAM Tok Puan oleh ibu soko Puan Junaidah binti Mahadi.

Istiadat menjunjung kasih 7 nan 5 oleh YM Datok Samsura Pahlawan Mohd Ilmy bin Hj Mohd Zain dan Puan Isteri Hamidah binti Abg Ghani, ke bawah kaus YTM Datok Undang.

...Pembacaan riwayat hidup Datok Samsura Pahlawan Mohd Ilmy bin Hj Mohd Zain....

...Pelantikan penyandang pusaka Datok Samsura Pahlawan, Suku Mungkal Baruh dan penganugerahkan sebiah keris, watikah perlantikan dan sepersalinan pakaian kepada YM Datok Samasura Pahlawan....

(Acara pelantikan berulang untuk Datok Lembaga dan buapak daripada suku lain. Ucapan juruacara tidak berbeza dengan ucapan terdahulu.)

Turun istana menjunjung titah,  
turun balai menjunjung sabda,  
turun telatak membawa sembah.  
Sultan berdaulat bergelanggang berkhalifah,  
memerintah dari istana,  
pusaka undang, berkhalifah,  
berteromba, berlembaga,  
bersabda di balai.

Dengan itu, hamba Datok merafak sembah dan takzim menyembahsilakan ke bawah kaus YTM Datok Lela Maharaja Datok Hj Muhamad Sharip bin Hj Othman, Datok Undang Luak Rembau, menyampaikan ucap sabda. Dengan hormat dan takzimnya dipersilakan YTM Undang Datok.

...Sabda Undang....

Hamba Datok bagi pihak majlis, merakamkan setinggi junjungan kasih, kepada YTM Undang Datok, di atas ucap sabda sebentar tadi.

Kok salam dah berjawat,  
kok kata dah muafakat,  
kok runding dah bulat,  
kok hati dah lapang,  
kok bercakap sampai-sampai,  
kok berkata habis-habis.

Nan terkilan dah dilayang,  
nan diminta dah dapek,  
nan dituju dah sampai,  
nan dicari dah bertemu,  
kok sireh dah dikunyah,  
kok pinang dah digotak.

YTM Undang Datok, dengan berakhirnya istiadat merafak sembah menjunjung kasih sebentar tadi, maka berakhirlah istiadat menyalang Datok Lembaga dan Buapak Delapan Kampung pada hari ini. Dengan itu, diserulah YM Datok Merbangsa Azmi bin Ahmad mengadap YTM Datok Undang, mohon perkenan menutup istiadat.

...Ucapan Menutup Istiadat....  
Bukan lebah sebarang lebah,

lebah bersarang di pohon buluh,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah menyusun jari sepuluh.

YTM Undang Datok, hamba, Datok, menyusun jari sepuluh, memohon maaf, sekiranya ada tersalah bahasa, terlanjur kata, dan apa juar kekurangan serta kelemahan dalam menyempurnakan istiadat sebentar tadi.

Kepada semua yang hadir, saya juga memohon maaf kerana yang baik itu dari Allah dan yang kurang itu adalah kelemahan saya sendiri.

Sempena dengan istiadat ini, saya bagi pihak YTM Datok Undang dan YAM Tok Puan, Datok Lembaga serta warga Balai Undang Luak Rembau, merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang hadi meraikan dan memeriahkan istiadat ini. Tidak lupa juga, kepada pengurus dan ahli jawatan kuasa, jabatan dan agensi kerajaan, penyandang pusaka adat, anak buah, orang perseorangan serta semua yang menjayakan istiadat ini.

...Pengumuman....

Akhir kata:

Kalau ada jarum yang patah,  
jangan disimpan di dalam peti,  
kalau ada silap dan salah,  
jangan disimpan di dalam hati.

Kalau ada sumur di ladang,  
boleh kita menumpang mandi,  
kalau ada istiadat menyalang,  
boleh kita menyaksikan lagi.

Insya Allah.

Sekian. Assalamualaikaum dan salam sejahtera. Jumpa lagi.

(Sumber: Skrip ucapan juruacara yang disimpan di Balai Undang Luak Rembau)

## **Lampiran D: Pidato Adat dalam Majlis Adat Istiadat Menghantar-Menerima Tanda**

### **JBPP:**

Katung-katung berisi manik,  
manik berisi hampa padi,  
semua yang datang silalah naik,  
inilah air pembasuh kaki.

### **JBPL:**

Dari jauh ke permatang,  
tetak tangan papan kemudi,  
dari jauh kami datang,  
mendengar tuan yang baik budi.

### **JBPP:**

Tatang puan tatang cerana,  
tatang biduk Seri Rama,  
datang tuan datang bermakna,  
jemput naik duduk bersama.

### **JBPL:**

Anting manik subang pun manik,  
hilang dekat rumpun senduduk,  
suruh naik saya naik,  
suruh duduk saya duduk.

(Selepas berbual-bual untuk seketika, majlis pun dimulakan.)

### **JBPP:**

Datuk-Datuk, Bapak-Bapak, dan hadirin sekalian.  
Meranti dua batang,  
ditebang dua pemuka,  
yang dinanti sudah datang,  
silalah apa nak dikata.  
Pokok keduduk di tepi pagar,  
uratnya bersilang merata-rata,  
kita duduk di atas tikar,  
membilang adat dan pusaka.  
Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pokok nangka,  
sirih menguap,  
pinang menyembah,  
kerana adat dan pusaka.  
Silahkan Datuk.

### **JBPL:**

Sembah Datuk-Datuk, Bapak-Bapak, Abang-Abang, dan adik-adik sekalian.  
Rumah besar alangnya besar,  
rumah Datuk Perdana Menteri, kalau tidak hajat nan besar,

kami takkan sampai ke mari.  
Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah hinggap di pohon buluh,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah mengangkat jari sepuluh.  
Lebah hinggap di pohon buluh,  
terbang hingga di atas akar,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah adat dengan pusaka.  
Sembah Datuk,  
saya turun dari istanan nan tinggi,  
menjunjung titah,  
turun dari balai nan panjang,  
menjunjung sabda,  
turun dari rumah nan bertangga,  
kampung nan bersudut,  
menjunjung kata tempat semenda nan seadat.  
Sembah Datuk.  
Akan kedatangan kami ini dari kampung nan bersudut,  
rumah nan berkotak tangga,  
sawah nan berlopak,  
jenjang nan berderet,  
dalam perjalanan mana,  
jambatan dah diseberangi,  
pintu pagar dah dikuit,  
halaman dah ditempuhi,  
tangga dah dilangkahi,  
tikar dah kami duduki,  
maka sampailah saya ke teratak Datuk,  
mengikut arahan adat.  
Sembah Datuk.  
Oleh yang demikian Datuk,  
burung Belatuk dari seberang,  
hingga berempat di darat rumah,  
mohon saya ke Datuk nan garang,  
di mana tempat melalui sembah.  
Dan lagi Datuk.  
Kiri mangkuk kanan pun mangkuk,  
mangkuk mana nan dah pecah,  
kiri datuk kanan pun datuk,  
datuk mana yang hendak disembah.  
Cencang berlandas,  
melompat bersetumpuan,  
kok kata sepatah,  
kepada siapa nak dituju.  
Sembah Datuk.

**JBPP:**

Sembah Datuk.  
Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di atas atap,  
bukan sembah sebarang sembah,

sembah saya hendak bercakap.  
Kalau mengaji daripada alif,  
kalau membilang daripada esa,  
ambil kata kepada pangkal,  
ambil turusan kepada nan tua.  
Pohon mengkudu di tanah seberang,  
uratnya panjang hingga ke lembah,  
mohon saya ke Datuk nan garang,  
kepada Datuk ini haluan sembah.  
Sembah Datuk.

(Rundingan berlanjut sampai cincin tunang diterima oleh pihak perempuan. Selepas itu, tuan rumah menghidangkan sajian dan mempersilakan para tetamu menikmati hidangan melalui beberapa rangkap pantun berikut.)

**JBPP:**

Daun palas di tengah rumah,  
halia bercampur biji kepaya,  
lulus ikhlas tuan punya rumah,  
dia berwakil kepada saya.  
Jalan raya ke Batu Hampar,  
orang bergalah sambil menari,  
hidangan saya sudah terhampar,  
sudikanlah membasuh jari.  
Bunga Raya jangan dilempar,  
sarang lebah di cucur atap,  
hidangan saya sudah terhampar,  
saya menyembah minta disantap.  
Ayam hitam terbang ke bukit,  
singgah hinggap memakan dedak,  
nasi hitam lauk sedikit,  
entah sedap entah tidak.

(Sumber: Ucapan Adat Istiadat Menghantar-Menerima Tanda dikutip daripada *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan* yang disusun oleh Norhalim Haji Ibrahim (Seremban, 2007).

## **Lampiran E: Informan**

### **Informan Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota**

1. Nama : Syafri Mawin Sutan Mudo  
Jantina : Lelaki  
Umur : 61 Tahun  
Asal : Nagari Batuhampar  
Pekerjaan : Petani  
Suku : Sikumbang
  
2. Nama : Nirwazi  
Jantina : Petani  
Umur : 59 Tahun  
Asal : Nagari Batuhampar  
Pekerjaan : Petani  
Suku : Kuti Anyir
  
3. Nama : Dewi Nofianti  
Jantina : Prempuan  
Umur : 37 Tahun  
Asal : Nagari Batuhampar  
Pekerjaan : Suri Rumah  
Suku : Kuti Anyir

### **Informan Daerah Rembau**

1. Nama : Mariam binti Rahmat  
Jantina : Perempuan  
Umur : 80 tahun  
Asal : Kampung Batu Hampar Mukim Batuhampar  
Pekerjaan : Suri Rumah  
Suku : Seri Malanggang
  
2. Nama : Rokiah binti Simak  
Jantina : Perempuan  
Umur : 60 tahun  
Asal : Kampung Batu Hampar Mukim Batuhampar  
Pekerjaan : Suri Rumah  
Suku : Seri Malanggang
  
3. Nama : Noriah binti Jamaluddin  
Jantina : Perempuan  
Umur : 75 tahun  
Kampung : Kampung Batu Hampar Mukim Batuhampar  
Pekerjaan : Suri Rumah  
Suku : Seri Malanggang

## **Lampiran F: Senarai Penerbitan dan Kertas Kerja yang Telah Dibentang**

### **PENERBITAN**

1. “Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Perbandingan Linguistik Historis Komparatif” dalam Jurnal *Wacana Etnik* Vol.3, No.2, 2012.
2. “Karakteristik Bahasa Indonesia Orang Minangkabau” dalam Jurnal *Adabiyyat*, Vol.XII No. 1, Juni 2013.
3. “Pantun dan Pepatah Petitih Minangkabau Berleksikon Flora dan Fauna” dalam Jurnal *Adabiyyat*, Volume XIII, No. Desember 2014.
4. “Penggunaan Kata Sapaan Separa Rasmi di Kabupaten Lima Puluh Kota dan Daerah Rembau: Suatu Kajian Perbandingan” dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Jilid 26 tahun 2015.
5. “Perbandingan Kata Sapaan Rasmi Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan” dalam *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Brunei tahun 2015.

### **KERTAS KERJA**

1. “Perbandingan Kata Sapaan Rasmi Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan” dalam *The 8<sup>th</sup> International Conference On Indonesia-Malaysia Relations* yang akan berlangsung pada tanggal 23-25 September 2014 di Universitas Lancang Kuning, Pekanbaru.
2. “Kata Sapaan Rasmi Dialek Negeri Sembilan” dalam *Seminar Nasional Kajian Bahasa, Sastra, dan Budaya dari Berbagai Perspektif di Era Globalisasi untuk Meningkatkan Potensi Diri dan Masa Depan* di Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas di Padang pada 13 Mai 2014.
3. “Dialek Negeri Sembilan: Kajian Rekonstruksi Jejak Keminangkabuan” dalam *Seminar Kebangsaan Isu Ketamadunan dan Cabaran Semasa (SIKCAS)* di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia pada 27 November 2013.